

Bil. 12

Khamis  
11 Julai 2013



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**



## K A N D U N G A N

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 18)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong - <i>Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah (Lenggong)</i>	(Halaman 18)



**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] - UMNO
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N. [Kuala Krau] - UMNO

**MENTERI**

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan I, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Orang Kaya Indera Shah Bandar, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan) – UMNO
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan I, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. [Cameron Highlands] - MIC
4. “ Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. [Padang Rengas] - UMNO
5. “ Menteri Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO
6. “ Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P. [Sembrong] - UMNO  
*[memangku]*
7. “ Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K, D.S.A.P, D.M.S.M., J.P. [Semporna] - UMNO
8. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa Mohamed [Jeli] - UMNO
9. “ Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kota Marudu] - PBS
10. “ Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato Sri Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.M.N., A.B.S. [Betong] - PBB
11. “ Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K. [Bagan Datok] - UMNO
12. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek [Kemaman] - UMNO
13. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, P.J.N., K.M.N., P.J.K. [Segamat] - MIC
14. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] - UMNO
15. “ Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah, S.P.M.P., D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. [Tambun] - UMNO

16. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Haji Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Kimanis] - UMNO
17. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. [Jerai] - UMNO
18. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala - *Senator*
19. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup, P.G.D.K., S.P.D.K., P.S.M., J.P. [Pensiangan] - PBRB
20. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Joseph Entulu anak Belaun, P.P.D., P.B.S. [Selangau] - PRS
21. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B. [Batang Lupar] - PBB
22. “ Menteri Kerja Raya, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S. [Petrajaya] - PBB
23. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., D.S.A.P. [Kuala Pilah] - UMNO
24. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. [Serian] - SUPP
25. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] - UMNO
26. “ Menteri Pendidikan II, Dato' Seri Haji Idris Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
27. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau] - UMNO
28. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, **Dato' Sri** Abdul Wahid Omar - *Senator*
29. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low Seng Kwan - *Senator*
30. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] - UMNO
31. “ Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. [Kota Belud] - UMNO
32. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Nancy binti Shukri, K.M.N. [Batang Sadong] - PBB
33. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin, P.G.D.K. [Ranau] - UPKO

### **TIMBALAN MENTERI**

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Dato' Noriah binti Kasnon, D.P.S.M., D.S.A.P., S.M.S., P.J.K. [Sungai Besar] - UMNO
2. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Saravanan a/l Murugan [Tapah] - MIC
3. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] - UMNO
4. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Abdul Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] - UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, A.D.K., A.S.D.K., J.P., P.G.D.K. [Papar] - UMNO

6. Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Razali bin Ibrahim, D.I.M.P., P.K.C. [Muar] - UMNO
7. “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] - UMNO
8. “ Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. [Mambong] - PBB
9. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M. [Santubong] - PBB
10. “ Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Seri Mahdzir Khalid [Padang Terap] - UMNO
11. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun [Beaufort] - UMNO
12. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya [Balik Pulau] - UMNO
13. “ Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. [Tenggara] - UMNO
14. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi, P.J.N., A.M.N., P.I.S. [Sri Gading] - UMNO
15. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah - *Senator*
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
17. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy Ponnusamy - *Senator*
18. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] - UMNO
19. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri, K.M.N., P.P.N. [Ledang] - UMNO
20. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan, K.M.N., P.J.K. [Hulu Selangor] - MIC
21. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato' Jailani bin Johari, D.S.M.Z., D.I.M.P. [Hulu Terengganu] - UMNO
22. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., J.P. [Tawau] - PBS
23. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib, , S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P. [Maran] - UMNO
24. “ Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] - PBB
25. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, D.M.S.M. [Tangga Batu] - UMNO
26. “ Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, [kosong]

**AHLI-AHLI (BN)**

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang, P.J.N. [Kanowit] - PRS
2. “ Dato’ Abd. Aziz Sheikh Fadzir, D.S.M.S. [Kulim-Bandar Baharu] - UMNO
3. “ Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] - UMNO
4. “ Datuk Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P. [Baling] - UMNO
5. “ Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh, P.G.D.K., J.P. [Kalabakan] - UMNO
6. “ Dato’ Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. [Paya Besar] - UMNO
7. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] - UMNO
8. “ Datuk Haji Abdul Wahab bin Haji Dolah, J.B.K., P.G.B.K [Igan] - PBB
9. “ Dato’ Ahmad Fauzi Zahari, D.P.T.J. [Setiawangsa] - UMNO
10. “ Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. [Jasin] - UMNO
11. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N. [Machang] - UMNO
12. “ Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang, J.B.K., P.B.S., A.B.S. [Sibuti] - PBB
13. “ Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] - UMNO
14. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] - UMNO
15. “ Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang] - UMNO
16. “ Tuan Anyi Ngau [Baram] - SPDP
17. “ Dato’ Sri Azalina Dato’ Othman Said, D.P.M.K. [Pengerang] - UMNO
18. “ Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K. [Kinabatangan] - UMNO
19. “ Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh, A.M.N., P.S.K. [Setiu] - UMNO
20. “ Datuk Chua Tee Yong, D.P.S.M. [Labis] - MCA
21. “ Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur, P.G.D.K. [Silam] - UMNO
22. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] - PBB
23. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] - UMNO
24. “ Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] - PBB
25. “ Dato’ Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P [Tanah Merah] - UMNO
26. “ Dato’ Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim, D.I.M.P., J.M.N., K.M.N., B.C.M., P.B.B., P.J.P., J.P. [Kuala Selangor] - UMNO
27. “ Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] - UMNO
28. “ Dato’ Sri Dr. Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, S.S.A.P., D.I.M.P., S.A.P., S.I.M.P., S.P.M.P. [Rompin] - UMNO
29. “ Datuk Johari bin Abdul Ghani, P.J.N., D.S.I.S. [Titiwangsa] - UMNO
30. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.M.N., J.P., S.P.D.K., S.S.A.P., P.N.B.S., P.G.D.K. [Keningau] - PBS
31. “ Datuk Joseph Salang anak Gandum, D.S.P.N., A.M.N. [Julau] - PRS
32. “ Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar] - UMNO
33. “ Datuk Juslie bin Haji Ajirol, P.G.D.K., A.S.D.K. [Libaran] - UMNO



34. Yang Berhormat Datuk Koh Nai Kwong, D.M.S.M., D.S.M., B.C.M., P.J.K. [Alor Gajah] - MCA
35. “ Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau] - MCA
36. “ Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] - GERAKAN
37. “ Datin Linda Tsen Thau Lin, J.M.N. [Batu Sapi] - PBS
38. “ Datuk Madius bin Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K. [Tuaran] - UPKO
39. “ Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]
40. “ Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. [Putatan] - UPKO
41. “ Puan Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B. [Masjid Tanah] - UMNO
42. “ Tuan Masir Kujat, P.P.B. [Sri Aman] - PRS
43. “ Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh, P.J.K. [Sabak Bernam] - UMNO
44. “ Tan Sri Mohd. Isa bin Abdul Samad, S.U.M.W., S.P.N.S., P.S.M., D.S.N.S., P.M.C. [Jempol] - UMNO
45. “ Dato’ Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., J.P., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K. [Kubang Pasu] - UMNO
46. “ Dato’ Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. [Parit] - UMNO
47. “ Dato’ Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. [Mukah] - PBB
48. “ Dato’ Ir. Nawawi bin Ahmad, D.S.D.K., A.M.K., B.K.M. [Langkawi] - UMNO
49. “ Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading] - SPDP
50. “ Datuk Seri Haji Noh bin Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] - UMNO
51. “ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] - UMNO
52. “ Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid, D.P.S.M. [Kota Tinggi] - UMNO
53. “ Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis] - PBB
54. “ Dato’ Noraini binti Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] - UMNO
55. “ Puan Hajah Normala binti Abdul Samad, A.M.N. [Pasir Gudang] - UMNO
56. “ Datuk Nur Jazlan bin Mohamed, P.G.D.K. [Pulai] - UMNO
57. “ Datuk Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. [Tanjong Malim] - MCA
58. “ Dato’ Wira Othman bin Abdul, D.G.M.K., D.S.S.A., S.D.K., A.M.K. [Pendang] - UMNO
59. “ Dato’ Othman bin Aziz, D.S.D.K., B.K.M., A.S.K. [Jerlun] - UMNO
60. “ Datuk Raime Unggi, P.G.D.K. [Tenom] - UMNO
61. “ Datuk Seri Reezal Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] - UMNO
62. “ Tuan Rozman bin Isli, K.M.W, P.P.N [Labuan] - UMNO
63. “ Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] - PBB

64. Yang Berhormat Datuk Sapawi bin Haji Ahmad, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P. [Sipitang] – UMNO
65. “ Dato’ Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P. [Bentong] - MCA
66. “ Tuan Shabudin bin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] - UMNO
67. “ Ir. Shahrudin bin Ismail, P.M.P., P.J.K. [Kangar] - UMNO
68. “ Tan Sri Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad, P.S.M., S.U.M.W. [Johor Bahru] - UMNO
69. ” Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
70. “ Datuk Seri Shaziman bin Abu Mansor, D.G.S.M., D.S.A.P., D.S.N.S. [Tampin] - UMNO
71. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] - UMNO
72. “ Dato’ Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P. [Bintulu] - SPDP
73. “ Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang] - PRS
74. “ Dato’ Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, D.P.M.P., A.M.P. [Kuala Kangsar] - UMNO
75. “ Datuk Wee Jeck Seng, D.M.S.M. [Tanjong Piai] - MCA
76. “ Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. [Ayer Hitam] - MCA
77. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. [Lubok Antu] - PRS
78. “ Tan Sri William Mawan Ikom, P.S.M., P.N.B.S., P.G.B.K., A.M.N., P.B.S [Saratok] - SPDP
79. “ Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] - UMNO
80. “ Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail, A.N.S., P.M.C., P.J.K. [Jelebu] - UMNO

#### **AHLI-AHLI (PKR)**

1. Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato’ Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, P.S.M., D.P.M.S., D.S.A.P. [Bandar Tun Razak]
2. Yang Berhormat Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]
3. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]
4. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]
5. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]
6. “ Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]
7. “ Dato’ Fauzi bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. [Indera Mahkota]
8. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]
9. “ Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]
10. “ Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]
11. “ Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]
12. “ Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]
13. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani]
14. “ Dato’ Kamarul Baharin bin Abbas, D.S.S.A. [Telok Kemang]
15. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]

16. Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]
17. “ Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]
18. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri]
19. “ Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid, P.A.T., P.C.M., S.M.S., A.C.M., A.M.S., K.M.N., K.A.T., P.P.A., P.P.P. [Lumut]
20. “ Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
21. “ Datuk Mohd Idris bin Jusri, A.M.N., A.M.S., D.S.M., D.M.S.M. [Batu Pahat]
22. “ Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]
23. “ Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]
24. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]
25. “ Tuan R. Sivarasa [Subang]
26. “ Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]
27. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
28. “ Dato' Dr. Tan Kee Kwong, D.M.P.M. [Wangsa Maju]
29. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
30. “ Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]
31. “ Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]

**AHLI-AHLI (DAP)**

1. Yang Berhormat Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]
2. “ Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]
3. “ Tuan Er Teck Hwa [Bakri]
4. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]
5. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]
6. “ Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]
7. “ Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]
8. “ Tuan Ko Chung Sen [Kampar]
9. “ Tuan Liew Chin Tong [Kluang]
10. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan]
11. “ Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah]
12. “ Tuan Lim Lip Eng [Segambut]
13. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban]
14. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]
15. “ Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]
16. “ Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]
17. “ Tuan Nga Kor Ming [Taiping]
18. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas]
19. “ Dr. Ong Kian Ming [Serdang]

20. Yang Berhormat Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]
21. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]
22. “ Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]
23. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]
24. “ Tuan Seah Leong Peng [Telok Intan]
25. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]
26. “ Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]
27. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]
28. “ Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]
29. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras]
30. “ Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
31. “ Tuan Teo Kok Seong [Rasah]
32. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai]
33. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]
34. “ Tuan Wong Ling Biu [Sarikei]
35. “ Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]
36. “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]
37. “ Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]

**AHLI-AHLI (PAS)**

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]
2. “ Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]
3. “ Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]
4. “ Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]
5. “ Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]
6. “ Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]
7. “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Tumpat]
8. “ Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]
9. “ Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena]
10. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]
11. “ Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]
12. “ Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P. [Kuala Nerus]
13. “ Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]
14. “ Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]
15. “ Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad, D.J.M.K [Pasir Puteh]
16. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas]
17. “ Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah, D.P.M.T [Kuala Terengganu]
18. “ Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]
19. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]
20. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
21. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd. Ramli [Dungun]

**DEWAN RAKYAT**

**Ketua Pentadbir Parlimen**  
Dato' Lamien bin Sawiyo

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Roosme binti Hamzah

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**  
Encik Che Seman bin Pachik

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd Hassan  
Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail  
Suriyani binti Mohd. Noh  
Aisyah binti Razki  
Yoogeswari a/p Muniandy  
Nor Liyana binti Ahmad  
Zatul Hijanah binti Yahya  
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir  
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan  
Hafilah binti Hamid  
Siti Norhazarina binti Ali  
Mulyati binti Kamarudin  
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan  
Azmir bin Mohd Salleh  
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir  
Noraidah binti Manaf  
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa  
Nor Kamsiah binti Asmad  
Siti Zubaidah binti Karim  
Aifarina binti Azaman  
Noorfazilah binti Talib  
Farah Asyraf binti Khairul Anuar  
Julia binti Mohd. Johari  
Syahila binti Ab Mohd Khalid  
Siti Norlina binti Ahmad  
Hazwani Zarifah binti Anas  
Siti Aishah binti Md. Nasir



**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL PERTAMA**  
**MESYUARAT PERTAMA**  
**Khamis, 11 Julai 2013**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah status Penilaian Alam Sekitar (EIA) terhadap Kuo Kuang Petrochemical Malaysia Sdn. Bhd. yang bercadang melabur di Projek RAPID Pengerang. Adakah syarikat Daya Eco Techno dilantik menjadi perunding alam sekitar syarikat tersebut dengan pengetahuan Jabatan Alam Sekitar.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat berpuasa. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pengerang, projek tersebut dicadangkan dibangunkan oleh Kuo Kuang Petrochemical Technology Company Limited ataupun nama singkatnya KPTC dari Taiwan. Bagi pembinaan sebuah kompleks bersepadu petroleum di dalam kawasan yang telah dikenal pasti untuk pembangunan hab minyak, gas dan petrokimia di Pengerang, Johor. iaitu *Pengerang Integrated Petroleum Complex (PIPC)*.

Pembangunan hab minyak, gas dan petrokimia adalah di bawah Program Transformasi Ekonomi ataupun ETP yang dikenal pasti oleh kerajaan dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Laporan EIA terperinci ataupun *Detail Environmental Impact Assessment* atau DEIA bagi cadangan projek ini telah disediakan oleh perunding EIA, Daya Eco Techno Sdn. Bhd. dan telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 27 Mei 2013. Laporan tersebut sedang diproses dan disemak oleh Jabatan Alam Sekitar.

Laporan EIA terperinci tersebut juga dipamerkan kepada orang awam di pusat-pusat pameran yang strategik bermula daripada 30 Mei hingga 28 Jun 2013 dalam tempoh sebulan. Ia juga boleh dimuat turun daripada laman web Jabatan Alam Sekitar. Orang awam boleh merujuk kepada laporan EIA terperinci tersebut untuk ulasan dan maklum balas kepada Jabatan Alam Sekitar. Perunding EIA bagi cadangan projek petrokimia ini iaitu Daya Eco Techno Sdn. Bhd. adalah terdiri daripada sekumpulan jururunding EIA yang berdaftar dan diiktiraf oleh Jabatan Alam Sekitar. Oleh itu syarikat tersebut sememangnya di bawah pengetahuan Jabatan Alam Sekitar.

Kementerian saya melalui Jabatan Alam Sekitar akan sentiasa memastikan laporan EIA yang dikemukakan oleh pemaju projek dan perunding EIA adalah berkualiti dan sah, mengandungi ramalan impak serta cadangan langkah kawalan yang berkesan. Laporan DEIA ini mengandungi data-data dan maklumat yang diperolehi daripada lapangan di tapak projek. Penganalisis untuk ramalan impak dan cadangan langkah-langkah kawalan terhasil daripada analisis data-data dan maklumat daripada lapangan. Sekian terima kasih.

**Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said [Pengerang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan. Walau bagaimanapun, saya ingin menanyakan lebih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tersebut dengan menyatakan secara *detail* dengan izin, apakah standard ataupun piawaian yang diguna pakai dan ditetapkan dalam kaedah penilaian awal kesan persekitaran ataupun dengan izin EIA terhadap syarikat tersebut yang sedang bercadang untuk melabur di dalam Projek RAPID. Terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Piawaian yang diguna pakai untuk projek-projek tersebut ada dua kategori. Pertama adalah piawaian negara kita sendiri yang sememangnya ada garis panduan di Jabatan Alam Sekitar. Kedua adalah piawaian antarabangsa yang menjadi rujukan juga. Ini kerana, apa yang kita mahu juga adalah untuk membandingkan piawaian kita dengan piawaian antarabangsa, oleh itu kedua-duanya memang dirujuk untuk diguna pakai.

#### ■1010

Di dalam projek ini, bilangan pakar runding EIA ini adalah 1,098 orang untuk *Quantitative Risk Analysis* kerana di dalam projek seperti ini *Quantitative Risk Analysis* untuk keselamatan dan kesihatan adalah penting, 47 orang. Selain daripada itu, terdapat juga 84 *chemical process expert* yang juga menjalankan kajian EIA bersama-sama mereka ini untuk mendapat maklumat terperinci. Selepas itu membuat laporan sememangnya yang berkualiti dan sah untuk dinilai oleh panel penilaian yang telah pun dilantik oleh Jabatan Alam Sekitar.

Ahli-ahli panel penilaian juga merangkumi pakar-pakar daripada luar termasuk daripada NGO juga dan juga pakar-pakar daripada agensi-agensi yang berkaitan. Semua panel penilaian ini nanti apabila sudah tiba masanya selepas laporan itu diproses akan mengadakan mesyuarat dan digabungkan di dalam penilaian ini adalah komen-komen juga daripada pihak-pihak yang sudah pun membaca dan menilai laporan ini. Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak pastilah sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah baca ini laporan DEIA. Akan tetapi saya di sini ada salinan. Menurut laporan ini yang menyatakan di muka surat E(5), *I quote, "The proposed KPTC is estimated to bring in a foreign investment of approximately RM40 billion and it is expected to contribute approximately RM40,000 million to the national annual revenues upon full operation. An estimate of around 40,000 employment is expected during the construction stage and approximately 3,000 employment opportunity during the operation of the project"*.

Ini adalah yang tertulis di dalam laporan ini. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kita semua orang tahu di sini KPTC ini pada mulanya mereka hendak mendirikan kilang mereka di Taiwan. Syarikat ini dari Taiwan dan mereka berhasrat untuk mendirikan kilang ini di Taiwan. Akan tetapi projek ini telah ditolak oleh penduduk dan juga kerajaan di Taiwan.

Saya hendak nyatakan di sini sekiranya memang projek ini mendatangkan begitu banyak *revenue, income* atau pendapatan kepada negara kita dan boleh mewujudkan begitu banyak peluang untuk pekerjaan, untuk orang tempatan, kenapa orang Taiwan dan juga Kerajaan Taiwan menolak projek ini.

Saya tahu di Taiwan mereka pun sudah buat beberapa DEIA terhadap projek ini. Saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri kita ada rancangan untuk buat satu *comparison* dengan DEIA yang kita buat di Malaysia dan juga DEIA yang dibuat di Taiwan supaya kita boleh tahu bahawa sebab-sebab orang Taiwan, Kerajaan Taiwan menolak projek ini dan kesan yang buruk ini tidak akan berlaku di Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai kerana sememangnya teringin untuk menjaga kualiti alam sekitar di negara kita. Saya berharap bukan sahaja untuk projek ini tetapi untuk projek yang lain kerana kualiti alam sekitar adalah penting untuk rakyat di negara kita.

Projek ini seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi dipetik daripada Laporan EIA memang akan membawa banyak manfaat sama ada kepada rakyat tempatan ataupun kepada negara kita daripada penjana ekonomi ataupun pertumbuhan ekonomi



negara. Kenapa Taiwan, rakyat Taiwan yang berhampiran di tapak cadangan projek itu di Taiwan dan Kerajaan Taiwan menolak ini. Inilah kepentingan EIA untuk mengenal pasti impak-impak yang negatif yang amat tertinggi. Jadi kalau DEIA sudah buat untuk setiap projek di dalam negara kita, kalau Laporan DEIA selepas penganalisa mengenal pasti bahawa daripada segi kualiti alam sekitar, daripada segi kerosakan alam sekitar dan sebagainya sememangnya tidak dapat dikawal maka ini adalah satu rekomendasi. Itulah sebabnya ada panel penilaian nanti di bawah Jabatan Alam Sekitar akan menilai semuanya ini supaya kita boleh bandingkan dengan DEIA yang telah pun dibuat di Taiwan.

Seperti mana yang saya sedia maklum di Taiwan, tapak yang dipilih untuk syarikat ini adalah satu kawasan yang kecil. Ianya di tepi laut dalam dekat tebing, situ laut dalam. Di situ adalah satu tapak untuk *conservation of dolphins* di situ sebab apabila tapak itu di Taiwan diguna pakai, sudah tentu jeti atau pelabuhan nanti akan dibuat dan dimasukkan. Tidak tahulah jauhnya tebing hingga ke laut itu.

Jadi kalau itu tapak *conservation of dolphins* sememangnya tidak bagus untuk *conservation*. Jadi perbandingan nanti memang panel penilaian akan buat juga dengan DEIA daripada Taiwan juga. Sekian, terima kasih.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut soal piawaian yang ada diguna pakai untuk projek ini iaitu:

- (i) piawaian *local*; dan
- (ii) *international standard*.

Soalan saya, apakah terdapat perbezaan yang begitu ketara di antara piawaian yang digunakan untuk *local* dan juga untuk *international standard* dalam projek ini?

**Dato' Dr. James Dawos Mamit:** Di dalam setiap projek yang ada kaitan dengan pencemaran alam sekitar, semua media alam sekitar ataupun *environmental media* ataupun *environmental elements* kita ada standard sendiri. Kita juga ikut standard antarabangsa dalam semua projek termasuk juga projek ini.

Pertamanya pencemaran udara, ini kita akan bandingkan *senate* kita dengan *senate* antarabangsa dan apa kata *hub* pencemaran udara nanti. Kedua, pencemaran air. Kedua-dua ini adalah penting. Ketiga, untuk *Quantitative Risk Analysis*. Berapa jauh daripada penduduk agar sekiranya ada *accident* di dalam loji seperti ini sama ada mereka selamat atau tidak.

Jadi ini semuanya dirujukkan di dalam standard kita dan standard antarabangsa. Selain daripada itu penilaian *Naturally Occurring Radioactive Materials (NORM)* ini juga kita akan banding dengan piawaian peringkat antarabangsa dengan peringkat kita. Hasil daripada kajian inilah yang akan memberi kita maklumat yang lebih tepat lagi supaya langkah-langkah kawalan boleh diperkuatkan daripada maklumat-maklumat dan data-data yang diperoleh. Terima kasih Yang Berhormat.

#### ■1020

**2. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bilangan pendatang dengan dan tanpa izin dan bilangan pekerja warganegara. Apakah dasar kementerian mengenai pendatang dan langkah-langkah jangka pendek dan panjang.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, salam berpuasa dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya daripada Kepong. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk bekerja warganegara Malaysia dalam sektor swasta adalah seramai 6.5 juta orang. Sementara itu terdapat seramai 1,525,944 orang pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen sehingga Mac 2013. Bagi pendatang asing tanpa izin

(PATI) pula, mengikut statistik daripada Kementerian Dalam Negeri sehingga Ogos 2012 terdapat seramai 1,303,126 orang.

Kadar pengangguran di Malaysia yang direkodkan bagi tahun 2012 adalah sebanyak 3.0% dan ini menunjukkan ekonomi negara berada pada tahap penuh. Kebergantungan negara terhadap pekerja asing adalah bersifat sementara dan keutamaan pengajian adalah kepada pekerja tempatan. Kebanyakan pekerja asing yang diambil bekerja tertumpu dalam bidang pekerjaan 3D (*dirty, dangerous dan difficult*) yang tidak kurang digemari dan tidak ataupun kurang digemari oleh pekerja tempatan terutama dalam sektor pembuatan, pembinaan dan pertanian. Namun kerajaan sentiasa berusaha dalam memastikan pekerja tempatan tidak dipinggirkan dan dinafikan hak mereka untuk bekerja di dalam sektor-sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dan menggalakkan pekerja tempatan untuk bekerja di sektor-sektor ini, kerajaan telah merangka beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut. Dasar kerajaan pekerja asing yang pertamanya ialah Program 6P. Program 6P ini melibatkan 6 peringkat iaitu pendaftaran, pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan, pengusiran, yang dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri, bukan tugas Kementerian Sumber Manusia tetapi Kementerian Dalam Negeri.

Inilah pendekatan yang diambil oleh kerajaan. Program ini bertujuan mendapatkan data serta biometrik pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini sekali gus juga mendapatkan statistik jumlah mereka di Malaysia, memantapkan pengurusan warga asing di negara ini termasuk kawalan keluar masuk yang sekali gus juga membolehkan lokasi penempatan mereka dikenal pasti dan membetulkan persepsi negatif rakyat terhadap kerajaan yang cenderung disalah anggap sebagai tidak bertindak tegas terhadap PATI. Program 6P juga membolehkan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang dilakukan secara besar-besaran.

Tuan Yang di-Pertua, manakala langkah-langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah pekerja asing ialah seperti berikut. Program penempatan pekerjaan. Program penempatan pekerjaan (3P) ini diadakan bagi mencari seramai boleh tenaga kerja di kalangan warga tempatan. Pada masa sekarang sebanyak 12 aktiviti telah dikenal pasti dan dilaksanakan oleh kementerian. Pada tahun 2012, seramai 218,588 orang berjaya dibuat penempatan. Sehingga Jun 2013 pula, seramai 73,769 orang telah berjaya ditempatkan ke pasaran pekerjaan dan bilangan mereka adalah – boleh saya berikan *detailnya* kemudian.

Langkah-langkah jangka panjang untuk mengatasi masalah pekerja asing ialah:

- (i) Pelaksanaan gaji minimum. Melalui pelaksanaan gaji minimum dijangka dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing kurang mahir dan majikan yang kurang cenderung untuk menggaji pekerja tempatan. Sekiranya dasar gaji minimum hanya dilaksanakan kepada pekerja tempatan sahaja dan diketepikan pemakaiannya kepada pekerja asing adalah dikhuatiri bahawa majikan akan sentiasa mencari jalan untuk meneruskan pengambilan pekerja asing;
- (ii) Automasi. Di sektor perladangan kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi automasi seperti mesin cantas, alat pembungkusan secara mekanikal dan struktur, struktur jaring kalis serangga untuk aktiviti pembungkusan buah. Di bidang pembuatan, kerajaan menggalakkan penggunaan automasi mesin bagi mengurangkan penggunaan tenaga kerja. Sistem *self service* di sektor perkhidmatan, urusan perbankan telah dipermudahkan melalui khidmat ATM, sistem *online banking, self service* di stesen minyak dan di *outlet* makanan;
- (iii) *Industrialised Building System* (IBS). Di sektor pembinaan kerajaan menggalakkan penggunaan teknologi berasaskan *Industrialised Building System* (IBS) bagi mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing di samping meningkatkan kualiti dan produktiviti pembinaan, menyeragamkan reka bentuk dan mempercepatkan tempoh pembinaan;

- (iv) Meningkatkan bayaran upah. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja (JTK) mengadakan rundingan dengan majikan supaya bayaran upah yang lebih tinggi dan lain-lain kemudahan ditawarkan kepada pekerja sebagai tarikan kepada pekerja tempatan. Rundingan berkenaan dijalankan melalui aktiviti pemeriksaan berkanun, tapisan permohonan pekerja asing dan sebagainya; dan
- (v) Penempatan industri pembuatan dan perkilangan. *Latent Workforce*, membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor-sektor yang mempunyai bekalan tenaga kerja tempatan yang mencukupi, memastikan bekalan pekerja asing adalah mengikut keperluan industri sahaja.

Inilah antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan oleh kementerian. Langkah jangka panjang dan juga langkah jangka pendek dalam kita mengatasi masalah pekerja asing. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang jawapan penjawabnya itu pandai bermilyak. Oh! Pandai menggunakan sesuatu yang tidak baik.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Iaitu pandai bermilyak. Itu peribahasa bahasa Malaysia kitalah dan yang tulen. Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa apa yang disebutkan sebagai sementara ialah sementara untuk selama-lamanya?

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Sejak 20 tahun yang lampau bermulanya masalah ini. Adakah Yang Berhormat buat kajian mengenai bilangan PATI misalnya ataupun PATI yang menjadi peniaga di negara ini seperti di Jalan Silang, Kuala Lumpur dan pelbagai tempat. Bilangan sekarang menjadi pengilang, peladang dan sebagainya. Adakah kajian mengenai implikasi dan *consequence* yang menyeluruh yang akan melanda negara ini?

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Kepong, sahabat saya. Saya ucapkan terima kasih kerana mengambil perhatian yang cukup baik tentang masalah pekerja asing di negara kita ini. Sebagaimana seperti yang saya sebutkan awal tadi, kita mempunyai pekerja swasta warganegara ialah 6.5 juta orang. Manakala pekerja asing yang *legal* adalah 1.5 juta orang dan pendatang asing tanpa izin ialah 1.3 juta orang.

#### ■1030

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang pihak kerajaan menjalankan kajian-kajian berterusan. Selagi kita ada pekerja, selagi itu kajian perlu kita jalankan. Walau bagaimanapun, sedikit demi sedikit masalah-masalah dapat diselesaikan. Oleh sebab itulah dalam kita menentukan supaya pekerja pendatang asing ini tidak datang dengan begitu mudah ke negara kita, kita mengambil beberapa langkah dalam memastikan supaya pembekuan pengambilan pekerja asing dalam sektor-sektor yang mempunyai bekalan tenaga kerja tempatan yang mencukupi. Ini antara langkah yang kita ambil.

Membekukan pengambilan pekerja asing dalam sektor perkhidmatan kecuali dalam sub sektor tukang masak, pekerja pembersihan, pencucian dan pekerja *resort* peranginan. Kita juga kerajaan memastikan bekalan pekerja asing adalah mengikut keperluan industri sahaja. Ini langkah yang diambil kerajaan. Kerajaan melalui kes Kementerian Sumber Manusia dan KDN memastikan prosedur pengambilan pekerja asing dibuat hanya setelah peluang pekerjaan tersebut ditawarkan kepada pekerja tempatan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, memang jadi masalah kepada kita di mana-mana negara pekerja asing ini. Akan tetapi usaha dibuat oleh kerajaan termasuklah 6P yang saya sebutkan tadi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia sendiri bagi kita memastikan supaya pekerja asing ini kita hendak supaya sementara sahaja di negara kita dan kita hendakkan supaya lebih ramai pekerja tempatan mengambil alih kerja-kerja yang berada di negara kita ini. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam sektor pembinaan yang begitu sekarang ini, terdapat ramai pekerja-pekerja asing separuh mahir dan juga tidak mahir terlibat dalam sektor ini. Ramai juga pekerja-pekerja ini tidak memiliki kad pendaftaran pekerja iaitu kad hijau (*green card*) dengan izin, yang dikeluarkan oleh CIDB.

Jadi Kuala Kangsar ingin bertanya, apakah perancangan kerajaan dalam menangani isu ini supaya kad hijau ini dapat dikeluarkan dan juga menyelesaikan masalah ini seperti mana yang telah didedahkan oleh CIDB baru-baru ini. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebutkan tadi langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang diambil oleh kerajaan. Oleh sebab itulah saya bersetuju dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Memang kita tidak nafikan ramai pekerja-pekerja asing yang tanpa izin ini akan bekerja di projek-projek *construction* ini di mana-mana sama ada di bandar-bandar dan juga di luar bandar.

Oleh sebab itulah kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri telah melaksanakan program 6P iaitu yang telah pun saya sebutkan tadi yang membawa maksud pemutihan, pengampunan, pemantauan, penguatkuasaan dan juga pengusiran. Hasil daripada kerja ini, tindakan ini, 6P ini walaupun ini tugas Kementerian Dalam Negeri, tetapi saya bolehlah sebutkan secara kasar di sini ialah kita telah dapat memutihkan seramai 556,055 orang PATI yang telah diputihkan. Jadi, saya tidak mahu mengambil tanggungjawab yang lebih Tuan Yang di-Pertua kerana ini adalah tugas Kementerian Dalam Negeri. Jadi *insya-Allah* saya bawa apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi dan kita akan mencari jalan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri dan pihak-pihak yang berwajib bagi kita memastikan supaya pekerja tempatan diberi peluang yang lebih berbanding dengan pekerja asing.

Oleh sebab itulah kementerian berharap supaya kita sebagai pemimpin Ahli-ahli Parlimen, Ahli Yang Berhormat sekalian marilah sama-sama kita mengajak anak-anak muda kita memberikan semangat kepada mereka supaya kita sama-sama mengambil peluang melalui negara kita yang cukup aman makmur ini dan membolehkan anak-anak tempatan kita mencari kekayaan di negara kita sendiri. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]:** Tuan Yang di-Pertua, minta satu.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk soalan tambahan yang ketiga. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut statistik yang dibuat oleh Menteri Dalam Negeri, 6P dibelanjakan RM5 juta. Dewan meluluskan *machinery* dan sebagainya untuk memastikan pekerja asing tanpa izin ini dikenal pasti dan dibersihkan dan dicucikan dan diberikan peluang untuk bekerja di sini. Daripada 1,015,852, hanya RM503,161 yang berjaya dibuat. Alasannya ialah kerana ketidaksanggupan daripada Kementerian Dalam Negeri untuk mencari penyelesaian atas PATI ini.

Soalan saya ialah apabila kita melihat daripada lambakan pekerja asing berjumlah RM1.2 juta mengikut statistik Yang Berhormat Timbalan Menteri capak tadi itu adalah satu yang tidak begitu tepat kerana pekerja asing ini tidak tahu berapa jumlahnya. Bersetujukah dengan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, gaji minimum itu adalah punca utama.

Kalau tidak dikuatkuasakan, apakah kementerian berkesudian bersungguh-sungguh untuk memastikan yang syarikat-syarikat yang tidak mahu mengamalkan gaji minimum itu diambil tindakan dan pastikan seksyen 60M di bawah Akta Kerja 1955 itu sekiranya majikan mengalihkan pekerja tempatan kepada pekerja asing, dihukum maksimum. Penyelesaian itu saya kira *insya-Allah* akan selesailah pekerja asing dalam negara ini. Apakah kementerian bersetuju dengan pandangan saya? Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kuala Langat. Saya bersama dengan Yang Berhormat Kuala Langat kerana kalau saya bercakap tentang pekerja asing hari ini, sudah tentulah statistik semalam tidak mungkin berguna lagi. Ini kerana setipa hari perubahan ini berlaku. Ada yang meninggal, ada yang keluar dan sebagainya. Ini hakikat yang berlaku.

Mengenai 6P, hasil daripada 6P yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Saya tidak hendak ulas panjang kerana ini adalah tugas Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, inilah antara pendekatan yang dilakukan kerajaan walaupun mungkin tidak semua pendekatan itu boleh mencapai 100% tetapi kesannya ada kepada kita, kepada kerajaan di mana seperti mana yang saya sebutkan tadi.

Jadi, saya tidak mahu mengulas perkara ini dan bolehlah Yang Berhormat bertanya dengan Kementerian Dalam Negeri. Kita mempunyai hubungan yang rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dalam menyelesaikan masalah pekerja asing dan pendatang asing ini. Oleh sebab itulah bagaimana seriusnya kerajaan dalam menangani isu ini bukan sahaja Yang Berhormat, bukan kita semua. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Inilah kesungguhan kerajaan.

Oleh sebab itulah saya yakin kalau komitmen, sokongan kita berikan kepada kerajaan, kepada jawatankuasa ini, tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh meningkatkan pekerja tempatan kita dalam negara kita dan kita mengurangkan pekerja asing. Walau bagaimanapun, hari ini kebergantungan kita kepada pekerja asing tidak boleh kita nafikan.

Tentang gaji minimum, saya sebutkan tadi bahawa ini adalah antara mekanisme yang kita gunakan bagaimana kita boleh mengurangkan pergantungan kita kepada pekerja asing. Ini kerana kalau kita tidak berikan gaji minimum ini kepada pekerja asing, sudah tentulah majikan-majikan akan mencari pekerja asing supaya mereka dapat membayar gaji yang lebih murah kepada pekerja ini.

Seperti mana yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri saya dalam penggulungan semalam, mungkin jawapan bertulis dan sebagainya dan sebelum ini, kita telah meminta majikan-majikan supaya melaksanakan bayaran gaji minimum ini bermula tahun depan, akhir tahun ini tempohnya. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya cukup yakin. Oleh sebab itulah fahaman kita majikan dan pekerja mestilah ada spirit, semangat *win-win situation*. *Philosophy* menang-menang.

Bagi pekerja, kalau saya sebagai pekerja sebab itulah letakkan diri kita satu ketika sebagai pekerja dan satu ketika sebagai majikan. Sudah tentulah kedua-dua ini kalau tidak berfikiran waras, tidak rasional, memanglah tidak akan bersetuju dengan apa yang kita lakukan. Sebenarnya, kerajaan kita, Kementerian Sumber Manusia ingin memberikan sumbangan perkhidmatan yang terbaik kepada pekerja-pekerja kita termasuklah meletakkan gaji minimum ini dan dalam masa yang sama memberikan kebaikan kepada majikan-majikan. Ini kerana majikan tidak akan berjaya kalau tidak ada pekerja. Begitu juga pekerja, tidak akan kerja kalau tidak ada majikan.

#### ■1040

Sebab itulah *win-win philosophy* ini amat penting. Jadi saya minta supaya kita bersama memberikan sokongan kepada pelaksanaan gaji minima ini dan lain-lain langkah yang diambil oleh kerajaan termasuklah Kementerian Sumber Manusia dalam menangani masalah pekerja asing dan pendatang tanpa izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**3. Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah instrumen baru yang bakal diguna pakai dalam usaha merancang pasaran modal tempatan tahun ini setelah berjaya muncul pada tahun 2012 lalu sebagai salah satu destinasi IPO terbesar dunia dengan sejumlah RM23 bilion dijana melalui proses ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat selaras dengan Rancangan Pelan Induk Pasaran Modal Kedua untuk 10 tahun akan datang, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan Bursa Malaysia telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memperluaskan kelas aset pasaran modal bagi meningkatkan penyertaan pelabur runcit tempatan. Sasaran Malaysia untuk menjadi sebuah pasaran modal yang maju seperti yang terkandung dalam Pelan Induk Pasaran Modal Kedua merangkumi ciri-ciri tertentu pasaran modal termasuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan pasaran yang lebih meluas serta berinovasi tinggi.

Dengan kerancangan pembangunan ekonomi yang diterajui oleh sektor swasta di bawah Program Transformasi Ekonomi, Bursa Malaysia akan terus menjadi destinasi IPO bagi penajaan dana. Di samping itu pasaran akan terus dikukuhkan dengan peningkatan prasarana serta kepelbagaian instrumen. Di antara usaha-usaha yang dilaksanakan bagi merencanakan pasaran modal tempatan termasuk:

- (i) Bursa Malaysia telah melancarkan dagangan bon runcit dan sukuk runcit dengan izin, Exchange Traded Bond Sukuk (ETBS). Dengan ETBS semua pelabur boleh mempunyai akses kepada bon dan sukuk dengan mudah iaitu melalui pasaran saham. Pada masa lalu, bon dan sukuk hanya boleh diakses kepada pelabur bernilai tinggi dan pelabur institusi;
- (ii) panduan perniagaan amanah yang dikeluarkan pada tahun 2012 memberi pilihan menggunakan perniagaan amanah bagi menjana dana dan pelaburan di pasaran saham;
- (iii) kerjasama rangkaian dagangan antara bursa saham ASEAN dengan izin, ASEAN *trading* link telah membuka akses kepada peluang pelaburan di bursa saham ASEAN. Setakat ini rangkaian dagangan ini adalah di antara Bursa Malaysia, Bursa Saham Singapura dan Bursa Saham Thailand. Rangkaian dagangan antara ketiga-tiga bursa saham ini telah membuka akses peluang pelaburan dalam dua ribu syarikat tersenarai dengan jumlah modal pasaran sebanyak USD1.6 trilion; dan
- (iv) baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan pelan penubuhan sebuah platform pelaburan alternatif yang dinamakan MyULM dengan izin, *Malaysia Unlisted Market* iaitu pasaran saham tidak disenaraikan untuk membolehkan pendanaan Industri Kecil dan Sederhana serta perniagaan permodalan awal dilakukan secara *online* atau atas talian. Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia akan terus berusaha memperkenalkan pelbagai inisiatif bagi menarik minat pelabur ke pasaran tempatan. Memudahkan akses pelaburan adalah antara agenda utama Bursa Malaysia.

Terima kasih.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberikan banyak maklumat. Apa-apa pun pada tahun 2012 adalah tahun yang cukup cemerlang bagi pasaran modal Malaysia yang telah mencatatkan menjadi destinasi IPO yang terbesar di dunia.

Bagaimanapun sehubungan dengan kelembapan ekonomi dunia pada ketika ini dan mengikut laporan daripada global CMLB iaitu *Capital Market Investment Banking* yang mengunjurkan bahawa pelabur-pelabur *fund managers* pada ketika ini yang pertamanya dia akan meninggalkan *business-business* yang ada hubung kait dengan *capital intensive*.

Keduanya, dia akan lari daripada pasaran komoditi dan ketiganya dia akan lari daripada pasaran *cash equity* dan *brokerage*. Jadi sehubungan dengan itu, kerana kerancangan atau kejayaan IPO yang terbesar di negara kita adalah disebabkan pada

penyertaan bukan sahaja orang tempatan bahkan pelabur-pelabur ataupun *fund managers* daripada luar. Jadi apakah kesan daripada laporan ini terjadi kepada negara kita dan apakah usaha yang akan dibuat oleh kerajaan supaya kita dapat meningkatkan lagi keyakinan-keyakinan kepada pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur luar.

Keduanya, selain daripada lima insentif yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk merancakkan lagi pasaran modal tempatan kita. Dalam pada masa yang sama kita juga mencadangkan supaya KWSP dapat menyertai dalam merancakkan lagi pasaran modal saham sederhana. Akan tetapi yang terakhir ini kita dapat lihat KWSP telah pun menanam modal yang terbesar di United Kingdom iaitu sebanyak RM40 bilion. Jadi dengan ini adakah memberi kesan kepada pasaran kita kerana kita mengharapkan pelabur-pelabur tempatan yang mempunyai kemampuan untuk merancakkan lagi pasaran modal kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Tuan Yang di-Pertua, saya jawab yang kedua dulu. Mengenai KWSP, dana KWSP ini ada lebih kurang RM500 bilion. Kita ada peraturan yang dana sebanyak itu kita tidak akan laburkan dalam *percentage* (peratusan) tertentu ke luar negara dan peratusan yang tertinggi yang dibenarkan ialah 23% dan sekarang ini baru 18%. KWSP akan terus meningkatkan penglibatan mereka dalam pasaran saham terutama syarikat-syarikat sederhana.

Untuk menjawab soalan yang pertama itu, buktinya ialah semalam kita masih lagi tidak ada terjejas apa-apa. Semalam indeks KLCI adalah setinggi 1,769 dan indeks yang tinggi ini bermula selepas kemenangan Barisan Nasional pada 5 hari bulan dengan indeks setinggi 1,700 dan pada 14 Mei tertinggi dalam sejarah ditutup indeks KLCI tertinggi dalam sejarah Malaysia 14 Mei – 1,788.43.

Jadi apa juga yang berlaku yang disebut *global fund managers* menarik diri dan sebagainya itu tidak mendatangkan kesan kepada Malaysia. Satu lagi yang saya ingin maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Malaysia adalah merupakan pengeluar dan penerbit sukuk terbesar di dunia. Ini adalah pasaran modal yang kita akan perkuembangkan dan kita akan memperluaskannya.

Ini adalah merupakan jawapan kepada keraguan-keraguan yang disebut tadi dan sukacita dimaklumkan dari segi negara Malaysia amat besar nilai sukuk itu dan kita juga dari semasa ke semasa akan memastikan pelan yang kedua iaitu menerbitkan sukuk runcit. Untuk yang pertama ini supaya rakyat boleh terlibat sama dalam pasaran modal ini, bukan hanya pelabur asing, bukan hanya pelabur dalam negara, rakyat juga boleh terlibat, maka untuk kita pertama kali menerbitkan sukuk runcit pada akhir 2012 iaitu sebanyak RM300 juta untuk DanaInfra Nasional Berhad. Jadi kita ada pelan pertama pelabur tempatan, pelan kedua kita ada pelabur daripada luar negara dan pelan ketiga kita juga inginkan pelabur institusi pada ketika yang sama sukuk juga diterbitkan untuk orang awam.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah tentang perniagaan amanah ataupun dengan izin, *business trust*. *Business trust* adalah instrumen IPO yang *controversial*. Ia adalah satu cara IPO yang membenarkan *listing asset* syarikat tanpa *listing* syarikat tersebut, ini bermakna pembeli hanya memegang unit *business trust* dan tidak pegang saham syarikat.

Unit ini hanya memberi dengan izin, *economic interest* dalam aset syarikat. Cuma Hong Kong dan Singapura yang mengamalkan *business trust* tetapi kedua-dua negara tersebut tidak dapat sambutan pasaran yang baik. Kalau kedua-dua negara tersebut tidak berjaya, kenapakah Malaysia terus hendak pakai *business trust*? Itu soalan pertama.

Soalan kedua adakah *business trust* ini satu *vehicle* dengan izin, kepada syarikat-syarikat kroni untuk *parking asset* mereka tanpa keperluan memberi izin... [Disampuk] Itu soalan, dengarlah soalan dulu [Dewan riuh] tanpa *corporate governance* tentang hal ehwal syarikat mereka. Jadi itu dua soalan saya, terima kasih.

## ■1050

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua kerajaan telah meminda Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan pada tahun 2007 ini yang di ringkaskan sebagai Capital Market and Services Act 2007 (CMSA) dan kita memperkenalkan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi struktur perniagaan baru iaitu perniagaan amanah. Perniagaan ini ada beberapa jenis, satu perniagaan syarikat, seterusnya perniagaan saham, seterusnya lagi ialah perniagaan koperasi.

Jadi yang ini perniagaan amanah atau *business trust*, tujuannya ialah untuk memperluas aset yang boleh diuruskan oleh pengurus kumpulan wang. Dahulu hanya terhad kepada *security* dan *derivative* sahaja dan sekarang ini kita tambah lagi. Pembatasan itu sebenarnya sebelum ini telah membataskan pasaran modal terutama dari segi pasaran Islam dan di mana aset dalam satu pelaburan mesti dipegang dan dimiliki oleh pelabur dan penerbit. Jadi dengan adanya satu lagi penambahan kaedah perniagaan ini sebenarnya kita memberikan kepelbagaian kepada peniaga dan juga serta *business community* untuk melibatkan diri dalam pasaran modal negara kita.

Pasaran modal negara kita ini akibat daripada segala perkara yang telah kita lakukan termasuklah *business trust* itu. Saya ingin memaklumkan bahawa kita telah bertambah tiga kali ganda pasaran modal di negara Malaysia ini. Pasaran modal ini terbahagi kepada dua, yang pertama pasaran saham, yang kedua pasaran bon. Bon pula terbahagi kepada dua, satu bon Konvensional, satu lagi adalah sukuk atau *Islamic* bon. Pasaran modal Malaysia ini telah bertambah tiga kali ganda akibat daripada usaha-usaha kita termasuklah *business trust* daripada RM717.5 bilion pada tahun 2000 meningkat kepada RM2.473 trilion pada tahun 2012. Kalau kita tidak berjaya sebagaimana kata Yang Berhormat tadi tidak akan kita boleh menambah tiga kali ganda dan ini adalah kejayaan tidak lain dan tidak bukan tentunya daripada Kerajaan Barisan Nasional. [Tepuk]

**Tuan Wong Chen [Kelana Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya hendak tambah sedikit. Saya hendak tanya Menteri ini dia kata.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat! Dalam sesi soal jawab tidak boleh dua kali Yang Berhormat. Yang Berhormat Sekijang sila, sila.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, terima kasih kepada Timbalan Menteri yang mengatakan indeks FKLI. Pagi ini saya dimaklumkan indeks FKLI meningkat kepada 1,824 mata. [Tepuk]

Ini menunjukkan ekonomi negara kita sedang menjadi tumpuan pelabur asing kerana di maklumkan banyak syarikat mendapat projek daripada kerajaan kita. Cuma Tuan Yang di-Pertua, soalan saya apakah usaha kerajaan dalam menggalakkan penyertaan lebih ramai pelabur runcit dengan kerjasama badan kawalan pasaran modal seperti Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia. Mungkin dengan mendapat kerjasama daripada NGO-NGO yang berkaitan dengan pasaran saham ini, lebih ramai pelabur-pelabur runcit akan dapat bersama-sama dalam pasaran kita yang sedang meningkat sekarang ini. Terima kasih.

**Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan:** Pada saat dan ketika ini Tan Sri 1779.43 KLCI rakan sebelah saya baharu maklumkan tetapi KLCI ini dikira ketika tutup, bukan dikira ketika buka. Penutupnya berapa, macam semalam penutupnya ialah 1,769.

Mengenai tentang pelabur runcit. Sebenarnya yang paling penting ialah pendidikan pelaburan, pendidikan pelaburan ini dilaksanakan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Pendidikan kewangan dilaksanakan oleh Bank Negara. Pendidikan kewangan dan pendidikan pelaburan ini amat penting. Pelabur-pelabur runcit ini harapannya tidak tertipu dengan pelbagai saham yang ada dalam pasaran seperti Swiss Cash dan sebagainya tertipu pasaran saham kononnya internet dan sebagainya seperti Skim Cepat Kaya.

Oleh sebab itu, sebagaimana Yang Berhormat Sekijang sebut tadi kita ingin memberikan pendidikan pelaburan kepada rakyat yang manakah saham yang mereka patut masuki, apakah maksud saham, apakah maksud sukuk, apa maksud bon. Bon itu sejenis hutang yang mempunyai tempoh matang dan pulangan tetap. Sukuk pula ialah bon Islam, jadi perkara-perkara seperti ini perlu diketahui pelabur runcit dan orang awam supaya mereka faham dan masuki pasaran modal yang begitu hebat trilion ringgit. Bukan hanya kumpulan-kumpulan tertentu dalam negara. Kita akan memperluaskan yang dipanggil sebagai pendidikan pelaburan oleh Suruhanjaya Sekuriti ini melalui pelbagai kaedah



pendidikan yang kita akan laksanakan dan telah pun laksanakan termasuk di universiti-universiti. Terima kasih.

**4. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan apakah isu-isu alam sekitar utama yang melibatkan Cameron Highlands yang boleh ditangani dalam jangka masa yang pendek dan panjang.

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Seri G. Palanivel]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kementerian ini telah mengenal pasti empat isu utama di Cameron Highlands seperti berikut.

Pertama masalah hakisan tanah akibat aktiviti penerokaan tanah untuk pertanian yang berleluasa. Kedua masalah kegelodakan dan pemendapan di sungai akibat hakisan tanah. Ketiga pencemaran kualiti air sungai disebabkan sisa-sisa aktiviti pertanian seperti baja, penggunaan racun perosak tanaman dan pembuangan plastik

Terakhir banjir kilat dan banjir lumpur akibat daripada peningkatan drastik kapasiti air sungai disebabkan oleh perubahan aktiviti guna tanah untuk pertanian. Bagi menangani isu-isu tersebut jabatan-jabatan di kementerian, iaitu Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Institut Penyelidikan Hidrologi Kebangsaan Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara sedang dan akan menjalankan usaha-usaha menambahbaik ke arah pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar di Cameron Highlands melalui pendekatan jangka pendek dan jangka panjang seperti berikut.

Langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh kementerian ini adalah pertama melaksanakan aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu di bawah 1NRE Enforcement Team (1NET). 1NET ini merupakan satu inisiatif kementerian bagi meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada.

Kedua membuat pemantauan udara melalui tahun ini Mei 2013 bagi mengenal pasti kawasan yang diteroka seterusnya maklumat tersebut diguna untuk tujuan penguatkuasaan.

Ketiga, pelaksanaan program kesedaran alam sekitar melalui *engagement* dengan pengusaha projek pertanian, agensi kerajaan dan swasta serta orang awam.

Keempat, melebarkan sungai untuk melebarkan kapasiti sungai menampung air sewaktu hujan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JPS akan melaksanakan lapan projek kecil bernilai RM1.3 juta pada tahun 2013, tahun ini dan satu projek kecil bernilai RM1.2 juta pada tahun hadapan 2014 bagi mengatasi banjir kilat di Cameron Highlands.

Langkah-langkah jangka panjang pula adalah seperti berikut. Pertama melaksanakan program penanaman semula pokok di kawasan-kawasan bukit.

Kedua, pelaksanaan program pemeliharaan flora dan eko-pelancongan melalui *Forest Institute Of Malaysia (FRIM)*, menyediakan pelan pembangunan dan pengurusan tadahan sungai dan tasik untuk kelestarian kuantiti dan kualiti air di Cameron Highlands. Pada peringkat awal Tuan Yang di-Pertua, penyediaan pelan di atas akan dibuat lembangan Sungai Ringlelet dan lembangan Sungai Ikan dalam tahun ini. Terakhir pembangunan data geospasial bagi Cameron Highlands bagi membantu penguatkuasaan.

#### ■1100

Agensi-agens teknikal di bawah kementerian saya sentiasa berusaha memastikan aspek alam sekitar diambil kira semasa peringkat perancangan dan kelulusan projek serta pelaksanaan langkah-langkah kawalan pencemaran dan berkesan melalui amalan *best management practices* bagi memastikan alam sekitar terpelihara dan kesejahteraan rakyat terjamin. Sekian, terima kasih.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada beberapa inisiatif yang telah dibuat oleh Kementerian dan kerajaan untuk menangani masalah di sana, perkara yang khusus adalah suhu yang mana kalau waktu sekarang adalah 64.6<sup>o</sup>F iaitu 18.1<sup>o</sup>C. Ini kalau banding dengan 10 tahun, 20 tahun dahulu, 30 tahun dahulu sangat kurang. Sekarang semakin naik dan lebih panas lagi. Saya difahamkan cuaca di sana, suhu di sana dan kalau dikatakan dengan Ipoh, bandar yang terdekat, bezanya sangat kurang.

Walaupun ini adalah satu tempat yang mana pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara pergi ke tempat tersebut merasa sangat tidak ada beza, *no more cooling effect*. Ini adalah disebabkan seperti yang dikatakan oleh Menteri, penerokaan pembalakan dan sebagainya. Jadi soalan saya yang khusus adalah macam mana kita boleh memastikan supaya suhu di sana lebih sejuk, supaya faktor utama adalah kerana pembalakan dan sebagainya. Apakah tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini dan juga *hydro dam* di sana yang mana dikatakan kerap kali *jam* kerana hakisan tanah yang menyebabkan perkara tersebut? Terima kasih.

**Datuk Seri G. Palanivel:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini suhu selalu naik tetapi ini sebab satu *global phenomena*. Akan tetapi yang penting, kawasan Cameron Highlands ialah satu kawasan bukit dan apa yang berlaku pada masa sekarang dan pada tahun-tahun dahulu ialah peneroka-peneroka iaitu petani-petani, *farmers* mereka potong pokok dan dia naik sampai bukit sampai tinggi. Oleh sebab itu rancangan oleh FRIM ialah untuk menanam balik pokok di tempat-tempat yang tinggi, bukit yang tinggi, sampai 200 *feet* kita mahu menanam balik pokok. Akan tetapi kita perlu cari pokok-pokok yang sesuai untuk *highland* bukan pokok-pokok dari luar.

Oleh sebab itu saya harap, Kementerian saya akan mengambil langkah-langkah ini untuk memulihkan cuaca dan juga *temperature* di situ. Kita mahu turunkan *temperature*. Apa yang penting ialah apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ipoh Barat suhu adalah dekat-dekat 66%. Waktu petang dan siang macam itu. Malam ia turun sedikit. Akan tetapi yang penting yang menjadi masalah besar ialah aktiviti penerokaan tanah secara haram. Itu yang penting. Oleh sebab itu kita mahu pulihkan kawasan, kita mahu bincang dengan petani-petani.

Apa yang saya dapat maklumat ialah, eksport ke luar negara ialah dekat-dekat 2B oleh petani-petani Cameron Highlands. Oleh sebab itu saya perlu bincang dengan orang awam dan petani-petani macam mana kita mahu kawal keadaan ini di Cameron Highlands seperti alam sekitar. Kalau kita boleh menanam balik pokok-pokok di kawasan-kawasan yang mereka selalu tebang, kita boleh bawa balik satu keadaan yang lebih baik.

Apa yang lebih penting, *we want to encourage* satu penggunaan teknologi yang tidak mesra. Sekarang, teknologi yang mereka guna, tidak mesra dan sebab itu kita mahu *introduce technology* yang baru oleh Kementerian saya yang mana kita ada Jabatan Biodiversiti. Mereka akan pergi rancang untuk memperkenalkan satu teknologi baru di Cameron Highlands. Dengan itu petani-petani, peneroka-peneroka dia boleh dapat satu perubahan. Ini yang penting.

*Hydro dam* ini – Ini ialah satu yang saya ingat saya tidak tahu bila mereka bermula. Akan tetapi saya perlu pergi dan bincang dengan pengusaha-pengusaha *hydro dam* sektor korporat pun saya tidak tahu mereka. Oleh sebab itu saya perlu bincang dengan mereka untuk kawal keadaan di situ. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup baik Menteri walaupun pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat, duduk, dia jawab juga. Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita memang sedar bahawa Cameron Highlands itu merupakan kawasan pertanian yang penting. Di samping itu, ia juga merupakan tumpuan pelancongan. Saya percaya, untuk memperluaskan kawasan pertanian, pembukaan kawasan berbukit memang tidak dapat dielakkan. Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimana kita hendak mengimbangkan kesan alam sekitar ke atas industri pertanian dan industri pelancongan? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri G. Palanivel:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang kedatangan pelancong-pelancong ke Cameron Highlands sudah berkurangan. *We hardly see any tourist*. Orang tempatan pun tidak datang, orang dari luar negara, dari Singapura, Korea, Taiwan, Jepun pun mereka sudah kurang, tidak datang. Sebab industri pelancongan di Cameron Highlands

ia sudah terjejas. *[Disampuk]* Oleh sebab itu saya sudah bincang dengan Menteri Pelancongan bahawa saya dan dia perlu pergi ke Cameron Highlands untuk...*[Ketawa]* – Saya dan dia perlu pergi ke Cameron Highlands untuk bincang dengan orang ramai macam mana kita mahu mempromosikan *tourism* di Cameron Highlands.

Akan tetapi yang penting seperti yang saya cakap, petani-petani dia sudah hapuskan tanah sampai bukit. Ini jadi satu masalah besar. Tanah yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pahang ialah 5,705.17 hektar. Ini diluluskan secara *legal*, TOL. Akan tetapi petani-petani, saya tidak mahu sebut kaum, petani-petani, peneroka-peneroka mereka merampas tanah lebih daripada dua ekar, lebih daripada empat ekar. Disebabkan itu ini sudah jadi satu masalah besar untuk penduduk-penduduk Cameron Highlands.

Yang penting ada satu calon Bebas yang bertanding di Tanah Rata. Dia yang datang marah saya selalu. *[Dewan riuh]* Dia punya nama Dr. Cheam. Dia selalu bincang sama saya sebab itu saya mahu mewujudkan satu pertubuhan NGO bersama-sama Dr. Cheam dan lain-lain rakan untuk kawal keadaan di Cameron Highlands. Sebelah petang dan sebelah pagi, sebelah pagi sejuk, sebelah malam sejuk tetapi sebelah petang panas. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat. Sebab itu...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, macam Yang Berhormat Pokok Sena juga. Pagi sejuk, tengah hari dan petang panas, malam sejuk juga. *[Ketawa]*

**Datuk Seri G. Palanivel:** Ya, ya bagus. Akan tetapi malam sejuk. *[Disampuk]* Yang jadi masalah besar ialah kekurangan pelancong ke Cameron Highlands. Oleh sebab itu saya dan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, mesti duduk bersama-sama berbincang macam mana kita mahu mempromosikan pelancongan di Cameron Highlands.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Memang duduk sebelah pun.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Discuss* di Cameron Highlands... *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sebelah sahaja.

**Datuk Seri G. Palanivel:** Akan tetapi petani-petani, peneroka-peneroka eksport mereka melebihi 2B.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Yang Berhormat Menteri, bincang di Kabinetlah bukan Cameron Highlands.

**Datuk Seri G. Palanivel:** Sebab itu kita perlu bincang bersama-sama dengan rakan-rakan alam sekitar dan petani-petani. Sebab kalau keuntungan ini terjejas, kita pun akan dapat masalah besar. Sekian, terima kasih.

■1110

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]:** Yang Berhormat Menteri, ini soalan bukan bincang. Soalan khusus mengenai loji rawatan terma sisa pepejal *incinerator* yang dibangunkan di Blue Valley. Saya hendak tanya apakah ianya tidak berbahaya atau membazir dan... *[Disampuk]* Dari *Cameron Highlands, Blue Valley* dan apakah ianya mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar? Terima kasih.

**Datuk Seri G. Palanivel:** Untuk soalan ini, saya akan beri jawapan secara bertulis. Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau Menteri jawab serius, kecoh. Yang Berhormat Menteri jawab secara begitu juga bisung.

5. **Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan keperluan penubuhan Majlis Penyatuan Ekonomi Negara (NERC) bagi mendengar rungutan komuniti perniagaan dari semua kaum dan mewujudkan kerjasama perniagaan bagi usaha mengelak keraguan dan ketidakpuasan antara kaum di negara ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, cadangan penubuhan Majlis Penyatuan Ekonomi Kebangsaan telah dikemukakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) dan Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia (MTEM) yang mana kedua-dua entiti ini adalah entiti bukan kerajaan.

Mengikut maklumat yang kita peroleh, DPMM dan MTEM mencadangkan NERC adalah untuk memperkukuhkan kerjasama antara komuniti dan jaringan perniagaan pelbagai kaum. Di samping untuk membantu kerajaan dalam menangani masalah peraturan dan pelaksanaan perniagaan dan semuanya mengenai perkara-perkara baik tujuannya.

Justeru, kerajaan tiada halangan dengan cadangan untuk menubuhkan NERC, namun hendaklah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang negara sedia ada. Sekian.

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, perbezaan pendapatan dan perniagaan masih terlalu besar. Kita tengok sahaja peniaga-peniaga Cina memonopoli sektor ekonomi. Ini bukti dan realiti, tengok deretan kedai terutama di kawasan bandar dan kawasan-kawasan kediaman. Kalau ada 50 lot kedai, 95% dikuasai oleh bangsa Cina dan selebihnya oleh kaum lain yang daripada kumpulan India Muslim seperti pasar raya Mydin, pengurup wang dan restoran makanan segera.

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan kerajaan secara agresif dalam soal penyusunan semula pemberian tender dan perniagaan dalam kek ekonomi negara? Penyusunan semula corak guna tenaga dan penyusunan semula hak milik dalam sektor syarikat dan apa sudah jadi dengan pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang dilaksanakan selama ini? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, saya cuba beri penjelasan satu per satu. Pertama, seperti yang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semalam MTAB, yang mana urus setianya adalah TERAJU yang melihat tentang bagaimana penglibatan soal bumiputera. Saya percaya soalan yang asal tadi adalah satu badan untuk kita letakkan semua syarikat perniagaan tidak kira kaum. Akan tetapi soalan tambahan tentang bumiputera, jadi saya jawab tentang TERAJU sebagai urus setia, kita ada lebih kurang 350 ribu syarikat yang telah diletakkan di bawah TERAJU, yang sedang mengikuti program TERAS.

Maksudnya TERAS ini adalah mereka yang mendapat bantuan dari segi kewangan, dari segi jaringan perniagaan dengan syarikat-syarikat vendor serta juga pelbagai usaha dilaksanakan untuk syarikat bumiputera ini dapat disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Saya percaya usaha ini tidak akan terhenti seperti yang dinyatakan semalam iaitu pemilikan ekuiti bumiputera pada tahun 2010 adalah sebanyak 23.1% dan kita ada pelbagai lagi kaedah untuk meneruskan hasrat 30% itu tercapai.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** *[Bangun]*

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat Majlis Penyatuan Ekonomi Negara ini memang satu majlis yang ditubuhkan dengan satu hasrat yang baik. Kita bersedia untuk menyambut baik sebagai platform untuk membincangkan isu-isu perniagaan dan juga memperkukuhkan kerjasama semua kaum.

Akan tetapi saya melihat dalam pilihan raya umum yang lalu, ada suara-suara yang agak vokal, yang menggesa supaya kerajaan menubuhkan kembali MECD. Termasuk juga di kalangan MT UMNO sendiri menganggap bahawa penubuhan semula MECD ini wajar untuk menjadi hadiah kepada pengundi-pengundi Melayu kepada Barisan Nasional. Jadi, adakah penubuhan itu kelak nanti, ia akan kontra dengan Majlis Penyatuan Ekonomi Negara dan sekali gus akan mengeruhkan semula iklim perniagaan di Malaysia dan sekali gus menimbulkan rasa kurang senang antara kaum dalam negara kita. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita cuba hendak elakkan. Belum mula pun sudah ada pelbagai masalah ini, ini belum mula. Kita hendak jayakan satu

perkara tetapi Yang Berhormat Temerloh, saya hendak beritahu bawah NERC ini bukan di bawah kerajaan. Kerajaan ada di bawah keputusan Kabinet tahun 1962, NCCIM iaitu meletakkan semua perniagaan-perniagaan, persatuan-persatuan di bawah satu jawatankuasa atau majlis.

NCCIM ini masih ada sampai sekarang. Oleh sebab itu kalau hendak diwujudkan satu lagi badan yang dicadangkan oleh DPMM dan MTEM, kita berpandangan bahawa boleh dibuat, tidak melibatkan kerajaan dan melibatkan badan NGO. Ini disebabkan dicadangkan oleh badan NGO tadi dan kita harap ia tidak bertindih. Akan tetapi hasratnya murni sebab ia boleh meletakkan semua syarikat dalam negara, sebab itu NCCIM ini lebih berperanan untuk mewujudkan jaringan dan juga melabur di luar negara sebagai pasukan daripada Malaysia.

Jadi, kita tidak ada masalah dengan hasrat baik tersebut. Saya tidak nampak peranan yang cuba dibuat ini bercanggahan dengan MECD sebab MECD ini ada peranan macam TERAJU tadi, untuk melihat bagaimana syarikat-syarikat bumiputera dapat dibantu untuk berdaya saing. Kita ada lagi Ekuinas umpamanya sebagai salah satu platform untuk kita menjayakan hasrat tersebut.

Oleh itu, kita jangan terkeliru dengan perkara-perkara yang sedang disusun tetapi sekali lagi saya nyatakan bahawa kerajaan amat menerima baik pandangan yang dibawa oleh MTEM dan DPMM. Ini supaya badan ini dapat melihat keperluan mewujudkan jaringan kerjasama semua syarikat pelbagai kaum dalam negara bagi mencapai matlamat keuntungan dan kesejahteraan kita bersama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri atas soalan tambahan. Soalan saya ialah, saya masih lagi ragu tentang kewajaran perwujudan sebuah lagi entiti seperti ini. Saya ingin tahu Yang Berhormat Menteri, apa telah jadi pada badan-badan yang wujud sebelum ini? Tidakkah ada langsung usaha daripada pihak kerajaan untuk menilai semula kesemua entiti yang wujud sebelum ini ke arah penyatuan kerjasama ini dan tidakkah wujud sistem pemantauan atau *monitoring system* tentang pelaksanaan program-program ini?

Ini sebab kita bimbang Tuan Yang di-Pertua, yang perwujudan entiti ini mungkin boleh berlaku, boleh terjadi sebagai satu platform pengagihan projek sahaja ataupun projek *distributing platform* dengan izin. Itu soalan saya Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Nibong Tebal. Saya hendak beritahu sekali lagi bahawa di bawah pemantauan kerajaan, kita ada sebagai contoh Majlis Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita akan beri laporan secara berkala, kita ada Dialog MITI yang mengajak semua syarikat-syarikat swasta untuk menyertai apa juga perbincangan, penambahbaikan. Begitu juga kita ada *consultation budget* di bawah kementerian kewangan, mengenal pasti badan-badan untuk kita mendapatkan kaedah paling baik untuk kita guna pakai dalam pembentangan satu-satu bajet sebelum ianya dibentangkan.

#### ■1120

Yang ini memang saya rasa boleh kita kawal dan kita maklumkan hingga ke peringkat Dewan ini. Namun begitu dewan-dewan perniagaan ini didaftarkan sebagai sebuah entiti NGO dan dia ada peranannya sendiri. Kalau dia berkumpul untuk mengagihkan projek itu tertakluk kepada majlis mereka sendiri. Ini bukan majlis di bawah kerajaan.

Jadi pada saya banyak NGO dalam negara kita yang beroperasi kalau kita hendak tutup pun dia ada undang-undang dan peraturan sendiri. Malahan ada juga yang bergerak secara haram. Akan tetapi ia bukan satu perkara yang dihasratkan oleh kerajaan. Badan Majlis Penyatuan Ekonomi Negara ini dicadangkan oleh dua entiti bukan kerajaan kepada pihak kerajaan. Cuma jawapan awal saya tadi kita tiada halangan kerana niatnya baik, niatnya murni tetapi dari segi kejayaannya perlulah mendapat sokongan daripada semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**6. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan:

- (a) setakat mana TNB dapat mengurangkan kos operasinya dengan langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan kecekapan operasi; dan
- (b) adakah langkah menaikkan kadar kegunaan elektrik dipengaruhi oleh kenaikan tanggungan kepada penjana-penjana bebas (IPP)

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Dato' Seri Mahdzir Khalid]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Telok Kemang yang berkaitan dengan setakat mana TNB dapat mengurangkan kos operasinya dengan langkah-langkah diambil untuk meningkatkan kecekapan operasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara umumnya kos-operasi TNB meliputi kos penjanaan iaitu seperti berikut:

- (i) kos bahan api yang digunakan untuk penjanaan elektrik serta kos pembelian tenaga elektrik daripada penjana-penjana bebas;
- (ii) kos penghantaran iaitu kos pemasangan talian bekalan kuasa elektrik voltan tinggi, kos pencawang elektrik dan lain-lain yang digunakan untuk menyalurkan tenaga elektrik daripada stesen jana kuasa kepada substesen pengagihan elektrik; dan
- (iii) kos yang ketiga adalah kos pengagihan merupakan kos pemasangan talian bekalan kuasa yang menyalurkan tenaga elektrik kepada premis-premis pengguna.

Dari segi peratusnya kos penjanaan merangkumi 74%. Kos penghantaran 7% dan kos pengagihan lebih kurang 19%. Kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai prestasi kecekapan operasi TNB dalam usaha mengurangkan kos operasi tanpa menjejaskan sistem daya harak pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia. Untuk itu langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) pelaksanaan bidaan kompetitif (*competitive bidding*) dalam pemilihan pemaju loji jana kuasa baru. Untuk itu pemaju loji jana kuasa yang menawarkan harga yang terendah di samping memenuhi kriteria-kriteria teknikal dan komersial yang telah ditetapkan akan terpilih. Ini sekali gus akan mengurangkan kos operasi TNB dalam aktiviti pembelian tenaga pada masa akan datang;
- (ii) pembasmian kes-kes kecurian elektrik supaya kehilangan tenaga dalam sistem pembekalan elektrik dapat diminimumkan; dan
- (iii) pemasangan sistem SCADA dengan lebih meluas di seluruh negara untuk membolehkan operasi sistem pembekalan dijalankan dengan efisien dan berkesan; dan
- (iv) pelaksanaan pelan menyeluruh bagi selenggaraan yang cekap dan berkesan ke atas sistem pembekalan elektrik; dan
- (v) pelaksanaan program rombak rawat (*refurbishment*), dengan izin loji-loji jana kuasa yang telah lama beroperasi bagi meningkatkan kecekapan; dan
- (vi) penentuan dan semakan kadar elektrik pada masa akan datang.

Bagi menjawab soalan yang kedua daripada Yang Berhormat Telok Kemang kenaikan kadar penggunaan elektrik atau tarif elektrik bukan sahaja dipengaruhi oleh tanggungan bayaran kepada IPP, kos-kos yang terlibat dalam pengiraan tarif elektrik meliputi kos penjanaan, kos penghantaran dan kos pengagihan. Bayaran kepada IPP adalah sebanyak 30% dari kos penjanaan. Selebihnya merupakan bahan api yang diperlukan dalam menjana elektrik.

Selain daripada itu, keperluan penjanaan baru diperlukan dalam membekal tenaga elektrik untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah meluluskan pembangunan loji-loji jana kuasa baru bagi menggantikan jana kuasa yang di henti tugas bermula tahun 2015 hingga tahun 2017 dalam usaha untuk meminimumkan kos penjanaan baru dan kenaikan tarif semenjak 2010. Kerajaan telah memulakan inisiatif yang memerlukan semua perolehan penjanaan baru dibuat melalui tender. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sudah pun dimaklumkan bahawa ada kemungkinan kadar elektrik akan dinaikkan pada tahun depan iaitu hasil daripada satu kajian melalui *fuel cost pass through* (FCPT) yang akan mengakibatkan kadar yang lebih tinggi untuk pengguna terlebih lagi kepada industri. Penglibatan 1MDB yang telah pun membelanjakan lebih daripada RM12 bilion membeli pengusaha bebas memberi anggapan bahawa IPP akan memainkan peranan penting dalam membekalkan tenaga elektrik kepada TNB.

Soalan saya ialah apakah ini akan menuju kepada TNB hanya menumpukan kepada menyalurkan elektrik, menyediakan infrastruktur dan bekalan jana kuasa diserahkan kepada pengusaha-pengusaha bebas dengan penglibatan secara langsung oleh 1MDB. Terima kasih.

**Dato' Seri Mahdzir Khalid:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya sebut dalam jawapan saya tadi menyatakan bahawa dalam salah satu daripada perkara yang telah menjadi pokok dalam mengurangkan kos operasi adalah melalui yang kita sebut sebagai tender terbuka kepada semua penjana kuasa bebas untuk membekalkan bekalan elektrik kepada TNB.

Kalau saya boleh nyatakan di sini bahawa kita mempunyai tiga generasi penjana bebas ataupun IPP di Semenanjung. Generasi yang pertamanya yang telah dibina sekitar awal 90-an yang mengeluarkan bekalan tenaga sekitar awal 90-an dan ada dua generasi kedua dan generasi yang ketiga.

Kalau saya boleh sebut generasi yang pertama adalah YTL, Powertech, Genting Sanyen, Segari dan Port Dickson Power. Itu dipanggil generasi yang pertama yang telah beroperasi di awal 90-an dan telah pun menandatangani dengan TNB untuk membekalkan kuasa elektrik ini sewaktu mana saya ingat Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Yang Berhormat Gombak berada di Kementerian Kewangan. *[Dewan riuh]*

Generasi yang kedua - ada lagi lima generasi iaitu *power plant* dan kemudiannya generasi yang ketiga. Jadi inilah yang ada. Jadi bila disebut oleh Yang Berhormat Telok Kemang tadi 1MDB yang telah memasuki perniagaan jana kuasa. 1MDB juga hendaklah melalui proses tender, *competitive bidding* yang saya sebut tadi.

#### ■1130

Kalau dia memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan, dia layak untuk dapat tetapi kalau dia tak mahu memenuhi syarat, dia juga tidak layak untuk dapat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi bagi pertanyaan-pertanyaan jawapan lisan selesai. Bukan salah saya Yang Berhormat, 11.30. Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 12(1) .

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.30 pg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran semua kementerian menjawab dan diputuskan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 15 Julai 2013.”

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]*

## USUL

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Pertama Parlimen Ketiga Belas”.

**[10 Julai 2013]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menjawab, saya ingin ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang dibaca tadi, yang dipersetujui itu ialah bermaksud kalau tidak selesai semua kementerian yang ada lebih kurang lima lagi termasuk Jabatan Perdana Menteri, bermakna kita tidak boleh balik. Jadi, apabila memahami usul tersebut, maka dalam menjawab nanti termasuk Menteri dan pencelahan-pencelahan itu pendek-pendekkan. Kalau tidak, tidak dapat kita balik untuk sembahyang terawih. Saya tahu Yang Berhormat Pokok Sena akan buat itu dan Yang Berhormat Gombak dan yang lain-lain. Jadi, itu yang saya mohon kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekarang saya jemput Menteri Belia dan Sukan, terima kasih.



11.32 pg.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Khairy Jamaluddin]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memahami kesuntukan masa jadi saya akan cuba membuat penggulungan bagi Kementerian Belia dan Sukan secepat mungkin. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan terhadap Kementerian Belia dan Sukan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja. Oleh yang demikian, izinkan saya memberi ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana berikut;

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia, saya telah menjawab semalam sewaktu sesi soal jawab. Akan tetapi seperti mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong, buat masa ini kementerian sedang mengkaji semula kaedah dan konsep pelaksanaannya dengan membuat beberapa penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan program ini kepada pembangunan belia negara. Pada masa yang sama, Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) masih lagi diteruskan oleh kementerian sebagai medium untuk menyuarakan pandangan dan suara belia. Malahan pelaksanaan Parlimen Belia ini adalah sebagai pelengkap kepada forum belia yang sedia ada bagi meningkatkan penglibatan golongan belia dalam arus transformasi pembangunan negara terutamanya belia yang tidak berpersatuan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang kerana semasa beliau membahaskan Usul Menjunjung Kasih pada 4 Julai yang lalu, beliau telah pun memberikan penerangan yang cukup jelas dan panjang lebar mengenai pelaksanaan MPBN sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Sehubungan itu saya kira tidak perlulah untuk saya mengulangi perkara tersebut dan Yang Berhormat boleh merujuk cabutan *Hansard* yang berkenaan.

Namun begitu, saya hanya ingin menyentuh mengenai keahlian MPBN di mana ianya melibatkan seramai 86 anggota ahli yang terdiri daripada anggota dewan tertinggi dan anggota jawatankuasa kerja badan induk pertubuhan belia di peringkat kebangsaan dan juga ahli-ahli lantikan Menteri seramai 20 orang. Peranan Menteri di dalam MPBN adalah sebagai pengerusi majlis manakala pegawai-pegawai tertinggi KBS, wakil kerajaan negeri dan agensi yang berkaitan dengan pembangunan belia berperanan untuk menjawab segala permasalahan yang dibangkitkan sepanjang persidangan tersebut sahaja.

Sehubungan dengan itu, dakwaan Yang Berhormat Bukit Bendera mengatakan MPBN dimonopoli oleh ahli politik dan kakitangan kerajaan adalah kurang tepat. Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga menyambut baik saranan supaya program-program belia di peringkat akar umbi ditambah nilai untuk melahirkan golongan belia yang berinovasi dan kreatif. Untuk makluman, pihak kementerian sedang membuat semakan semula Pelan Strategik Kementerian 2010-2015 dalam usaha untuk memastikan program-program yang dijalankan lebih berfokus serta menepati kehendak belia masa kini. Selain itu, kementerian juga ada menjalankan kajian untuk menilai keberkesanan program-program yang telah dilaksanakan supaya penambahbaikan secara berterusan dapat dilakukan.

Program-program mengantarabangsakan belia juga sememangnya telah dilaksanakan oleh pihak kementerian dengan kerjasama negara-negara ASEAN, Asia Pasifik dan Komanwel seperti Program Pertukaran Belia Antarabangsa, Kapal Belia Asia Tenggara Jepun dan Asian Youth Volunteer Program. Program-program ini dianjurkan sepanjang tahun bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada belia di peringkat

antarabangsa dalam pelbagai aspek bidang. Festival Belia Putrajaya tahun depan juga akan kita memasuki komponen antarabangsa untuk makluman Dewan. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Masjid Tanah, kementerian juga sentiasa memberi penekanan dalam usaha melahirkan belia yang berfikiran rasional serta...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Minta penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Seremban.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terlebih dahulu tahniahlah Yang Berhormat Rembau menjadi Menteri Belia dan Sukan. Saya nak tanya sedikit penjelasan berkenaan dengan program pengantarabangsaan belia-belia ini. Saya tertarik dengan program-program *youth exchange* ini. Ini kerana di universiti-universiti tempatan, ada sebuah pertubuhan yang dahulu semasa saya berada di UKM pun saya pernah menganggotai iaitu AIESEC.

Pertubuhan ini adalah satu pertukaran belia, saya nak tanya adakah Kementerian Belia dan Sukan ada memberikan bantuan ataupun ada program bersama dengan pertubuhan-pertubuhan ini di peringkat universiti sebab AIESEC ini sendiri dia memang programnya ialah untuk menggalakkan *youth exchange*. Saya rasa adalah baik kalau Kementerian Belia dan Sukan ada program-program bersama dengan mereka kerana mereka dapat memberikan input dan sebagainya untuk menambah baik program-program pertukaran belia ini. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Menteri, boleh jawab soalan sekali? Dari Bakri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bakri, sila.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Di sini saya nak tanya, adakah pihak kementerian pernah memberikan bantuan atau insentif kepada belia-belia atau pasukan-pasukan yang berjaya memasuki peringkat akhir dalam acara sukan, akademik atau pasukan beruniform di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Minta penjelasan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih pertamanya sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Seremban.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Oh, *sorry*. Sudah pindah kawasan, *sorry*. Terima kasih Yang Berhormat Seremban. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Seremban, di bawah Dana Belia 1Malaysia iaitu dana belia yang mendahului dana belia 1M4U, ada pelbagai bantuan yang telah diberi kepada AIESEC di universiti-universiti tempatan. Saya ingat tanpa rujukan kepada pegawai-pegawai, kita telah memberi bantuan pembiayaan kepada AIESEC di Universiti Teknologi Petronas dan juga beberapa lagi IPTA.

Untuk Kementerian Belia dan Sukan setakat hari ini, kita memberi bantuan *one off* kepada pertubuhan-pertubuhan dan juga kepada persatuan-persatuan malah yang ada di universiti juga kalau sekiranya ada mana-mana daripada AIESEC ataupun persatuan lain daripada universiti yang ingin kemukakan, saya cadangkan boleh kemukakan kepada KBS. Saya amat memahami aktiviti yang dijalankan oleh AIESEC.

Sebab itu kita pernah dan saya sewaktu saya menjaga pengelolaan Dana Belia 1Malaysia telah meluluskan beberapa peruntukan untuk AIESEC di universiti. Sahabat saya dari Bakri, jawapannya 'ya', kita ada bagi pembiayaan kepada badan-badan beruniform dan juga persatuan-persatuan terutamanya yang sudah sampai ke peringkat antarabangsa. Untuk makluman, buat kali pertama bermula daripada tahun lepas, kita telah memberi bantuan secara geran tahunan kepada badan-badan beruniform sama ada Pengakap, Pandu Puteri, St. John Ambulans dan sebagainya dan *on the case by case basis*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kita memberi kepada persatuan-persatuan yang pergi ke peringkat antarabangsa untuk pertandingan.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** [Bangun]

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya, ada lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bakri.

■1140

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Di sini Menteri, sila beri senarai bantuan-bantuan atau dalam acara apa beri kepada saya. Boleh tidak? Boleh tidak dapatkan senarai?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Boleh Yang Berhormat Bakri. Saya beri secara bertulis ya. Menjawab Ahli Yang Berhormat Lenggong dan juga Ahli Yang Berhormat daripada Masjid Tanah, kementerian juga sentiasa memberi penekanan dalam usaha melahirkan belia yang berfikiran rasional serta mempunyai sifat patriotik dengan melaksanakan program-program ke arah menyemai nilai-nilai murni pembudayaan kebudayaan dan semangat cintakan rakyat di setiap peringkat.

Antaranya menerusi pelaksanaan Program Jati Diri Kesukarelawan Nasional (PJKN) yang masih lagi dilaksanakan, Kapal Layar Diraja Tunas Samudera, program sambutan kemerdekaan, Forum Generasi Muda, Program Anugerah Belia Negara dan juga Program Remaja Perdana dan pelbagai lagi program.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengulas mengenai *1Malaysia For Youth* atau pun (1M4U) seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Program ini bukanlah penjenamaan semula kepada Program Rakan Muda. Sebaliknya 1M4U dilancarkan pada 15 Julai 2012 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merupakan satu inisiatif dari kerajaan untuk menggalakkan penyertaan para belia dalam aktiviti kesukarelawan di Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, program-program rakan muda masih lagi berjalan aktif dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari kalangan belia. Sepanjang 2010 hingga 2012 sahaja, sebanyak 7,751 Program Rakan Muda telah dilaksanakan di seluruh negara dengan penyertaan seramai 1.4 juta orang belia berumur antara 15 hingga 25 tahun.

Untuk makluman juga, sehingga kini dianggarkan seramai 2.6 juta orang belia telah menganggotai persatuan-persatuan belia. Ahli-ahli persatuan belia ini sememangnya bebas untuk terlibat dalam program-program pembangunan belia di peringkat pentadbiran dan pengurusan persatuan masing-masing tanpa campur tangan daripada kementerian. Manakala penglibatan ahli-ahli persatuan dalam program-program yang dianjurkan sama ada oleh pihak kementerian mahupun badan bukan kerajaan, ia merupakan satu bentuk usaha sama yang dijalankan bagi menggalakkan perkembangan persatuan dengan pelbagai program dan aktiviti yang bermanfaat.

Justeru itu ia bukanlah semata-mata untuk memenuhi majlis atau pun program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat Bukit Bendera. Malahan, program-program kerajaan yang melibatkan himpunan atau penyertaan orang muda dan belia ini berlangsung dengan aman dan dalam suasana yang harmoni.

Seterusnya saya ingin mengulas mengenai saranan daripada Yang Berhormat Pasir Mas supaya kerajaan mengislahkan dasar belia. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Belia yang digubal sememangnya telah memberi penekanan secara syumul, holistik bagi pembangunan belia yang merangkumi ruang lingkup kehidupan semua agama melalui penerapan nilai-nilai murni, termasuklah nilai-nilai kerohanian, keperibadian, tingkah laku, keagamaan serta keupayaan dan daya saing ke arah membentuk peribadi belia yang unggul. Saya ada senarai yang lebih lanjut...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Mohon laluan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Nanti saya boleh sampaikan kepada Ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Temerloh dengan Sepang.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Sahabat saya Yang Berhormat Temerloh, lepas itu Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkait dengan hasrat dan juga tindakan untuk menerapkan nilai-nilai murni dalam Kementerian Belia dan Sukan. Baru-baru ini negara kita gempar dengan kes rogol di SUKMA. Apabila kita meneliti pemberitaan yang berkait dengan kes ini ialah merujuk kepada bagaimana minuman keras begitu mudah masuk dalam perkampungan sukan yang terletak pula dalam UPM dan disebut mangsa diperkosa dalam keadaan mabuk dan juga pihak yang melakukan jenayah juga dalam keadaan yang sedemikian. Jadi, itu yang pertama.

Kemudian yang kedua, apakah sebenarnya keadaan keselamatan atlet dalam satu-satu sukan yang diadakan dalam sebuah perkampungan itu begitu longgar sehingga boleh menjejaskan masa depan mereka. Saya mengharapkan selepas ini mungkin pihak berkuasa akan mengambil tindakan tegas tetapi tidaklah dilepaskan percuma dengan menganggap bahawa atlet tersebut mempunyai masa depan yang cerah, lalu dibebaskan sebagaimana pernah berlaku sebelum daripada ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ingin mewujudkan nilai-nilai Islam dalam program belia ini. Saya ingin bertanya kalau tidak silap saya tahun lepas ada satu hari Sambutan Belia Negara di Putrajaya yang menyaksikan perhimpunan seluruh belia di seluruh negara. Pada program tersebut, saya rasa Yang Berhormat Menteri tahu bahawa dijemput penyanyi k-pop daripada Korea dengan berpakaian yang kita rasa tidak sesuai dengan budaya masyarakat di Timur ini.

Saya difahamkan dibelanjakan wang berjuta ringgit untuk memanggil artis k-pop ini. Sedangkan kalau sekiranya kita hendak menyelamatkan belia daripada masalah-masalah sosial ini, masalah-masalah moral ini sepatutnya kita memanggil paling kurang artis Malaysia. Kenapa kita harus panggil artis yang kita menelan belanja berjuta-juta ringgit dan kita hidangkan pula dengan program-program yang *lagha* itu. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian terhadap perkara ini untuk program-program belia pada masa akan datang.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Bukit Mertajam.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Boleh sambung sedikit.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Mana satu?

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar boleh.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Yang Berhormat Kapar. Teruskan, teruskan okey.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tekankan dekat sini gejala sosial dengan jenayah sekarang melibatkan belia. Apakah langkah-langkah drastik jangka masa pendek yang diambil oleh Menteri Belia dan Sukan untuk mengatasi masalah penglibatan jenayah oleh belia kini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri kata 1M4U bukanlah untuk menggantikan Rakan Muda. Jadi, saya hendak tahu apakah perbezaan antara kedua-dua program ini? Ini kerana adakah mungkin mempunyai *redundancy* yang akan menghabiskan kos atau pun membazirkan kos sedangkan satu sahaja program belia sudah mencukupi, satu sahaja rakan muda sudah mencukupi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih atas keprihatinan dan juga soalan-soalan yang dikemukakan tadi. Pertamanya, sahabat saya daripada Temerloh yang telah menyentuh mengenai kes isu semasa iaitu kes pemerkosaan atau pun kes tuduhan rogol yang telah berlaku di Sukan Malaysia baru-baru ini.

Saya telah memaklumkan kepada pihak media dan seterusnya kepada rakyat bahawa kes ini adalah satu kes yang amat mendukacitakan. Saya dapati bahawa setelah rujuk kepada Majlis Sukan Negara dan juga kepada pihak-pihak yang berkenaan, kes ini adalah satu kes sahaja yang pernah berlaku dalam sejarah penganjuran Sukan Malaysia semenjak tahun 1986. Namun demikian walaupun hanya satu kes, ia adalah satu kes terlalu banyak daripada apa yang dikehendaki. *One case, too many.*

Oleh yang demikian, saya menganggap amat-amat serius perkara ini. Untuk makluman Dewan sebagai penjelasan apa yang telah berlaku, tuduhan apa yang telah berlaku berdasarkan kepada laporan yang saya telah terima adalah bahawa ada dua insiden yang berkaitan. Pertamanya insiden yang melibatkan pemain-pemain, atlet dan juga malangnya jurulatih daripada pasukan bola baling lelaki Wilayah Persekutuan, setelah mereka kalah pada perlawanan pada hari tersebut, pada malam itu mereka telah buat keputusan untuk keluar dan membeli minuman keras dan membawa minuman keras itu masuk ke dalam perkampungan sukan di Universiti Putra Malaysia, Kolej Kedua di mana minuman keras itu diminum bersama di gelanggang bola keranjang Kolej Kedua, UPM.

Perkara tersebut telah berlangsung dan setelah perkara tersebut telah tamat atau pun insiden tersebut telah tamat, maka berlakunya insiden yang kedua yang melibatkan antara individu yang hadir di acara minuman keras tersebut yang melibatkan tiga atlet lelaki dengan seorang pegawai tambahan iaitu pegawai tambahan perempuan daripada pasukan yang sama.

Saya telah minta supaya pertamanya, sambil kita menunggu hasil siasatan daripada pihak PDRM dan perkara ini saya hendak maklumkan kepada Dewan sebagai *update* kepada kes ini bahawa pagi tadi saya telah berhubung dengan Peguam Negara di mana kertas siasatan atau pun *investigation paper* daripada pihak PDRM telah pun sampai ke tangan Peguam Negara, di kamar Peguam Negara dan Peguam Negara, saya difahamkan oleh beliau akan mengambil tindakan secepat mungkin mengenai kes ini dari segi jenayah.

#### ■1150

Soal apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh bahawa mereka harus tidak dilepaskan oleh kerana masa hadapan yang cerah. Itu bukannya keputusan kerajaan ataupun kementerian. Itu adalah ulasan daripada hakim waktu perbicaraan seorang atlet boling dahulu ya. Jadi kita harap kali ini ada perbicaraan yang adil dan ada hukuman yang setimpal daripada badan kehakiman.

Soal yang di bawah pengelolaan kementerian adalah soal disiplin dan juga melanggar tataetika disiplin dengan membawa masuk minuman keras ke dalam perkampungan sukan. Saya telah minta Dato' Seri Zolkples Embong sebagai Ketua Pengarah MSN untuk buat satu *post-mortem* bedah siasat secara rapi dan cepat mengenai bagaimana perkara ini boleh berlaku.

Untuk makluman, Dewan kita bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia dari segi keselamatan. Saya sendiri telah melawat perkampungan sukan dan melihat bahawa ada kerjasama daripada *security* UPM, ada kerjasama daripada Polis Diraja Malaysia. Akan tetapi saya juga tidak berpuas hati kenapa insiden meminum minuman keras itu boleh berlangsung dalam satu keadaan yang terbuka iaitu gelanggang bola keranjang tanpa pengesanan daripada mana-mana *security* ataupun anggota keselamatan. Perkara tersebut

saya akan maklumkan kepada orang ramai selepas saya menerima maklum balas daripada Jawatankuasa Siasatan, yang pertama.

Kedua, kalau sekiranya saya sendiri tidak puas hati dengan bedah siasat yang dilakukan oleh MSN itu sendiri, saya akan lantik pihak ketiga iaitu mungkin Ketua Setiausaha Kementerian untuk melaksanakan siasatan supaya ada pihak ketiga yang boleh sahkan siasatan yang dijalankan oleh MSN.

Untuk masa hadapan Ahli Yang Berhormat, saya proaktif untuk melihat bahawa perkara ini tidak akan berulang. Jadi kita ada Sukan Malaysia di Perlis di Kangar pada...

**Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Sekejap ya Yang Berhormat Ampang, saya habiskan dahulu. Untuk tahun hadapan dan selain daripada usaha untuk kita ketatkan lagi keselamatan di mana saya sendiri akan memanggil majlis-majlis sukan negeri. Supaya Majlis Sukan Negeri ada *assurance* ada jaminan bahawa tahap keselamatan itu dapat ditingkatkan agar kontinjen mereka dapat dihantar dengan keadaan yang selesa. Saya juga telah minta Agensi Anti-Doping Malaysia (Adamas) untuk kemukakan suatu protokol baru iaitu untuk memastikan bahawa temasya-temasya kita akan datang adalah bebas daripada bukan hanya dadah, *drug free* tetapi juga *alcohol free*. Ini akan melibatkan beberapa langkah terutamanya langkah-langkah yang melibatkan ujian *breathalyzer* secara rawak ataupun secara rambang supaya kita dapat memastikan bukan hanya atlet kita bebas daripada dadah sama ada *recreational drug* ataupun *performance enhancing drug* tetapi sentiasa bebas daripada alkohol. Yang Berhormat Ampang perkara yang samakah sebab saya hendak pergi ke... Okey.

**Puan Hajjah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Memandangkan mangsa-mangsa yang terjadi dalam Kementerian Sukan itu dalam pesta sukan adalah anak-anak gadis, orang perempuan ya yang kena rogol. Jadi saya minta Menteri membuat satu pendekatan yang lebih serius, ada pemantauan lebih serius terutama kepada anak-anak perempuan ini. Jangan menjadikan majlis-majlis sukan ini sebagai satu pergaulan bebas seolah-olah trend ini telah terjadi dalam sukan-sukan yang diadakan trend pergaulan bebas dan berlakunya kes-kes seperti begini. Bermula daripada atlet India yang kena rogol oleh jurulatih sampai minum racun dan seterusnya banyak lagi kes-kes yang sebegini yang melibatkan anak-anak gadis. Jadi kementerian Menteri yang baru ini saya harap akan menjadi pelindung ya kepada mereka. *Insyallah*.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Yang Berhormat daripada Ampang. Untuk makluman saya cuma hendak jelaskan bahawa pergaulan di peringkat asrama adalah bukannya pergaulan bebas. Atlet wanita sudah pasti diletakkan dalam asrama wanita dan atlet lelaki diletakkan dalam asrama lelaki. Tidak ada pergaulan di peringkat asrama itu sendiri. Dalam kes ini Ahli Yang Berhormat ia melibatkan seorang pegawai wanita yang ada dalam pasukan itu sendiri. Oleh yang demikian, tidak dapat dielakkan daripada beliau bergaul dengan pemain sebab dia adalah pegawai pengiring bagi pasukan. Akan tetapi saya telah minta supaya kita melihat semula kepada pegawai-pegawai pengiring.

Oleh sebab pegawai pengiring ini umurnya 19 tahun, yang mengiring pasukan atlet 18 tahun. Jadi di situ teguran telah diberi kepada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan bahawa pegawai pengiring ini juga tidak seharusnya datang daripada kalangan umur yang sama, yang sebaya. Oleh sebab itu yang akan menimbulkan kes-kes seperti ini. Kita telah mengambil langkah awal, saya telah minta supaya Majlis Sukan Wilayah Persekutuan menggantung bukan hanya pemain-pemain yang terlibat, pegawai-pegawai yang terlibat, pengurus pasukan juga. Juga telah minta Persatuan Bola Baling Malaysia (*Malaysia Handball Federation*) untuk gantung mereka sampai siasatan ini dilaksanakan. Akan tetapi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat saya akan terus menjadi pelindung kepada atlet-atlet wanita *insyallah* dalam masa yang akan datang.

Untuk makluman... *[Disampuk]* Hendak membantu? Tidak payahlah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Sepang. Ahli Yang Berhormat daripada Sepang, memang betul pada tahun lepas di Himpunan Jutaan Belia Putrajaya telah diundang satu kumpulan K-Pop yang telah menimbulkan pelbagai reaksi. Oleh yang demikian untuk Festival Belia Putrajaya acara yang sama tahun ini tetapi kita guna nama yang berbeza, tahun lepas Himpunan Jutaan Belia Putrajaya dan tahun ini Festival Belia Putrajaya. Kita telah mengubah cara ataupun pendekatan supaya perkara yang sama tidak diulangi. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat daripada Sepang kali ini kita tidak jemput artis luar negara terutamanya artis K-pop. Kali ini kita hanya menjemput artis-artis tempatan dan juga kali ini kita telah meningkatkan lagi program-program yang saya rasa lebih berfaedah. Contohnya Program Tadarus Al-Quran, Forum Perdana Hal Ehwal Islam, Pertandingan Nasyid, Kembara Ziarah Dakwah, Karnival Halal Toyyiban, khutbah khas sempena Hari Belia dan solat hajat.

Jadi aspek itu saya cuba mengimbangi tahun ini dengan apa yang menjadi kritikan pada tahun lepas. Saya dapati bahawa sambutan tahun ini dengan tidak adanya K-Pop dengan adanya peningkatan dari segi program-program kerohanian adalah amat-amat dialu-alukan oleh...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh panggil Ustaz Azhar Idrus tidak? Dia ini boleh menarik ramai, saya rasa orang UMNO pun minat, orang UMNO minat dengan Ustaz Azhar Idrus ini. Jadi macam mana boleh fikirkan? Sebab beliau ini adalah ikon anak muda tanpa mengira parti politik. Apa salahnya kita...

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Itu politik Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kita panggil dia untuk menarik sebab dia ini ada tarikan. Menteri duduk sebelah Ustaz Azhar.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya rasa cadangan yang baik tetapi ada ramai juga ustaz yang lebih popular yang tidak akan mempolitikkan keadaan di Festival Belia Putrajaya tetapi terima kasih. Ringkas saya panjangkan lagi Tuan Yang di-Pertua sebab saya difahamkan Yang Berhormat Kota Belud belum sampai lagi, sampai sudah jadi saya cepatkan sedikitlah.

Untuk soalan daripada Kampar tadi gejala sosial yang drastik melibatkan jenayah. Sukacita saya maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan sedang merancang untuk bekerjasama dengan Kementerian Dalam Negeri dalam satu Program Lautan Biru (*Blue Ocean Strategy*). Bagaimana kita dapat melibatkan lebih ramai lagi orang muda dalam Rakan Cop dalam pelbagai usaha kesukarelawanan untuk memastikan bahawa orang muda akan tampil berdepan dan memerangi jenayah bersama dengan polis dan juga anggota-anggota penguatkuasaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam kalau tidak silap saya mengenai penindihan antara Rakan Muda dan 1M4U. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Mertajam perkara ini telah pun kita perhalusi setelah diperkenalkan 1M4U. 1M4U ini beza daripada Rakan Muda. Rakan Muda di bawah pengelolaan Kementerian Belia dan Sukan itu sendiri tetapi 1M4U adalah satu badan khas yang ada lembaga pemegang amanahnya yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Sekejap ya. Saya telah minta supaya program-program Rakan Muda dan 1M4U tidak bertindih. 1M4U lebih kepada program-program yang dicadangkan oleh orang muda yang ada idea kesukarelawanan dia tampil ke hadapan untuk dapatkan geran daripada 1M4U bagi program kesukarelawanan di peringkat yang lebih tinggi lagi. Rakan Muda kita masih lagi fokus kepada sama ada mereka yang masih ada sekolah, *school leavers* dari segi program-program kepimpinan dan kesukarelawanan di peringkat yang lebih rendah lagi, jadi dia ada beza. Program Rakan Muda adalah program yang disediakan, yang dirangka oleh kementerian sendiri manakala 1M4U lebih kepada program yang direka oleh mereka yang minta pembiayaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya tiga yang bangun, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Yang Berhormat Sungai Petani dan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tidak....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Bendera.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya Yang Berhormat Bukit Bendera. Okey.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menteri ini berhubung dengan remaja dan jenayah. Saya hendak tanya pandangan Menteri, adakah Menteri rasa perubahan struktur bagaimana anak-anak muda kita ini dibina itu penting?

■1200

Sebagai contoh kalau kita lihat masalah gejala remaja ini berlaku lazimnya selepas mereka menamatkan SPM. Selepas SPM sementara dia menunggu *result* keluar ataupun dia hendak *proceed* pergi ke kolej atau mana-mana, inilah waktu yang amat kritikal. Kalau kita lihat anak-anak yang merempit dan sebagainya, inilah waktu yang mereka gunakan dan masa itu agak panjang. Kadang-kadang sampai tiga bulan.

Adakah menteri merasakan bahawa kita ada program PLKN yang diterajui oleh Kementerian Pertahanan dan kita sudah belanja pun RM6 billion. Kita tidak tahu sama ada program ini berjaya atau tidak sebenarnya. Jadi adakah kerajaan mempunyai strategi untuk akhirnya PLKN ini kita *convert* menjadi satu *national service* yang betul-betul seperti yang diadakan di Singapura, Korea, Jepun ataupun negara-negara lain untuk memastikan bahawa selepas saja anak-anak kita ini tamat Tingkatan Lima atau *high school* terus masuk ke program ini untuk dua tahun dan mereka ini diberikan latihan ketenteraan.

Akhirnya kita selesaikan banyak masalah. Bukan saja masalah jenayah tetapi juga dapat menambahkan anggota polis dan tentera menjaga negara kita. *By the time* dia keluar daripada servis ini, umur 21 tahun atau 22 tahun. Masuk universiti *by the time* dia *graduate* dia sudah 25 tahun umurnya. Jadi selesai masalah. Bukan 25 bulan, 25 tahun.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Yang Berhormat Bukit Bendera, selepas itu saya hendak pergi kepada topik lain.

**Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isu perbezaan antara Rakan Muda dengan 1M4U kalau kita lihat dalam *Facebook page* Rakan Muda yang saya tengah lihat ini jadi kita dapat lihat walaupun banyak pengemaskinian yang dibuat dan *updated* ataupun terkini. Kebanyakan daripada *postingnya* adalah berkenaan dengan Program 1M4U dan saya rasa program-program Kementerian Belia dan Sukan yang lain. Saya rasa kalau kita ambil keluar program-program 1M4U daripada website *Facebook* Rakan Muda tidak banyak Program Rakan Muda yang terdapat dan saya difahamkan juga dan saya memang tahu 1M4U memang mempunyai *Facebook page* yang tersendiri.

Jadi kita ingin tanya adakah berlaku sekali lagi *redundancy* di mana Rakan Muda yang walaupun Yang Berhormat Menteri kata masih lagi aktif tapi kalau kita lihat programnya tidak banyak berbanding dengan 1M4U. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Menteri, satu sahaja.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Bangun]

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tak mengapalah Yang Berhormat Ampang, masa sudah suntuk.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri yang saya faham tentang Program Rakan Muda ini adalah mereka yang berumur daripada 15 tahun hingga 25 tahun. Jadi kalau program-program yang dibuat oleh Rakan Muda ini apabila golongan yang berumur 25 tahun hingga 40 tahun, mereka ada kekangan untuk melaksanakan program berkaitan Rakan Muda ini. Adakah ia menggunakan platform 1M4U untuk melaksanakan program dan mendapat sumber dana bagi melaksanakan program-program tersebut? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]



**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya lihat dalam kempen PRU-13 yang lepas, banyak program 1M4U yang digunakan sebagai *vehicle* untuk kempen oleh Barisan Nasional UMNO. Jadi saya hendak tahu berapa perbelanjaan yang telah digunakan dalam PRU Ke-13 untuk mempromosikan 1M4U ini?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Menteri, sedikit Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak fikir pelbagai program yang dibuat ini ia boleh mendatangkan masalah kerana hakikatnya orang muda ini dia berbeza-beza keadaan, tempat berbeza, kesukaan berbeza, minat berbeza dan dalam kelompok umur yang berbeza. Jadi kepelbagaian program ini okey penting ada program yang boleh orang muda sendiri buat. Ada orang muda yang dia tidak boleh buat, dia kena diprogramkan.

Soalnya saya hendak tanya kementerian apakah kajian telah dibuat, berapa peratus orang muda di negara ini yang telah mendapat manfaat dari setiap program yang kita buat ini? Kelompok mana dapat lebih, kelompok mana yang tidak dapat lebih? Adakah orang muda di kampung dapat nikmat dari program, di bandar bagaimana? Ini kerana saya fikir kita kena pelbagaikan program. 1M4U kah, Rakan Mudakah, apa juga program dan semua pihak mesti bertanggungjawab.

Oleh sebab itu saya cadangkan dulu Jawatankuasa Kabinet itu mesti dibuat maknanya *Blue Ocean Strategy*. Semua kementerian mesti bertanggungjawab dalam membangunkan agenda belia ini. Soal saya berapa ratus kelompok belia dapat nikmat? Ada yang saya fikir tidak dapat nikmat dari setiap program yang kita buat. Pandangan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** [Bangun]

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kota Bharu bangun, Yang Berhormat Kuala Nerus, mana satu? Dua, dua? Yang Berhormat Kota Bharu.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri sahabat saya. Saya hendak masuk hal sukan. Bukan belia, boleh?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Sukan nanti.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Belum lagi?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Ya belum lagi.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sekejap lagi?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus, belia? Ya sila.

**Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Persoalan pembangunan holistik untuk anak-anak muda ini pertama sekali sejauh mana kerjasama dengan satunya Kementerian Pendidikan sendiri kerana ia melibatkan persoalan besar melibatkan belia.

Kedua, sebahagian belia ini adalah wanita. Jadi jaringan kerja dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pun timbul sejauh mana dia diadakan satu kerjasama? Ketiga, tentang isu persatuan belia. Orientasi persatuan belia pada hari ini, apa orientasinya, keusahawanakah ataupun kesukanan semata-mata? Itu soalan saya terima kasih.

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bukit Katil, boleh?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** *Last.*

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]:** Baik Yang Berhormat Menteri ada dua soalan. Satu tentang komitmen pihak Menteri sendiri mengenai bahawa Kementerian Belia dan Sukan ini adalah Kementerian Belia dan Sukan bukan Kementerian Belia dan Sukan Barisan Nasional tapi rungutan di bawah, saya lihat banyak tekanan yang diberikan yang diberikan kepada mereka yang tidak menyokong Barisan Nasional.

Soalan saya, mudah. Apakah mekanisme boleh diwujudkan untuk laporan-laporan begini ditangani secara serius oleh menteri sendiri kerana itu komitmen beliau di dalam kenyataan beliau yang dilakukan.

Kedua ialah soal program-program di pedesaan dan kampung-kampung. Saya ingat antara rungutannya ialah soal pendanaan. Setujukah kementerian kalau boleh digubal semula program-program, dikaji semula program-program mega belia ini supaya peruntukan yang lebih dapat diberikan ke program-program belia di kampung dan pedesaan. Terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Ramai yang tanya soalan, ramai yang minat dalam bidang belia ini. Pertamanya cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani. Program PLKN ini sebenarnya telah wujud sejak 2004 tetapi program PLKN ini oleh kerana dibuat pilihannya secara rawak, ia hanya dapat pilih 24% daripada *cohort* yang keluar daripada SPM.

Oleh yang demikian, 76% tidak terlibat dalam PLKN. Jadi maksud semangat dari belakang cadangan Ahli Yang Berhormat Sungai Petani itu adalah bahawa kita buat satu kerahan nasional, *national service*, kerahan kebangsaan yang menyeluruh, yang melibatkan semua. Ini adalah perkara yang perlu dibincangkan di peringkat kerajaan walaupun cadangan secara peribadi, cadangan yang baik tetapi akan melibatkan kos yang tinggi. Contohnya PLKN hanya melibatkan 24% daripada *cohort* sekarang secara puratanya menelan perbelanjaan RM600 juta setiap tahun dari segi kos pengurusannya. Hampir sama dengan bajet keseluruhan Kementerian Belia dan Sukan.

Oleh yang demikian, kalau sekiranya kita hendak *scale up* perkara ini untuk melibatkan semua bagi tempoh masa satu tahun, satu tahun setengah, dua tahun seperti mana *national service* di negara lain akan melibatkan akan ada kesan kepada perbelanjaan kerajaan dan perkara yang perlu kita bincang dengan lebih mendalam di peringkat kerajaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Bukit Bendera dan juga berkaitan dengan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi. Memang betul ada program yang dijalankan bersama Rakan Muda dan 1M4U disebabkan Rakan Muda kita juga menggunakan dana daripada 1M4U. Akan tetapi itu tidak bermaksud bahawa program Rakan Muda ini yang *stand alone* tidak wujud lagi, tidak bermakna bahawa apabila dimuat naik program-program Rakan Muda 1M4U dalam *Facebook* itu sahajalah program-program yang dijalankan oleh Rakan Muda dan seperti mana yang saya tegaskan sekali lagi soalan kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam, dia punya *target group* adalah sedikit berbeza. Rakan Muda masih lagi yang ada di sekolah, 15 tahun hingga 25 tahun. 1M4U adalah untuk menyeluruh sampai ke umur yang lebih tua lagi ataupun masih lagi belia tetapi umur yang lebih meningkat lagi.

Soalan daripada Yang Berhormat Ampang tadi, 1M4U tidak ada apa-apa 1M4U yang terlibat secara langsung dalam kempen Barisan Nasional pada pilihan raya lepas. 1M4U adalah sukarelawan yang cintakan negara dan masa depan negara yang stabil, yang aman dan makmur dan mereka hanya membawa aspirasi kebangsaan. Jadi tidak ada 1M4U yang terlibat dalam kempen Barisan Nasional ataupun perbelanjaan 1M4U yang terlibat dalam kempen Barisan Nasional.

Ahli Yang Berhormat Lenggong tanya tentang kajian. Kajian yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Lenggong kebetulan sedang pun dijalankan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan kajian ini akan mengambil masa beberapa bulan. Selepas ini saya akan maklumkan hasil kajian kepada Ahli Yang Berhormat sekiranya minat.

Soalan daripada Yang Berhormat Kuala Nerus, memang betul kita ada bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan terutamanya melalui sebagaimana yang saya sebutkan tadi program-program Rakan Muda yang melibatkan kepimpinan pelajar-pelajar di sekolah di mana kita hendak mencari pelapis-pelapis. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga kita ada beberapa program yang telah kita mula. Satu cadangan yang baik sebab ini melibatkan *family*, komuniti dan masyarakat yang ada di bawah program Lautan Biru, di mana kita telah mulakan contohnya usahawan muda bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan menggunakan jentera Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Hala tuju persatuan belia, untuk makluman Yang Berhormat, persatuan belia ini bebas dari segi penekanannya. Kita ada Pendaftar Pertubuhan Belia atau *Register of Youth (ROY)* yang cukup terbuka kepada mana-mana persatuan belia. Malah baru-baru ini dalam *Tweeter* saya telah mendapat mesej daripada seorang penyokong parti lawan yang telah mendaftar persatuan beliau di ROY dan telah mengucapkan tahniah sebab pendaftaran itu begitu licin sekali. Ini membantu menjawab soalan dari Yang Berhormat Bukit Katil tadi di mana kenyataan saya bukan kenyataan sahaja. Kita hendak melaksanakan perkara tersebut. Oleh sebab itu saya jemput Dewan Pemuda PAS datang. Kalau selepas Angkatan Muda Keadilan hendak datang ke KBS hendak bincangkan soal masa depan negara dan juga pembangunan belia, dipersilakan. Ini kerana kita hendak pastikan bahawa pendekatan kita merentasi pemahaman politik untuk membangunkan belia.

Soalan spesifik tadi mengenai dana belia yang dikatakan tidak sampai ke peringkat desa dan sebagainya. Pertamanya, semalam saya jawab di dalam Dewan ini bahawa Festival Putrajaya menjadi *showcase* bagi kita. Kita akan pastikan bahawa dirasai program itu di setiap peringkat daerah dan juga negeri. Akan tetapi apa yang lebih penting daripada itu Ahli Yang Berhormat untuk makluman juga ini berkaitan dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY). Saya dapat banyak permintaan daripada persatuan-persatuan belia sama ada di peringkat kebangsaan, negeri atau di peringkat daerah juga untuk pembiayaan. Banyak daripada permintaan ini sebenarnya permintaan yang *deserving* sebab hendak menjalankan program, hendak melaksanakan program dan *concern* atau pun kebimbangan Yang Berhormat amat penting sekali iaitu biarlah sampai ke peringkat desa dan sampai ke peringkat akar umbi. Akan tetapi sekiranya kita hendak bagi pukul rata kepada semua persatuan belia yang ada, saya rasa tidak ada kemampuan daripada pihak kerajaan.

Kita boleh bagi kepada gabungan MBM. Kita boleh bagi kepada *national body*, badan beruniform dan sebagainya tetapi kepada peringkat akar umbi itu saya rasa amat-amat mustahil. Akan tetapi apa yang kita buat secara pembaharuan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah saya telah minta supaya Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) kita mempraktikkan satu sistem yang baru iaitu sistem penarafan. Sistem penarafan ini akan membantu Kementerian Belia dan Sukan untuk kita menyalurkan pembiayaan dan juga bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan yang betul-betul buat kerja. Ini kerana kalau kita hendak bagi secara pukul rata kita tidak ada *benchmark*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Kita tidak ada penanda aras dari prestasi mereka. Saya minta maaf kepada Ahli Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sedikit sahaja. Hendak sokong.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya minta maaf Yang Berhormat sebab Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada banyak masa ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya rasa saya sudah beri cukup banyak ruang kepada ramai yang bertanya soalan. Saya tidak bagi ya.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Hendak sokong. Sekejap sahaja. Dua minit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belia atau sukan?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya minta maaf Yang Berhormat Sepang. Saya minta maaf.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, boleh kita tanya dan selepas itu dapat jawapan bertulis?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak cadangkan. Sedikit sahaja.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya minta maaf.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Sepang.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Sepang *lawyer*, mana boleh buat macam itu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri benarkan atau tidak?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, dengan izin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri ini terbuka sedikit. Tidak macam Menteri lain. Yang Berhormat Menteri ini nampak macam Pakatan punya Menteriilah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Pemikirannya macam Pakatan. Jadi kita boleh ini sedikitlah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Berbalik kepada isu sukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh ya? Sedikit sahaja.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri tidak benarkan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Mungkin boleh bangkitkan soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri tidak benarkan hendak beralih kepada isu sukan. Isu sukan ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ya, isu sukan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya hendak beralih kepada isu sukan.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Isu tadi saya hendak tambah sedikit sahaja.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Minta maaf Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini Parlimen, bukan pasar. Duduklah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Allah, jangan cakap macam itu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa pula pasar. Saya hendak tolong Yang Berhormat Menteri. Kenapa pasar pula? Kalau pasar kita cakap lain. Kita cakap mengenai ikan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, kita tanya sini. Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Kita tanya sini. Yang Berhormat Menteri boleh jawab secara bertulis.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri bagilah peluang.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Seterusnya saya ingin memberi maklum balas dan pandangan terhadap isu-isu berkaitan pembangunan sukan negara seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri jaga pasarlah macam ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Macam mana nak *improve* sukan kalau tidak boleh dapat *feedback*?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Nibong Tebal ada menyentuh mengenai tanggungjawab besar kementerian dalam membangunkan sukan negara serta mengembalikan kegemilangannya seperti dalam sukan bola sepak, hoki, badminton, takraw, *squash* dan pelbagai lagi termasuk sukan-sukan oleh olahraga yang lain. Terima kasih di atas keprihatinan, minat, kerisauan dan juga harapan yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua.

Untuk makluman, Kementerian Belia dan Sukan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) telah melaksanakan program pembangunan atlet pelapis dengan menubuhkan pusat-pusat latihan di seluruh negara dalam usaha untuk menyediakan tapak penyertaan yang lebih meluas dengan atlet-atlet yang berbakat dan berpotensi. Pada masa ini seramai 5,635 atlet-atlet pelapis sedang menjalani latihan di bawah Program Pelapis Kebangsaan, Serantau dan Negeri di seluruh negara dalam pelbagai bidang sukan.

Pada masa yang sama kementerian telah melaksanakan program Pencarian Bakat (*Talent Scout*) dan program Mengenal Pasti Bakat (*Talent Identification*) untuk memastikan pemilihan atlet yang berkualiti dapat dijalankan menerusi kaedah sains sukan. Program latihan dan pendedahan yang sistematik dan berkesinambungan juga disediakan untuk memastikan bakat-bakat yang dipilih dapat dikembangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Kementerian juga akan melaksanakan penganjuran kejohanan yang dinamakan "*Talent Sport*" di peringkat daerah dan negeri yang akan memberi peluang kepada bakat-bakat baru untuk diketengahkan. Bagi meningkatkan serta memastikan prestasi sukan-sukan negara kita sentiasa di tahap yang terbaik.

Majlis Sukan Negara telah melaksanakan program latihan atlet jangka panjang yang dikenali sebagai program Atlet 2011-2014 sebagai persediaan untuk menghadapi Temasya Sukan Komanwel, Glasgow dan Sukan Asia Incheon 2014. Sukan-sukan seperti badminton, sepak takraw, bola sepak, olahraga dan sebagainya telah diserapkan ke dalam program ini selepas berakhirnya Sukan Komanwel di New Delhi dan Sukan Asia Guangzhou pada tahun 2010 yang lalu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Sukan badminton juga merupakan salah satu sukan utama di dalam program Road to Rio 2016 yang menyasarkan emas pertama negara di Sukan Olimpik Rio 2016 nanti.

Yang Berhormat Lenggong, saya sudah...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Yang Berhormat Kota Bharu.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** [Bangun]

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** [Bangun]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengambil sikap yang positif di segi usaha-usaha yang dijalankan oleh KBS untuk mempertingkatkan mutu kualiti sukan di negara kita. Juga pada masa yang sama mengembalikan kecemerlangan sukan yang satu masa dahulu kita capai di negara kita ini.

Cuma Yang Berhormat Menteri, saya ingin menarik perhatian bahawa dalam usaha kita mempertingkatkan mutu sukan negara kita, beberapa perkara asas perlu kita laksanakan. Antaranya ialah dengan izin, *for sport it must be totally political free*. Mestilah bebas daripada politik. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Akta Majlis Sukan Negara 1971 yang mana di dalam akta ini terdapatnya pembentukan Majlis Sukan Negeri. Dalam kaedah tujuh di bawah akta ini dengan jelas menyatakan bahawa Majlis Sukan Negeri hendaklah terdiri daripada ahli-ahli berikut. Ini kuasa Menteri Yang Berhormat ya.

- (i) Pengerusi Majlis Sukan Negeri hendaklah dilantik oleh Menteri dengan berunding dengan Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri itu;
- (ii) dua orang Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Negeri yang dilantik oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri negeri itu, seorang daripadanya adalah Setiausaha Kerajaan Negeri; dan
- (iii) Ahli Majlis Sukan Negeri kecuali pengerusi hendaklah dilantik oleh Menteri, Menteri Besar atau Ketua Negeri selama tempoh dua tahun atau boleh dilantik semula.

Saya ingin menarik perhatian bahawa perkara ini tidak semuanya dilaksanakan di sesetengah negeri. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh agaklah negeri mana. Negeri saya di Kelantan, MSN tidak pernah dibawa berunding dengan kerajaan negeri walaupun kerajaan negeri mempunyai Exco Belia dan Sukan. Jadi, saya hendak dapat penjelasan, yang pertama.

#### ■1220

Keduanya, mengenai Dasar Sukan Negara 2009. Di bawah dasar ini, salah satu daripada langkah untuk kita mempertingkatkan mutu sukan negara ini ialah menjadikan sukan sebagai suatu industri di mana dalam sukan sebagai industri ini, ia melibatkan penglibatan semua pihak terutamanya pihak swasta. Kemudian usaha ke arah mengeluarkan produk dan juga perkhidmatan sukan untuk penggunaan tempatan, R&D dan juga pelancongan sukan di mana *event* sukan antarabangsa dibawa ke dalam negara ini sebagai satu tarikan pelancong. Jadi, untuk ini pun saya minta satu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tambah sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Pendekkan. Ya, di belakang Yang Berhormat Stampin. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Stampin.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Dengan izin Yang Berhormat Menteri, saya ada permintaan. Terima kasih ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bermula dengan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Permintaan saya, minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri. Jika boleh, minta laporan bertulis secara terperinci rancangan, peruntukan dan jika ada aset Menteri Belia dan Sukan dalam usaha kementerian dalam

menggalakkan remaja kita dalam aktiviti *general aviation*, dengan izin, supaya kita boleh menggalakkan minat remaja kita dalam aspek aeroangkasa.

Soalan kedua, pendek sahaja. Minta pengesahan Yang Berhormat Menteri juga. Saya difahamkan kementerian pernah membeli sekurang-kurangnya enam buah *handmade aircraft* dengan izin kalau tidak salah saya yang berjenama Zodiac. Apakah status kapal terbang tersebut sekarang? Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Yang Berhormat Menteri, sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Hulu atau Kuala? Kuala dululah.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Hulu dahulu lah.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Kuala dahulu sebab dia belakang. Kuala Langat dulu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tekun mendengar Yang Berhormat Menteri beriltizam dalam jangka panjang atlet-atlet sukan ini dapat dijana untuk mencapai sasaran dan juga matlamat untuk memastikan negara ini melahirkan ramai atlet-atlet berwibawa dan sukan dimartabatkan. Saya bukan hendak angkat Yang Berhormat Ketereh, tidak. Ini jangka panjang. Jangka panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ringkaskan.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, ini jangka panjang. Saya cadangkan Yang Berhormat Menteri, tidakkah Yang Berhormat Menteri berhasrat untuk mengkaji menaiktarafkan kedudukan macam pemain bola sepak contohnya. Ada gaji minimum. Atlet ini ada gaji minimum. Sekurang-kurangnya bila mereka berlaku apa-apa, dia akan ada masa depan yang lebih tersusun dan terjamin.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, insurans. Kalau atlet itu cedera, kalau EPF, SOCSO itu dia ada llat. Akan tetapi atlet tidak ada llat. Kalau dia cedera dan cedera itu kekal, ini mungkin membolehkan insurans itu memberikan manfaat berterusan sehingga hayatnya sebagai contoh. Jadi, bila kita dalam masuk ke kerangka kita untuk memastikan atlet dan juga pemain sukan ini diberikan fokus, *benefit* ataupun faedah-faedah masa depan dan hari tua mereka juga tidak boleh kita cicirkan. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri dalam soalan ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Dua perkara yang saya anggap serius sekali. Terima kasih Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Arau. [Ketawa]

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Last, Yang Berhormat Hulu Langat. Yang Berhormat Hulu Langat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong sedikit.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapatkan penjelasan sedikit sahaja iaitu merujuk kepada latihan atlet tadi, adakah kementerian memberi kepada NGO-NGO untuk membuat

latihan? Umpamanya bakat dalam latihan hoki. Adakah mereka memberi peruntukan kepada NGO ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, kalau perkara-perkara baru yang ditimbulkan, tiada dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri boleh memilih untuk menjawab secara bertulis. Ya, Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Lanjutan daripada apa yang saya bangkitkan dalam ucapan saya tempoh hari. Kita ada Nicol David dan kita ada Lee Chong Wei. Setakat hari ini, saya sedar perancangan dibuat oleh kementerian, cukup cantik dan memang elok. Kalau hendak ditambah nilai, mungkin ada satu sini sahaja.

Setakat hari ini, apakah kementerian yakin secara jujurnya boleh atau tidak kita lahirkan seorang lagi Lee Chong Wei? Boleh atau tidak kita lahirkan seorang lagi Nicol David misalnya? Itu sahaja soalan saya. Mampu atau tidak tahap ini kita capai sekarang dengan perancangan yang telah pun dibuat? Kalau tidak mampu, maknanya adalah perkara-perkara yang perlu kita betulkan. Itu sahaja soalan saya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, boleh jawab sekali daripada Bakri. Berkenaan sukan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, *last* Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang dan Yang Berhormat Menteri beri peluang. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri. Adakah kini kementerian telah mempunyai perancangan untuk membaik pulih Kompleks Kolam Renang 'biawak' Daerah Muar yang telah terbengkalai selama 15 tahun.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Biawak, biawak.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Biawak itu apa Yang Berhormat?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Diharap Yang Berhormat Menteri yang baru ini dapat memulakan inisiatif bersama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta kerajaan negeri berhubung perkara ini. Harap boleh dimanfaatkan oleh semua rakyat Malaysia. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bakri, mana ada kolam renang ada biawak. Tidak boleh buat macam itu, Yang Berhormat Bakri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** *[Bangun]*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, lagi satu. Berkenaan sukan. Satu sahaja pendek.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Saya bagi dua lagi. Saya bagi kepada Yang Berhormat Ketereh dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh dan Yang Berhormat Batu kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Ketereh dahulu.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Okey, thank you.*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sama ada kerajaan sedar kadangkala persatuan sukan mengambil kesempatan dengan menggunakan istilah tidak harus ada campur tangan politik bagi membolehkan mereka bergerak bebas tanpa ada transparansi yang cukup, sedangkan dalam ketika-ketika yang



lain, persatuan-persatuan ini juga menagih kerjasama, bantuan dan sebagainya daripada kerajaan.

Sebenarnya banyak juga persatuan sukan mengelirukan pentafsiran bebas campur tangan politik disamakan dengan bebas campur tangan kerajaan. Sebenarnya tidak ada mana-mana badan dalam pergerakan Olimpik sedunia yang sama sekali cuba menafikan penyertaan, campur tangan dan tindakan-tindakan kerajaan. Adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk membuat koreksi tentang perkara ini kerana ada persatuan-persatuan, dalam hal tertentu, mereka meletakkan diri mereka lebih atas daripada kerajaan.

Kedua, oleh kerana persatuan-persatuan ini banyak menggunakan dana daripada orang awam dan juga dana daripada kerajaan, tidakkah pesuruhjaya sukan harus memantau dengan lebih rapi perjalanan persatuan-persatuan sukan agar mereka tidak menjadi terlalu bebas dalam keadaan mereka tidak berprestasi. Maksud saya di sini Yang Berhormat Menteri, banyak juga persatuan-persatuan sukan mengendalikan dana yang berjumlah puluhan juta. Ada persatuan sukan yang mempunyai simpanan tetap sehingga setinggi RM50 juta dan ada persatuan sukan yang mengutip dana daripada tajaan mencecah lebih daripada RM50 juta. Akan tetapi ada persatuan-persatuan sukan yang sedemikian menggunakan perbelanjaan tersebut tanpa membentangkan belanjawan. Kadangkala tanpa menjalankan kongres atau mesyuarat agung sehingga dua tahun. Kaedah-kaedah seperti ini yang menyebabkan kelemahan-kelemahan persatuan itu tidaklah dapat dibuat *correction*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Apakah Yang Berhormat Menteri bersedia melalui suruhanjaya sukan untuk melihat kepada masalah-masalah ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, *last* Yang Berhormat Batu Kawan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** *Last*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua pertanyaan. Apakah komitmen realistik pihak kementerian dalam memastikan badan-badan sukan tidak tertakluk kepada keputusan politik dengan izin, *political decision*, *race based politic* dan apa inisiatif untuk menghapuskan *red tape* dengan izin, yang akan menjejaskan kualiti sukan dan prestasi sukan di Malaysia?

Soalan saya yang kedua, apakah inisiatif realistik kementerian? Mungkin bersama dengan PDRM untuk menangani gejala gengsterisme di kalangan anak-anak muda kita terutama sekali di kalangan anak-anak muda India dan mungkin kah kementerian akan mula menggunakan sukan sebagai satu dengan izin *diversion* kepada kegiatan-kegiatan ini? Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Satu lagi. Sedikit sahaja, satu sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ialah apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan mengenai tidak berlakunya *balance* di antara pencapaian akademik dengan pencapaian sukan.

#### ■1230

Kebanyakan pelajar-pelajar kita apabila dia terlibat dengan sukan, dia gagal ataupun pencapaian akademiknya agak rendah. Walaupun di sana ada merit untuk kemasukan dan sebagainya, sepatutnya pihak kementerian kena pisahkan. Saya rasa jarang pelajar yang cemerlang dalam sukan, dalam masa yang sama juga dia cemerlang dalam akademik. Maka sebab itu saya perlukan satu jaminan terutamanya kepada atlet-atlet sukan untuk masa depan mereka kerana akademik lebih penting.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat atas segala soalan. Saya cuba jawab dengan terperinci dan ringkas sebab kesuntukan masa. Pertamanya soalan daripada Yang Berhormat Kota Bharu. Kelantan setahu saya kita hanya mewujudkan cawangan Majlis Sukan Negara, bukan Majlis Sukan Negeri di Kelantan. Oleh kerana Kelantan tidak menubuhkan Majlis Sukan Negerinya sendiri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri, saya rasa tidak betul itu. Ia ada Majlis Sukan Negeri Kelantan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Cawangan Majlis Sukan Negara.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya rasa pengerusi pun ada di sini.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Cawangan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Machang.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat, boleh sikit?

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya rasa tidak, ia satu Majlis Sukan Negeri. Terpampang di situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tidak apa Yang Berhormat ya, ini jawapan saya. Kedua, Dasar Sukan Negara, sukan sebagai industri. Saya setuju sangat dengan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat Kota Bharu, mesti kita bangunkan sukan sebagai industri malah dalam masa yang terdekat saya akan membuat pengumuman yang terbaru mengenai sukan industri ini yang akan melibatkan salah satu daripada stadium nasional kita yang mana kita akan bagi *naming rights* kepada salah sebuah syarikat tempatan yang akan mengambil alih penjenamaan stadium tersebut. Ini adalah langkah yang pertama ataupun langkah yang terbaru yang mutakhir sekali untuk kita memajukan sukan dari industri ini.

Yang Berhormat Stampin telah tanya soalan spesifik yang mana terkeluar daripada tajuk perbahasan, saya akan jawab secara bertulis.

Yang Berhormat Hulu Langat, bantuan kepada NGO. Itu adalah *case by case* basis. Kementerian boleh meluluskan sekiranya kita dapati bahawa ada mana-mana persatuan yang membantu pembangunan sukan.

Yang Berhormat Lenggong, apakah kita sedang mencari juara-juara yang baru yang boleh menggantikan Nicole David dan juga Lee Chong Wei. Semua ini dalam perancangan, sudah pasti kita mesti melihat dua tiga Olimpik ke depan. Malangnya saya jadi Menteri waktu Lee Chong Wei dan Nicole David dah sampai ke senja kerjaya sukan mereka. Jadi hendak kena cari yang baru ini untuk kita memastikan bahawa ada piala akan datang.

Yang Berhormat Bakri yang tanya tentang biawak dalam kolam renang di Muar. Kemudahan ini bukan milik dan seliaan KBS, kemudahan ini adalah di bawah Majlis Perbandaran Muar. Bagi tujuan naik taraf, perkara ini perlu dirujuk kepada pihak berkuasa tempatan berkenaan.

Soalan daripada Yang Berhormat Kuala Langat tadi, MSN mempunyai skim elaun berdasarkan kepada pencapaian di mana sukan antarabangsa dan kejohanan individu. Jika menang sukan SEA dan sebagainya, kita ada elaun-elaun tertentu dan mereka ini yang masih dalam pengelolaan MSN sentiasa mendapat elaun.

MSN juga mempunyai skim perlindungan insurans kepada atlet-atlet di bawah program MSN, perlindungan 24 jam termasuk kecederaan, pembedahan dan sebagainya dan termasuk rujukan ke pakar. Jadi perkara tersebut sudah pun dilindungi oleh MSN dan juga ISN.

Soalan daripada Yang Berhormat Batu Kawan tadi adalah mengenai tidak ada *political interference* di dalam sukan. Saya tertarik dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh tadi, kita harus buat *distinction*, dengan izin antara *political interference* dengan *government intervention*. Semua persatuan sukan memerlukan *government intervention* tetapi pada masa yang sama bila ada campur tangan daripada kerajaan, dia kata ini campur tangan politik. Sedangkan bila hendak pembiayaan dari segi dana dan sebagainya, datang balik kepada kerajaan. Perkara ini perlu kita buat *distinction*.

Dari segi *political interference*, tidak ada apa-apa *political interference* dalam persatuan-persatuan sukan dan perkara ini adalah perkara yang serius sebab kalau sekiranya didapati ada *political interference*, ada campur tangan politik yang tidak berbentuk pembiayaan daripada kerajaan, badan induk antarabangsa boleh mengambil tindakan terhadap persatuan tersebut. Sebagai contoh, *Camfoot Federation Football of Cameroon* telah digantung oleh FIFA beberapa tahun disebabkan ada bukti campur tangan dalam pemilihan persatuan bola sepak di *Cameroon*, ini berlaku. Kalau sekiranya ada terlalu banyak campur tangan politik ataupun campur tangan yang tidak berbentuk pembiayaan daripada kerajaan, maka persatuan-persatuan sukan kita boleh digantung oleh badan induk antarabangsa.

Yang Berhormat Bukit Gantang, pencapaian akademik dan sukan. Ini perkara yang dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pendidikan baru-baru ini di mana kita hendak melahirkan *scholar athletes*. Bagaimana kita melihat keadaan pada hari ini, baru-baru ini seorang atlet Bryan Lomas iaitu atlet penerjun kita telah bersara daripada sukan disebabkan hendak memberi fokus kepada degree atau pengajian beliau di Universiti Malaya. Sama juga dengan Pandalela, walaupun belum ataupun tidak buat keputusan untuk bersara tetapi sedang melaksanakan ataupun menjalankan pengajian untuk peringkat sarjana muda di Universiti Malaya pada waktu yang sama.

Jadi saya telah minta supaya ISN menyediakan, Institut Sukan Negara kita menyediakan atlet kita dari segi pelbagai aspek, bukan hanya dari aspek psikologi, aspek *conditioning*, aspek *training* dan sebagainya. Akan tetapi untuk kita pastikan bahawa kita dapat bangunkan atlet kita dengan cara yang holistik supaya selepas kerjaya sukan mereka, mereka ada masa depan, masa depan yang datangnya dengan kelayakan akademik dan sebagainya sebab itu persediaan atlet-atlet kita adalah pada pendekatan yang seimbang untuk memastikan bahawa mereka dapat ke depan untuk kerjaya akademik mereka juga.

Untuk soalan daripada bekas Menteri Belia dan Sukan iaitu Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh. Saya mengambil serius apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh tadi. Buat masa ini Pesuruhjaya Sukan, kita akan buat pemantauan dalam Program-program Naziran ke persatuan-persatuan kebangsaan. Suruhanjaya Sukan sehingga hari ini telah membatalkan sebanyak 559 persatuan yang telah diambil tindakan. Sekiranya ia melanggar perlembagaan dan menyalahi akta, kita akan ambil tindakan.

Soalan spesifik yang ada di belakang soalan Yang Berhormat Ketereh itu, saya rasa merujuk kepada persatuan-persatuan sukan yang tertentu. Saya ambil maklum tentang kerisauan Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh dan mungkin bila saya sambung ini, saya rasa akan menyentuh tentang sukan tersebut. Dengan izin, saya sambung penggulungan saya Tuan Yang di-Pertua.

Mengulas mengenai isu bola sepak seperti yang dibangkitkan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kedudukan ranking pasukan bola sepak Malaysia sekarang adalah di tangga 159 di dunia. Bagi memperbaiki ranking tersebut, pasukan negara yang diuruskan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) perlu mengadakan dan memenangi perlawanan persahabatan yang berstatus A dan kejohanan yang diiktiraf FIFA dan AFC.

Keputusan perlawanan antarabangsa berstatus A ini akan dikira dalam menentukan ranking bola sepak dunia FIFA. Mengenai cadangan supaya Petronas mengambil alih pengurusan bola sepak negara dari FAM, saya mengambil maklum cadangan ini dan khususnya dalam aspek pengurusan sumber dan perniagaan yang lebih efisien dan menguntungkan, saya rasa boleh diadakan.

Walau bagaimanapun, sebuah syarikat berkaitan kerajaan seperti Petronas sudah semestinya mahu melihat FAM boleh menjadi salah satu sumber kewangan yang kukuh kepada pendapatan kumpulan sekiranya mereka berhasrat mengambil alih pengurusan badan bola sepak negara tersebut. Selari dengan itu, sudah tentulah pihak syarikat mahu terlibat dengan proses membuat keputusan bagi menjamin kepentingan pelaburan besar mereka.

Pada ketika itulah dikhuatiri timbulnya konflik yang memungkinkan akan diinterpretasi sebagai campur tangan kerajaan dalam badan sukan yang mana akan memberikan keadaan tidak selesa dari sudut pandangan Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) dan boleh dikenakan tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, sesebuah badan sukan yang ditubuhkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Jerlun bangun.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Yang Berhormat, celah sedikit bola ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Kita bercakap soal maruah negara dan dalam masa yang sama kita ada *predicament* tentang prestasi bola negara. Hari ini kita baca Malaysia hendak minta buat *friendly* dengan Laos, Vietnam dan Myanmar pun orang tidak mahu layan dah. Selepas itu Malaysia minta buat *friendly* dengan Chonburi FC dari Thailand, kelab divisyen nombor berapa pun tidak tahu.

So dengan izin, *we are talking about* maruah negara ini, jadi kita pun tidak faham ini. Bila ada campur tangan FIFA, saya sesungguhnya amat kecewa dengan apa yang sedang berlaku. Kita bercakap kita merancang, merancang, merancang tetapi tidak tahulah bila hendak jadi kan?

#### ■1240

Jadi, kita pun tak tahulah. *And then, with due respect to the Honourable Minister,* dengan izin...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Jerlun ringkaskan.

**Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]:** Kita berada dalam satu masalah yang besar ini, Yang Berhormat Menteri kena selesa. Terima kasih.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh jawab sekali?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kuala Krai minta sikit ya.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat sedarkah bahawa saya pun sendiri sebetulnya malu menonton mutu kualiti bola sepak negara kita. Saya sebetulnya saya boleh katakan mewakili rakyat Malaysia untuk menyuarakan rasa kecewa, rasa *frust* kita, rasa kesangsian kita dengan tindakan FAM yang asyik-asyik gantung pemimpin-pemimpin bola sepak yang berkualiti yang hebat. Akan tetapi mereka tidak boleh mencetuskan sesuatu *environment* baru ke arah bagaimana pasukan negara mampu setanding dengan negara-negara miskin Vietnam, Myanmar pun kita boleh kalah.

**Seorang Ahli:** Laos.

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Laos, sedangkan mereka main di padang yang ada tanaman padi. *[Ketawa]* Kita main di padang yang begitu berkualiti. Jadi, saya harap Yang Berhormat duduk sebagai Yang Berhormat Menteri di sini, kalau ada *interference* yang lebih dahsyat, buatlah untuk kebaikan bola sepak negara. Kalau boleh, nasihatkan FAM itu berhentilah semua. *[Ketawa]* Yang sudah tak mampu melakukan apa-apa. Bukan kita tak hormati kepimpinan mereka tetapi kita harus hormati bola sepak ini adalah permainan untuk rakyat. Terima kasih.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Krai sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Ketereh.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Ya, terima kasih, Kuala Krai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kuala Krai?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga bersama-sama dengan rakan-rakan membuat sedikit pemerhatian mengenai kepada kedudukan sukan di negara kita terutamanya bola. Tadi disebut cadangan supaya satu syarikat Malaysia, Petronas untuk mengambil alih ataupun mengendalikan persatuan bola. Kita ada beberapa syarikat besar yang sanggup keluar negara untuk menaja pasukan-pasukan bola yang besar di liga, liga apa di England? Ya? Liga Premier Barclay di sana. Tentunya untuk meningkatkan imej syarikat tersebut. Ada di QPR, ada di Cardiff, kalau tak silap dulu di Norwich.

Ini menggambarkan suatu keyakinan kepada sistem ataupun prestasi di sana. Akan tetapi bagi kita di Malaysia, apa agaknya perasaan kita apabila ada syarikat di negara kita yang keluar sedangkan pasukan-pasukan dan persatuan dalam negara kita sangat memerlukan tajaan ini. Apakah tidak boleh kita dahulukan negara kita walaupun ini adalah suasana bebas, siapa pun boleh buat pelaburan. Akan tetapi bagaimana pandangan kementerian, kalau ini boleh dilihat supaya dapat dilihat ke dalam dahulu sebelum keluar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Krai. Ya, Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Yang Berhormat Menteri adalah mantan Timbalan Presiden FAM yang kemudiannya menjadi menteri. Saya dulu menteri sukan kemudiannya menjadi Timbalan Presiden FAM. Akan tetapi saya lebih kurang bernasib baik kerana saya digantung.

Maka soalnya, tidakkah Yang Berhormat Menteri berada dalam satu *position* yang sangat baik. Kalau saya dulu, sebab saya menteri dulu baru pegang FAM. Menteri sekarang adalah sebaliknya. Tidakkah Yang Berhormat Menteri berada dalam satu keadaan yang cukup baik untuk melakukan sesuatu supaya kerisauan-kerisauan yang dibangkitkan di Parlimen ini akan dapat diperbetulkan.

Yang kedua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri sedar sebenarnya industri bola sepak negara kita mempunyai nilai yang cukup tinggi. Saya secara peribadi terlibat dalam *negotiation* mendapatkan penajaan, nilai sekarang ini, bola sepak Malaysia kita sudah mencecah RM100 juta. Dua belas pasukan dalam Liga Super dan beberapa pasukan dalam Liga Perdana melaburkan secara kolektif hampir RM100 juta untuk menghidupkan apa yang diistilahkan sebagai Liga Malaysia. Sebab itu sekarang ini tidak perlu kepada Petronas. Memang ada syarikat-syarikat yang sanggup melaburkan, Astro sahaja secara satu syarikat melaburkan RM30 juta bagi memajukan Liga Malaysia. Akan tetapi apakah Yang Berhormat Menteri tahu yang pelaburan ini akhirnya tidak pergi kepada liga tetapi wang itu dipergunakan untuk perkara yang tidak ada kaitan dengan liga. Ini menyebabkan orang tidak lagi berani untuk membuat tajaan.

Jadi, apakah Yang Berhormat Menteri boleh melihat kepada perkara-perkara seperti ini secara lebih mendalam kalau kita hendak melakukan perubahan.

Yang kedua, *ranking* kita tidak akan berubah sampai bila-bila kerana selagi mana tidak dirancang perlawanan A. FIFA membuka *window* perlawanan tiga tahun lebih awal bagi negara-negara merancang perlawanan-perlawanan mereka dan lazimnya setahun lebih awal telah diaturkan perlawanan-perlawanan kelas A. Apa yang terjadi dengan kita di Malaysia, kita dalam beberapa bulan baru mendadak hendak minta buat perlawanan. Orang lain sudah atur semua perlawanan. Sebab itu dia tak nak bermain. Jadi, semuanya adalah berkaitan dengan soal pengurusan. Waktu saya jadi Menteri dulu, *ranking* Malaysia berada pada tahap 78. Sekarang sudah 156. Maka, saya percaya ini adalah satu perkara yang boleh diperbaiki Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tanjong Manis. *Last* ya, Yang Berhormat Tanjong Manis.

**Datuk Hajjah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** *Last?* Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada masalah saya rasa yang besar yang kita tak ambil

pandang sangat ialah dari segi makanan, diet-diet pemain kita. Bila anak saudara saya dulu mewakili Malaysia untuk pergi ke Jepun, apabila kita bermain di padang, budak-budak itu dibagi nasi lemak. Bila sudah makan nasi lemak, dia sudah penat, dia sudah mengantuk, dia *puncture* lah. Jadi, daripada segi itu, kita haruslah melihat diet-diet, makanan-makanan seimbang dan apabila mereka pergi keluar negara, adakah kita diberi dengan *physiotherapist* sekali. Jadi, kalau dari kecil kita pupuk mereka dengan makanan seimbang, bila mereka sudah besar, *they are well fit*. Akan tetapi di waktu ini kita lihat pemain-pemain kita *puncture* pasal dia tak cukup tenaga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, terima kasih. Yang Berhormat Menteri silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuba selesai sebelum...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat, sikit sebab tadi Yang Berhormat Ketereh dua kali. Kalau boleh Kota Bharu dua kali, boleh? Sikit sahaja. Benda yang berkaitan.

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Cepat ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Ya, Yang Berhormat Menteri terima kasih. Saya dengan penuh hormatlah kepada Yang Berhormat Ketereh. Kami sama-sama dalam FAM ini. Saya rasa pertamanya tak patut perkara ini dibangkitkan di sini kerana pihak yang sepatutnya membela diri tidak ada di sini. Yang keduanya...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini pasal bola sepak tak boleh maju ke depan ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang keduanya, dengar dulu...

**Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini yang menggagalkan bola sepak...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Inilah bola sepak tak boleh maju ke depan. [*Dewan riuh*]

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Kinabatangan dengar dulu. Kinabatangan main bola tak reti. [*Dewan riuh*]

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Ini masalah. Yang Berhormat, nak tegur tak boleh. Ini salah satu...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Saya tak nak duduk kalau saya...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Kesatuan Bola Sepak Melayu dia Presiden, tak buat apa pun. [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat-Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Ya, saya tahu, saya tahu. *Mike* saya sahaja yang ada. Okey, sila Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Belum habis lagi Yang Berhormat? Sudah tak dibenarkan?

**Tuan Khairy Jamaluddin:** Tak apa, saya faham. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Ketereh, Yang Berhormat Tanjong Manis dan juga Yang Berhormat Kota Bharu atas soalan-soalan tadi. Bak kata Yang Berhormat Kinabatangan, saya guna istilah yang samalah. Saya pun *frust* juga tentang FAM ini dan juga tentang kedudukan bola sepak negara kita. Akan tetapi kita tidak boleh mengambil sikap konfrontasi sahaja dengan FAM sebab kita kena terima hakikat bahawa kita tak boleh bubarkan Persatuan Bolasepak Malaysia.

Oleh yang demikian saya mengambil maklum apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ketereh yang telah sampaikan kepada saya secara peribadi, masalah-masalah yang berbangkit mengenai FAM ini. Saya akan cuba melihat satu formula bagaimana kita dapat membantu FAM untuk mengatasi masalah-masalah yang dibangkitkan. Ini bukan kita hendak melepaskan tangan, saya rasa tidak. Saya rasa soal

maruah negara kita yang dicerminkan melalui prestasi pasukan bola sepak kita adalah perkara yang amat-amat serius sekali.

■ 1250

Untuk permulaan, saya telah cadangkan kepada FAM bahawa soal pembangunan itu, sebab bagi saya sebagai Menteri, saya melihat FAM tidak berapa serius soal pembangunan bola sepak iaitu pembangunan di bawah umur 15 tahun dan sebagainya. Saya telah minta supaya kita ada pembahagian tugas. Kerajaan melalui KBS, kita kendalikan yang mana kita sedang membantu tetapi kita akan terus kendalikan dengan skala yang lebih besar soal pembangunan di seluruh negara. Ini adalah untuk sepuluh tahun akan datang. Soal pengurusan hari ini, kita minta supaya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) tingkatkan lagi usaha.

Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ketereh tadi, kita sebenarnya ada kuasa, ada *stick*, ada kuasa yang cukup luas untuk kita gunakan perkara ini iaitu melalui Pesuruhjaya Sukan tetapi seperti mana yang saya kata tadi, *confrontation* bukanlah *option* pertama. Itu adalah *option* yang kedua setelah kita bincang, setelah kita runding, setelah kita minta mereka meningkatkan prestasi dan ketelusan dari segi pengurusan, dari segi kewangan tetapi tidak dapat hasil juga, maka di situlah kita terpaksa guna kuasa yang ada pada Suruhanjaya Sukan dan juga Akta Pembangunan Sukan yang mana juga telah bangkitkan dalam Dewan ini soal mengehendkan tempoh pemegang jawatan dalam persatuan sukan.

Ada yang tanya boleh atau tidak? Dari segi undang-undangnya, *grey area*. Satu perkara yang samar sama ada boleh atau tidak. Akan tetapi dalam kuasa Pesuruhjaya Sukan, kita boleh meletakkan beberapa syarat yang boleh melucutkan jawatan, pemegang jawatan dalam persatuan sukan.

Ini perkara yang bila dibentangkan dalam Dewan, bila dibentangkan Akta Pembangunan Sukan, ramai di persatuan sukan bantah tetapi inilah masa untuk kita dan inilah contoh di mana perkara ini menjadi relevan sama ada kita perlu fikirkan perkara ini perlu dikuatkuasakan ataupun tidak untuk pembaharuan dan untuk perubahan tetapi kita belum sampai ke tahap itu lagi. Saya tekankan lagi bahawa kita masih lagi berharap bahawa kita akan dapat bekerjasama dengan persatuan-persatuan termasuk Persatuan Bola Sepak Malaysia untuk menambahbaikkan keadaan yang mana ada pada hari ini.

Soalan daripada Yang Berhormat Kuala Krai, saya rasa dijawab oleh Ahli Yang Berhormat daripada Ketereh tadi. Bola sepak tanah air mempunyai nilai yang tinggi, Astro sendiri bagi 30 juta untuk *broadcasting rights* selain daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat. Cuma kita, saya sentiasa menggalakkan supaya lebih banyak lagi pelaburan pada sukan bola sepak tanah air dan bukannya sukan bola sepak antarabangsa dan antara contoh yang saya bagi adalah bahawa *view shape*, mereka yang menonton perlawanan bola sepak tanah air ada setengah pasukan contohnya Kelantan lawan Johor, *team-team* yang popular mendapat bilangan penonton yang lebih besar, *view shape* yang lebih besar daripada sebahagian daripada perlawanan *premier league* di *England*. Jadi angka-angka tersebut saya telah sampaikan kepada penaja-penaja dan juga syarikat-syarikat supaya mereka dapat melihat ketidakseimbangan tersebut.

Jawapan yang ringkas kepada Yang Berhormat Tanjong Manis, memang kita sudah memperbaiki soal *nutrition*, iaitu yang ada di bawah kelolaan ISN dan MSN supaya tidak lagi atlet-atlet kita diberi makanan yang tidak berkhasiat ataupun yang tidak sihat untuk persediaan bagi mereka ke pertandingan-pertandingan dan juga perlawanan-perlawanan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ringkaskan. Akhir kata ada satu perkara lagi iaitu perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah memohon diwujudkan satu stadium mini yang dilengkapi dengan kemudahan sukan agar dapat dimanfaatkan oleh anak muda dan menyuntik semangat agar mereka sama-sama terlibat dalam pembangunan

atlet negara khususnya di kawasan Parlimen Masjid Tanah. Terima kasih di atas cadangan tersebut, namun untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kementerian tiada perancangan untuk membina mini stadium yang baru memandangkan ia memerlukan kos yang tinggi, lebih kurang dalam RM5 juta. Jadi kita akan lihat dalam perancangan akan datang tetapi masa ini tidak ada apa-apa cadangan, itu yang spesifik daripada Yang Berhormat daripada Masjid Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penggulungan saya terhadap usul-usul yang telah dibangkitkan. Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas kesediaan dalam membahaskan perkara-perkara yang menyentuh mengenai Kementerian Belia dan Sukan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sila.

12.55 tgh.

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Diraja yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dititahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, kementerian saya akur bahawa keperluan perumahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah adalah satu isu yang sering diperkatakan atau diikuti secara dekat oleh semua lapisan masyarakat tidak kira sama ada oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ataupun melalui media sosial dan juga media-media lain terutamanya oleh masyarakat di kawasan bandar.

Dalam usaha kerajaan menangani kekurangan perumahan pada harga yang munasabah, pelbagai inisiatif telah diusahakan oleh kerajaan bagi memenuhi keperluan tersebut. Untuk makluman ahli Yang Berhormat daripada Titiwangsa, antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menyediakan perumahan untuk golongan berpendapatan sederhana dan rendah terutamanya di Kuala Lumpur, antara lainnya adalah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilaksanakan oleh kementerian saya iaitu Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, Perumahan Perjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang akan diterajui oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri dan Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Titiwangsa, Labis dan Kuala Selangor yang telah membahaskan kenaikan harga rumah yang agak tinggi dan tidak munasabah dan telah menyebabkan kekangan di dalam kemampuan rakyat untuk memiliki rumah impian mereka bersama keluarga tersayang. Keprihatinan Kerajaan Barisan Nasional terhadap rintihan rakyat, maka kerajaan telah memperkenalkan beberapa usaha dalam menstabilkan harga rumah iaitu cukai keuntungan harga tanah iaitu nombor satu. Keduanya ialah dengan kaedah nisbah pembiayaan perumahan ataupun *margin of finance* atau *loan to value*. Ketiga, garis panduan Bank Negara Malaysia bagi mengenakan syarat yang lebih ketat kepada para peminjam bagi menjamin kemampuan peminjam membayar balik pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada penghujung tahun 2010, pengenalan nisbah pinjaman kepada nilai atau *loan to value* sebanyak 70% ke atas individu yang memiliki lebih daripada dua pinjaman perumahan telah melembapkan kenaikan harga rumah dan juga mengawal jangkaan jangka pendek dan aktiviti spekulasi. Pertumbuhan tahunan, pemberian pinjaman kepada individu yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan menurun dengan ketara daripada 14.5% pada bulan November 2010 kepada 1.9% pada bulan Disember 2012.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Kota Bharu bangun.



**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap. Pelaksanaan nisbah pinjaman kepada nilai atau *loan to value* oleh bank telah menghasilkan kesan yang dikehendaki dalam menyederhanakan pemberian pinjaman bank bagi yang berkaitan dengan pembelian harga kediaman untuk tujuan pelaburan dan spekulasi sambil mengekalkan akses kepada pembiayaan pembeli rumah tulen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah kerana menjadi Menteri pada penggal ini. Saya hendak mintak penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai satu aspek yang juga saya sebut dalam ucapan saya baru ini iaitu mengenai harga satu unit rumah PR1MA, rumah Perumahan 1Malaysia yang hakikatnya telah berlaku di bandar Kota Bharu di kawasan saya, satu projek yang diumumkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum PRU-13 baru-baru ini dikatakan untuk membina seribu unit rumah PR1MA di Kota Bharu yang mana harganya, kos pembinaannya RM 160,000 tetapi akan dijual dengan subsidi RM 125,000 dan harganya hanya RM 35,000 sahaja. Saya hendak dapat penjelasan, adakah perkara ini benar dan perkara ini telah disiarkan di dalam semua akhbar dalam negara ini. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya tidak silap itu bukan PR1MA yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, itu adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR). Kalau PR1MA, dia bukan di bawah bidang kuasa saya sebab itu di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Saya kira nanti mungkin Menteri-Menteri dalam Jabatan Perdana Menteri boleh tetapi di Kota Bharu Yang Berhormat, yang sebenarnya Perdana Menteri juga telah melancarkan satu program yang dipanggil Program Perumahan Rakyat yang melibatkan unit sebanyak 1,000 unit yang akan kita bina di Kota Bharu dalam masa yang terdekat ini. Ini telah kita faktorkan di dalam perbelanjaan kita untuk tahun ini, untuk makluman Yang Berhormatlah di bawah PPR. Kalau yang PR1MA itu, boleh tanya nanti dengan Menteri.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang diumumkan Yang Berhormat Menteri. Yang itulah, saya merujuk kepada yang diumumkan oleh Perdana Menteri. Tidak kiralah nama PR1MA atau PPR. Benarkah harganya, kos pembinaan RM 160,000 disubsidikan oleh kerajaan RM 125,000, dijual kepada rakyat hanya RM 35,000 sahaja. Seribu unit dan borang dikeluarkan saya difahamkan lebih daripada 20,000 borang telah dikeluarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Menteri, kita sambung pukul 2.30 petang.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya sila Yang Berhormat Menteri.

**2.32 ptg.**

**Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala*

*wabarakatuh*. Saya menyambung penggulangan saya Tuan Yang di-Pertua daripada pagi tadi. Kita terhenti dengan penjelasan saya mengenai perumahan yang kerajaan bakal bina di Kota Bharu.

Yang Berhormat Kota Bharu bertanya tentang sama ada akan dibina di situ dan ada kekeliruan di situ sedikit. Sebenarnya pembangunan itu bukan di bawah projek PR1MA tetapi di bawah kementerian saya iaitu Program Perumahan Rakyat (PPR). Kita bercadang untuk membina 1,000 unit di dalam satu kawasan yang mungkin agak kecil sedikit tanah itu walaupun ada juga yang mengatakan 1,000 unit sebuah unit pangsapuri, strata itu tidak begitu sesuai untuk tanah yang telah disediakan.

Kita bercadang untuk membina 1,000 unit. Kalau densiti itu terlalu tinggi mungkin kita akan kurangkan sedikit tetapi pada dasarnya kita memang bercadang untuk membina 1,000 unit PPR sebagaimana janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu berada di Kota Bharu dalam jelajah Janji Ditepati beliau pada awal tahun ini.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri, saya minta sedikit *clarification*, penjelasan dengan izin. Saya meneliti dalam banyak laporan media, cuma saya tidak bawa keratan akhbar pada hari ini, *just clarification*. Di dalam laporan mengatakan satu tajuk PR1MA di Kelantan dimulakan dengan pembinaan dengan 1,000 unit. Ini dilaporkan di dalam akhbar-akhbar. Jadi sekarang ini Yang Berhormat Menteri, bukan PR1MA. Jadi itu satu penjelasan yang saya perlukan. *Anyway*, yang membina 1,000 unit di Kota Bharu itu saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kurang faham sama ada PR1MA - makluman daripada akhbar itu menunjukkan PR1MA ataupun PPR tetapi yang saya boleh sahkan di sini di bawah kementerian saya, Program Perumahan Rakyat memang kita akan bina 1,000 unit di Kota Bharu walaupun Kota Bharu ini masih lagi di tangan rakan-rakan kita daripada pembangkang. Itu menunjukkan kerajaan prihatin, tidak mengira latar belakang politik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada usaha itu Kerajaan Persekutuan juga mengambil inisiatif mengawal harga rumah dengan menambah bekalan rumah dalam pasaran di kawasan-kawasan strategik di bandar dan pinggir bandar bagi membolehkan rakyat membeli pada harga yang munasabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, dalam usaha kerajaan menstabilkan harga rumah ini, kerajaan masih berpegang kepada prinsip pasaran bebas ataupun *free market* dengan izin, yang menentukan harga rumah melalui permintaan dan penawaran bagi menggalakkan pertumbuhan industri perumahan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan nasib rakyat berpendapatan rendah terbelas dan tidak ketinggalan di dalam pemilikan rumah. Maka kerajaan hanya mengawal harga rumah kos rendah iaitu RKR iaitu tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung Malaysia dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, usaha mengawal harga rumah bukannya satu tanggungjawab yang harus dipikul oleh Kerajaan Persekutuan sahaja. Ianya harus menjadi agenda nasional yang memerlukan penglibatan kolektif yang menjangkau fahaman politik dalam membawa keceriaan kepada rakyat di negara ini. Tuntutan keperluan rumah oleh rakyat adalah satu perkara asas dalam hidup isi rumah. Oleh itu, kerajaan negeri juga harus memainkan peranan dalam perkara ini dan perlu mengawal harga rumah dengan memastikan kuota pemajuan perumahan swasta untuk rumah kos rendah atau rumah mampu milik dipatuhi.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Malangnya Tuan Yang di-Pertua, terdapat kerajaan-kerajaan negeri yang mengambil pendekatan yang mudah dengan kontra kuota perumahan kos rendah dan mampu milik di mana pemaju dibenarkan membayar jumlah yang tertentu kepada kerajaan negeri dan duit berkenaan kemudiannya diberikan kepada lembaga perumahan ataupun hartanah negeri. Akan tetapi wang berkenaan tidak pula digunakan untuk membina rumah kos rendah mahupun rumah mampu milik.

Ini adalah satu perkara yang perlu dielakkan oleh kerajaan-kerajaan negeri kerana ia mengubah keseimbangan dalam *ratio* jenis rumah yang disediakan dalam pasaran mengikut pendapatan isi rumah.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan dan Yang Berhormat Setiawangsa, Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Setiawangsa dulu, kemudian Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya kita ada SPN yang juga membuat rumah. Kita juga mempunyai PR1MA yang juga membuat rumah, kita juga mempunyai KPKT yang juga membuat rumah. Soalan saya ialah, adakah setiap kali perumahan mampu milik atau rumah-rumah yang dibangunkan, ketiga-tiga badan ini duduk untuk melihat keperluan rumah di seluruh Malaysia? Itu yang pertama.

Kedua, disebabkan ketiga-tiganya ini juga membuat rumah mampu milik dan rumah sederhana, bolehkah mereka ini menjadi sebagai penyimpan stok seolah-olah macam penyimpan stok getah? Di mana sekiranya perumahan yang di luar itu *private*, terlalu banyak dan harganya tinggi maka tekanan diberi kepada *private* ini supaya kita *release* rumah-rumah yang dibuat oleh ketiga-tiga badan ini supaya rumah akan menjadi *stable all the time*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *Microphone, microphone.*

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Dalam usaha kerajaan untuk mengawal harga rumah di pasaran dan walaupun ada tindakan yang diambil tetapi ada satu perkara yang saya rasa kerajaan harus dan saya rasa *urgent* untuk diambil tindakan iaitu kita perlu menaikkan *property gain tax*.

Sebelum tahun 2008 *property gain tax*, cukai hasil hartanah di sekitar 30% dan pada masa itu harga rumah dapat di *control*. Harga rumah teres, *landed property* masih boleh dibeli dengan harga RM200,000 hingga RM300,000 di Klang Valley. Akan tetapi selepas tahun 2008, kerajaan memansuhkan *property gain tax*, sampai *zero*, kosong.

Walaupun selepas satu, dua tahun kerajaan menaikkan 10% tetapi tidak dapat – terutama orang yang mempunyai wang dan kaya masih boleh membeli banyak *property* untuk mengaut keuntungan. So saya berharap, adakah kementerian bercadang melalui Kementerian Kewangan untuk menaikkan *property gain tax* lebih daripada 10% supaya harga rumah sekarang ini boleh dikawal. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat.

■1440

**Datuk Chua Tee Yong [Labis]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya kita sedia maklum bahawa terdapat peningkatan harga rumah dan hartanah di Malaysia. Akan tetapi, kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain mereka lebih agresif untuk menangani isu ini di mana mereka mengadakan langkah untuk menaikkan *stamp duty*, mengadakan langkah untuk meningkatkan *down payment* dengan izin. Maka sebenarnya saya ingin tahu sama ada dari segi pihak kementerian terdapat cadangan-cadangan baru lagi untuk melihat bagaimana kita menangani isu ini terutamanya spekulasi.

Keduanya, yang paling penting adalah sama ada pihak kementerian bercadang untuk mengkaji sama ada terdapat perubahan polisi dari segi cukai di kebanyakan kerajaan-kerajaan negeri terutamanya di Selangor, Pulau Pinang, Johor yang menyebabkan kita lihat harga hartanah meningkat sama ada mungkin terdapat cukai-cukai yang baru, maka saya berharaplah kementerian melihat secara *detail* mengenai isu ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Nibong Tebal.

**Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pendek sahaja soalan spesifik. Dalam isu kontra tadi Yang Berhormat Menteri sebut tadi, adakah kementerian ada kuasa kawalan ke atas negeri-negeri ataupun kuasa teguran, *punishment* atau – dalam kes kontra Yang Berhormat Menteri sebut tadi, adakah kementerian ada kuasa atas kerajaan negeri sekiranya dilanggari syarat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya tentang agensi-agensi yang membina rumah yang di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiawangsa tadi. Saya bersetuju, sekarang ini memang ada beberapa agensi yang menjalankan pembinaan perumahan kos rendah ini dan mampu milik dan juga kos rendah seperti PR1MA, SPNB dan juga Jabatan Perumahan Negara yang di bawah kementerian saya.

Oleh sebab itu, kita akan adakan satu mesyuarat koordinasi. Setelah saya memasuki kementerian ini satu perkara yang saya buat ialah mewajibkan semua agensi-agensi yang berada di dalam kementerian-kementerian lain supaya menghadiri satu mesyuarat koordinasi yang saya panggil Mesyuarat Koordinasi Perumahan yang akan diadakan pada 18 Julai ini untuk makluman Yang Berhormat 18 Julai iaitu minggu depan. Ini mesyuarat pertama kami di antara SPNB, PR1MA, Jabatan Perumahan Negara bagi memastikan bahawa pembinaan ini dikoordinasikan.

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat, sekarang ini PR1MA, SPNB di bawah Kementerian Kewangan dan mungkin pada waktu itu oleh kerana PR1MA dan SPNB memerlukan intervensi yang cepat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri contohnya, maka dia ditubuhkan dengan menggunakan aktanya sendiri bukan di bawah kementerian saya. Mereka tidak sebenarnya meletakkan kepentingan rumah kos rendah tetapi rumah mampu milik yang mungkin sedikit lebih harganya daripada apa yang kita bincangkan. Akan tetapi, saya setuju 18 Julai adalah mesyuarat yang pertama.

Keduanya, tentang stok penimbal ini idea ayang bagus. Itu kalau ada lebihan, masalahnya Yang Berhormat sekarang ini kalau kita buat perumahan kos rendah, kita buat sahaja yang memohon itu mungkin dua, tiga kali ganda daripada jumlah yang ditawarkan. Jadi untuk mengadakan stok penimbal ini mungkin tidak begitu praktikal buat masa ini. Kecualilah kerajaan membelanjakan berbilion-bilion ringgit lagi untuk perumahan kos rendah ini dan ini saya serahkan kepada Yang Berhormat untuk meminta daripada Kementerian Kewangan, membantu saya mendapatkan peruntukan ini.

Kemudian dari segi Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan tadi yang menyatakan tentang kadar RPGT ataupun Cukai Keuntungan Harta Tanah. Sebenarnya Yang Berhormat, saya setuju tetapi *tools* ini, kaedah ini dinamik. Dia tidak statik. Betul, sebelum tahun 2008 kita naikkan kepada 30% kerana pada waktu itu keadaan memerlukan kita membuat intervensi di dalam pasaran melalui kaedah ini. Kemudian pada tahun 2008, oleh sebab mungkin pasarnya yang agak lembap dengan krisis ekonomi, maka kita mahu supaya industri perumahan itu dapat dirancarkan semula maka RPGT itu diturunkan.

Sekarang ini untuk makluman Yang Berhormat untuk tahun 2013, dalam ucapan Bajet 2013 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah naikkan semula RPGT ini kepada 15%. Untuk pelupusan rumah yang dibeli kurang daripada dua tahun kita akan naikkan 15% cukai keuntungan dan 10% di antara dua hingga lima tahun. Selepas lima tahun, masih kosong. Akan tetapi, program dan *tool* kaedah ini adalah kaedah yang paling baik dan saya memang merasakan kalau harga rumah di negara kita ini masih lagi berada dalam keadaan yang melambung dan kita tidak mahu ada situasi *bubble*, berlaku dengan izin, maka saya bercadang untuk meminta kerajaan mempertimbangkan menaikkan RPGT ini kepada tahap yang lebih tinggi daripada sekarang ini.

Yang Berhormat Labis memberikan pandangan tentang *stamp duty* dan *down payment*. Saya bersetuju *stamp duty* ini adalah salah satu cara kita mengekang kos pembelian rumah terutamanya pembelian rumah yang berbentuk spekulasi. Rumah-rumah seperti ini sebenarnya saya bersetuju dengan pandangan beberapa orang rakan-rakan dalam Dewan yang mulia ini, kadang-kadang kita melihat rumah yang telah dibina itu, kalau kita mahu membeli rumah pangsa contohnya rumah teres, rumah-rumah itu pun telah dijual sepenuhnya, *fully sold* dengan izin. Akan tetapi setelah siap dan tersergam indah, rumah-rumah itu masih lagi kosong, bangunan pangsapuri itu masih kosong, apartmen itu masih kosong dan terdapat banyak *sign board* yang mengatakan untuk dijual.

Ini bermakna aktiviti spekulasi masih lagi berleluasa. Saya ingin memberi nasihat bahawa sektor perumahan terutamanya perumahan mampu milik tidak boleh dijadikan sektor untuk membuat spekulasi kalau yang berharga sejuta ke atas itu mungkin kita akan pertimbangkan. Saya mengambil maklum *stamp duty* tadi dan juga *down payment* yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Labis.

Yang Berhormat Nibong Tebal mengatakan, bertanya sama ada kita mempunyai kuasa. Pada pandangan saya, saya rasa Kerajaan Persekutuan tidak mempunyai kuasa untuk menentukan sama ada kerajaan negeri boleh mengubah kuota dan juga mengekalkan kuota, mengkontra kuota rumah mampu milik yang telah ditetapkan. Ini adalah bidang kuasa kerajaan negeri sepenuhnya. Kita ada *guideline*, tetapi bidang kuasa itu terletak di tangan kerajaan negeri masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin sentuh sedikit masalah kita di sini Tuan Yang di-Pertua. Kita mempunyai ketidakseragaman dari segi kuota kos rendah ini. Di negeri-negeri, berbeza-beza. Ada yang minta 20% daripada kemajuan, ada yang minta 30% dan ini menyukarkan kita membuat *statistical analysis* dengan izin. Begitu juga dengan tahap rumah kos rendah, ada yang meletakkan RM70,000 ke bawah itu sebagai rumah kos rendah. Ada yang meletakkan RM100,000, ada yang meletakkan RM150,000. Jadi saya ingin cadangkan nanti melalui Mesyuarat Majlis Negara Mengenai Kerajaan Tempatan contohnya, kita akan minta supaya kerajaan-kerajaan negeri menyeragamkan kuota rumah mampu milik dan rumah kos rendah dalam setiap pemajuan di kawasan masing-masing dan juga menyeragamkan harga rumah kos rendah itu supaya senang kita mendapat statistik yang betul bagi kita menjana perancangan yang teliti dan tepat pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Gantang.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada pihak Menteri, bagaimanakah mekanisme untuk kawalan supaya semua rakyat yang tidak mempunyai rumah ini mampu untuk miliki. Ini kerana ada yang mendapat rumah terutamanya, mereka ini sudah dapat beberapa biji rumah sedangkan yang tidak dapat tetap tidak dapat. Akhirnya yang memiliki ini dia buat sewa pula. Jadi apa mekanisme *database* yang perlu ada dipihak bertanggungjawab untuk memastikan supaya tidak berlakunya monopoli rumah tersebut. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya katakan tadi terdapat beberapa perkara yang boleh dibuat oleh kerajaan untuk memastikan harga rumah ini dikawal supaya tidak terlalu membebankan. Pertamanya ialah Cukai Keuntungan Harta Tanah (RPGT) kita naikkan, sekarang ini 15% untuk pelupusan rumah dalam masa dua tahun. Kalau kita naikkan 30% seperti mana Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan katakan tadi, kita boleh naikkan dalam masa yang terdekat kalau keadaan lebih memudaratkan.

Keduanya adalah nisbah ataupun *margin of financing* untuk rumah kedua dan rumah yang ketiga, kita boleh naikkan.

#### ■1450

Saya ingin beri satu contoh, apabila kita naikkan nisbah ataupun *margin of financing* dengan izin daripada – pada penghujung tahun 2010 sebagai contoh, pengenalan nisbah pinjaman kepada nilai sebanyak 70%. Bermakna 30% *down payment*. Hanya 70% sahaja yang boleh di*financed* ke atas individu yang memiliki lebih daripada dua pinjaman perumahan, maknanya pembelian rumah yang ketiga telah melembapkan kenaikan harga rumah dan juga mengawal jangka pendek dan aktiviti spekulasi. Pertumbuhan tahunan, pemberian pinjaman kepada individu yang mempunyai tiga atau lebih pinjaman perumahan menurun dengan ketara daripada 14.5% pada bulan November 2010 kepada hanya 1.9%

pada bulan Disember 2012. Maknanya kaedah itu boleh diguna pakai oleh kerajaan untuk memastikan kawalan.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, ironinya atau sebenarnya, kita kena mengimbangi perkara ini. Apa yang menjadi masalah ialah kepada pembeli pertama. Sebenarnya, ramai di antara kita majoriti rakyat Malaysia sudah mempunyai rumah dan mereka sudah tentu mahukan harga rumah naik kerana nilai aset mereka itu akan meningkat. Mereka tidak *complaint*. Segmen ini tidak *complaint* malah kalau dia naik dua atau tiga kali ganda, ia merupakan kenaikan aset harta kepada mereka. Apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah pembeli rumah pertama. Ini yang menjadi masalah dan ini segmen yang kita tumpukan sebab itu PR1MA membuat projek-projek pembangunan perumahan yang kita *targetkan* kepada golongan ini yang berpendapatan RM7,500 ke bawah. Kementerian saya sendiri RM2,500 ke bawah pendapatan isi rumah. Itu yang kita *targetkan*.

Namun kalau kita kekang harga rumah ini secara semberono, banyak juga negatifnya. Pertamanya, 140 industri yang ada kaitan dengan sektor pembinaan akan terjejas dan apabila itu berlaku sudah tentu ekonomi kita akan merudum. Keduanya ialah seperti mana yang saya katakan tadi, ramai dan majoriti rakyat Malaysia sudah mempunyai rumah dan kalau kita kekang kenaikan harga atau nilai rumah itu, mereka juga akan mendapat kesan yang negatif. Ada di antara mereka yang menggunakan *mortgage system* yang mana mereka mencagarkan rumah mereka itu untuk tujuan yang lain. Ini akan membebankan mereka dan memberikan kesan yang begitu baik. Jadi, kita terpaksa imbangi dalam masa kita mahukan industri ini bergerak ke depan, kita juga mahu golongan muda terutamanya juga yang baru memasuki pasaran ini diambil kira.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya membuat satu perancangan baru dalam kementerian ini di mana kita akan wujudkan satu konsep baru yang dipanggil Program Rumah Transit. Program Rumah Transit ini adalah bertujuan memberikan peluang untuk pasangan muda yang baru berkahwin yang mungkin berumur 30 tahun ke bawah dengan pendapatan isi rumah RM2,500 atau RM3,000 untuk masuk ke dalam segmen rumah kos rendah yang dimiliki oleh kerajaan. Sebanyak 10% akan kita *set aside* dengan izin, untuk kegunaan program ini dan mereka hanya boleh tinggal di dalam rumah ini dalam tempoh dua tahun. Ini kerana pada pandangan kita dua tahun itu mereka mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri dan mencari jalan untuk membeli rumah mereka yang pertama.

Ini adalah rumah transit dan mereka tidak boleh tinggal di situ selama-lamanya. Hanya diberi tempoh untuk dua tahun bagi pasangan muda yang baru berkahwin dengan pendapatan lebih kurang RM3,000 atau RM2,500 ke bawah. Selepas dua tahun, mereka dikehendaki keluar daripada skim ini dan mencari jalan untuk mendapatkan rumah. Sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua, kita memberi peluang kepada pasangan muda yang terutamanya berada di Kuala Lumpur, di bandar-bandar yang besar ini supaya mereka sekurang-kurangnya pada awal kerjaya mereka ada rumah yang dibuat untuk mereka tinggal secara selesa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Menteri. Ada satu soalan mengenai *strata title*. Saya akui pihak kerajaan sudah buat banyak langkah proaktif tetapi masih ada tinggal beberapa tempat seperti contoh - walaupun ini Flat Sri Langkawi di Wangsa Maju, pemaju ialah DBKL tetapi saya bimbang bila saya turun padang, Flat Sri Langkawi itu hampir 20 tahun *strata title* belum keluar. Ada apa-apa komen? Mungkin minta DBKL buat langkah yang proaktif. Sebab apa? Pihak kerajaan pun tidak ikut apa yang ada di *strata title*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini secara spesifik saya tidak dapat data di sini dan saya akan menjawab secara bertulis ya, Yang Berhormat Wangsa Maju. Yang Berhormat Shah Alam kawan baik saya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ya, tahniah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kawan baik Yang Berhormat, ya. Kawan baik.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]**

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Dia tiba-tiba semua hendak jadi kawan baik. [Ketawa] Tidak mengapalah, saya hendak tanya kepada Menteri berhubung dengan kenyataan Menteri tadi. Saya merasakan ianya tidak begitu berpijak atas satu alam yang nyata. Apabila dikatakan bahawa pemilik rumah yang sudah ada rumah, dia tidak kisah harga rumah naik kerana itu menunjukkan bahawa asetnya telah naik harga dan dia telah mencapai satu keuntungan. Masalah rumah ini adalah bagi orang yang hendak beli rumah yang pertama. Saya tidak nampak pendirian ataupun kefahaman ataupun pemahaman tentang persoalan ini sekiranya itulah sikapnya, ianya merupakan satu pemahaman yang tepat. Ini kerana kita tidak boleh pisahkan harga pasaran rumah bagi orang yang sudah ada rumah sendiri ataupun pembeli yang pertama.

Hakikatnya ialah masalah harga rumah yang meningkat dan tidak boleh dipisahkan sama ada orang itu sudah ada rumah ataupun tidak kerana orang yang sudah ada rumah pun kalau dia hendak jual rumah dia, dia hendak beli balik rumah yang sama pun akan mengalami kerugian oleh kerana dia terpaksa membeli dengan harga yang tinggi juga.

Saya merasakan bahawa pihak kerajaan mesti mengkaji satu mekanisme di mana kos rumah ini dapat dikawal dengan memikirkan satu rombakan terhadap mungkin *financing* pembelian rumah yang mungkin boleh dipisahkan daripada persoalan riba atau *interest* yang menyebabkan apabila seseorang itu dia sudah beli rumah. Semestinya kalau dia beli rumah dengan RM200,000 akhirnya apabila dia sudah selesai bayar, dia telah bayar dengan harga RM400,000 ataupun RM500,000, sudah pasti dia akan jual dengan harga yang tinggi. Dia tidak boleh jual dengan harga yang RM200,000 lagi. Satu mekanisme yang boleh menangani masalah kenaikan harga rumah itu secara menyeluruh. Ia bukan hanya sekadar untuk *first house* punya *buyer* kerana kalau hanya sekadar untuk *first house buyer* ianya tidak menangani masalah *spiraling cost of houses* dengan cara yang berkesan. Apa pandangan Menteri terhadap persoalan ini? Terima kasih.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Yang Berhormat Menteri, saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Bharu bangun, Yang Berhormat.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Sedikit sahaja ya, sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Banyak lagi hendak *cover* ini. Benda yang telah disebut oleh...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan satu skim yang saya rasa cukup menarik iaitu yang disebut rumah transit untuk pasangan yang muda. Itu satu benda yang cukup menarik. Cuma saya agak ragu dari segi pelaksanaannya apabila dikatakan rumah itu diberi kepada pasangan muda dalam tempoh dua tahun, apa jaminan dalam tempoh dua tahun atau selepas dua tahun itu dia akan keluar dan dia akan beli rumah milik sendiri yang mampu milik. Satunya kerana dr segi kemampuan itu ialah satu yang subjektif. Kadang-kadang gaji dia naik RM3,000 atau RM4,000 masih belum mampu untuk membeli rumah dan untuk memaksa pasangan muda ini keluar daripada rumah itu apabila cukup tempoh dua tahun bukan satu perkara yang senang. Di Kelantan kita buat benda ini memang susahlah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Itu sebabnya Barisan Nasional boleh buat.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, Kuala Selangor sedikit sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Shah Alam tadi, Yang Berhormat Shah Alam kena betul-betul perhati *statement* saya. Saya katakan bahawa orang yang mempunyai rumah yang pertama dan sudah memiliki rumah itu, sudah tentu memang mahukan supaya harga rumahnya naik.

■1500

Harga rumahnya naik dan kadang-kadang apabila harganya naik maka apabila dia sudah berada di situ 10 tahun, 20 tahun contohnya maka dia ada ekuiti di dalam rumah itu yang boleh digunakan untuk pembesaran rumah dan sebagainya.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi, tidak semestinya apa Yang Berhormat Shah Alam kata tadi itu, *you are just finding fault, the small fault, the gap*. Akan tetapi, sebenarnya kalau kita kekang kenaikan hartanah di negara kita secara *semberono*, ia juga akan memberi kesan yang cukup besar kepada ekonomi negara kita Tuan Yang di-Pertua. Itu asas pertimbangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Oh! You are represent... Big shoes to fill.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *The new* Yang Berhormat Ipoh Timur.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan saya adalah berkaitan dengan nilai rumah ataupun pasaran yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Soalan saya adalah bila seseorang membeli rumah-rumah tersebut dengan jangkaan nilai rumah akan meningkat tetapi di beberapa tempat sekarang, terdapat masalah rumah penempatan abu mayat. Rumah penempatan abu mayat yang sekarang dikomersialkan, dibina dan ditempatkan di kawasan taman perumahan. Ini akan menjejaskan kawasan perumahan tersebut terutamanya dari segi nilai.

Jadi, di banyak tempat sekarang masalah timbul kerana garis panduan yang sedia ada iaitu garis panduan perancangan tanah perkuburan Islam dan bukan Islam tidak begitu ketat. Selagi tanah kegunaan itu adalah komersial, mereka boleh buat rumah penempatan abu mayat bukan Islam. Ini telah menimbulkan kemarahan orang-orang sekitar.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan bersedia untuk mengkaji semula garis panduannya untuk menjadikan ianya lebih ketat di mana ia tidak boleh dibina di merata-rata tempat. Izinkan saya katakan ini, ia perlu dizonkan terutamanya tempat penempatan abu mayat ini. Kita terdapat di Perak seperti di Ipoh, di kawasan saya, di dalam Kampong Baru pun pernah dibina satu penempatan abu mayat yang dikomersialkan. Satu kotak, satu peti, mereka terima RM8,000 hingga RM10,000. Ini adalah satu perniagaan yang besar. Jadi, di mana ada kawasan yang mereka boleh beli, mereka akan bina penempatan abu mayat ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey, terima kasih.

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Saya harap kerajaan...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada lagi strategi-strategi lain untuk kita mengekang masalah perumahan ini. Antara lainnya, konsep apa yang kita kata bina kemudian jual seperti mana yang telah kita katakan sebelum ini, berbanding dengan apa yang selalunya dibuat iaitu jual kemudian bina. Itu antara lain cara kita untuk mengawal isu-isu yang ada kaitan dengan perumahan. Yang Berhormat Ipoh Timur, isu itu adalah isu PBT. Saya...

**Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]:** Memang betul tetapi garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sekarang hanya kriteria zon penampakan. Mesti ada dan jarak jejari antara rumah ke tanah perkuburan itu sahaja. Jadi, mereka boleh *circumvent* kedua-dua kriteria ini dengan izin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey. Saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat tetapi saya beritahu pada Yang Berhormat satu perkara. Kementerian saya ini ada kekangannya juga. Apabila ada *guideline* ataupun panduan yang dibuat oleh kementerian saya, banyak garis panduan dibuat, yang kita serahkan kepada PBT dan kita luluskan di dalam Mesyuarat Majlis Negara Mengenai Kerajaan Tempatan tetapi diubahsuai oleh PBT.



Ada juga yang tidak - walaupun dipersetujui oleh Ketua Menteri dan Menteri Besar dalam Mesyuarat Majlis Negara untuk Kerajaan Tempatan tetapi tidak diperakui ataupun dibuat oleh PBT. Akan tetapi, saya ambil maklum apa Yang Berhormat kata dan saya minta kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat bantu kami untuk memastikan PBT-PBT di kawasan masing-masing mengikut garis panduan yang kita buat di peringkat kementerian.

Ini kerana kita tidak mempunyai kuasa untuk memaksa PBT menerima garis panduan tersebut. Akan tetapi, saya ambil maklum Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor pun bangun Yang Berhormat.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sekali lagi, ringkas sahaja. Saya ingat masalah bukan saya yang hendak cuba cari *fault* dalam apa yang disampaikan Yang Berhormat Menteri tetapi sebenarnya masalahnya ialah masalah kenaikan harga rumah yang tidak dapat dibendung. Sama ada ianya rumah yang pertama atau rumah yang kedua ataupun orang yang sudah memiliki rumah, dia hendak jual, harga naik dan sebagainya. Itu adalah masalah. Masalahnya adalah apabila harga rumah ini naik tanpa ada apa-apa kawalan dan mungkin ianya juga dibantu dengan usaha spekulasi dan sebagainya, yang mana kerajaan mesti memikirkan bagaimana hendak tangani.

Ini kerana kalau tidak akhirnya *this property bubble is going to burst*. Bila ianya berlaku, maka akhirnya rakyat sendiri sudah tidak mampu hendak beli, seluruh masalah akan berlaku. Saya merasakan pihak kerajaan mesti melihat pada persoalan ini dengan menentukan ada *control*, ada *regulation*. Orang hendak beli rumah sekarang ini sampai dua generasi, pinjaman sampai dibenarkan sehingga...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya faham sudah yang itu.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini semua merupakan masalah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya faham. Okey.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan hanya dilihat sebagai pembeli rumah yang pertama sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** [Bangun]

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey, *I understand* dengan izin.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya faham apa Yang Berhormat Shah Alam kata itu. Akan tetapi, kalau hendak katakan kerajaan tidak ada kawalan langsung pun juga tidak adil. Tidak adil! Kawalan ada. Kita sudah katakan tadi cukai keuntungan hartanah, kita ada sebanyak 15%. Kita ada nisbah kepada *loan to value* ataupun nisbah *financing*. Itu di bawah kawalan kerajaan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Akan tetapi, pada masa yang sama, kita harus ingat bahawa kalau kita buat secara semberono, ia akan memudaratkan industri ini. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita buat PR1MA. Kerajaan prihatin. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat PR1MA. PR1MA akan menawarkan rumah-rumah yang jauh lebih rendah nilai harganya daripada pasaran kerana pertamanya mereka pemaju, mereka tidak memberi penekanan kepada keuntungan. Keduanya, mereka menggunakan tanah-tanah

kerajaan. Ketiganya, mereka mengawal penggunaan bahan-bahan binaan oleh kerana mereka membuat secara besar-besaran, *economies of scale*, mereka mempunyai keupayaan untuk mengawal harga barang binaan.

Jadi, kalau tuduhan Yang Berhormat Shah Alam mengatakan kita tidak mengambil apa-apa tindakan, itu satu tuduhan yang tidak betul. Betul, kalau Yang Berhormat Shah Alam merasakan harga rumah itu sekarang ini terlalu tinggi, saya berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat. Akan tetapi, kalau mengatakan kerajaan tidak berbuat sedemikian, saya rasa itu tidak betul.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Buat tetapi kurang berkesan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Kuala Selangor, selepas itu Yang Berhormat Labuan.

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya melihat isu perumahan ini merupakan satu isu yang serius kalau tidak dibendung. Di sini saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri, setuju kah Yang Berhormat Menteri kalau dicadangkan pihak kerajaan supaya diwujudkan satu jawatankuasa kabinet untuk menangani isu perumahan mampu milik ini terutama sekali melibatkan semua agensi dan mungkin kementerian Yang Berhormat Menteri menjadi sekretariatnya? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

**Tuan Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Saya setuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa kenaikan nilai *property* itu adalah sesuatu yang positif. Akan tetapi, apa yang perlu dikawal atau kita perlu ada intervensi kalau boleh adalah *cost of construction* membuat rumah-rumah baru. Setuju tidak Yang Berhormat Menteri?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bagan Serai, kemudian Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin menyentuh balik tentang rumah transit untuk pasangan muda dan untuk dua tahun yang pada pendapat saya tidak berapa praktikal. Ini kerana dalam dua tahun, tidak sempat pasangan muda hendak *stable* kan dirinya dengan izin. Tahun pertama dapat anak seorang, jadi tiga orang, tahun kedua dia dapat anak lagi, kali ini kembar. Jadi, lima orang. Selepas dua tahun dia kena keluar. Jadi, sekurang-kurangnya pendapat saya dan cadangan saya untuk tiga tahun ataupun empat tahun supaya dia dapat buat keputusan untuk keluar dan beli rumah sendiri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

**Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]:** Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak balik tadi soal harga rumah ini. Saya melihat salah satu sebab harga rumah kita ini naik tinggi terutamanya di Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Johor Bahru ini kerana kita bersungguh-sungguh untuk pasarkan di luar negara. Ada negara-negara maju, ia membuat undang-undang, contohnya *foreigner* hanya boleh beli rumah baru sahaja. Rumah *secondhand property* dia tidak boleh beli. Ini sekurang-kurangnya dapat mengecilkan *speculation* seperti mana Yang Berhormat Shah Alam kata tadi. Saya tidaklah setuju dengan Yang Berhormat Shah Alam banyak kali, yang ini setuju. Yang ini.

#### ■1510

Jadi saya ingat mungkin juga kalau kita lihat contohnya Iskandar, kita bercakap hari-hari membawa *foreign*, pelaburan masuk di Wilayah Persekutuan ini sendiri. Ini mungkin juga salah satu cara yang kerajaan boleh fikirkan Yang Berhormat, terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Yang Berhormat Labuan, *cost of construction*, bahan-bahan binaan ini harus dikekang. Kita berusaha akan tetapi pasaran yang menentukan. Saya faham akan keprihatinan Yang Berhormat dan saya berkongsi pendapat.

Kepada Yang Berhormat Kuala Selangor saya cadangkan - *sorry*, Yang Berhormat Bagan Serai tentang rumah transit tadi, ini bukanlah penyelesaian jangka panjang Yang Berhormat. Dia adalah penyelesaian jangka pendek. Kalau kita letak tiga hingga empat tahun, kalau menurut Yang Berhormat Kota Bharu tadi, empat tahun pun mereka tidak keluar. Jadi sebab itu rumah-rumah ini kita buat untuk mereka yang memerlukan masa sedikit untuk *stability*, mendapat pekerjaan, sudah mendapat pekerjaan belum mampu untuk mengumpul dana untuk membeli rumah yang pertama.

Jadi ini bukan penyelesaian keseluruhan Yang Berhormat. Ini hanya penyelesaian jangka pendek. Akan tetapi saya ambil maklum kalau dua tahun itu mungkin terlalu pendek kita akan fikirkan. Akan tetapi kalau kita letak tiga empat tahun saya khuatir mereka akan terlalu selesa di situ dan empat tahun lagi susah untuk mereka keluar daripada dua tahun.

Untuk Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu, saya bersetuju. Tadi Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Shah Alam pun sudah pergi mana itu. Pemasaran rumah ke luar negara ini satu perkara yang perlu kita kekang. Ini satu perkara yang saya setuju dengan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu. Begitu juga di Pulau Pinang contohnya. Pulau Pinang adalah *subject matter* yang begitu dekat di hati saya sewaktu saya menjadi *backbencher*.

Ini kerana kita masih ingat lagi sewaktu kerajaan DAP, Pakatan Rakyat mahu dalam Pilihan Raya tahun 2008, mereka antara lainnya membidas Barisan Nasional kerana harga rumah yang terlalu tinggi di Pulau Pinang kononnya. Antara lain yang mereka buat yang mereka tuduh ialah Kerajaan Barisan Nasional Pulau Pinang pada waktu itu membenarkan pemaju perumahan menjual rumah mereka di luar negara.

Perkara yang sama masih berlaku di Pulau Pinang. Bekas Timbalan Ketua Menteri menganggu. Ini masalah kita. Apabila ada misi-misi ke Korea, saya tahu, ke Mesir, Korea, Taiwan dengan tujuan untuk membeli rumah di Pulau Pinang. Ini yang menjadi permasalahannya.

Kalau itu tujuan Kerajaan DAP mengambil alih Pulau Pinang sudah tentu mereka harus mengekang aktiviti penjualan rumah di luar negara ini. Akan tetapi sebagai makluman kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya pemilikan orang asing terhadap rumah-rumah di negara kita ini secara puratanya hanya 5.5%, tidak begitu besar. Akan tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu ada kawasan-kawasan yang agak tinggi seperti di Iskandar, Johor Bahru dan sebagainya.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** *[Bangun]*

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Akan tetapi secara keseluruhannya pemilikan rumah yang dimiliki oleh orang asing hanya lebih kurang 5.5%. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya hendak buat satu pembetulan sahaja, bila Yang Berhormat Menteri kata saya rasa delegasi daripada Kerajaan Pulau Pinang bawa pihak pemaju ke luar negeri untuk membawa...

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** ...Pemaju sendiri yang buat. Okey, kalau macam itu minta maaf. Akan tetapi saya rasa seperti apa Yang Berhormat Menteri kata sendiri peratusan yang telah pun dibeli oleh pihak warga luar negeri adalah kurang dan Kerajaan Pulau Pinang telah pun meningkatkan kadar harga rumah yang boleh dibeli oleh warga luar negeri di Pulau Pinang. Saya rasa kadar itu RM1 juta merupakan kadar yang paling – bukan RM1 juta.

RM1 juta adalah kadar yang paling tinggi sekali di seluruh negara dan pada masa yang sama negeri Pulau Pinang juga telah pun mengagihkan RM500 juta. Satu tabung yang paling besar sekali di seluruh Malaysia untuk membina rumah mampu milik untuk

rakyat di Pulau Pinang. So, saya agak perkara yang mengkritik Kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang itu tidak berapa tepat.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, itu tidak cukup. Saya beritahu Yang Berhormat antara lain kenapa Yang Berhormat memiliki kerajaan di Pulau Pinang ialah kritikan pedas terhadap parti Gerakan dan antara lainnya ialah kos perumahan yang terlalu tinggi.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat kalau Yang Berhormat ingin berminat untuk mengetahui kenaikan harga di Pulau Pinang. Di Pulau Pinang purata kenaikan harga rumah di antara tahun 2008 dan tahun 2012 ialah 45%. Dengan izin, *you've not done enough* Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dengan macam-macam yang dibuat kerana ini adalah soal prinsip. Dulu Parti Barisan Nasional dikritik hebat oleh parti Yang Berhormat kerana kononnya harga rumah di Pulau Pinang terlalu tinggi. Maka rakyat Pulau Pinang pun mengundil Pakatan Rakyat.

Akan tetapi yang jelas sekarang ini Yang Berhormat, *you are one of the top*. Negeri Pulau Pinang adalah yang paling tertinggi kenaikan harga rumahnya. Jadi mana janji Yang Berhormat kepada rakyat Pulau Pinang. Itu yang saya ingin katakan di sini. Jadi ini belum soal cerita pasal rumah kos rendah lagi di Pulau Pinang.

**Dato' Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Di Kuala Lumpur 52% kenaikan harga di antara tahun 2008 hingga tahun 2012.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** So, Kuala Lumpur 52%.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Ya?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kuala Lumpur 52%?

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** 52%, Yalah, saya katakan *top five*. [Disampuk]

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]:** Selangor, Selangor.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Jangan cuba... Yang Berhormat kita berada di dalam sampan yang sama, bot yang sama. Kita mahu mengekang masalah ini. Akan tetapi Pulau Pinang menggunakan isu ini sebagai politik. Tahun 2008 *that was your main criteria* dengan izin, antara lain. Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan berbilang-bersang terima kasih kepada Kementerian KPKT kerana telah banyak mewujudkan rumah PPR. Akan tetapi oleh kerana dalam Bandaraya Kuala Lumpur hari ini, kita lihat bahawa permintaan hampir mencecah begitu berganda daripada keperluan yang diperlukan.

Oleh kerana pemaju-pemaju swasta ini, mereka tidak berminat untuk mewujudkan atau membina rumah-rumah mampu milik, ataupun rumah-rumah yang kosnya di antara RM150,000 atau ke RM200,000. Jadi persoalan saya Yang Berhormat Menteri, adakah perancangan khusus daripada pihak kementerian untuk mempunyai satu *target* dalam masa lima tahun ini, berapa banyak rumah mampu milik ini yang boleh kita wujudkan dalam Wilayah Persekutuan khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Soalan itu sebenarnya Kementerian Wilayah Persekutuan yang lebih mampu untuk menjawab secara terperinci. Akan tetapi seperti mana yang kita tahu Aku Janji Barisan Nasional ialah sejuta rumah mampu milik dalam masa lima tahun ini dan kita jangkakan kalau lima tahun bermakna lebih kurang 200,000 rumah mampu milik yang akan kita bina di negara kita.

Untuk spesifik kepada Kuala Lumpur saya tidak mempunyai data Yang Berhormat. Saya kira itu di bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Titiwangsa, saya ingin menyebut ini juga akan tetapi sudah terlanjur Yang Berhormat Titiwangsa berdiri tadi.

Ahli Yang Berhormat Titiwangsa menyatakan bahawa jumlah permohonan untuk mendapatkan rumah sewa PPR di Kuala Lumpur telah mencecah melebihi 118,000. Mereka yang memohon bukan sahaja dari golongan yang berpendapatan rendah, tetapi juga daripada golongan profesional yang baru memulakan alam pekerjaan. Untuk

makluman Dewan yang mulia ini, jumlah pemohon PPR yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Titiwangsa itu agak mengelirukan, tidak berapa betul.

Ini kerana mengikut makluman yang dikemukakan oleh DBKL berdasarkan mereka yang berdaftar melalui sistem pendaftaran terbuka, bagi tujuan permohonan keperluan rumah PPR di kawasan Wilayah Persekutuan hanyalah 23,000 sahaja.

**Dato' Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Saya hendak buat pembetulan sedikit Yang Berhormat Menteri. Statistik yang kita dapat daripada pihak DBKL 118,000 itu adalah *application* yang masuk kepada pihak DBKL. Akan tetapi dalam *application* tersebut DBKL mempunyai kriteria menetapkan siapa yang layak. Jadi daripada yang layak itu adalah 43,000 rumah yang perlu disediakan kepada orang yang layak.

Oleh kerana rumah tidak ada, maka *application* ini tertangguh. Akan tetapi jumlah permohonan yang datang kepada DBKL ini adalah 118,000. Ini statistik yang saya peroleh daripada pihak DBKL. Jadi mungkin...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** ...Statistik ini agak bercanggah dengan orang yang layak dan *application*. *What I meant is actually application*.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak sedikit, saya sokong Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Saya setuju Yang Berhormat. Sekejap, sekejap. Saya setuju Yang Berhormat Titiwangsa. Mungkin statistik itu yang mahu. Kita mesti ingat 118,000 itu mungkin jugalah bukan orang yang betul-betul terdesak untuk membeli rumah. Mungkin buat masa ini mereka mempunyai rumah sewa contohnya. Tinggal di dalam rumah sewa dan apabila ada sistem pendaftaran terbuka mereka mahu mencuba nasib untuk membeli rumah PPR tersebut.

**Dato' Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** [Bangun]

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Sekejap, sekejap. Rumah PPR tersebut dan mungkin ada juga yang sekarang ini duduk dengan keluarga dan mahu membeli rumah dan kriteria-kriteria yang diletakkan oleh DBKL itu memang bersesuaian.

■1520

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, saya nampak soalan ini ialah kerana pendaftaran 118,000 itu ialah datang daripada golongan-golongan muda atau profesional. Jadi, mereka-mereka ini ingin memiliki rumah tetapi malangnya di bandar raya Kuala Lumpur ini setiap projek yang diluluskan atau pun yang dibina oleh *private sector* ini kalau kita lihat terutama dalam kawasan saya, kita ada hampir 10 projek iaitu melibatkan hampir 7,000 unit baru. Harga-harga yang mereka jual ini adalah RM900 ribu ke atas. Apa yang hendak saya tekankan ialah saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri bahawa ini adalah tanggungjawab Kementerian Wilayah Persekutuan. Akan tetapi apabila kita berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan mengatakan bahawa PPR ini dibina oleh KPKT.

Mereka hanya mentadbir dan mengurus tetapi pembinaan bukan daripada pihak DBKL. DBKL cuma buat rumah perumahan awam. Akan tetapi hari ini tidak ada mana-mana projek perumahan awam yang dilakukan oleh DBKL kerana mereka merasakan bahawa itu adalah telah diserahkan kepada KPKT. Jadi, saya berpendapat bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga KPKT ini amat penting dalam pembangunan rumah-rumah mampu milik di Bandaraya Kuala Lumpur. Ini kerana kalau kita biarkan tanggungjawab ini kepada pihak swasta, saya tidak nampak mana-mana pihak swasta ingin membina rumah-rumah yang mampu milik ini.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Boleh sedikit, ya saya ingin sokong apa yang disebut oleh rakan saya dari Wilayah Persekutuan. Saya dapati banyak projek yang dibangunkan juga oleh swasta, mereka mengabaikan tanggungjawab ini untuk

membangunkan rumah-rumah PPR. Banyak lagi seperti termasuk kawasan saya, YTL dan banyak lagi pemaju, mereka melengahkan pembangunan PPR. Saya ingin tahu sama ada Kementerian boleh mengambil satu pendirian yang lebih tegas supaya *social responsibility* ini diambil dan juga *priority* untuk membangunkan PPR harus bermula dulu. Jangan kita mula bina semua yang komersial selepas itu PPR itu sebagai sampingan dan ada kala banyak kali tidak dilanjutkan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Titiwangsa, saya bersetuju. Sebenarnya masalah kekangan yang dibuat, yang berdepan dengan KPKT ini adalah tanah. Tanah, *it is very simple*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kawasan-kawasan yang kita bina PPR ini, kalau kerajaan negeri contohnya dan pihak berkuasa tempatan, kalau mereka fikirkan, ia ada sedikit macam satu permasalahan dari segi tafsiran. Kalau mereka katakan ini untuk orang-orang yang miskin, kebanyakan kerajaan negeri dan PBT akan memberi tanah yang betul-betul jauh di pinggir bandar, di tepi sungai, di bawah jambatan. Ini kerana mereka ini kononnya miskin dan ataupun tempat bekas pelupusan sampah, tanah lombong, macam-macam.

Jadi, selagi mana pihak-pihak yang berkenaan tidak memberikan tanah yang sesuai untuk KPKT membina rumah PPR, maka kita terpaksa berdepan dengan masalah kos yang meningkat. Ini kerana dalam keadaan tertentu KPKT terpaksa membeli tanah-tanah swasta dan ini akan menambahkan lagi kos dan mengurangkan jumlah yang sepatutnya kita bina. Saya setuju, kita boleh bersama-sama menangani isu ini. *Very quickly* Yang Berhormat Titiwangsa. *Very quickly*.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** *Quick one*, Menteri Wilayah bagi komitmen bahawa tanah-tanah dalam bandar raya Kuala Lumpur, setinggan, mereka akan gazetkan untuk buat rumah PPR. Jadi, kemungkinan besar kita akan datang jumpa dengan pihak Yang Berhormat Menteri untuk beritahu dekat mana kawasan kita dalam bandar raya Kuala Lumpur ini sebab dia sudah bagi komitmen semalam.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sebenarnya Yang Berhormat Titiwangsa, saya bersetuju kalau Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan datang berjumpa dengan Yang Berhormat, cantiklah itu. Akan tetapi kita panggil sekali lagi Menteri Kewangan. Ini juga ada satu komponen lagi iaitu dari segi bajet dan kalau Kementerian Kewangan memberikan bajet kepada KPKT sudah tentu kita berusaha.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bangun]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Sedikit-sedikit. Yang berkaitan. Saya mengambil contoh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya mengambil contoh, seperti kes - sedikit sahaja lagi. Seperti kes di kawasan saya, tanah-tanah KTM, ini milik kerajaan. Kebanyakan telah diswasta kepada YTL tetapi YTL, kalau kita semak semula komponen yang YTL komited untuk PPR dan mampu milik begitu kecil sekali. Akan tetapi dibandingkan dengan Saffron, dengan Capel yang bagi saya tidak sesuai untuk kawasan Sentul, hanya untuk kondok yang mewah dan pejabat yang mewah dan tidak sesuai dengan kawasan itu. Saya harap kerajaan boleh *review* semula supaya komitmen boleh dipertingkatkan supaya rumah dapat diperbanyak.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat tidak payah berharap, kita telah buat. Sebab itu kita bina, kita wujudkan PR1MA. PR1MA adalah satu agensi kerajaan dibuat yang diluluskan oleh kita di Dewan Parlimen ini dengan kuasa-kuasa tertentu yang tidak berada di bawah akta dan diberi *fastrack*, dengan izin, untuk membina. Tanah-tanah kerajaan yang Yang Berhormat sebut tadi, KTM, tanah-tanah yang dipegang oleh PTG, ini semua akan diserahkan kepada PR1MA secara keutamaannya bagi PR1MA membina rumah mampu milik ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat, yang penting kerajaan telah lakukan sekarang ini dan *insya-Allah* tahun ini 80,000 PR1MA akan buat untuk tahun 2013. *Very quickly*. Memang tepat.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Ahli Yang Berhormat Menteri ada katakan itu kerajaan khususnya KPKT tidak ada tanah. Apa yang saya fahamkan bahawa ada dua tapak yang

luas di kawasan saya di Bukit Bintang. Di Jalan Imbi - 105 ekar tanah telah diberi kepada 1MDB dan juga 400 lebih ekar yang sama telah diberi kepada 1MDB ialah lapangan terbang lama. Kedua-dua projek ini tidak akan mengusahakan untuk PPR, ini saya amat sedih oleh sebab warga kota kita ramai yang tidak mampu membeli perumahan di kawasan Bukit Bintang, khususnya Kuala Lumpur ini. Saya minta Yang Berhormat Menteri, bolehkah memberi arahan atau ada satu arahan diberi kepada 1MDB membina rumah mampu, khususnya PPR di kawasan Bukit Bintang untuk warga kota Kuala Lumpur ini. Minta penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima Kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Sebenarnya 1MDB mempunyai CSR program sekarang ini dalam bentuk pembaikan rumah di kawasan-kawasan luar bandar. 1MDB telah berbelanja cukup banyak untuk membantu orang-orang kampung di seluruh negara kita untuk membaiki rumah mereka. Program ini berterusan buat masa ini. Di Bukit Bintang, saya akan bincangkan. 1MDB bukan di bawah saya, Yang Berhormat tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri. Boleh buat kebajikan. Yang Berhormat Seputeh duduk belum apa-apa lagi sudah.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kerana saya mempunyai masa yang agak tertekan sekarang ini. Bagaimanapun isu angka yang telah disebut oleh Yang Berhormat Titiwangsa untuk rumah-rumah PPR bukanlah isu utama di sini tetapi bagaimana kerajaan dapat membantu meringankan beban rakyat dalam proses pemilikan rumah adalah merupakan perkara pokok yang perlu kita tangani. Oleh itu saya amat memahami perasaan Yang Berhormat Titiwangsa yang melihat ketidakmampuan pemilikan rumah bukan sahaja terhad kepada mereka berpendapatan rendah tetapi kini telah menjadi satu fenomena baru di kalangan golongan muda yang baru bekerja.

Sebagai sebuah kerajaan yang sentiasa prihatin dan memahami perasaan rakyat yang memerlukan rumah, kementerian saya merancang- itu saya sudah sebut tadi tentang konsep transit. Rumah transit ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, akan disewakan pada kadar sewaan RM124 di mana kadar ini adalah sama seperti mana kadar yang dikenakan kepada mereka yang sedang menyewa rumah PPR. Saya memang bercadang untuk berbincang dengan Kementerian Wilayah Persekutuan untuk mengambil alih beberapa bangunan PPR yang telah siap dibina untuk tujuan ini supaya bangunan-bangunan itu secara khusus diberikan, disediakan untuk konsep rumah transit untuk pasangan muda ini di Kuala Lumpur.

Ahli Yang Berhormat Padang Besar mencadangkan supaya program perumahan rakyat di laksanakan di Padang Besar, Perlis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan projek PPR adalah berdasarkan permohonan daripada kerajaan negeri dengan mengambil kira keperluan dan juga permintaan golongan yang berpendapatan rendah. Walau bagaimanapun, cadangan pelaksanaan projek PPR di Padang Besar, Perlis boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan pada masa akan datang tertakluk pada jumlah peruntukkan yang ada. Akan tetapi ingin saya jelaskan di negeri Perlis, Kerajaan Persekutuan telah menyiapkan dua projek PPR, 1,228 unit di Kangar Perlis dan sedang melaksanakan satu projek 200 unit di Kuala Perlis buat masa ini. KPKT juga turut merancang untuk melaksanakan dua lagi projek berjumlah 650 unit di Simpang Empat dan Arau, Perlis.

#### ■1530

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tanjong mendakwa bahawa kerajaan hanya menabur janji membina rumah yang lebih banyak semasa pilihan raya sahaja dan mempersoalkan kemampuan kerajaan dalam memenuhi janji berkenaan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa apa yang dijanjikan oleh kerajaan sentiasa dikotakan dan dilaksanakan mengikut perancangan kerajaan. Perancangan program perumahan rakyat di mana-mana negeri adalah berasaskan keperluan dan permintaan. Sebagai sebuah kerajaan yang memerintah dengan adil dan saksama, keperluan asas semua golongan rakyat untuk memiliki rumah adalah merupakan intipati utama agenda Kerajaan Barisan Nasional. Tiada rakyat yang dipinggirkan sebaliknya rakyat sentiasa didahulukan.

Sebagai bukti Tuan Yang di-Pertua, PPR yang sedang dan telah dibina sejak dua tiga tahun kebelakangan ini banyak di kawasan-kawasan negeri-negeri yang diterajui oleh parti pembangkang.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sebagai contoh PPR di Kelantan, kita ada 2,000. Satu di Gua Musang satu lagi di Kota Bharu dan di PPR Kampung Hassan, Selangor 300 unit, PPRT Tok Subur di Pulau Pinang juga 200 unit. Ini adalah beberapa contoh PPR yang kita bina di kawasan negeri-negeri yang dimiliki ataupun diterajui oleh pembangkang. Ini berkenaan dengan apa Yang Berhormat?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat, Tanjong.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya, sekejap. Yang Berhormat Tanjong, ya? Okey.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Ya. Okey, terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jaminan untuk mengotakan janji-janji yang telah dibuat semasa pilihan raya. Berkenaan dengan 9,999 unit rumah mampu milik yang akan dibina di Air Itam, di Padang Tembak dan juga di Paya Terubong. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri satu tempoh projek-projek ini bilakah dapat disiapkan? Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]:**  
*[Menyampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pontian kata lebih baik buat di Pontian dari Tanjong.

**Seorang Ahli:** Betul.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, nanti saya beri – Saya tidak ada spesifik maklumat tentang PPR tersebut. Saya akan beri secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, Ahli Yang Berhormat dari Sepang telah membangkitkan masalah keretakan rumah pangsa yang dihadapi oleh penduduk di Taman Permata, Dengkil. Penduduk yang menduduki rumah pangsa berkenaan adalah bekas pekerja dari empat buah ladang iaitu Ladang Perang Besar, Ladang Medingly, Ladang Galloway dan Ladang Sedgely yang telah diambil oleh kerajaan untuk pembangunan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pembinaan dan penyediaan di Taman Permata telah dilaksanakan oleh Putrajaya Holdings Berhad dan Permodalan Negeri Selangor Berhad.

Hasil semakan yang dibuat oleh kementerian mendapati Taman Permata bukan merupakan penempatan sementara kerana para penduduk mempunyai perjanjian jual beli berkenaan pada kadar harga sekitar RM20,000 seunit. Tanah tapak rumah pangsa ini juga mempunyai hak milik yang didaftarkan atas nama Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bangun]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan berkenaan bukan sahaja perlu - Yang Berhormat Sepang?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mempunyai dokumen-dokumen yang banyak dihantar oleh penduduk, jawatankuasa penduduk daripada kerajaan negeri dan sebagainya. Sebenarnya, kalau mengikut para penduduk, apabila mereka ingin dipindahkan, janji asalnya ialah untuk membina rumah teres, bukan rumah pangsa. Apabila mereka menduduki rumah pangsa itu, keadaan rumah itu begitu daif sekali. Baru-baru ini berlaku keretakan. Saya hendak tanya, Menteri ada pergi atau tidak apabila berlaku keretakan ini? Saya pergi. Hari itu retak, malam itu juga saya pergi. Saya melihat mereka takut sampai sekarang sampai malam ini mereka masih tidur dalam khemah. Bagaimana dalam negara kita ada lagi penduduk yang duduk dalam khemah? Tidak berani duduk sebab tidak ada jaminan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Bangun]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Sekejap. Saya hendak beritahu Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Pakatan telah pun meluluskan tanah 18 ekar untuk rumah itu dibina, 18 ekar ini. Saya ada surat ini. *[Disampuk]* Sebahagian Lot 12456, janji ini



Kerajaan Persekutuan akan bina. Ahli Parlimen Sepang Barisan Nasional dahulu mengatakan Kerajaan Pusat akan membina rumah. Oleh sebab itu kerajaan negeri telah sudi untuk memberikan 18 ekar tanah untuk dibina. Saya minta supaya tindakan segera dibuat sebab mereka dalam keadaan bahaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukuplah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bukan soal politik. Ini soal rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, okey, okey. Saya faham.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Melibatkan nyawa manusia kalau mereka mati.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak perlu berpolitik di sini Yang Berhormat. Duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat kata ini bukan politik tetapi Yang Berhormat berpolitik dalam soal ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa yang politiknya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya beritahu. Duduk dahulu, duduk. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan macam ini Yang Berhormat. Jangan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Pertamanya Yang Berhormat, sampai sekarang kita tidak tahu siapa yang berjanji sama ada Kerajaan Negeri Selangor pada waktu itu ataupun kerajaan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Masa itu Selangor ambil alih, masa itu Barisan Nasional.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *No, no*, sekejap. Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan lupa Kerajaan Selangor adalah milik Yang Berhormat. *You forget the state government is yours now.* Itu satu, duduk. Duduk dahulu.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat. Yang Berhormat beri tanah, tanah apa?

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, jangan hendak bermain politik di sini. Saya ada sepucuk surat yang saya serahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Mungkin Kerajaan Negeri Selangor tidak beritahu kepada Yang Berhormat. Kepada Exco Kerajaan Perumahan Kerajaan Negeri Selangor. Apa yang kita kata? Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, kita tulis kepada Yang Berhormat Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. *[Membaca sepucuk surat] "Isu perpindahan bekas pekerja-pekerja Ladang Perang Besar, Ladang Medingly, Ladang Galloway dan Ladang Sedgely ke Taman Permata, Dengkil, Selangor"*.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Ahli Parlimen Sepang ingin bermain politik di dalam Dewan yang mulia ini, saya hendak beritahu, dia hendak nampakkan menjadi hero dia beri tanah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa yang politiknya apabila tiba Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apabila tiba Menteri... *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh].*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You are out of order*, Yang Berhormat Sepang! Yang Berhormat Sepang!

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *You* sebagai Menteri ada tidak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *No respect to the Speaker*, Yang Berhormat. Apa ini? Jangan buat macam ini.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia buat...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dia hendak bermain...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan buat macam itu Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduklah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita boleh berbahas...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduklah dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Secara adab dan sopan mengikut peraturan mesyuarat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Why it is wrong with you?*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Dia tuduh saya bermain politik.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *You* tadi kata, apa yang tidak bermain politik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak perlulah. Tidak perlu debat macam itu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Beri saya jawab dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak buktikan Yang Berhormat bermain politik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya tunjukkan. Yang Berhormat duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** *You sit down*. Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak buktikan Yang Berhormat bermain politik. *[Dewan riuh]* Beri saya ruang, beri saya ruang. Dia kata, dia hendak beri tanah kepada penduduk tempatan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat Menteri, jawab pandang Yang di-Pertua. Ceramah dengan Barisan Nasional.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduklah. Saya hendak beritahu kenapa dia bermain politik.

Pertamanya, dia beri tanah. Dia kata dia hendak jadi hero, Kerajaan Negeri Selangor hendak jadi hero, beri tanah Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak beritahu, tanah

jenis apa yang diberi? Jabatan Perumahan Negara dan KPKT telah membuat kajian di atas tapak yang diberi kononnya diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Pakatan Rakyat di Sepang. Akan tetapi setelah kajian dibuat, tanah yang dicadangkan merupakan kawasan takungan air yang perlu dikekalkan. [*Dewan riu*] Ia juga merupakan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduk dahulu Yang Berhormat, duduk, duduk. Saya baca dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak beri dokumen. Tunjukkan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat duduk dahulu. Saya beri ruang selepas ini. Duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ini masalah ini. Saya beri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ikut peraturanlah, ikut peraturan. Hendak berucap, mencelah, ikut peraturan. Senang sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Please understand*lah. *You* baru tahu dalam Parlimen ini. *You* tidak boleh berdiri macam itu sahaja.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *No*. Ini bukan masalah barulah, bukan masalah lama.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduk, duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini masalah saya hendak katakan, kita patut dalam isu ini bersamalah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduk dahulu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Apa hendak gaduh-gaduh?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya beritahu. Duduk dahulu. Akan tetapi Yang Berhormat kata jangan politikkan. Saya hendak beritahu, sampai hendak kata *you* duduk *you* pergi dahulu, Menteri tidak pergi dahulu. Saya hendak beritahu, tanah ini yang dicadangkan merupakan kawasan takungan air. Itu satu. Ia juga merupakan kawasan tebatan banjir [*Dewan riu*] bagi mengelakkan limpahan air Sungai Langat yang terletak bersebelahan. Selain itu, terdapat kolam-kolam takungan air di kawasan tersebut, laluan paip gas pun ada di tanah tersebut. [*Dewan riu*] Hendak beri...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dia hendak jadi hero dalam Dewan ini...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Izinkan saya menjawab.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sabarlah. Kita bertanya dengan dia Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dengan mengatakan bahawa mereka memberi tanah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Izinkan saya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sudahlah orang ini orang-orang miskin Tuan Yang di-Pertua. Diberi tanah yang paling cukup tidak wajar oleh Selangor dan mahu menjadi hero di sini. Selepas itu, saya hendak beritahu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar, sebentar Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tadi Yang Berhormat Sepang mengatakan bahawa mereka mahukan rumah teres. Saya tidak tahulah bagaimana kita mahu membina 400 buah umah teres dalam 18 ekar Tuan Yang di-Pertua. Dalam kajian kita, *you* hendak beri 18 ekar, mana kita boleh buat. Sekurang-kurangnya 30 hingga 34 ekar perlu disediakan untuk densiti 12 hingga 14 buah rumah teres seekar.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tidak. Kita boleh beri, Kerajaan Negeri Selangor boleh.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi, ini permainan politik MP Sepang [*Dewan riuh*] dan saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, kita dapati dan kita pun tahu, Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** ...Peluang hendak cakap.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejaplah, sekejap, sekejap. Saya beri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentarliah, sebentarliah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduklah dahulu. Kalau Yang Berhormat minta laluan, buat cara yang terbaik. Yang Berhormat tidak boleh cara berdiri sebegitu. Ini bukan *court room*. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, dia katakan tadi ada khemah. Mereka tinggal di atas khemah. Yang Berhormat hanya datang ke sana sebelah siang. Kalau Yang Berhormat datang sebelah malam...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Ini bohong. Saya datang malam, malam berlakunya keretakan itu. Saya datang waktu malam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduk dahulu. Setahu saya Yang Berhormat, kita menghantar pasukan pemantau ke kawasan tersebut.

#### ■1540

Kementerian kita menghantar pasukan pemantau ke kawasan tersebut. Kita dapati mereka tidak tinggal di dalam khemah itu dan mereka hanya tinggal bukan semuanya, kebanyakannya masih lagi menggunakan unit-unit yang lain kecuali ada masa-masa tertentu mereka duduk di dalam khemah tersebut. Ada sebahagian daripada mereka, kalau media datang, *yes* tunjuk. Akan tetapi ada masanya mereka tinggal di rumah unit mereka sendiri. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat kata ini...

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejaplah Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Belakang Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya hendak beritahu, yang telah menjanjikan, yang memperakui bahawa rumah ini selamat adalah IKRAM, bukan kita KPKT. Rumah itu masih lagi diperakui selamat dan Yang Berhormat Sepang tidak boleh lari daripada tanggungjawab ini kerana selain daripada soal keretakan rumah, soal pembedahan, soal parit, air dan sebagainya yang dibangkitkan oleh penduduk di kawasan tersebut adalah bidang kuasa PBT Sepang di bawah Kerajaan Negeri Selangor. [*Tepuk*]

Kenapa hendak semua diberikan kepada dan disalahkan pada Kerajaan Persekutuan? Mana tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor? Mana tanggungjawab Ahli Parlimen Sepang? Ini yang saya katakan tadi bermain politik.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri, kata tadi hendak beri saya jawab.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri, mana ada logiknya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri beri kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar, yang lain duduk.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu, tidak boleh macam itu. [*Dewan riuh*]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya beri kepada Yang Berhormat Kuala Kangsar yang lebih sopan dan patuh kepada Tuan Yang di-Pertua. Duduk dulu Yang Berhormat Sepang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Jangan macam itu Yang Berhormat Sepang. *Anybody can do this nicely*, jangan buat macam ini, dia bagi kepada Yang Berhormat Sepang dan bagi kepada sesiapa yang lain. Jangan pertikai macam itu.

**Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]:** Dalam kes 18 ekar, yang tidak logiknya untuk membina 400 rumah di atas 18 ekar kerana setiap ekar selalunya dipukul rata di antara 10 hingga 12 unit per ekar. Jadi kalau 18 ekar bermakna untuk dimuatkan 20 lebih unit dalam satu ekar, tidak masuk akal dan tidak tepat sama sekali.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, itu kenyataan cukup baik. Kalau saya, saya katakan itu zalim kepada penduduk-penduduk di situ.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Nak bagi jalan lagi Yang Berhormat?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Eh, kena bagi jawapan dulu atau tidak, mana boleh Yang Berhormat Menteri sahaja yang cerita.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bagi Yang Berhormat Sepang, *listen to him*.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Mana ada 18 ekar, semua cepat sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri tidak beri jalan. Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Yang Berhormat Menteri tuduh saya macam-macam, sekarang ini awak tidak bagi saya peluang, apa ini?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Give him the floor, listen to him*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Tak boleh bina langsung. Tak mungkin.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Itu sebabnya kita hantar surat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri. Bagi saya peluang nak cakap.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita sudah hantar surat. Kita masih menunggu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kalau *you* betul-betul nak bagi, *you* tak boleh buat macam ini. Sekarang saya nak jawab *you* tak bagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Timbalan Menteri, *give him the floor. Have the guts to listen.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat Subang, *if you can teach him the manners, I will give him the floor. He has no manners.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ikut peraturan Yang Berhormat. Jangan bergaduh di dalam Dewan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kalau dia bertanya macam kawan-kawan yang lain, tidak ada masalah. *He's a brand new*, baru junior dalam Dewan ini, hendak tunjuk lagak.

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Jangan main junior-junior, jangan macam itu Yang Berhormat Menteri, besar hati sikit.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Menteri mana boleh gunakan *damn, damn*. Apa itu.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak katakan Yang Berhormat Menteri. *[Disampuk]* Okey, terima kasihlah kerana beri peluang. Terima kasih.

Saya bukan hendak bergaduh Yang Berhormat Menteri, saya hendak menyatakan, kita isu ini *like* isu janji dua-dua pihak iaitu kerajaan negeri dengan... *[Dewan riuh]* Dengar dahulu. Saya hendak katakan, kerajaan negeri telah berjanji untuk berikan... *[Dewan riuh]* Tengok macam mana saya hendak dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya mendapat, ini adalah yang dijanjikan. Ini adalah memorandum daripada jawatankuasa penduduk yang menyatakan bahawa apabila mereka hendak dipindahkan ke kawasan Taman Permata itu, mereka telah dijanjikan dengan rumah teres bukan dengan rumah pangsa. Rumah pangsa itu hanya untuk sementara sahaja.

Selepas berlaku keretakan ini, banyak perbincangan, Ahli Parlimen Sepang yang UMNO minta bukan 40 ekar tetapi minta 400 ekar. *This is ridiculous.* Saya ada surat daripada bekas Ahli Parlimen Sepang UMNO minta 400 ekar. Maknanya sekarang ini – saya ada surat daripada pejabat tanah yang mengatakan mereka telah meluluskan 18 ekar itu. Kalau sekiranya 18 ekar tidak mencukupi, saya rasa pihak kerajaan negeri bersedia untuk menambah, tidak ada masalah tetapi kerajaan negeri mahu aku janji daripada Kerajaan Persekutuan kalau sekiranya kami memberi tanah, mestilah dibina perumahan.

Maknanya masing-masing ada tanggungjawab. Kerajaan Pusat mesti menyediakan rumah, kerajaan negeri menyediakan tanah. Jadi kedua-dua menanggung kos. Saya rasa tidak perlu kita politikkan isu ini. Soalan saya tadi kenapakah Yang Berhormat Menteri apabila berlaku keretakan, tidak mahu pergi. Cuba pergi dan lihat keadaan di sana. Tidak pernah sekali tunjuk muka, ini apa ini? Menteri apa ini?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Duduk dulu Yang Berhormat. Kita ada perbincangan Yang Berhormat. Pegawai saya turun hari yang pertama...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kalau menteri turun baru masalah itu selesai? Tidak apa Yang Berhormat sekejap. Yang Berhormat bertenang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang, *cool down.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Steady* Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya minta kedua-dua Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Menteri sejuk sedikit boleh ya?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat saya juga menaikkan suara saya tinggi kalau dia hendak bermain politik. Dia hendak mengatakan dia datang dulu, Kerajaan Barisan Nasional datang kemudian. Kita bincang soalan ini tiga kali Yang Berhormat di

dalam Kabinet. Panjang lebar. Pegawai MIC, Menteri-menteri MIC, saya hendak beritahu bagaimana hendak katakan perumahan itu sementara, sedangkan ada perjanjian jual beli. Di situ permulaannya – sekejap.

Kalau dikatakan sementara, tidak ada perjanjian jual beli, bermakna orang di situ membeli rumah, ada S&P RM20,000, okey itu satu. Akan tetapi tidak apalah. Soalnya sekarang tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebab 18 ekar itu tidak mencukupi, itu sahaja. *You give me a good land, we'll think about it* dan kita kena beritahu. Soal...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya ucap terima kasih, Kalau betul janji begitu, saya bersedia dengan kerajaan negeri *to give a good land* dan adakah Kerajaan Persekutuan bersedia membuat aku janji buat rumah? [*Dewan riu*] Kalau okey, kita boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya sudah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey kita tolong.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat duduk dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, susah-susah sangat kita buat di wilayah sahajalah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** [*Ketawa*] Saya setuju juga Yang Berhormat sebab - Sebenarnya unit itu hanya 88 sahaja Yang Berhormat, bukannya 400 yang didapati bermasalah. Itu yang dikatakan oleh IKRAM tetapi tidak apa, kita tunggu jawapan daripada Kerajaan Negeri Selangor, kalau ada tanah yang sesuai dan janganlah pula minta kita timbus tanah lagi dengan segala macam kos. Jadi kita akan...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Aku janji boleh buat rumah atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Aku janji boleh buat rumah kah tidak?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *You see.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tak, saya nak tanya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *You see.* Yang Berhormat tak boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri, saya hormati. Saya hormati.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak betullah cara macam ini Yang Berhormat. [*Dewan riu*]

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya nak katakan – Menteri, saya nak minta aku janji daripada Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tak apa Yang Berhormat. Duduk sahajalah.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Aku janji di Parlimen ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya tak boleh aku janji dengan tanah...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Aku janji daripada Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya tak boleh... Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya akan tulis surat kepada kerajaan negeri minta dia bagi tanah. Boleh aku janji? *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Tidak apa matikan mikrofon dahulu. Okey.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh bina – penutupnya, saya tidak boleh bina rumah itu di atas angin. Saya perlukan tanah dan kalau tanah itu ada nanti, kita akan fikir bersama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sekarang boleh bagi aku janji atau tidak? *Just give some undertaking.*

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Boleh bagi *undertaking*?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Kita akan buat. Saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu sedikit. Untuk penyelesaian jangka cepat dengan cara yang cepat. Sebenarnya kita tawarkan 400 unit di PPR Bukit Jalil tetapi ditolak oleh wakil-wakil daripada penduduk. Kita memang tawarkan, pada awalnya apabila Yang Berhormat kata tadi itu, dia duduk dalam khemah, kita tawarkan PPR Bukit Jalil. Kita ada 400 unit yang boleh masuk sekarang. Walaupun Titiwangsa perlukan semua, kita beri kepada rakyat atau pengundi Yang Berhormat tetapi ditolak oleh mereka.

Ini fakta, mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Pada awalnya MIC, pemimpin-pemimpin MIC minta supaya kerajaan Kabinet membenarkan mereka berpindah ke Bukit Jalil. Pemimpin-pemimpin MIC – Tuan Yang di-Pertua, saya memohon, lambat lagi, ada masa sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap lagi Yang Berhormat, mungkin 10 hingga 15 minit lagi selesai.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Tolonglah bagi aku janji untuk buat rumah, itu sahaja. Kalau okey saya akan minta kerajaan negeri sediakan tanah 30 ekar kah apa, tidak apa kita akan minta. *[Dewan riuh] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Aku janji daripada Yang Berhormat Menteri, saya akan tulis surat kepada Menteri Besar Selangor minta tanah dan minta...*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Duduk Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jangan main politiklah Yang Berhormat, bagi tanah, baru kita fikir. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menuju kepada cadangan Yang Berhormat Kota Raja. Menyentuh cadangan Yang Berhormat Kota Raja agar kementerian memperketat syarat kebenaran merancang supaya semua bangunan dan kompleks menyediakan prasarana untuk pusat jagaan kanak-kanak dan nurseri. Saya ingin menjelaskan bahawa kementerian saya telah menyediakan garis panduan tadika dan taska yang telah pun dirundingi pada mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan - MNKT pada 21 Mac 2012 yang lalu.

#### ■1550

Garis panduan ini kemudiannya telah dipanjangkan kepada semua kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan yang menerangkan secara terperinci aspek perancangan, tapak, reka bentuk bangunan dan juga proses penubuhan tadika dan taska. Garis panduan ini juga jelas menerangkan bahawa PBT seharusnya mensyaratkan untuk penyediaan ruang bagi tadika dan taska di bangunan atau kompleks semasa permohonan kebenaran merancang oleh pemaju di kawasan masing-masing. Sehubungan dengannya kerajaan negeri perlulah memainkan peranan dalam memastikan PBT-PBT di negeri masing-masing mengguna pakai dan melaksanakan garis panduan ini sewajarnya.

Jadi Yang Berhormat Kota Raja, ini soal PBT di negeri Selangor. Sekali lagi saya ingin katakan jangan longgokan masalah ini kepada Kerajaan Persekutuan. Kita boleh buat garis panduan tetapi soal tentang merancang dan penguatkuasaan garis panduan ini



adalah di tangan PBT dan dalam isu ini adalah di bawah kawalan Kerajaan Negeri Selangor. Jadi isu ini tidak boleh dilonggokkan semuanya oleh Yang Berhormat Kota Raja kepada Kerajaan Persekutuan. Sepatutnya kerajaan Yang Berhormat sila berhubung dengan...

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Celah sedikit, celah sedikit.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** ...Berhubung dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk memastikan panduan itu dikenal pasti dan dikuatkuasakan oleh PBT masing-masing.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membawa isu yang dibawa Yang Berhormat Kota Raja. Dia maksudkan bukan di Kerajaan Negeri Selangor. Dia maksudkan kapasiti dari segi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagaimana hendak menggabungkan dasar memberi sokongan kepada semua pekerja wanita di tempat-tempat bangunan ini. Bukan masalah negeri Selangor tapi masalah seluruh negara. Jadi jangan cuba menjuruskan negeri Pakatan Rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, okey. Saya punya di sini Yang Berhormat dia kata minta PBT di kawasan beliau. Jadi itu tidak apalah, tidak apalah.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Itu dasar ucapan beliau dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *It's okay. Then bawalah dalam...*

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Jadi isu ini adalah isu seluruh negara bukan negeri Selangor sahaja. Jadi Yang Berhormat Menteri tolong ambil perhatian.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Kita sudah bagi garis panduan dengan ketat meminta supaya semua bangunan yang dibina di kawasan PBT supaya diambil kira penubuhan taska tetapi kita tidak mempunyai kuasa untuk memaksa PBT ini. Jadi di kawasan Selangor seperti mana yang saya katakan minta Menteri Besar Selangor paksa PBT untuk mengadakan taska dan tadika di kawasan masing-masing. Itu yang saya katakan.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** Tetapi itu bukan menjurus kepada Selangor sahaja Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak, sebab Yang Berhormat Kota Raja ini adalah di Selangor.

**Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]:** *All PBT you have to enforce this through the whole country.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Have you done in Selangor Yang Berhormat? Let me refresh the question. Have you done in Selangor?*

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Belumkan? Jadi itu contohnya.

**Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]:** Yang Berhormat Menteri, *just to put on record* semua rumah PPR dan wilayah ini ada tadika.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey, cantik. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Titiwangsa. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor telah menyatakan kebimbangan beliau terhadap pertambahan rumah urut di Selangor. [*Dewan riuh*] Khususnya di Parlimen Kuala Selangor katanya.

Untuk makluman Yang Berhormat, tanggungjawab untuk memberikan lesen memantau dan tindakan penguatkuasaan ke atas perniagaan rumah-rumah urut adalah terletak di bawah kuasa PBT sekali lagi berdasarkan undang-undang kecil.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi kita akan menimbang untuk mengubah undang-undang kecil ini kerana sekarang ini kalau ada denda yang dikenakan kepada rumah-rumah urut haram ini hanya RM2,000 Yang Berhormat. Kita hendak naikkan kepada RM25,000 dan saya harap PBT-PBT di kawasan Selangor terutamanya yang menjadi isu besar sekarang ini supaya...

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Kuala Lumpur tidak adakah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Di Kuala Lumpur...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Kuala Lumpur lagi teruk Yang Berhormat Menteri!

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Sabah tidak adakah?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh Yang Berhormat, tidak boleh Yang Berhormat?

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Jangan asyik kata Selangor sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tidak, Yang Berhormat mesti faham. Yang bertanyakan itu daripada negeri Selangor. Negeri Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor. Jadi sebab itu saya katakan Selangor. Saya ingin menekankan di sini pihak Kerajaan Negeri Selangor dan pihak berkuasa tempatan perlu tegas di dalam mengawal dan memantau di dalam pengeluaran lesen dan apa-apa aktiviti yang boleh membawa keburukan kepada rakyat. PBT harus memainkan peranan sebagai *gatekeeper* di dalam memastikan keharmonian sosial masyarakat terjaga. Ini saya rasa poin yang terakhir Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, sebelum terakhir.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenyataan Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Soalan dari Bakri, kawan lama.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekejap, tidak cukup masa. Kita minum kopi lepas buka puasa nanti. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan kenyataan Yang Berhormat Tanjong yang mengatakan pilihan raya kerajaan tempatan perlu dipulihkan supaya sistem demokrasi kita dapat diperkasakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tanjong, kementerian berpandangan adalah lebih baik tumpuan diberikan di dalam usaha memantapkan peranan pihak berkuasa tempatan dan memberikan penekanan kepada keperluan rakyat setempat. Ini adalah kerana pihak berkuasa tempatan masih tidak berkemampuan untuk menjana pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan sendiri. Pihak berkuasa tempatan masih mengharapkan peruntukan tambahan atau bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri.

Pada masa ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian saya memperuntukkan lebih RM1 bilion untuk tahun 2013 di mana sebanyak RM500 juta diagihkan melalui sumbangan membantu kadar dan hampir RM600 juta melalui projek pembangunan untuk pihak berkuasa tempatan. Dalam keadaan ini adalah tidak sesuai untuk mewujudkan lagi satu pilihan raya untuk memilih ahli-ahli majlis dan saya berpendapat pilihan raya kerajaan tempatan ini tidak menjadi keutamaan kepada kerajaan buat masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya jangkakan ini satu isu yang panas kerana sebelum pilihan raya dahulu ini isu yang begitu besar yang dimainkan oleh Pakatan Rakyat. Hari ini apabila saya sentuh isu ini Tuan Yang di-Pertua tidak seorang pun daripada Ahli Pembangkang yang berdiri untuk bertanya soalan kecuali Yang Berhormat Tanjong. Saya hendak beritahu...*[Disampuk]* Sekejap. Saya hendak beritahu pandangan Kerajaan Persekutuan terhadap isu ini.

Pertamanya ialah didapati baru-baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyaman SPR kerana tidak mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan. Akan tetapi isunya sekarang ini secara prinsipnya bagaimana kita mahu meminta SPR menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan jika SPR ini tidak dipercayai oleh pihak Pakatan Rakyat. Ini yang masalahnya. Dalam satu segi mereka ini kawan-kawan daripada pihak pembangkang menuduh SPR bermacam-macam menipu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** ...Dan juga berbohong tetapi pada masa yang sama...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jawapan ini senang sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** ...Menyaman SPR untuk mengujudkan pilihan raya kerajaan tepatan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ini adalah satu hipokrasi yang cukup besar di kalangan ahli-ahli parti pembangkang. Bagaimana ini Yang Berhormat Seputeh?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Boleh bagi laluan?

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya bagi kepada Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sudah kelirukan institusi SPR dengan orang yang anggotai SPR. Itu fundamental. Kita jelas dan kita ulang sekarang Pakatan Rakyat tidak ada keyakinan dalam Pengerusi, Timbalan Pengerusi khususnya dan anggota SPR yang telah menjalankan pilihan raya yang ketiga belas. Itu jelas. Kita tegas dengan pendirian itu. Jangan kelirukan institusi SPR. Manakala yang badan dipertanggungjawabkan di bawah perlembagaan untuk menjalankan mana-mana pilihan raya dalam negeri ini adalah SPR. Tidak ada badan lain yang boleh jalankan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab itu kita saman SPR untuk menjalankan pilihan raya PBT itu. Itu *basic*. Itu bukan isu yang *complicated*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak cukup masa.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tetapi tidak payah politikkan isu ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Hujah Yang Berhormat tadi itu pun berbau politik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, kita tanya sekali lagi...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ia pandangan yang memilih bila masa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, yang SPR ini masih dalam kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ya, kerajaan tempatan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Senang sahaja. Adakah kerajaan pusat sedia kerjasama dengan Pakatan Rakyat melakukan pilihan raya PBT. Itu sahaja soalan saya. Minta penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua ini hanya akan berlaku apabila ada pengiktirafan SPR oleh pihak Pakatan Rakyat. Sekarang ini apa yang berlaku ialah mereka mahukan pilihan raya kerajaan tempatan dibuat sekarang. Saya ingin beritahu kepada Yang Berhormat *if you are really serious about* pilihan raya kerajaan tempatan kenapa tidak dimasukkan dalam manifesto Pakatan Rakyat?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Ada! Ada! Ada!

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dalam manifesto. Yang mana satu?

**Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Belum bacakah?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Memang ada, memang ada. Tidak bacakah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Manifesto yang mana satu? [*Dewan riuh*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, boleh habiskan Yang Berhormat.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tidak ada bacakah? Nanti 36(6) mengelirukan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya terbaca di dalam *internet* apabila tidak ada peruntukan untuk kerajaan tempatan dimasukkan di dalam manifesto. Buku Jingga betul tetapi dalam manifesto Pakatan Rakyat betul. Saya tidak tahu. Saya terbaca di dalam blog-blog yang mengatakan. Jadi kalau ada betul. Okey.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita buat SPR sudah tentu ada *electoral role*. *Electoral role* pun siapa hendak tentukan? Tentunya SPR yang tidak dipercayai oleh mereka dan begitu juga tentang persempadanan yang rasmi. Itu juga ditentukan oleh SPR. Jadi Tuan Yang di-Pertua saya kira walaupun Yang Berhormat mengatakan yang dikecam itu adalah kepimpinan SPR yang penting sekarang ini SPR tidak akan berubah dari segi kepimpinan. Mereka masih lagi di situ.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Bangun*]

#### ■1600

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Jadi tidak wujud contoh berkenaan dengan ini. Saya dapati dalam pengamatan saya Yang Berhormat hanya DAP yang berminat sangat. PAS dan PKR ini kurang sedikit bunyinya tentang kerajaan tempatan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Bolehlah Yang Berhormat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Hanya DAP sahaja. Yang Berhormat, *last one*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Senang sahaja. Saya berbalik kepada isu itu. Pendirian Pakatan Rakyat adalah anggota SPR ini sekarang ada pengerusi semua mesti dikeluarkan. Itu sahaja. Kita bawa orang yang baru yang boleh yang ada dengan izin, *confidence*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ini soal SPR Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Confidence* seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang ini soal SPR dah, bukan lagi soal pilihan raya majlis kerajaan tempatan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Di bawah perlembagaan, dia yang bawa.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Menteri yang bawa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Di luar skop kementerian dah ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Menteri yang bawa so, kita memperbetulkan pemahaman Menteri tentang proses kerja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya lah, kadang-kadang Menteri dia terasa macam *backbencher* lagi. [Ketawa]

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Tukar, tukar Menteri.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Menteri kena ubahlah sikit mentaliti, dah bukan *backbencher* lagi dah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Yang Berhormat, saya punya pandangan begini Yang Berhormat. *Are you done?*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Nak alih kepada tajuk sedikit tetapi kena...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tak payahlah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta ada penjelasan sedikit *on different issue*.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Electoral roll*, persempadanan baru itu semuanya SPR Yang Berhormat, kalau kita buat pilihan raya kerajaan tempatan. Itu sebabnya isu ini di dalam kerajaan tempatan. Pada pandangan saya Yang Berhormat, kebanyakan PBT di negara kita ini tidak mempunyai kewangan yang kukuh, masih lagi memerlukan bantuan. Saya faham tujuan kita mewujudkan pilihan raya ini kononnya untuk memberikan kerajaan tempatan lebih telus, lebih terbuka, lebih *accountable* kepada rakyat tapi pandangan saya Yang Berhormat, walaupun dia dipilih terutamanya oleh kerajaan di bawah Pakatan contohnya, carilah yang terbaik. Cari yang terbaik untuk menerajui majlis-majlis perbandaran dan sebagainya di kawasan masing-masing dan itu tidak memberikan jaminan jika mereka ini dipilih, mereka akan lebih terbuka dan sebagainya.

Saya faham bahawa walaupun isu kerajaan tempatan ini penting tetapi tidak menjadi satu keutamaan kepada kementerian saya buat masa ini sehinggalah isu-isu tentang SPR ini dapat diselesaikan. [Dewan riuh]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Berdirilah kalau nak bercakap, kalau tak nak bercakap duduk.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dua minit sahaja Menteri.

**Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]:** [Bangun].

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey. Yang Berhormat-Yang Berhormat saya rasa cukuplah kerana saya hanya ada sampai pukul empat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ada yang belum jawab lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya kira itu sahaja Yang Berhormat dan...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri, Menteri. Ada isu yang dibangkitkan yang tak jawab.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Isu apa itu Yang Berhormat?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Ampang ataupun nak bertuliskah?

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Bertulislah kalau boleh kerana kita pukul empat, kita ada dua kementerian lagi dan kalau boleh saya akan semak semula. Ada lagi dua tiga soalan tetapi saya rasa tidak begitu...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tapi saya rasa apa yang bawakan itu penting.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Saya akan jawab secara bertulislah Yang Berhormat.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri, saya rasa apa yang saya rasa bawa ini penting, kena dengar sikit ya. Pasal isu-isu projek terbengkalai. Saya ingat ini sangat penting. Jadi saya minta Menteri tolong jawab kerana khususnya saya nak bawa isu projek terbengkalai tapi bawa ke Ampang yang khususnya tragedi Highlands Towers yang dah 20 tahun sampai sekarang belum lagi diselesaikan dan ini menjadi satu sarang yang mengancam penduduk-penduduk yang duduk di sekitar kawasan itu. Jadi saya minta sebagai Menteri yang baru, duduk sana duduk sini sama juga kelakuannya tapi saya harap adalah pembaikan. [Ketawa] Saya nak minta agar Menteri melihat agar satu dasar baru dipertimbangkan untuk projek-projek sedemikian agar dasar ini lebih progresif dan lebih efektif.

Mempercepatkan perobohan, mempercepatkan pengambilalihan, memendekkan tempoh terbengkalai. Ini perlu kerana untuk negara yang lebih maju tujuh tahun yang akan datang seperti kata negara maju berpendapatan tinggi, mesti ada mentaliti yang baik untuk capai ke status ini. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Sekurang-kurangnya saya ada peningkatan Yang Berhormat, dulu daripada duduk di sana sampai ke sini. Yang Berhormat masih di sana lagi.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Alhamdulillah* tapi *fiil* itu yang penting, kelakuan itu yang penting.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tak apa, cuba lagi tahun hadapan dan kurangkan sedikit fitnah dan tuduhan itu, *insya-Allah* Barisan Nasional akan menang lagi dalam pilihan raya yang ke-14 nanti.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Alhamdulillah, alhamdulillah.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang, saya akan jawab secara terperinci melalui secara bertulis. Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin ucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi memberikan pandangan dan cadangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala teguran, cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang lebih teruk lagi Yang Berhormat, kedudukan saya tidak pindah-pindah pun. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Sila.

#### 4.04 ptg.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ingin saya bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi atau MOSTI mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan isu-isu di bawah kementerian ini semasa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Seperti mana Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, MOSTI bertanggungjawab menerajui agenda sains, teknologi dan inovasi ataupun STI negara menerusi pembiayaan penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan (R&DC) perkhidmatan sains dan pembudayaan sains teknologi dan inovasi. Melalui agenda sains dan inovasi juga, MOSTI turut menyumbang dalam pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan atau GTP dan Program Transformasi Ekonomi ataupun ETP. Buat masa ini, MOSTI terus memberi fokus kepada dua insentif iaitu digital Malaysia dan bio ekonomi Malaysia atau BEM.

Sebagaimana mandat yang telah diberikan oleh kerajaan dalam Bajet 2013, MOSTI akan menerajui inovasi inklusif dalam usaha untuk terus meningkatkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi bagi setiap peringkat masyarakat di seluruh negara. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan, Yang Berhormat Indera Mahkota, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kuantan dan Yang Berhormat Parit Sulong di atas isu-isu yang dibangkitkan semasa perbahasan Titah Ucapan Diraja.

Oleh kerana kebanyakan soalnya berpunca daripada apa yang berlaku di projek Lynas *Advanced Material Plant* ataupun LAMP, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menumpukan banyak masa saya untuk menjawab soalan-soalan tersebut. Bagi isu yang menyentuh projek Lynas *Advanced Material Plant* ataupun LAMP, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali gus merangkumkan jawapan kepada pertanyaan lisan daripada Yang Berhormat Ipoh Timur yang menyentuh perkara-perkara yang sama yang tidak sempat dijawab dalam sesi pertanyaan lisan sebelum ini.

Saya akan memperincikan isu Lynas yang dibangkitkan dalam penggulungan ini berdasarkan kepada tiga isu utama yang disentuh oleh Yang Berhormat iaitu keselamatan pengoperasian, *permanent disposal facilities* atau PDF dan pengurusan *residue*. Saya akan tumpukan jawapan saya pada petang ini kepada ketiga-tiga perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Lynas adalah sebuah kilang kimia yang menjalankan aktiviti pemprosesan bahan mentah pekatan lantanida ataupun *lanthanide concentrates*, dengan izin. Syarikat Lynas ini kita beroperasi di bawah lesen peringkat pengendalian sementara ataupun *temporary operating license* ataupun TOL. Dalam tempoh TOL ini, Lynas hanya beroperasi secara terhad dan berperingkat serta dikawal selia dari segi keselamatan radiologi secara berterusan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga Atom ataupun *Atomic Energy Licensing Board* ataupun AELB.

Saya terus menjurus kepada keselamatan pengoperasian. Tuan Yang di-Pertua, berhubung aspek keselamatan operasi kilang Lynas, data-data pemantauan radiologikal di kilang tapak Lynas dan kawasan-kawasan sekitar bandar Kuantan dalam lingkungan radius satu kilometer, lima kilometer, 10 kilometer dan 20 kilometer sentiasa dipapar dan dikemas kini secara berterusan di laman sesawang AELB ataupun [www.AELB.gov.my](http://www.AELB.gov.my). Dalam pada masa itu juga, AELB juga memaparkan data-data pemantauan di kawasan-kawasan lain di seluruh Malaysia. Data-data pemantauan di tapak kilang Lynas menunjukkan bahawa operasi Lynas adalah terkawal dan selamat. Saya ulang sekali lagi, terkawal dan selamat serta mematuhi syarat lesen TOL untuk peruntukan undang-undang di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 ataupun Akta 304.

Selaras dengan syor Jawatankuasa Khas Mengenai Projek Lynas ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemantau Operasi LAMP bagi memantau secara berterusan operasi syarikat Lynas. Jawatankuasa ini dianggotai oleh agensi-agensi serta penglibatan badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan pakar-pakar bertauliah. Skop tugas-tugas Jawatankuasa Pemantauan Operasi Projek LAMP ini adalah untuk memantau perkembangan projek LAMP berkaitan. Antara lain ialah langkah-langkah dan pengurusan keselamatan yang diamalkan, standard keselamatan bagi setiap aktiviti tapak projek, tahap gangguan atau ancaman dan kesihatan pekerja atau masyarakat sekeliling dan tahap impak kepada alam sekitar dan apabila perlu dibincangkan, mengesyorkan langkah-langkah mitigasi yang bersesuaian.

Pelbagai usaha telah diambil untuk menghilangkan kebimbangan orang awam tentang Lynas ini.

#### ■1610

Lynas telah diarahkan untuk melakukan pemantauan radiologi ke atas kilang secara berterusan dan memaparkan maklumat dan data pemantauan ideologi ini secara atas talian ataupun *online* untuk tatapan orang awam di tapak kilang Lynas, di Ibu Pejabat Polis Daerah IPD Kuantan. Di samping itu, AELB juga mengkaji penambahbaikan bagi

paparan maklumat yang lebih mesra pengguna sebagaimana yang telah disarankan oleh Yang Berhormat Bentong.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, sesi taklimat media dan awam berkala secara mingguan juga telah dilaksanakan oleh pihak AELB bermula pada bulan Februari hingga bulan Jun 2012. AELB turut mengadakan sesi taklimat kepada kakitangan Kerajaan Persekutuan di negeri Pahang yang meliputi Kerajaan Negeri Pahang, Biro Tatanegara, Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli DUN Pahang, Polis Diraja Malaysia Pahang, Hospital Tengku Ampuan Afzan dengan kerjasama Persatuan Perubatan Malaysia atau (MMA) dan juga kakitangan ataupun pejabat IPTA di negeri Pahang dan badan-badan bukan kerajaan di negeri Pahang.

Sesi taklimat yang telah dijalankan itu sememangnya bertujuan untuk mendedahkan kepada pihak-pihak berkaitan termasuklah masyarakat awam tentang segala maklumat berkaitan dengan Projek Lynas bagi mengelakkan wujudnya tafsiran negatif daripada pelbagai pihak ke atas projek berkenaan. Yang kedua, yang kerap dibangkitkan adalah *Permanent Disposal Facility* atau (PDF).

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat, berkenaan dengan keselamatan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi saya habis dahulu, bagi saya habis ini dahulu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Keselamatan dahulu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, bagi saya habiskan ini dahulu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak, yang ini sudah masuk PDF. Keselamatan dahulu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri bercakap berkenaan dengan keselamatan dan dikatakan bahawa data pemantauan menunjukkan, mengesahkan bahawa ianya terkawal dan selamat. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah definisi keselamatan itu terhad hanya dari sudut radiasi? Kenapa hanya *the radiation aspect* atau sudut radiasi sahaja yang diukur?

Definisi ataupun *conclusion* kepada keselamatan itu diukur hanya dari sudut radiasi. Sedangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tahu dan saya rasa ramai di antara Ahli Yang Berhormat yang lain tahu bahawa banyak lagi aspek-aspek lain yang harus diukur dari sudut keselamatan. Contohnya dari segi keselamatan kepada kesihatan awam. Bagaimana bahan itu boleh menjejaskan keselamatan awam?

Isu *internal emitters* ataupun radiasi dalaman telah banyak kali saya bangkitkan di dalam Dewan. Ianya ada kesan kepada kesihatan awam ataupun *public health* akan tetapi tidak pernah disebut ataupun dijawab oleh pihak kementerian mana-mana pun. AELB dan MOSTI ialah *the lead agency* dan bertanggungjawab terhadap keseluruhan isu keselamatan. Jadi, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kenapa bila cakap pasal isu keselamatan, cakap pasal sudut radiasi sahaja dan tidak melibatkan sudut-sudut lain.

*Public health*, bagaimana pencemaran itu boleh masuk ke dalam sungai? Boleh masuk ke dalam sistem air, minuman dan sebagainya. Kenapa tidak pernah disebut aspek itu? Setiap kali kita bercakap tentang isu keselamatan yang lain, dia *multifaceted* ya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Harap faham *it is multifaceted not just one facet*.

Apabila kita bercakap berkenaan dengan isu keselamatan ini, seolah-olah kita menyelewengkan apabila kita bercakap isu-isu, aspek-aspek yang lain. Harap dapat penjelasan, terima kasih.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih. Memang saya tengok banyak soalan daripada Yang Berhormat Kuantan. Sebenarnya yang lain-lain itu tidak menimbulkan isu kalau kita tengok. Sebenarnya semua itu kita pantau, berbagai-bagai. Bukan sahaja daripada pihak MOSTI. Dalam *committee* itu, dalam Jawatankuasa Pemantau itu meliputi semua aspek kesihatan. Oleh kerana kita tidak melaporkan isu itu kerana benda-benda itu tidak relevan.



Sebenarnya kepada Yang Berhormat Kuantan, saya hendak beritahu semua perkara-perkara itu tidak melibatkan keselamatan dan tidak mengganggu kesihatan di sekitar. Oleh kerana itu mereka tidak melaporkan. Kita monitor daripada segi kesihatan, semuanya kita monitor. Akan tetapi oleh kerana benda itu tidak melibatkan kesihatan, tidak ada sebab mengapa mereka perlu melaporkan. Tidak ada kes, tidak ada benda yang saya tengok, yang baru. Ini Yang Berhormat Kuantan laporkan ada satu kemalangan yang berlaku, yang kononnya melibatkan mereka pening-pening.

Akan tetapi sebenarnya kalau dalam satu projek pembinaan itu, kalau yang melibatkan besi jatuhkah, tukul jatuhkah, adakah kita perlu melaporkan perkara-perkara itu? Jadi, kita kena lihat balik...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya rasa bukan saya...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** ...Dalam tugas. Yang Berhormat, bagi saya jawab, bagi saya jawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat, saya tidak pernah cakap pening-pening. Itu tuduhan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi saya jawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Minta maaf, bukan saya. Saya tidak pernah sebut.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Kalau tidak sebut, saya tidak... ada satu dibangkitkan di sini tetapi mengatakan benda itu berlaku.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Hati-hati sedikit Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak pernah sebut. Boleh *check Hansard*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tolong duduk, tolong duduk!

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya tidak pernah *quote* insiden yang begitu.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Okey tidak apa, kalau tidak ada tidak apa. Akan tetapi ada mengatakan isu itu. [*Dewan riu*] Saya baca sebenarnya semua soalan. Pertama kali, hari ini saya baca semua soalan Yang Berhormat Kuantan umumkan dalam Dewan. Saya baca semua daripada sejarah soalan Yang Berhormat Kuantan beritahu. Pertama kali saya tengok hari ini tidak hendak bercakap soal radioaktif. Saya baca semua soalan ini. Sebenarnya soalan ini banyak berulang-ulang tetapi saya kena jawab semualah. Ini kerana saya sudah baca soalan itu, balik-balik bercerita benda yang sama, benda yang sama.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, *radioactivity* tidak sama dengan *radiation*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, saya tahu, saya tahu.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tidak sama. Saya sentiasa bercakap tentang *radioactivity, waste management*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Duduk dahulu, saya akan jawab, saya akan jawab!

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tidak bercakap pasal *radiation level*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Duduk dahulu, duduk. Saya jawab, saya jawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya rasa *you misquote*. Please jangan *misquote*.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya akan jawab.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** *You are responsible.* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *you are responsible.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya tidak pernah bercakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, tadi tengah hari saya telah ingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa usul yang dibaca pagi tadi, maknanya kalau beginilah trend kita berbahas sampai sahur lah kita di sini. Saya baru dapat notis daripada Jabatan Perdana Menteri ada tujuh Menteri yang akan menjawab bagi pihak Jabatan Perdana Menteri. Campur dengan dua yang belum selesai ini, bermakna sembilan lagi. Bersahurlah kita sini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak...

**Tuan Yang di-Pertua:** *Please, exercise control* sedikit, kalau boleh.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya teruskan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya mahu balik awal Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak mahu ikut sahur di sini.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, AELB pada 30 Januari tahun 2012 telah menetapkan bahawa pihak Lynas hendaklah menyediakan pelan atau lokasi *Permanent Disposal Facilities* (PDF) sebagai salah satu syarat di bawah TOL bagi maksud pengurusan *residue* dari kilang Lynas di Gebeng dan pada masa hadapan jika perlu. Ini adalah selaras dengan saranan IAEA agar Lynas memberikan gambaran yang jelas dan lengkap mengenai perancangan pengurusan sisa berkaitan jika ada bagi menjaga serta menjamin keselamatan orang awam dan alam sekitar.

Lynas telah diberi tempoh sehingga 3 Julai 2013 untuk mengemukakan maklumat, perancangan dan pelan lokasi PDF untuk pertimbangan AELB. Ingin saya nyatakan di sini bahawa Lynas telah pun mengemukakan maklumat perancangan awal berkaitan dengan pelan dan lokasi PDF kepada AELB pertama kalinya pada 30 Mac 2011 dan telah dinilai oleh Jawatankuasa Kecil Keselamatan Pengurusan Sisa Pepejal, Lembaga Pelesenan Atom pada 3 April 2013 dan 16 Mei 2013 yang lalu.

Ulasan oleh jawatankuasa telah dikemukakan kepada pihak Lynas pada 28 Mei 2013 untuk diambil tindakan pembedahan. Lynas telah mengambil tindakan pembedahan dan melakukan penambahbaikan ke atas dokumen berkenaan dan mengemukakan kepada AELB untuk kali keduanya pada 2 Julai 2013. Walau bagaimanapun, dokumen ini tidak dianggap muktamad dan dokumen akan dikemas kini mengikut keperluan.

Lynas telah mencadangkan beberapa kawasan yang mempunyai ciri-ciri berpotensi sebagai bakal tapak PDF. Cadangan tersebut sedang dikaji dan diteliti, yang mana penilai rapi akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kecil Keselamatan Pengurusan Sisa Pepejal sebelum dikemukakan kepada Lembaga untuk pertimbangan yang selanjutnya. Ketiga, pengurusan *residue*.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, PDF.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, tidak. Bagi saya habiskan, kita sudah lambat ini.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebelum pergi ke isu yang seterusnya. PDF Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, tidak. Saya ada panjang lagi ini. Bagi saya habis.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Sebab selepas ini isu yang lain.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tidak, tidak, saya akan jawab semua sekali, pasal hendak jimat masa. Tuan Yang di-Pertua...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Tuan Yang di-Pertua, lepas ini saya hendak tanya fasal PDF. [Dewan riuh]

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tuan Yang di-Pertua, bagi pengurusan *residue* pula, isu yang menjadi kebimbangan pihak...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat mencelah ini apabila ahli yang sedang berhujah memberi laluan baru saya kata okey. Kalau Ahli Yang Berhormat berhujah tidak kasi laluan saya tidak boleh kata sila.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi pengurusan *residue* pula, isu-isu yang menjadi kebimbangan pihak awam terdiri daripada isu berkenaan risiko dan bahaya radiasi. Penstoran *residue* ataupun *Residue Storage Facilities* ataupun (RSF). Penggunaan semula *residue, reused and recycle* PDF dan penghantaran balik *residue* ke sumber asal atau *return to source of region*. Isu ini juga telah diambil kira oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) mengenai Projek *Lynas Advance Material Plant* (LAMP) pada tahun 2012. Sebahagian daripada saranan dan syor-syor 12 hingga 16 yang akan saya baca kemudian, PSC adalah khusus bagi menangani isu-isu tersebut.

#### ■1620

Ingin saya jelaskan di sini bahawa di bawah Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984, *residue* yang dihasilkan oleh Projek Lynas ini apa juga bentuk mesti mempunyai kandungan uranium dan torium yang selamat dan mematuhi perundangan kebangsaan serta standard antarabangsa. Untuk itu *residue* tersebut tidak boleh dibawa keluar sehingga berada di bentuk yang stabil dan selamat. Penghasilan *residue* juga adalah secara berperingkat dan terhad serta dikawal selia secara berterusan oleh agensi penguatkuasaan. Kandungan torium dan uranium dalam *residue* Lynas perlu dicair ataupun *dilute* sehingga ke tahap 1 becquerel per gram. Pada aras itu *residue* tersebut telah dikecualikan daripada kawal seliaan perundangan di bawah Akta 304 dan dianggap tidak menimbulkan risiko dan adalah selamat kepada orang awam dan alam sekitar.

Kerajaan pada dasarnya memastikan *residue* yang dihasilkan dalam tempoh Lesen Pengkomersilan Sementara (TOL) ini dibawa keluar dari Malaysia dalam bentuk yang stabil, selamat, yang mematuhi piawaian antarabangsa mengikut amalan terpuji. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum Agensi Lynas, Operasi Lynas adalah menghasilkan tiga *residue* iaitu *Water Leach Purification (WLP)*, *Neutralization Underflow (NUF)* dan *Flue Gas Desulphurization (FGD)*. Lynas telah pun menyediakan kemudahan penstrukturan sementara *residue storage facilities* yang telah siap dibina di dalam premis kilang Lynas. Kilang ini mematuhi semua syarat-syarat keselamatan yang telah ditetapkan di dalam lesen TOL.

Izin saya untuk turut memberikan sedikit penjelasan kepada Dewan yang mulia ini berkaitan dengan *residue-residue* yang dihasilkan oleh Lynas. *Residue* yang dikeluarkan dihasilkan daripada pengilangan bahan mentah bagi LAMP ini ditakrifkan sebagai sisa buangan bahan radio aktif. Mengikut standard antarabangsa terutama dari Agensi Tenaga Atom International ataupun International Atomic Energy Agency (IAEA). *Residue* ini ditakrif sebagai *residue* industri yang mengandungi bahan radio aktif semula jadi ataupun *Naturally Occurring Radioactive Materials (NORM)*. Daripada ketiga-tiga *residue* yang dikeluarkan dua *residue* iaitu FGD ataupun NUF menunjukkan aras keradioaktifan di bawah aras kawalan. Walau bagaimanapun, pengesahan perlu dilakukan melalui pengumpulan data-data secukupnya dan analisa terperinci sebelum dilepaskan kepada kawalan pihak AELB. Dengan demikian *residue* berkenaan boleh dipertimbangkan untuk di kitar semula untuk penggunaan dalam industri pertanian dan pembinaan seperti baja campuran atau gipsum.

Dalam tempoh TOL selama dua tahun ini, Syarikat Lynas disyaratkan membawa keluar *residue Water Leach Purification (WLP)* keluar dari Malaysia. Lynas Corporation Australia dan Lynas Malaysia Sdn. Bhd. telah pun mengemukakan surat jaminan kepada

AELB bagi melaksanakan syarat TOL yang telah ditetapkan. *Residue* WLP ini perlu ditukarkan kepada satu bentuk yang stabil dan selamat serta mengandungi bahan radioaktif semula jadi yang berkepekatan kurang daripada 1 becquerel per gram. Perkara ini selaras dengan perundangan Malaysia standard antarabangsa mengikut amalan terpuji ataupun *good practice*. Sehubungan dengan itu pihak Lynas sedang menjalankan penyelidikan dan pembangunan R&D dengan beberapa institusi pendidikan tempatan ke atas *residue* WLP untuk tujuan memproses *residue* tersebut menjadi bahan yang mempunyai nilai komersial untuk dieksport.

Pada 2 Julai 2013 Lynas telah mengemukakan hasil laporan R&D mereka bagi menukarkan *residue* WLP kepada produk komersial yang boleh digunakan sebagai bahan asas bagi membuat jalan atau *road base*. Laporan ini juga telah sedang diteliti oleh Jawatankuasa Kecil Keselamatan Pelupusan Sisa sebelum dikemukakan kepada lembaga untuk pertimbangan selanjutnya. Kementerian akan memastikan syarat TOL dan lain-lain peraturan di bawah Akta 304 dipenuhi sepenuhnya. Jika sekiranya Lynas gagal untuk menyekat keluar *residue Water Leach Purification (WLP)*, maka AELB boleh mengambil tindakan untuk menggantung atau membatalkan TOL, fasal kita bagi dia lesen TOL. Seperti mana yang diperuntukkan di bawah sub seksyen 22(1)(b) Akta 304.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Silakan.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang saya faham bahawa WLP itu akan di *dilute* dicairkan kepada bawah daripada 1 becquerel per gram yang di mana dia tidak lagi diklasifikasikan sebagai sisa buangan radio aktif. Betul ya Yang Berhormat Timbalan Menteri? Soalan saya, kalau Lynas ini sudah terikat dengan Akta 304 dan AELB untuk bawa keluar sisa yang sudah *dilute*kan, yang dicairkan ke bawah 1 becquerel per gram. Saya hendak tanya kenapa perlu ada PDF? Kalau kita sudah hendak suruh keluar semua sisa itu kenapa kita perlu ada PDF? Apa rancangan mengadakan PDF? Bukankah ini *contradict* kepada, kalau sudah hendak suruh bawa keluar tidak perlu ada PDF lagi. Pohon penjelasan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Soalan ini telah ditanya beberapa kali sebenarnya. Memang kita disyaratkan untuk membawa keluar semua bahan-bahan itu keluar daripada negara kita selepas dicairkan kepada 1 becquerel per gram. Akan tetapi tuan-tuan dan puan-puan pada masa yang sama, kita juga membenarkan Lynas ini membuat kajian R&D. Maknanya adakah produk-produk ini boleh digunakan atau tidak digunakan untuk tujuan menghasilkan produk-produk yang lain. Jadi kalau perlu benda itu disimpan untuk produk lain...

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Akan tetapi *contradict*, *contradict* Timbalan Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bukan *contradict*. Kita tengok ya, saya belum *explain* lagi. Kalau kita letak benda itu untuk dikeluarkan, kita panggil itu adalah sementara. Akan tetapi kalau benda itu dia sekarang ini dalam tujuan untuk membuat R&D, bermaknanya kalau kita buat ini kita tengok. Kalau R&D ini esok boleh menghasilkan produk yang dibenarkan oleh piawaian kita, mungkin kita akan meletakkan untuk *permanent*. Kalau mungkin. Sekarang ini kita dalam proses hendak mengkaji. Dia hantar kita R&D dia. Kita hendak tengok sama ada boleh jalankah tidak boleh jalan, boleh digunakan mengikut piawaian antarabangsa. Kalau tidak boleh ikut, memang semua kena keluar tetapi kalau kita tengok produk itu masih boleh digunakan untuk digunakan untuk produk seperti membuat *road base*, boleh membuat perkara yang lain kenapa tidak kita mempergunakannya. Itu sahaja.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Silakan.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Timbalan Menteri. Hari ini Menteri yang satu lagi mantan Yang Berhormat Menteri Sains dan Teknologi mengatakan tempat untuk simpan sisa radio aktif ini tidak perlu kerana Lynas boleh menghasilkan produk sampingan daripada sisa pepejal. So saya tak tahu adakah ini bercanggah dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Sama berkenaan dengan R&D.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Sebenarnya soalan yang sama yang saya jawab tadi. Soalan yang sama saya jawab Yang Berhormat Kuantan tadi. Kita memang mensyaratkan semua produk ini kalau tidak boleh digunakan untuk keluar daripada negara ini. Ini memang syarat yang kita bagi. Akan tetapi pada masa yang sama kita hendak juga mereka buat penyelidikan. Mereka telah membelanjakan sejumlah wang untuk membuat penyelidikan sama ada perkara ini boleh digunakan untuk membuat produk yang lain. Kalau dia tidak boleh gunakan produk yang lain yang mereka sedang buat sekarang *of course* semuanya perlu dikeluarkan daripada negara kita. Jadi kita sedang buat R&D dan mereka pun telah *submit* tetapi produk itu masih lagi kita belum setuju sama ada boleh digunakan ataupun melepasi piawai antarabangsa. Itu fasalnya benda-benda itu perlu diadakan. Kalaulah merugikan negara kalau produk ini masih boleh digunakan untuk membuat modal lain, kenapa kita hendak hantar ke tempat lain? Ini kerana bahan itu adalah bahan yang selamat.

**Puan Hajah Fuziah Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri kenapa perlu hendak terima produk ini?

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Kita kena Yang Berhormat Kuantan kena faham. Jangan berulang-ulang kali tanya benda-benda yang sama. Produk ini kalau benda itu boleh diproses menjadi produk yang lain yang selamat untuk pembangunan negara, *why not?*

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** [Bangun]

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri terima kasih...

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat Merbok bagi yang itu dahulu sekejap, duduk.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Saya pasti yang hadir pada petang ini semua di Dewan ini tidak rasa yakin ataupun tidak rasa selamat sekiranya biarkan benda yang bakal toksik masih itu tertinggal di tanah air. Sedangkan kita menunggu keputusan R&D yang mungkin ambil masa lima tahun, 10 tahun, 20 tahun ataupun mungkin selama-lamanya pun tidak ada sebarang hasil yang akan ada selepas R&D ini.

#### ■1630

Bukankah lebih baik kalau buat sementara kita keluarkan hasil itu, keluar daripada tanah air dan sementara kita menunggu keputusan R&D. Sekiranya keputusan R&D itu membolehkan hasil itu digunakan di tanah air, *then* baru kita membenarkan benda toksik itu, sisa itu ditinggalkan.

**Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, soal Lynas ini sudah dibincang saya ingat bertahun-tahun lamanya. Jadi, saya rasa ada perkara lain yang lebih penting yang MOSTI kena bertanggungjawab, kena jawab. Malaysia telah terlibat dalam industri elektronik sudah hampir 40 tahun tetapi masih kurang lagi produk elektronik yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Jadi, mengikut Pengerusi Malaysian American Electronic Association didapati syarikat elektronik Malaysia kurang menghasilkan produk sebab kurangnya aktiviti *design and development*. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah pihak MOSTI mengambil inisiatif bagi meningkatkan aktiviti *design and development*. Saya juga ingin tahu sejauh manakah kejayaan MIMOS dalam soal ini sejak ia ditubuhkan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Terima kasih...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, sekejap boleh? Menteri, saya agak terkejut dengan kenyataan Menteri. Selama ini kerajaan selalunya mengatakan semua sisa akan dipindah keluar daripada Malaysia, hantar balik Australia. Akan tetapi sekarang saya

terkejut kerana sememangnya ada *plan* untuk menyimpan sisa itu di Malaysia dan selamalamnya sebab ada PDF.

Jadi, rakyat di luar dengar sekarang, mereka mahu Lynas ditutup sama sekali. Bukan hendak tinggalkan proses hantar keluar, bina PDF, buat R&D, bukan. Ini semua bukan sebab kita mahu, rakyat di luar mahu ini terus ditutup sama sekali.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Yang Berhormat, saya sudah kata tadi, saya sudah jawab tadi, saya kata PDF ini untuk dilengkapkan proses kalau R&D kita berjaya. Jangan sampai R&D kita sudah berjaya baru kita hendak buat *facilities*. Saya tidak kata begitu, yang saya kata kalau R&D ini berjaya. Sekarang ini tengah buat R&D dan tidak ada satu pun yang dia tersumbat. Saya bagi...

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Bila, bila *dateline*, bila? Tarikh, tarikh.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Saya tidak habis bercakap. Yang Berhormat, tunggu dulu. Saya akan beri laluan, bagi saya cakap.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** R&D bukan roti canailah.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi saya jawab. Yang Berhormat tanya benda yang berulang-ulang. Biar saya terangkan. Saya sudah kata...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, kalau perkara itu sudah dijawab, saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab. Kalau sudah jawab, tidak payah lagi jawab. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh bekerjasama dengan saya, saya akan guna kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 37(2) di mana saya tidak benarkan lagi pencelahan kalau saya dapati bahawa masa tidak mengizinkan. Sekarang saya dapati masa tidak mengizinkan. Saya tidak mahu bersahur di Parlimen. Saya mohon kerjasama semua. Sila Menteri.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Memang syarat yang kita bagikan, TOL yang kita kenakan, semua *residue* ini perlu dikeluarkan daripada negara ini. Berkenaan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat tadi, kita sebenarnya- saya tidak perasan tadi, Yang Berhormat Merbok. Kawan tapi tidak tahu tempat di mana. Berkenaan dengan reka bentuk ini, ini sebenarnya MOSTI memang memainkan peranan sangat penting.

Dua malam lepas kita telah bagi Award Good Design kepada lebih kurang 36 industri yang berjaya membuat *design* atau reka bentuk yang terbaik. Jadi, itu fasalnya melalui sekretariat SIRIM iaitu Majlis Reka Bentuk Malaysia, memang MOSTI memainkan peranan penting untuk membudayakan reka bentuk di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan lagi program 1Nita yang ditanyakan. Saya ingin menyentuh pula mengenai program 2U ataupun 1Nita yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Program 1Nita atau dikenali 2U1Nita atau lebih dikenali 1Nita masih lagi aktif melatih usahawan wanita IKS untuk memulakan perniagaan atau...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri....

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi saya habis dulu.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sekejap, tapi ia bukan '2UWANITA', satu itu 1Nita.my.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Tak apalah tapi singkatannya 1Nita, yang itu dipaparkan dalam kita punya *website*. Pada tahun lepas, seramai 526 wanita IKS telah pun dilatih melalui program ini. Sasaran pada tahun ini pula adalah seramai 1,800 orang. Wanita IKS di mana 300 daripadanya adalah dari program inovasi inklusif yang diterajui oleh MOSTI yang mana program ini akan diteruskan iaitu membekalkan pengetahuan dan kemahiran dalam membangunkan perniagaan dalam talian menerusi bengkel latihan, membina komuniti sokongan padu terdiri daripada usahawan wanita yang dapat mengembangkan 1Nita ini menerusi rangka kerja latihan dan bantuan bersama dan membabitkan pembinaan platform atas talian yang khususnya iaitu [www.1nita.my](http://www.1nita.my) bagi menyediakan peluang perniagaan berlandaskan e-dagang kepada usahawan wanita di Malaysia.

Perbezaan, ada ditanyakan perbezaan antara 1Nita dengan program GMBO. Perbezaan antara program 1Nita dan program GMBO, khususnya adalah program 1Nita menyediakan latihan pembangunan usahawan platform e-dagang melalui bengkel yang diadakan. Manakala program GMBO tidak menyediakan latihan.

Kedua, program 1Nita tidak menawarkan geran kepada peserta namun program GMBO menawarkan geran berbentuk tunai sebanyak RM1,000 untuk permohonan pemohon yang layak.

Ketiga, pada masa ini program 1Nita adalah khusus untuk usahawan wanita sahaja berbanding program GMBO yang terbuka kepada usahawan mikro. Akan tetapi keutamaan diberi kepada usahawan wanita. Program 1Nita mempunyai platform e-dagang khusus untuk usahawan menjalankan perniagaan atas talian iaitu [www.1nita.my](http://www.1nita.my) dan memberikan nama domain *.my* bagi setiap wanita IKS yang menyediakan program ini berbanding dengan program GMBO yang mensyaratkan pemohon haruslah mempunyai laman sesawang *.com.my* atau pun *.my* bagi memasarkan kepentingan mereka. Selain laman sosial yang digunakan, nama domain lain seperti *.net.my*, *.org.my*, *.edu.my* boleh juga digunakan.

Daripada penjelasan tersebut, apa yang dapat disimpulkan di sini ialah tidak ada berlaku pertindihan di antara program 1Nita dan GMBO. Program 1Nita dan Get Malaysian Business Online atau GMBO mempunyai objektif berbeza. Program 1Nita menekankan bengkel latihan berkaitan pembangunan perniagaan atas talian wanita IKS dengan menggunakan alamat internet *.my*. Manakala bagi GMBO pula menyediakan geran perniagaan untuk disalurkan terus kepada pemohon yang layak yang mana di antara syaratnya haruslah mempunyai nama domain *.my* di bawah kategori *.com.my*, *.net.my*, *.edu.my*, *org.my*.

Maka, program 1Nita berfungsi sebagai pelengkap kepada GMBO di mana peserta yang telah mengikuti bengkel 1Nita yang telah diadakan, telah memenuhi salah satu syarat untuk mendapat pembiayaan geran di bawah program GMBO iaitu usahawan wanita mempunyai nama domain berakhir *.my* dan laman sesawang yang aktif.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya teruskan pertanyaan berkenaan penyelidikan dan pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, kegiatan R&D sememangnya memainkan peranan penting dalam melonjakkan ekonomi negara. Menyedari hakikat ini, kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sentiasa mengutamakan pembangunan sektor R&D. Ahli-ahli Yang Berhormat juga telah sedia maklum bahawa MOSTI juga telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pembiayaan dalam bentuk dana dan geran bagi tujuan meningkatkan pertumbuhan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan.

Dalam tempoh RMKe-9, tahun 2006 hingga tahun 2010 MOSTI telah menyediakan 16 jenis dana berbentuk geran dengan jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM2.9 bilion merangkumi ketiga-tiga peringkat R&D, R, D *and* C. Dana-dana tersebut ditawarkan oleh syarikat PKS, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi untuk menjalankan projek R, D *and* C termasuk sektor ICT.

Bagi tujuan menyokong dan menggalakkan peningkatan R&D di kalangan penyelidik, institut penyelidikan di negara ini, peruntukan ke atas R&D telah bertambah dalam Bajet 2013. Peruntukan R&D telah diluluskan kepada MOSTI berjumlah RM389.5 juta.

#### ■1640

Jumlah ini adalah lebih tinggi daripada jumlah diperuntukkan pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM173.6 dan tahun 2011 yang hanya RM133.2 juta. Bagi dana *ScienceFund* pula meningkat kepada RM100 juta berbanding dengan RM50 juta pada tahun 2012. Bagi dana prapengkomersialan untuk tahun 2013 ialah sebanyak RM130 berbanding RM50 juta pada tahun 2012. Peruntukan bagi dana *Commercialization of R&D Funding (CRDF)*...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Minta laluan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi tahun 2013 ialah RM100 juta berbanding RM30 juta pada tahun 2012. Manakala dana *Biotechnology Commercialization Funding (BCF)* adalah sebanyak RM46.5 juta berbanding dengan RM10 juta pada tahun 2012.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Bagi saya habiskan. Yang Berhormat, saya hendak habiskan.

Selain daripada itu, dana bagi R&D untuk bidang sosial turut disediakan oleh MOSTI. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM13.8 juta telah diperuntukkan oleh kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan bagi membiayai 104 projek R&D bidang sosial. Di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh pula hingga akhir Ogos 2012, sebanyak RM1.9 juta telah diluluskan bagi membiayai sebanyak 16 projek R&D dalam bidang sosial di bawah dana *ScienceFund*. MOSTI juga merangkumi bidang ekonomi pengurusan sains sosial dan kemanusiaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah disentuh berkenaan dengan penganjuran World Innovation Forum Kuala Lumpur (WIF-KL). World Innovation Forum Kuala Lumpur yang diadakan pada tahun lepas adalah merupakan...

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** Acara kemuncak. Bagi saya habiskan. Saya hendak habiskan.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** Habis, tidak boleh tanyalah nanti.

**Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah:** : Acara kemuncak Sains dan Gerakan Inovasi 2012. (SGI2012). World Innovation Forum Kuala Lumpur ini diadakan bertujuan mewujudkan budaya inovasi yang baru dan dianjurkan bersama oleh MOSTI dan Yayasan Inovasi Malaysia (YIM). Ini adalah tetap diteruskan pada tahun 2013. Pada tahun ini, acara ini dijangka berlangsung selama tiga hari bermula 12 hingga 14 November 2013. WIF-KL ini akan menghimpunkan pakar inovasi serta para cendekiawan, penggubal dasar, pelaksana inovasi di bawah tema, "*The future with desire*" dengan izin.

Secara ringkasnya WIF Kuala Lumpur 2013 mengandungi tiga elemen teras dengan sembilan program satelit yang telah diperincikan kelak dalam laman *website* WIF-KL atau [www.wifkl.com](http://www.wifkl.com). Untuk itu, saya amat berbesar hati dan ingin menjemput Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat untuk turut serta dalam forum ini agar kesemuanya dapat turut bersama-sama dengan kumpulan pakar inovasi yang dijemput khas bagi menjayakan acara ini sekali gus turut menyumbang kepada pembudayaan inovasi negara.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkhidmatan saintifik pula. Dalam usaha untuk menjayakan Program Transformasi Kerajaan (GTP), MOSTI serta jabatan dan agensi di bawahnya akan terus komited untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan saintifik. Ini termasuklah memberikan penekanan kepada aspek ketepatan, kesegeraan dan kualiti tanpa mengabaikan aspek integriti dan profesionalisme bagi memastikan mutu perkhidmatan yang cemerlang dapat diberi kepada semua yang memerlukan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan berhubung yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa MOSTI. Bagi mengakhiri pengulangan ini, saya ucapkan terima kasih atas segala teguran dan saranan Ahli-ahli Yang Berhormat atas Kementerian ini yang mana semuanya akan memberi perhatian serius dan tindakan yang sewajarnya yang diambil oleh pihak MOSTI. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Kewangan.

**4.44 ptg.**

**Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kewangan.



Izinkan saya untuk menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Yang Berhormat Lenggong menyentuh tentang prestasi Bursa Kuala Lumpur di mana kita maklum bahawa Bursa Kuala Lumpur dari segi komposit indeks telah meningkat melebihi daripada 1,600, yang biasa kita dengar, sekarang sudah sampai kepada 1,752. Antara lain adalah kerana kawasan ASEAN serta Malaysia merupakan kawasan yang membangun dengan pesat berbanding dengan negara-negara Eropah.

Keduanya, syarikat-syarikat dalam Bursa Malaysia mencatat pertumbuhan pendapatan, dengan izin, *return of investment* yang begitu tinggi pada tahun 2012 mencapai pertumbuhan 24.1% dengan jumlah 36.81%. Kemudian kita lihat juga dari segi potensi pulangan di pasaran ASEAN dan Malaysia serta ketidaktentuan tidak terdapat di ASEAN dan juga di Malaysia. Kita juga dapat melihat Tuan Yang di-Pertua, dari segi Securities Commission, satu badan yang begitu dihormati. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh World Bank dan IMF di bawah standard IOSCO, ia telah mencapai kedudukan yang begitu tinggi mengatasi banyak negara yang besar termasuk Australia, Jepun, UK dan USA.

Yang Berhormat Ketereh bertanya mengenai dengan peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat kepada negeri Kelantan. Dalam konteks pemberian, Kerajaan Persekutuan menyediakan sebanyak RM360.5 juta pada tahun 2012. Ini adalah sebahagian daripada peruntukan di bawah perlembagaan. Manakala dari segi perbelanjaan mengurus adalah sebanyak RM4.8 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM771 juta menjadikan keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan sebanyak RM5.6 bilion dan pemberian sebanyak RM360.5 juta.

Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Setiawangsa dan juga Yang Berhormat Kelana Jaya menyentuh tentang GST. Ini telah saya jelaskan pada tempoh hari. *Insyah-Allah* Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh terdekat Kementerian Kewangan akan membentangkan kepada Kabinet tentang kedudukan GST dan Kabinet akan membuat keputusan untuk memutuskan bagaimana kedudukan GST sama ada hendak dilaksanakan atau tidak. Jika dilaksanakan, bila hendak dilaksanakan dan berapakah kadar yang akan ditetapkan nanti.

Yang Berhormat ada menyentuh mengenai dengan peruntukan sebanyak RM50 juta yang disediakan pada tahun 2013 untuk pelaksanaan GST. Sebenarnya peruntukan ini adalah untuk kita mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak bagi tujuan untuk memberi kefahaman kepada mereka. Akan tetapi oleh kerana kita belum membuat keputusan pelaksanaan GST tersebut, maka perbelanjaan yang dikeluarkan hanya RM39,000 sahaja daripada RM50 juta tersebut.

Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Pasir Gudang menyentuh mengenai dengan soal cukai iaitu peraturan baru yang telah kita perkenalkan. Tuan Yang di-Pertua, dari segi peraturan baru ada beberapa yang diperkenalkan. Salah satunya adalah sistem taksiran sendiri. Ini mula diperkenalkan pada tahun 2001. Sistem percukaian satu peringkat (*single tier*) Tuan Yang di-Pertua, dimulai pada tahun 2008 dan Sistem Taksiran Tahun Semasa pada tahun 2000 dan juga sistem e-Filing. Sistem e-Filing ini agak begitu berjaya kerana kita dapati bahawa seramai lebih kurang dua juta lapan ratus ribu rakyat kita menggunakan sistem e-Filing.

Di samping itu, pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri juga mempunyai kaedah-kaedah mereka tersendiri bagi mempertingkatkan pendapatan. Kita dapati bahawa pada tahun 2011 Tuan Yang di-Pertua, bagi pertama kalinya kita telah mengutip hasil cukai mengatasi RM100 bilion. Maksud saya pada tahun 2010, kita hanya mencapai kutipan sebanyak RM86 bilion. Pada tahun 2011 sebanyak RM109 bilion, tahun 2012 sebanyak RM124 bilion dan pada tahun ini kita telah memberi anggaran kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk kutipan RM130 bilion sebagai sasaran mereka. Baru-baru ini pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam telah mengadakan satu kerjasama di mana kerja-kerja audit, oleh kerana kedua-dua pihak menjalankan kerja-kerja audit, supaya digabungkan usaha tersebut. Antara lain bukan sahaja menjimatkan masa, malah dari segi klien tidak perlu dua agensi datang untuk membuat audit yang sama.

Yang Berhormat Padang Besar bertanya berkenaan dengan kawasan-kawasan zon bebas. Ini perlu penelitian lebih mendalam Tuan Yang di-Pertua, sama ada Padang Besar akan dimasukkan dalam zon bebas cukai.

■1650

Yang Berhormat daripada Lembah Pantai menyentuh tentang MRT. Beliau menyatakan bahawa MRT ini menyumbang kepada peningkatan jaminan kerajaan ke atas hutang yang kita panggil sebagai *contingent liabilities*. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, kita sebenarnya ada 31 jaminan yang diberi oleh kerajaan dan ia terbahagi kepada dua. Satu ialah kumpulan yang *self-financing* – yang tidak memerlukan peruntukan daripada kerajaan untuk membantu membayar hutang pada masa akan datang. Ini termasuk Bank Pembangunan, Bank Pertanian, Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana, Khazanah Nasional dan sebagainya. Satu lagi berbentuk jaminan dibagi kepada entiti yang tidak mempunyai daya saing untuk menghasilkan pendapatan.

Dalam konteks ini kita ambil antaranya adalah MRT. Jadi berkenaan dengan MRT ini Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah mereka membuat pinjaman dan apabila hutang tersebut telah matang, maka ini akan dibiayai oleh pihak kerajaan melalui perbelanjaan mengurus. Dalam konteks ini, mereka telah pun meminjam keseluruhannya sebanyak RM3.9 bilion iaitu dua pinjaman telah dibuat sebanyak RM3.9 bilion, pertama sebanyak RM2.4 bilion dan kedua RM1.5 bilion. RM2.4 bilion ini Tuan Yang di-Pertua, akan mula dibayar prinsipalnya pada tahun 2019 sebanyak RM300 juta. Pinjaman kedua ini prinsipal pada tahun 2023 sebanyak RM400 juta. Akan tetapi kupon akan kita bayar bermula pada tahun 2013 lebih kurang di antara RM47 juta hingga RM31.5 juta.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih. Pandan, Yang Berhormat Menteri. Pandan, di depan. Okey.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri tadi ada menyentuh tentang fungsi bank-bank yang dijamin oleh kerajaan termasuklah Bank Pembangunan. Dalam ucapan Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Permatang Pauh juga ada menyentuh satu isu yang besar iaitu pemberian pinjaman mudah sebanyak RM500 juta kepada sebuah syarikat milik seorang ahli perniagaan yang terkenal untuk mengendalikan satu rangkaian televisyen baru, *TV cable* iaitu ABN oleh Bank Pembangunan.

Bank Pembangunan adalah bank milik kerajaan yang bertindak dengan izin sebagai *lenders of last resort* dan saya difahamkan ia sepatutnya adalah untuk membiayai projek-projek prasarana negara. Jadi sebab itu Yang Berhormat Menteri perlu memberi penjelasan yang kita belum dengar lagi kerana pembiayaan satu lagi projek kabel televisyen yang baru bukanlah satu projek prasarana. Ia satu projek komersial. Kalau ia projek komersial, maka sewajarnya ia mempunyai daya saing untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank komersial.

Jadi penjelasan yang saya minta dari Yang Berhormat Menteri ialah apakah rasional kelayakan dan istimewanya Tan Sri Kenneth Eswaran ini sehingga dapat kabel, dapat lesen untuk membuka satu *TV cable* dan kemudian diberikan layanan yang sedemikian rupa sehingga bank yang dijamin oleh kerajaan yang meningkatkan hutang negara, memberikan pinjaman yang sebegitu besar sedangkan berpuluh ribu usahawan bumiputera yang lain tidak boleh dekat pun dengan Bank Pembangunan ini.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya isu ini akan saya bangkitkan nanti. Belum tiba kepada peringkat itu. Sekarang saya menyentuh Tuan Yang di-Pertua, mengenai hutang isi rumah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bukit Katil dan Yang Berhormat Labis. Sebenarnya dari segi hutang isi rumah ini, yang menjadi kekhuatiran kita adalah pinjaman berbentuk peribadi. Kita ada beberapa komponen daripada pinjaman yang diberi di bawah pinjaman isi rumah yakni dalam berbagai-bagai bentuk. Kita ada dalam bentuk pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi dan juga pinjaman melalui kredit kad.

Apa yang disentuh oleh Bank Negara ialah supaya pinjaman peribadi ini tidak terlalu panjang melebihi tempoh sepuluh tahun. Sebenarnya dari segi masalah perbankan, dari segi NPL itu tidak merupakan masalah. Ini kerana satu, kalau dari segi syarikat-syarikat pemberian pinjaman itu, mereka mempunyai hubungan dengan koperasi untuk memotong secara bulanan dari gaji peminjam. Akan tetapi apa yang menjadi permasalahan kepada kita adalah oleh kerana mereka meminjam, gaji yang dibawa pulang itu begitu

terhad. Oleh itu, kita bimbang kerana itu penglibatan mereka meminjam daripada institusi kewangan yang tidak formal ataupun kita panggil sebagai *black economy*. Jadi itu sebabnya pihak Bank Negara menetapkan satu syarat yang tempoh waktu terhad kepada sepuluh tahun. Begitu juga dengan pinjaman perumahan.

Berkenaan dengan runtuh bangunan UMNO di Pulau Pinang, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjung berkaitan dengan tidakkah insurans dibayar. Insurans ini ada dua, Tuan Yang di-Pertua. Satu, individu yang berhadapan dengan kemalangan itu, mereka mengambil insurans. Satu lagi insurans yang diambil oleh pihak bangunan. Dalam konteks ini JKP Sdn. Bhd. mesti mempunyai insurans liabiliti awam. Kita telah mengadakan perbincangan dengan JKP Sdn. Bhd. Mereka mempunyai tiga bentuk insurans. Satu, *fire insurance* dengan izin. Kemudian *occupance insurance*. Ini untuk melindungi mereka yang berada dalam bangunan tersebut iaitu orang menyewa di situ dan yang ketiga *public liability*. Bermakna insurans liabiliti awam ada diambil oleh JKP Sdn. Bhd.

Hanya dari segi klausa dalam insurans tersebut iaitu tidak boleh dipertimbangkan kalau runtuh berlaku disebabkan bencana alam. Jadi apa akan berlaku? Pihak JKP Sdn. Bhd. akan bermesyuarat pada 15 Julai dengan syarikat insurans dan juga dengan peguam bagaimana hendak membantu mereka-mereka yang menghadapi kemalangan tersebut.

Kemudian Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh berkenaan dengan Datuk Kenneth Eswaran a/l...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan. Ini berkenaan dengan isu di Pulau Pinang itu. Yang Berhormat Menteri sebentar tadi menyatakan bahawa akan berlakunya, Tuan Yang di-Pertua, satu perjumpaan pada 15 Julai ini untuk mencari satu cara bagaimana kita boleh membantu mereka yang terlibat. Saya hendak tanya adakah Kementerian Kewangan juga akan terlibat dalam perbincangan itu? Itu nombor satu dan juga sama ada Kementerian Kewangan sedar bahawa kemungkinan besar akan berlakunya satu inkues di dalam perkara ini yang mana dalam inkues tersebut mungkin juga menyentuh berkenaan dengan sebab-sebab berlakunya insiden ini. Sama ada pihak Kementerian Kewangan akan menunggu untuk inkues tersebut.

Ketiganya yang berhubung juga sama ada Kementerian Kewangan juga boleh membantu dengan cara mempercepatkan proses inkues ini untuk tujuan kita membantu mereka yang terlibat. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kita akan menghantar wakil ke mesyuarat tersebut. Berkenaan dengan kes ini, pihak JKP Sdn. Bhd. telah melantik kumpulan IKRAM Berhad untuk menyediakan laporan terperinci mengenai dengan kejadian tersebut. Laporan ini akan dianalisa oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Selepas itu kita akan tengok macam mana keputusannya.

Tadi saya menyatakan Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan tentang pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pinjaman ini seperti mana yang kita sedia maklum adalah sebahagian daripada kos untuk pembinaan sistem yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut. Pihak-pihak Bank Pembangunan telah membuat kajian yang begitu mendalam dan mereka bertindak atas kuasa yang ada pada diri mereka. Antaranya adalah Bank Pembangunan, dari segi peraturan mereka, mereka mempunyai limit untuk memberi satu pinjaman. Kepada agensi kerajaan, limitnya adalah sebanyak RM1.77 bilion. Bagi komersial projek sebanyak RM500 juta, itu kedudukan.

#### ■ 1700

Proses pemberian pinjaman ini seperti mana biasa ia melalui satu Jawatankuasa Kredit. Bank Pembangunan melantik perunding *Frost & Sullivan* untuk membuat kajian kredit dan juga teknikal serta melantik *independent engineer*, dengan izin untuk membuat *checking* kepada *engineering* ini. Jadi perkara-perkara itu adalah mengikut prosedur telah ditetapkan.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Minta laluan, boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberi penjelasan. Soalan saya bangkit ialah mengapa Bank Pembangunan yang kita tahu skopnya itu membantu bukan sahaja infrastruktur tetapi untuk menjana peluang bagi usahawan yang sedang meningkat termasuk bumiputera, terpaksa meluluskan kredit yang maksimum kepada seorang yang bernama Tan Sri Kenneth Eswaran untuk membuka kabel TV *network* yang baru.

Apakah tidak ada permohonan lain yang layak yang patut dipertimbangkan di jurus 50, 60 juta yang patut diberi pertimbangan, yang *queue* nya itu panjang, itu soalnya. Saya tidak pertikai sama ada ia dianggap *commercially viable* tetapi dengan izin, *it is not the business of* Bank Pembangunan. Kita tahu tujuan Bank Pembangunan, *it is not a normal commercial bank*. Jadi untuk mengetepikan permohonan puluhan ribu syarikat bumiputera dan memberikan kepada Tan Sri Kenneth Eswaran satu projek ini, itu yang kita persoalkan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya menyatakan bahawa Bank Pembangunan mempunyai dasar dan pinjaman ini adalah berasas kepada dasar. Pada masa yang sama, pihak Bank Pembangunan juga meluluskan 17 pinjaman, bukan itu satu sahaja. Jadi bermakna bahawa apa Yang Berhormat nyatakan, ada *queue* hendak minta pinjaman, itu juga diberikan oleh pihak Bank Pembangunan.

Yang Berhormat daripada Ampang menyentuh tentang...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, penjelasan, minta maaf panjang sedikit bab pinjaman ini. Saya perlu kembali kepada fungsi Bank Pembangunan sebagai *lenders of last resort*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua kerana wang RM500 juta yang diberikan kepada Tan Sri Kenneth Eswaran itu adalah akhirnya adalah wang negara dan wang rakyat. Jadi ini soal keutamaan yang diberikan terhadap perbelanjaan negara. Tadi Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar berkali-kali merayu di dalam Dewan ini supaya Kementerian Kewangan menambahkan peruntukan supaya lebih banyak rumah mampu milik rakyat dibina.

Bagi saya, kalau betul projek ini adalah satu projek yang komersial dan kita tahu Astro contohnya mendapat pembiayaan yang baik dan dapat sokongan daripada sektor kewangan komersial. Kalau betul projek ini komersial, kenapa ia tidak mengambil sumber kewangan daripada sektor swasta supaya RM500 juta tadi, sama ada boleh diberikan kepada usahawan-usahawan lain yang betul-betul memerlukan bantuan ataupun boleh dialihkan supaya peruntukan yang lebih besar kepada isu-isu mendesak rakyat termasuklah perumahan, termasuklah menurunkan cukai kereta, termasuklah pendidikan, bukannya untuk memberikan seorang usahawan baru satu kabel TV untuk dia bersaing dengan Astro.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan yang sama, lanjutan daripada soalan dari Yang Berhormat Pandan. Adakah pinjaman yang diberikan itu ada kaitan dengan hubungan yang baik antara Tan Sri Kenneth Eswaran ini dengan Ahli Parlimen Pekan yang telah dibangkitkan oleh...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Sepang, saya tidak boleh benarkan soalan begitu yang mempunyai *connotation* sangkaan jahat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Saya hendak tanya ada hubungankah, adakah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu sebab saya tidak boleh benarkan kerana kalau Ahli Yang Berhormat memikirkan bahawa ada unsur-unsur seperti berikut, saya benarkan untuk bawa usul bersendirian.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Kenapa? Kenapa?

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan begitu caranya, itu semua sangkaan jahat *unparliamentary*.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** *Can I rephrase the question? Can?*

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, *rephrase* apa-apa sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Soalan saya, mengapakah beliau ini diberikan *special treatment* sampai boleh mendapat pinjaman daripada Bank

Pembangunan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pandan tadi sedangkan yang lain susah hendak dapat. Ini persoalannya, apakah istimewanya orang ini? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat kita kena keluar daripada kelompok pemikiran negatif Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh tuduh orang *top bottom*, makna atas bagi arahan. Takkanlah Bank Pembangunan tidak ada maruah hendak melaksanakan kerja mesti daripada arahan atas ke bawah. Soalnya sekarang Bank Pembangunan ada dasar. Dasar kalau dengan kerajaan limitnya RM1.7 bilion, kalau dengan swasta RM500 juta.

Kalau komersial projek, apa beza komersial dengan kerajaan? Kalau komersial, maknanya pulangnya lebih besar, kadar lebih besar boleh dikenakan oleh pihak Bank Pembangunan. Kalau tidak dia beri kepada syarikat ini, dia bagi kepada orang lain. Itu saya katakan pada masa yang sama, 17 pinjaman diberi oleh Bank Pembangunan. Bermakna bahawa Bank Pembangunan akan mengambil kira semua pihak. Itu untuk dalam konteks Bank Pembangunan sendiri, itu kerja Bank Pembangunan.

Yang Berhormat dari Ampang menyentuh mengenai dengan NFC. Untuk makluman...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Mohon penjelasan Yang Berhormat, kalau boleh sedikit, MRT, sedikit sahaja. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** MRT dah jauh sangat tadi dah.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Tahu tapi saya tidak sempat tadi, saya fikir saya sebut dalam bahas.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tidak sempat datang, kita mahu pergi balik ke belakang Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, pendek sahaja Yang Berhormat. Isunya Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak jawab sepenuhnya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kita dah jawab.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Tidak ada salah pun, saya minta di sini dalam perbahasan saya bangkitkan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kalau datang lewat, adakah kita hendak melayan orang datang lewat atau kita hendak teruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpujang kepada Yang Berhormat untuk bagi laluan atau tidak.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, saya hadir daripada permulaan, saya tidak lewat ya, saya hadir daripada permulaan. Tolong, tidak perlu hendak buat dakwaan begini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Saya rujuk kepada Yang Berhormat tadi. Hendak mula elok-elok, dah Yang Berhormat jawab macam itu, jadi kita garang baliklah. Yang saya hendak tanya tadi tentang isu bon yang diterbitkan oleh kerajaan. Saya rujuk kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh berkait dengan projek MRT, disebut dalam *Privatization And Private Finance Initiative Unit* di bawah Jabatan Perdana Menteri bahawa ada projek di bawah *rail and transportation*, projek MRT. Walau diumumkan peringkat awal dalam kertas kerja tersebut di bawah JPM, RM40 bilion akan dibiayai menerusi *private investment* tetapi di sinilah saya ingin nyatakan daripada RM40 bilion itu, berapakah yang akan kerajaan biayai menerusi bon terbitan kerajaan, *that means government guaranteed bon*. Selainnya, di manakah peratusan yang akan dibiayai oleh pihak swasta? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi MRT ini kita mempunyai satu konsep yang kita gunakan satu badan yang kita tubuh untuk mendapatkan pembiayaan. Itu yang saya katakan tadi bahawa kita gunakan Danainfra. Danainfralah yang menjadi peminjam untuk pinjaman tersebut. Jadi apa yang berlaku, kita telah membuat *projection*. Umpamanya saya nyatakan tadi, pinjaman yang pertama RM2.4 bilion, yang kedua RM1.5 bilion. Ia ada kuponnya, bayaran kupon bagi pinjaman pertama adalah sebanyak lebih kurang setengah tahun lebih kurang RM47 juta. Bagi pinjaman kedua RM31 juta bagi enam bulan. Kemudian bayaran *principal* awalnya adalah pada tahun 2019 sebanyak RM300 juta dan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM400 juta.

Kita telah membuat *projection* ataupun unjuran bagi tempoh keseluruhan projek tersebut. Ingin saya nyatakan bahawa bayaran bagi Danainfra ini akan dilakukan oleh kerajaan melalui perbelanjaan mengurus. Bagi perbelanjaan mengurus ini kita telah ambil, kita telah *factored in* yang akan bermula pada tahun 2017 bayaran tersebut. Ini telah kita *factored in*. Saya juga menyatakan tadi bahawa dari segi *contingent liability*, kita selalu rasa bimbang *contingent liability* tetapi ada badan-badan yang *self-financing*. Daripada 31 syarikat yang terima jaminan kerajaan, 27 adalah *self-financing* mereka sendiri akan dengan izin, *generate revenue* untuk membuat pembayaran tersebut.

Yang Berhormat daripada Ampang menyentuh mengenai dengan...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri, terakhir ya. Selepas ini saya tidak tanya dah pada sidang ini tentang Bank Pembangunan. Saya berterima kasih dengan penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, cuma saya ingin mengingatkan Dewan bahawa kali terakhir satu bentuk perniagaan kabel TV diusahakan dalam tahun 90-an, ia berakhir dengan kegagalan dan syarikat itu lingkup.

#### ■1710

Jadi saya nak minta kerana saya tidak berpuas hati dengan jawapan-jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri terutamanya fungsi bank sebagai *lender of last resort*, tentang keutamaan perbelanjaan itu tidak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tetapi tidak apa. Saya hanya mahu mohon Menteri, adakah Menteri bersedia sekiranya tiga, empat tahun selepas ini sekiranya pinjaman yang diberikan kepada Tan Sri Kenneth Eswaran ini tidak dapat diambil kembali kerana gagal *businessnya* itu, apakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk mengambil tanggungjawab untuk direkodkan di dalam Dewan pada hari ini?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Bank Pembangunan mempunyai *governance* sendiri, dia ada ahli lembaga, ada jawatankuasa *committee credit* dan mereka membuat keputusan atas inisiatif mereka sendiri. Bank Pembangunan bukannya *bank of last resort*, ia tidak. Bank Pembangunan adalah satu bank pembangunan. Selepas itu seperti mana yang saya nyatakan, ia ada pinjaman untuk kerajaan, pinjaman untuk komersial dan komersial ini sebenarnya akan memberi pulangan yang lebih tinggi daripada yang daripada kerajaan. Jadi apakah ini kita hendak kaitkan dengan seorang Menteri?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Sedikit sahaja Menteri sebab...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Saya tidak ada masalah dari segi saya..

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pada pandangan saya...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Kalau perkara ini libat diri saya, saya sendiri terlibat, itu saya akan ambil akauntabiliti. Akan tetapi ini bank. Kita ada *governance system*. Macam mana *governance* kita hendak kata ini libat PM?

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Betul.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Mengapa pemikiran kita begitu negatif.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Mengapa tidak apabila kita melihat sesuatu itu, kita bincang. Di dalam Dewan ini kita tempat berbincang. Saya ingat tidak perlu dah. Tidak ada maknanya saya hendak jawab, Yang Berhormat masih

hendak kaitkan dengan pemikiran bahawa pinjaman yang diberi oleh orang atasan kepada bank. Seolah-olah bank tidak ada langsung maruah hendak melaksanakan tugas, tidak ada *capability*.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tanggung...

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Saya tidak mahu macam itu Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat. Sudah, sudahlah.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tanggungjawab memastikan sistem perbankan negara baik, dan Bank Pembangunan itu bertanggungjawab sepenuhnya kepada Yang Berhormat Menteri sebagai Menteri Kewangan. [*Dewan riu*]

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Sudah Yang Berhormat, cukup, cukup, cukup.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tidak boleh melepaskan tanggungjawab begitu sahaja. Kalau ada skandal, Menteri terpaksa jawab juga.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Yang Berhormat beberapa kali membuat kenyataan yang mengelirukan, yang tidak betul. Mengapa Yang Berhormat tidak mengambil akauntabiliti? Buat bajet tak betul, membohongi rakyat, manifesto membohongi rakyat. Mengapa tidak mengambil akauntabiliti. [*Dewan riu*]

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau ada perkara-perkara itu sila saman saya di mahkamah. [*Dewan riu*] Jangan buat kenyataan di sini. Saya menjawab setiap tuduhan yang dibuat kepada saya dengan baik di mahkamah, kalau betul saya betul saya mengelirukan rakyat sama ada terangkan di sini atau saman di mahkamah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, saya mendengar. Saya mendengar hujah kedua-dua pihak dengan penuh prihatin. Saya rasa apa yang disoal itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi elakkan sama sekali kalau ada soalan-soalan itu ia mempunyai di dalam soalan ada sangkaan-sangkaan yang tidak baik. Itu sebab dalam peraturan mesyuarat kita, tidak boleh berhujah yang mengandungi sangkaan tidak baik.

Jadi hujah Yang Berhormat Pandan tadi itu walaupun pada mulanya elok didengar, betul didengar tetapi apabila diteliti secara mendalam, ada sangkaan yang tidak baik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri seolah-olah pihak bank itu langsung ikut telunjuk Menteri-menteri yang berkenaan tanpa mengambil kira fakta-fakta lain. Mereka itu pun dilantik, mereka adalah profesional. Jadi tidak elok begitu Yang Berhormat. Pandangan saya secara ikhlas. Sila Yang Berhormat Menteri teruskan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Yang Berhormat Ampang menyentuh mengenai dengan NFC. Tuan Yang di-Pertua, NFC ini kita ada tiga pendekatan yang sedang berlangsung. Satu, pendekatan mahkamah. Yang ini pihak hakim akan menetapkan tarikh untuk perbicaraan tersebut. Yang kedua, kita sedang berusaha sebanyak mana kita boleh dengan izin *to recover asset* daripada RM250 juta itu dalam bentuk aset yang dimiliki oleh NFC dan yang ketiga dari segi kesinambungan projek tersebut, bagaimana boleh membantu kerajaan. Dalam hubungan ini Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kewangan sebenarnya telah pun menyita sejumlah RM86.8 juta dalam bentuk tunai di bank dan ia memerlukan satu tahun di bawah AMLA untuk perintah wang tersebut dipindahkan balik kepada Kementerian Kewangan. Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM79.9 juta telah pun dikembalikan kepada Kementerian Kewangan.

Yang kedua kita turut sita harta NFC bernilai RM23.3 juta iaitu aset-aset yang telah disita tersebut, tanah di Putrajaya satu lot, tanah di Putrajaya juga satu lot iaitu tanah - yang tadi PT.1886, yang keduanya PT.1887, kemudiannya dua unit hartanah di Menerung Townhouse Villa dan ada tiga lot tanah di Gemas. Jadi keseluruhan nilai tersebut adalah RM23.3 juta. Kita menunggu tamat tempoh satu tahun untuk kita tuntutan harta-harta tersebut. Itu yang kedua.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, pihak NFC ada membeli aset-aset bernilai RM62.7 juta tetapi bukan di bawah NFC. Jadi ini memerlukan pihak mahkamah mengambil tindakan apakah keputusan ke atas pemilik NFC tersebut. Kalau dia didapati bersalah, maka kita boleh membuat prosiding. Kita minta supaya aset-aset tersebut dikembalikan kepada MOF. Akan tetapi ini memerlukan kepada kita untuk kaitkan sebenarnya pembelian tersebut dengan RM250 juta tersebut. Bermakna daripada RM250 juta lebih kurang RM80 juta kita terima, maknanya RM170 juta lagi yang masih belum lagi kita terima.

Mengenai dengan kesinambungan projek tersebut, kita sebenarnya menerima banyak permintaan daripada berbagai-bagai pihak untuk mereka berunding dengan kita dan kita ada membuat perundingan dengan beberapa pihak. Hanya satu ini yang telah menulis surat kepada kita. Mereka meminta supaya kita memberikan *letter of intent* dengan tempoh enam bulan supaya datang dengan *proposal*. Mereka telah menulis kepada Kementerian Kewangan dan kita telah pun bersetuju memberikan *letter of intent*. Antara lain, syarikat ini bersetuju setiap bayaran balik pinjaman NFC yang tertunggak akan mereka biayai. Kemudian keseluruhan pinjaman yang tertunggak tersebut akan mereka bayar balik tetapi minta kepada kita satu *grace period*, lebih kurang tiga tahun dan kemudian pinjaman tersebut dipanjangkan tempohnya kepada 10 tahun dari segi pembayaran balik.

Jadi apa yang berlaku sekarang ini kita sedang membuat kajian. Pertama, adakah syarikat ini mempunyai *standing* atau tidak dari segi *technical knowledge, experiencenya* dan juga dari segi kewangan. Itu kita sedang membuat kajian kita manakala mereka telah menghantar kepada kita *proposal* pertama mereka, apa yang mereka mahu dan kita sedang membuat kajian ke atas *proposal* tersebut.

Yang Berhormat daripada...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Menteri. Penjelasan sedikit sahaja tentang cerakin harta yang Yang Berhormat Menteri bagi. RM79.7 juta adalah wang yang telah dipulangkan. RM23.3 juta adalah aset yang berada di atas nama NFC yang telah disita. Jadi sebanyak RM103 juta telah diambil daripada RM250 juta diambil kembali. RM62 juta seperti kata Yang Berhormat Menteri adalah aset-aset yang dibeli tetapi bukan atas nama NFC. Maksudnya dibeli oleh sama ada pengarah ataupun syarikat bersekutu. Jadi keseluruhannya RM103 juta dan RM62 juta, lebih kurang RM170 juta. Itu pun kalau RM62 juta harta-harta itu boleh diambil kembali mengikut AMLA dan lain-lain.

Soalan saya ialah apakah yang telah dan akan terjadi kepada RM70 juta yang selebihnya daripada RM250 juta itu. Adakah akan hangus ataupun adakah itu sebahagian daripada kerugian operasi NFC selama lima tahun. Kalau ya, apakah kerajaan akan mengambil tindakan supaya pengusaha dan pengarah yang terbabit mencari jalan untuk mengembalikan kembali RM70 juta wang yang kalau mengikut cerakin harta itu tidak termasuk di dalam RM170 juta yang Yang Berhormat Menteri sebutkan.

■1720

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua. seperti mana saya nyatakan tadi kita ada *letter of intent* dengan syarikat yang dipanggil sebagai Hiri Motonas daripada April 19, sampai Oktober 19. Sekarang kita sedang dalam proses membuat *evaluation* dengan izin, ke atas syarikat tersebut dan juga kita sedang menunggu untuk mengadakan rundingan. Jadi, kalau kita buat andaian di sini, rundingan tersebut berjaya, maka syarikat tersebut telah memberi komitmen bahawa mereka akan bayar seluruh hutang yang ada.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun cukup berminat untuk hendak memahami *the letter of intent* yang dikeluarkan oleh syarikat berkenaan kerana ini berhubung dengan persoalan kesinambungan satu projek di mana duit sebanyak RM 250 juta telah pun diberikan kepada pihak NFC. Saya tidak nampak dia punya manfaat bagi syarikat yang berkenaan, yang ingin mengambil alih satu projek yang kita tidak nampak apa yang ada padanya tetapi pada masa yang sama dia sanggup hendak bayar balik ya, atas hutang-hutang yang telah diambil oleh pihak yang lain. Sedangkan apa yang dia perolehi di sebaliknya, saya sendirilah mungkin dari segi dia punya *letter of intent* itu ada mengandungi *detail* secara terperinci, yang mana secara komersial ianya ada pulangan yang akan dapat baginya.

Perkara ini juga kembali kepada persoalan *governing body*, maruah, akauntabiliti yang disebut berhubung dengan Bank Pembangunan tadi ya. Apabila kita mempersoalkan sesuatu keputusan yang sama ada ia *viable* ataupun tidak, sama ada ianya benar-benar



mendatangkan balik pulangan ataupun tidak, seperti mana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Pandan, syarikat, kabel TV dan sebagainya, akhirnya telah rugi. Begitu juga dalam soal NFC.

Apakah tindakan-tindakan yang telah berlaku ini membuktikan bahawa adanya satu kawal selia yang boleh menjamin pulangan terhadap wang rakyat yang digunakan. Dalam soal NFC ini, pulangan yang RM250 juta itu telah pergi dan kita yakin bahawa pada dasarnya pun ada dia punya *governing body*, ada dia punya maruah dan sebagainya. Tanpa adanya campur tangan politik, seharusnya yang menyebabkan bahawa semua keputusan itu adalah *commercially motivated*, boleh menjamin pulangan kepada wang rakyat yang digunakan. Maka soalan saya ada dua iaitu yang pertama, *letter of intent* syarikat berkenaan, apakah pulangan yang boleh diperolehi daripada dia untuk hendak meneruskan projek ini?

Adakah pihak kerajaan juga terpaksa mengeluarkan wang pinjaman yang lain supaya projek NFC itu berhubung dengan soal bekalan daging dan sebagainya dapat diatasi? Kedua tentang soal *governing body*, profesionalisme dan sebagainya. Sejauh mana kita boleh meletakkan keyakinan setelah kita lalui pengalaman seperti NFC? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat biar kita *study* dulu. Buat masa ini kita belum memperincikan lagi *negotiation* kita. Apakah keperluan-keperluan dan kehendak daripada syarikat tersebut. Setelah kita bincang, kita sudah rundingkan, kita sudah tahu apa kehendak mereka, baru kita tahu macam mana dia punya link antara projek ini dengan syarikat mereka sekarang. Kedua, mengenai dengan *governing body* ini. Kita maklum bahawa kita meletakkan tanggungjawab kepada lembaga pengarah. Dalam soal ini, kes ini dibawa ke mahkamah. Saya ingat biarlah mahkamah tetapkan keputusannya ke atas mereka nanti.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri, celah sedikit, penjelasan sikit. Projek NFC ini adalah projek *high impact* yang telah diletakkan oleh kerajaan Barisan Nasional, yang telah menjadi *landmark* skandal dalam negara kita. Rakyat menunggu penjelasan tentang kes ini. Semalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kata menunggu arahan daripada Kementerian Kewangan, apakah tindakan selanjutnya? Akan tetapi kes ini sudah berlanjutan daripada 2007 sampai sekarang. Jadi, satu kes yang mula-mula tidak ada orang tahu, lepas itu bila kita bongkarkan masih lagi lembap dan lambat menguruskannya. Oleh itu ini harus diperjelaskan kepada rakyat yang menunggu kerana rakyat Melayu di kampung *suppose to be* dengan izin, memanfaatkan dalam program ini. Jadi, Kementerian Kewangan harus serius untuk mengatasi masalah ini secepat mungkin dan bergabung dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani agar projek ini terus dilaksanakan untuk manfaat orang Melayu khususnya.

**Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Menteri, boleh saya respons balik pada jawapan Menteri tadi. Saya faham bahawa kes ini dibawa ke mahkamah tetapi pada masa yang sama saya rasa amat hairan kalau kita tidak mahu mengaku bahawa ada kelemahan-kelemahan dan kesilapan yang telah berlaku dalam memberikan kontrak itu kepada pihak NFC sehingga terpaksa menghadapi suasana di mana kemungkinan kita akan kerugian paling kurang dalam RM70 juta, harta rakyat. Sambil itu apa yang telah diinginkan melalui projek ini tidak tercapai.

Kita boleh melepaskan tangan mudah dan mengatakan "*Oh! Sekarang ini kes mahkamah, maka kita serah kepada mahkamah.*" Akan tetapi hakikatnya sekiranya kawal selia dilakukan dengan baik daripada awal dan tidak ada campur tangan politik walaupun kita tidak mahu adanya sangka buruk dan sebagainya tetapi hakikatnya *a bad decision*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *has been made*. Kita mesti memperketat prosedur-prosedur untuk menentukan dua perkara-perkara yang seperti ini tidak berulang dan tidak berlaku sekali lagi. *I mean we cannot carry on repeating the same mistake year in and out.* Inilah yang amat mendukacitakan bagi saya apabila kita melihat satu jawapan yang bagi saya menunjukkan tidak ada penyesalan dan kesanggupan untuk mengaku bahawa sudah

memang ada kelemahan dari segi *governance* dan kawal selia itu ya. Saya rasa perkara ini perlu juga diaddress oleh Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Hendak tambah sedikit juga daripada situ, sedikit saja. Yang Berhormat Tanjong Karang tidak payahlah. Yang Berhormat Tanjong Karang dulu Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, bukan? [Ketawa] Okey, sedikit lagi kerana kita dapati dalam kes ini wang telah dikeluarkan tetapi *even the contract* tidak sedia, tidak siap tetapi wang sudah dikeluarkan kepada syarikat NFC. Itu juga satu *governance* yang sangat-sangat lemah dan menyelewengkan.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ampang menyatakan kerajaan mestilah serius. Sebenarnya apabila kita mendapat maklumat ada permasalahan dalam NFC, itu tidak disuarakan oleh sesiapa, bukan cerita disuarakan oleh sesiapa kita telah ambil tanggungjawab melakukan *forensic* audit. Kita lantik firma audit dan dari laporan audit kita nampak jelas apa masalah tersebut kemudian kita bincang dengan pihak AG tindakan-tindakan yang mesti diambil. Justeru kita ambil tindakan. Persoalannya sekarang, kita hendak dapatkan RM250 juta. Jadi, kita sita dan kita telah dapat RM79.9 juta. Kalau tiba satu tahun lagi, kalau dapat, minta dipulangkan kita akan dapat lagi tambahan. Kemudian ada aset-aset tambahan. Jadi, melaksanakan satu itu bukannya boleh sekelip mata sahaja. Ia mempunyai perundangan dan sebagainya. Perundangan itulah yang harus kita ambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Bayan Baru menyentuh tentang 1MDB. Seperti mana kita maklum Tuan Yang di-Pertua, 1MDB ini adalah satu badan serta entiti di bawah Menteri Kewangan diperbadankan dan ia mempunyai fungsi yang agak berbeza daripada agensi-agensi atau entiti kerajaan. 1MDB ini mempunyai peranan untuk melaksanakan apa yang kita katakan sebagai CSR, program-program CSR.

#### ■1730

Kita tahu di *World Economic Forum*, biasa dibangkitkan tentang soal *creative capitalism* yang dibangkitkan oleh ramai pemimpin termasuk dalam sektor swasta yang menyatakan bahawa, dalam konteks usaha-usaha untuk membangunkan rakyat sesuatu negara dengan permasalahan-permasalahan rakyat dari segi pelajaran dan sebagainya, mengapa tidak badan-badan korporat memainkan peranan.

Jadi sehubungan dengan ini, kerajaan memikirkan bahawa sudah tiba masanya kita mempunyai satu badan untuk melaksanakan tugas tersebut. Akan tetapi badan ini mestilah satu badan yang *viable*, dalam erti kata lain ia satu badan yang *self financing*. Jadi pada peringkat pertama, pihak kerajaan telah memasukkan RM1 juta. Dalam masa tempoh *start up* peringkat awal sampai beberapa tahun kemudian syarikat ini baru kepada peringkat mahu membuat pelaburan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi mereka mahu membuat pelaburan dalam PetroSaudi yang mana mereka mendapat pulangan lebih kurang RM400 juta pada tahun pertama. Kemudian oleh sebab memegang saham dalam bentuk ekuiti ini terikat dengan satu risiko yang tinggi, mereka telah memindahkannya kepada *debt financing*, kemudian setahun kemudian ia keluar dan mendapat keuntungan RM400 juta lebih.

Seterusnya, untuk syarikat ini mencapai *viability*, jadi apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, syarikat ini telah terlibat dalam industri *energy*, dengan izin, melalui pembelian dua IPT yang memberikan pulangan RM2 bilion lebih setahun kepada syarikat ini. Untuk memastikan syarikat ini berkembang mendapat pulangan yang lebih tinggi, syarikat mengadakan satu sistem yang berlainan untuk meningkatkan perniagaan dengan mengadakan hubungan G2G.

Di sini 1MDB pun mengadakan hubungan yang begitu baik dari segi *G-to-G* terutamanya dengan Abu Dhabi di mana mereka telah pun menubuhkan syarikat yang bernama *Abu Dhabi-Malaysia Investment Cooperation*. Jadi ini yang berlaku kepada syarikat tersebut. Isu yang dibangkitkan lain adalah berkenaan dengan...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan bangun. Sila.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri tentang penerangan yang diberikan mengenai 1MDB. Saya diberikan pengesahan melalui jawapan Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa sebanyak RM7 bilion wang 1MDB yang asalnya adalah daripada bon yang dijamin oleh kerajaan sebanyak RM5 bilion yang menjadi modal awal 1MDB, kemudian itu digunakan di dalam satu urusan niaga dengan PetroSaudi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sekarang daripada pelbagai transaksi yang telah dibuat RM7 bilion, sekarang berada di beberapa akaun di *Cayman Island*, dengan izin, di *offshore centre* di *Cayman Island*.

Wang sebanyak RM7 bilion yang diletakkan di *offshore centre* secara prinsipnya mendedahkan kepada beberapa risiko kewangan, terutamanya risiko dari segi pertukaran mata wang apabila berlaku perbezaan dan lain-lain. Akan tetapi yang lebih besar ialah penglibatan besar 1MDB di dalam projek-projek besar negara termasuklah pembangunan semula Sungai Besi bermakna ia bakal memerlukan suntikan dana yang besar. Jadi apabila RM7 bilion wang yang asalnya ini daripada negara diletakkan di akaun pesisir pantai yang kita tahu penuh kerahsiaan dan kita tidak akan mendapat maklumatnya, sudah tentu ia akan menimbulkan banyak tanda tanya.

Pendapat umum kenapa transaksi itu akhirnya berakhir di *Cayman Island* ialah kerana urusan niaga asal dengan PetroSaudi itu juga tidak telus dan banyak tidak tahu sehingga sekarang asal usul operasi dan maklumat-maklumat terperinci. Jadi disebabkan itu saya minta pengesahan dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Pertama, rasional kenapa sehingga RM7 bilion wang negara yang asal daripada terbitan bon di negara ini akhirnya berakhir di *Cayman Island*, apa rasionalnya?

Kedua, minta supaya Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa RM7 bilion itu adalah dalam bentuk tunai, *cash* dan bukannya dalam bentuk transaksi dengan izin *receivable* ataupun aset-aset lain supaya kita tahu bahawa wang RM7 bilion itu berada di dalam akaun walaupun ia berada di *Cayman Island*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, apabila 1MDB memiliki RM7 bilion, wang itu adalah dalam bentuk USD. Maknanya ia lebih kurang USD3 bilion lebih. Ke mana hendak diletakkan? Jadi akhirnya diletakkan di *Cayman Island*.

Pertama, kita kena menerima hakikat bahawa *Cayman Island* di bawah *jurisdiction* British, saiz pasarnya besar, dari segi saiz aset adalah USD1.7 trilion, memiliki *number of fund* dananya berjumlah 10,932 dan *fund manager* 123. Ini bermakna bahawa ia mudah untuk membuat pelaburan. 1MDB meletakkan pelaburan dalam enam portfolio yang menjanjikan pulangan 10%. Kemudian kita bandingkan pula dengan Labuan, di mana Labuan mempunyai *fund* USD11.7 bilion. Maknanya kalau kita hendak melabur, ruang itu tidak mencukupi dan ada 55 *fund managers*, satu *dormant* ada 54 keseluruhannya. Jadi itu rasionalnya.

Mengapa di dalam *US Dollars*? Oleh sebab pinjaman yang diambil oleh 1MDB di dalam *US Dollars*, kalau dibawa ke dalam negara, katalah diletakkan di mana-mana bank di Kuala Lumpur, ia akan terdedah kepada *exchange risk*. Ini boleh menyukarkan 1MDB untuk membayar balik pinjaman *US Dollars*. Kedua, 1MDB sekarang sedang membuat *bidding* di luar negara dan duit inilah sebenarnya yang akan digunakan apabila *bidding* itu dapat diperolehi oleh 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Berkenaan dengan 1MDB.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila Yang Berhormat Menteri menyebutkan soal peranan 1MDB sebagai satu syarikat untuk *corporate social responsibility*, saya pun hairan kerana apabila saya *check website* itu, dengan izin, *1MDB is a strategic development company, wholly owned by the Government of Malaysia. As a strategic enabler for new ideas and new sources of growth, 1MDB leads in market-driven initiatives to help transform Malaysia into a thriving economy.* Ini bermakna 1MDB lebih kepada teknologi baru, *business* model baru dan sebagainya.

Soalan saya ialah, apabila 1MDB membuat keputusan untuk mengambil alih IPP daripada Genting, ini bukan satu *business* yang baru. IPP di bawah Genting itu cuma tiga tahun sahaja yang akan tamat, *power purchase agreement* dengan tenaga. Jadi dengan pengambilan RM2.3 bilion ini, bukan satu *business yang baru*. Sekiranya kita tunggu sehingga pelupusan tarikh PPA tersebut, boleh dikatakan IPP tersebut *first generation* IPP tersebut harganya mungkin *not better than a piece of paper*, dengan izin. Jadi apakah rasionalnya untuk 1MDB terlibat di dalam pembelian IPP ini. Sekian.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kita melihat 1MDB itu pada masa sekarang, kita tidak melihat 1MDB pada masa akan datang. Itu sebabnya saya katakan tadi G2G. G2G ini belum pernah berlaku dalam konteks negara kita, sampai kita boleh mengadakan syarikat usaha sama dengan Aabar namanya, yang mana ia adalah anak syarikat kepada syarikat petroleum di Abu Dhabi. Maknanya potential 1MDB itu besar. Mengapa ia terlibat di dalam IPP sekarang ini? Ini kerana ia mesti mempunyai *viability*. Yang Berhormat menyatakan tadi tentang CSR, inilah antara yang dijalankan oleh 1MDB, ia memberi komitmen sebanyak RM1.1 bilion dan telah melaksanakan hampir RM600 juta telah dilaksanakan.

#### ■1740

Jadi, ini usaha yang dijalankan oleh 1MDB. Jadi, kita tidak boleh melihat 1MDB hari ini untuk kita memikirkan misi yang berbentuk kreatif yang berbentuk kreatif itu akan datang nanti. Akan tetapi ia memerlukan *viability* pada masa ini untuk ia melaksanakan projek-projek yang telah diamanahkan kepada 1MDB. Umpamanya, kita ada *Tun Razak Exchange* dan juga Sungai Besi, itu projek di dalam negara kita...

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pandan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Berbalik kepada penubuhan 1MDB. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa ia ada potensi yang besar, ia juga untuk mengambil peluang kepada perniagaan yang berbentuk G2G. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, kerana kita telah lama ada Khazanah Nasional iaitu satu-satunya badan pelaburan negara yang juga dipertanggungjawabkan untuk mengembangkan perniagaan Malaysia di luar negara dan kebanyakannya juga ada melibatkan G2G seperti mana Petronas dan yang lain.

Jadi, bukan perkara yang baru sehingga perlu menubuhkan satu syarikat yang khusus. Apakah sebab-sebab utama sehingga satu syarikat baru yang kadangkala nampak bersaing dengan Khazanah ditubuhkan. Sedangkan rasional yang setakat ini diberikan adalah rasional yang sama. Kedua-duanya adalah, dengan izin, *sovereign fund* ataupun syarikat pelaburan milik negara.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Khazanah dan 1MDB ini sebenarnya berbeza. Khazanah adalah badan yang ekuitinya besar dibiayai oleh kerajaan. Khazanah terlibat dalam beberapa projek. Jadi, dari segi kapasitinya pun sudah begitu besar. Antara tanggungjawab Khazanah adalah pada hujung tahun, ia akan membayar dividen kepada kerajaan. Jadi, entiti itu berbeza. Yang saya katakan G2G ini sampai kepada peringkat kita tubuhkan syarikat melibatkan kerajaan dengan kerajaan. Bersetuju tubuhkan sebuah anak syarikat untuk mencari potensi bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di negara luar.

Macam saya kata, Abu Dhabi-Malaysia Sdn. Bhd. *Paid-up capitalnya* adalah RM6 bilion, wang yang akan digunakan untuk beberapa projek. Jadi, bentuknya adalah berbeza daripada bentuk Khazanah. Kemudian ia bertujuan untuk kita jalankan program CSR. Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, saya yang tanya soalan tentang 1MDB.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, Yang Berhormat Menteri, selepas...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nanti tanya... Dibenarkan, kah?... Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, selepas dengar penjelasan Menteri, saya rasa Yang Berhormat Menteri belum jawab soalan *core* yang saya tanya dalam Dewan. Nombor satu adalah penjualan bon melalui *Goldman Sachs* dua minggu sebelum pilihan raya yang digesa-gesakan pada 19 Mac 2013. Penjualan bon sebanyak USD3 bilion, melalui *Goldman Sachs*. Itu tidak ada *open tender*, dengan tergesa-gesa pada kadar yang lebih rendah, jauh lebih rendah daripada sepatutnya. Bon itu *unrated*, terpaksa dijual dengan kadar yang lebih rendah. Sepatutnya, kalau kita *rate*, kita tunggu *maybe a few weeks, we rate the bon*, jual, kita akan dapat kadar pulangan yang lebih tinggi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sekejap, Yang Berhormat Bayan Baru, sekejap ya. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ada dalam jawapan tidak? Apa yang... Ada? Kalau ada, tidak payah ulang lagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Akan tetapi tidak tahu lagi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tunggu sampai masanya Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Boleh, boleh duduk dulu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, soalan yang berikutan dengan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Jadi, saya tanya... okey, sekarang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat Yang Berhormat Bayan Baru tunggu jawapan dulu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Okey, saya tunggu dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, sila.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ya, Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri belum jawab soalan saya tadi. Apakah rasional untuk beli Genting Sanyen dengan harga RM2.3 bilion, walaupun dengan pengetahuan bahawa PPA itu akan tamat pada tahun 2016? Jikalau tidak ada kepastian bahawa PPA itu akan dilanjutkan, kenapa hendak belanja RM2.3 bilion untuk IPP yang tamat dalam tiga tahun ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, IPP Yang Berhormat nyatakan tidak tamat dalam tempoh tiga tahun. Ia masa tempoh yang bukan tiga tahun. Saya ada statistik di sini tetapi nanti saya akan bagi Yang Berhormat.

Berkenaan isu yang dibangkitkan tadi tentang mengambil sebanyak RM3 bilion. Ada beberapa isu yang dibangkitkan. Satu, mengapa *Goldman Sachs*? Satu Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu ada dua bon yang dijamin oleh IPIC, iaitu anak syarikat kepada syarikat petroleum di Abu Dhabi yang memberi jaminan untuk pinjaman tersebut yang mana pihak IPIC menyatakan, oleh sebab mereka memberi jaminan. Maka, bagilah kepada *Goldman Sachs* dan itu kita persetujui.

Kemudian timbul yang RM3 bilion. Jumlah RM3 bilion ini sebenarnya jumlah yang besar. Pihak 1MDB telah berbincang dengan beberapa bank, ada senarai bank dibagi kepada saya tetapi semuanya tidak berupaya untuk melaksanakannya. Jadi, 1MDB melantik *Goldman Sachs*. Apa yang diperlukan oleh 1MDB itu mereka peroleh dengan bon yang sebenarnya kuponnya rendah daripada lain-lain bon yang ada di dalam pasaran. Tidak ada apa yang luar biasa dalam hubungan itu. Tentunya dalam konteks hendak mengeluarkan bon, orang tidak laksanakan *open tender*. Ia akan berunding dan berbincang dengan beberapa bank yang ia sudah biasa. Dalam konteks ini, *Goldman Sachs* bersetuju, dengan syarat-syarat laku 1MDB.

Yang Berhormat daripada Pengerang menyentuh tentang kedudukan syarikat-syarikat GLC berkenaan dengan perwakilan wanita. Dari segi G20 iaitu GLICs, daripada *non executives* ada 28%, *executives* 47%, *senior managers* 28%, *board of directors* 9%. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa *Invest Malaysia* telah membuat pengumuman bahawa setiap syarikat di Bursa mesti memberikan maklumat mengenai perwakilan wanita di dalam syarikat-syarikat ke arah untuk meningkatkan bilangan wanita di jawatan-jawatan tersebut.

Kemudian Yang Berhormat Hulu Langat menyentuh mengenai dengan pengurusan Sime Darby. Memang ada di Sime Darby, kakitangan profesional asing dan *expatriate* seramai 17 orang daripada 54,397 kakitangan Sime Darby. Sime Darby beroperasi di banyak negara seperti China, Australia, Singapura, Hong Kong, India, United Kingdom, Jerman, New Zealand, Belgium dan Finland. Jadi, tentulah mereka memerlukan orang-orang luar untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab tersebut. Bukan sahaja daripada segi kepakaran teknikal mereka tetapi untuk melatih dari segi kakitangan tempatan.

Yang Berhormat Gelugor menyentuh mengenai dengan rumah di Taman Sejahtera, Teluk Air Tawar di Pulau Pinang. Ada terdapat 327 buah rumah. Rumah ini adalah rumah terbengkalai di bawah *ownership* Jabatan Insolvensi kerana syarikat asal yang melaksanakan projek itu telah bankrap. Kemudian dilantik SPNB untuk menjalankan pembaik pulih projek tersebut. Daripada 327 buah rumah, 152 buah rumah telah dijual. Daripada 152 buah rumah tersebut, tandingan aku janji telah diperolehi daripada 117 orang. 69 orang telah mengambil kunci. Ada terdapat permasalahan di situ Tuan Yang di-Pertua, ada CF tidak dimiliki oleh lapan buah kedai dan beberapa rumah. Ini adalah kerana pihak JPS minta supaya parit dibesarkan dan kita telah bincang dengan SPNB supaya menjalankan tugas tersebut. *Insya-Allah* perkara ini akan selesai...

■1750

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Tasik Gelugor, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih. Bolehkah saya dapat sedikit lagi penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, iaitu bilakah baki pemilik-pemilik yang telah pun membeli rumah tersebut bagi mereka memperoleh kunci dan dapat duduk di rumah yang berkenaan? Jadi saya rasa penjelasan dan komitmen ini kena diberikan kerana pembeli-pembeli tersebut telah begitu lama menderita menunggu rumah yang telah disiapkan kerana gaji telah pun dipotong oleh pihak bank yang mana mereka

telah membuat pinjaman. Jadi soalan saya, bilakah sebenarnya kes ini akan dapat selesai sepenuhnya bagi projek yang berkenaan? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Seperti mana saya nyatakan tadi Tuan Yang di-Pertua, projek tersebut telah siap tetapi ada lagi beberapa unit yang belum dapat CF dan bagi yang ada beberapa yang tidak menandatangani surat janji tersebut, pihak SPNB akan berbincang dengan Jabatan Insolvensi Malaysia untuk diselesaikan. Saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat nanti akan kedudukannya.

Yang Berhormat Kuala Langat menyentuh tentang soal KWSP yang memberi pampasan sehingga RM30,000 kepada keluarga pencharum yang meninggal dunia. Ini telah berlaku beberapa tahun dan pada tahun 2002, pihak KWSP memutuskan untuk ia dikurangkan kepada RM2,500. Pihak KWSP tidak bercadang untuk kembali kepada sistem asal iaitu RM30,000 kerana apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua, makin lama makin ramai mereka yang memohon RM30,000 tersebut. Pihak KWSP merasakan bahawa RM30,000 yang diberikan itu datang daripada keuntungan ke atas wang caruman daripada pencharum di KWSP. Jadi mereka rasa oleh kerana terlalu banyak permohonan tersebut, mereka kata lebih baik dia beri kepada RM2,500 supaya tidak berlaku ketidakadilan dari segi wang yang patut dimiliki oleh pencharum diberikan kepada individu-individu tertentu.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Minta penjelasan. Terima kasih Menteri. Sejarahanya begini, RM2,500 itu asalnya ialah pampasan mengikut tanggungan keluarga pencharum itu sendiri yang meninggal dunia. Sebelum ini, kalau katakan ada pencharum itu mendapat RM25,000 atau RM26,000 tetapi maksimumnya ialah RM30,000 yang telah pun dibatalkan oleh KWSP pada tahun sekitar 2002 dan diberikan pampasan khairat kematian sebanyak RM2,500. Implikasi daripada pemberian dimaksimumkan RM30,000 itu adalah untuk membantu keluarga pencharum untuk mendapatkan sebuah rumah dan dari segi pendidikan. Itu asalnya.

Saya nampak bahawa kemungkinan besar kalau boleh Kementerian Kewangan mengkaji semula sekurang-kurangnya menaikkan RM2,500 khairat kematian itu kepada..., ikut beberapa kategori kelayakan seperti dua anak, RM10,000 dan empat anak, RM20,000, begitu. Kalau ada sistem ataupun dasar sedikit memberikan lebih kepada pencharum mempunyai tanggungjawab yang ditinggalkan oleh mereka ketika kematian itu berlaku dalam mereka bertugas. Saya harap Menteri faham maksud saya itu. Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Ya. Terima kasih Yang Berhormat. Mungkin RM30,000 itu tidak bolehlah. Nanti kita runding berapa yang kalau boleh dinaikkan. Yang Berhormat...

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini KWSP ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Cuma singkat sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, panjang lagikah Yang Berhormat?

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Cuma saya hendak rakamkan penghargaan kepada Pejabat KWSP di Ipoh, saya sendiri pernah berurusan dan perkhidmatan yang cemerlanglah ingin saya rakamkan di sini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Yang Berhormat Kuala Langat juga menyentuh mengenai dengan komposisi panel pelaburan di KWSP.

Komposisinya mengikut di bawah seksyen 18.1, Akta KWSP, mesti mengandungi tujuh orang iaitu Pengerusi, seorang wakil Kementerian Kewangan, Gabenor Bank Negara, Ketua Pegawai Eksekutif dan tiga ahli profesional dalam bidang kewangan, perniagaan atau pengalaman-pengalaman yang relevan dengan pelaburan. Jadi pada masa ini komposisi itu telah pun mencukupi.

Yang Berhormat Kanowit menyentuh tentang...

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Menteri, minta sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Pandangan tentang Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan. Ya, umum tahu bahawa penglibatan 13 juta orang pelabur-pelabur, pencarum KWSP ini adalah pelabur utama kepada KWSP. Jadi, saya ingin mencadangkan supaya pelaburan untuk Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan ini dimasukkan daripada kumpulan pekerja yang akan memberikan maklumat ataupun sekurang-kurangnya mengetahui tentang pelaburan itu berunsurkan kepada arah mana yang akan dibawa oleh KWSP yang selama ini Lembaga Pengarah KWSP ini yang pokoknya dalam induknya ada persatuan sekerja dalam kumpulan itu. Jadi saya mohon Kementerian Kewangan mengkaji semula sama ada membolehkan wakil persatuan sekerja ini ataupun mereka-mereka mewakili pekerja duduk dalam pelaburan untuk sekurang-kurangnya memantau ataupun memahami tentang seluk belok pelaburan yang akan dilaburkan oleh KWSP. Mohon Menteri menyokong cadangan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam lembaga ada wakil dari kesatuan sekerja negeri-negeri dan saya percaya portfolia pelaburan dilaporkan kepada Lembaga. Maknanya, ahli lembaga tersebut boleh menyampaikan maklumat kepada ahli-ahli. Bila kita bercakap tentang pelaburan, ia melibatkan pelaburan yang begitu banyak. Kita memerlukan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu. Sekiranya ada katakana di kalangan kesatuan sekerja, mungkin kita boleh kemukakan kepada pihak KWSP.

Yang Berhormat Kanowit menyentuh tentang BR1M 1.0 yang tidak diperoleh dan BR1M ini spesifik Tuan Yang di-Pertua, saya minta beliau memberi maklumat tersebut, jadi kita boleh ambil tindakan.

Yang Berhormat Ampang menyentuh tentang *gender budgeting*. Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2013, kerajaan telah menyediakan sebanyak RM3.91 *billion* semata-mata untuk kaum wanita. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya juga tunggu jawapan Yang Berhormat Menteri mengenai soalan, isu yang saya bangkitkan mengenai bank yang mengenakan *charge interest* atau faedah yang begitu tinggi. Bank-bank di Malaysia sekarang ambil kesempatan sekiranya pelanggan peminjam mereka di *folk* atau bayar lewat satu atau dua bulan, mereka meningkatkan *interestnya* hingga 2% ke 3%. Apakah Kementerian Kewangan atau Bank Negara akan ambil tindakan atas bank-bank ini? Ini kerana satu peminjam yang pinjam RM200,000 dikenakan bayaran faedah yang lebih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Kira-kira RM20,000 ke RM30,000 atas sebab kerana mereka lewat bayar satu atau dua bulan sahaja. Adakah ini satu hukuman yang setimpal dengan tidak bayar atau lewat bayar satu bulan atau dua bulan, *installment* sahaja? Keseluruhan pinjaman mereka dikenakan *interest* lebih 3% atau 4%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Apakah pendirian, dan apakah penjelasan daripada Menteri Kewangan?

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, ini isu spesifik.



**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah:** Harap beliau dapat maklumkan kes ini kepada saya dan kita boleh ambil tindakan.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, ini bukan satu kes spesifik. Saya bangkitkan beberapa contoh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** CIMB kenakan polisi, OCBC...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bandar Kuching. Ya.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** ...Saya ada *personally* tulis kepada itu Gabenor. Tidak ada... Ada beri kepada Yang Berhormat juga, langsung tidak ada tindakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Menteri, saya percaya Yang Berhormat Menteri akan berikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Sekali lagi. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menggulung.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** *Alaa* Tuan Yang di-Pertua, tidak selesai lagi ni.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Menteri sudah habis ni.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Tidak selesai lagi ini *gender budgeting* tadi.

■1800

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pertama, Yang Berhormat Dato' Seri Shahidan bin Kassim. Sila.

6.00 ptg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasaan Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Perdana Menteri.

Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri amat menghargai pandangan, teguran, saranan dan cadangan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, susunan giliran Jabatan Perdana Menteri ialah bermula dengan saya diikuti oleh Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Pensiangan, Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Yang Berhormat Muar.

Tuan Yang di-Pertua, seramai sembilan Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Parlimen Malaysia. Cara berbahasnya ialah bila

saya baca habis satu tajuk selepas itu kalau sekiranya ada Ahli Yang Berhormat yang tidak berpuas hati, boleh bertanya soalan.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Parlimen Malaysia iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Ipoh Barat. Terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat. Mengenai saranan agar Ahli Parlimen diberi kemudahan penyelidikan, ruang kerja yang kondusif dan saranan agar Ahli-ahli Parlimen diberi peruntukan dan sumber-sumber seperti penyelidik dan juga bantuan staf.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam projek ubahsuai dan naik taraf bangunan Parlimen, ruang kerja untuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian akan disediakan di dalam blok baru yang akan dibina. Mengikut perancangan, keseluruhan projek dijangka akan siap pada akhir tahun 2016. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya akan dari masa ke semasa berusaha mengkaji supaya kaedah pembinaan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan dan memungkinkan seluruh projek dapat disiapkan lebih awal. Kesabaran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dalam menghadapi segala kesulitan amatlah dihargai.

Kerajaan juga sentiasa mengkaji segala kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen, namun segala keputusan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan. Dalam pada itu, menyedari beban tugas dan tanggungjawab Ahli Parlimen yang semakin mencabar, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Belanjawan Negara 2012 pada 7 Oktober 2011 telah pun mengumumkan bahawa kerajaan telah bercadang untuk mengkaji cadangan kenaikan elaun bulanan serta elaun dan kemudahan lain bagi Ahli-ahli Parlimen dengan syarat cadangan tersebut dipersetujui oleh semua Ahli Parlimen, kerajaan, pembangkang dan juga bebas.

Walaupun bagaimanapun, oleh kerana cadangan tersebut mendapat bantahan daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Bagan, Yang Berhormat Gombak dan Yang Berhormat Kubang Kerian, maka kerajaan pada 10 Oktober 2011 telah memutuskan untuk menarik balik cadangan tersebut. Dalam hubungan ini, kerajaan bersedia menimbang untuk mengkaji semula saraan dan keistimewaan Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Parlimen pada masa yang sesuai kelak dengan syarat semua Ahli Parlimen bersetuju serta tertakluk kepada kedudukan kewangan kerajaan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tajuk tidak habis lagi... Oleh yang demikian sebarang cadangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak, pasal *allowance* tadi.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Kepada Ahli Yang Berhormat untuk menaik taraf kadar elaun Ahli Parlimen boleh dibawa kepada Jawatankuasa Dewan.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri hendak habiskan isu ini dahulu baru boleh mencelah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Baru-baru ini Dewan Undangan Negeri Sarawak telah meluluskan Rang Undang-undang Pencen, Gratuiti Ahli-ahli Pentadbiran dan Ahli DUN 2013 yang menyaksikan kenaikan lebih 200%. Di antara yang dapat keistimewaan ini ialah Yang Berhormat Kuching. *[Dewan riuh]*

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Saratok sahaja ada.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebetulnya saya boleh dikira mewakili rakan-rakanlah Yang Berhormat Menteri. Jadi, kita meminta kerajaan mempertimbangkan secara serius mengenai dengan kenaikan elaun Ahli-ahli Parlimen Malaysia ini termasuk pembangkang. Saya harap Yang Berhormat Permatang Pauh ini kali tidaklah membantah. Ini kerana apabila dibantah, kita yang jadi mangsa sebetulnya. Rakan-rakan kita dari sini pun sebetulnya mereka mengharapkan sebab...

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Permatang Pauh sudah senyum itu.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** ...Kita hendak jadi wakil rakyat yang boleh berkualiti di kawasan, jadi kenalah ada peruntukan yang bagus sedikit. Jadi, harap Yang Berhormat Menteri tolong panjangkan kepada pihak kerajaan supaya dapat dilaksanakan, kalau boleh tahun ini juga.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Subang perkara yang sama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Satu-satu. Yang Berhormat Kinabatangan...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Perkara yang sama.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Perkara yang sama.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap. Sekejap lagi saya bagi. Saya jawab yang ini dahulu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kenaikan di Sarawak sebenarnya minta maaf, 300%. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang menyaksikan persidangan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Untuk makluman Yang Berhormat, elaun Ahli Parlimen paling rendah di seluruh dunia, di Malaysialah...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Parlimen Malaysialah paling rendah di seluruh dunia.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Maldives pun negara kecil, elaunnya RM25,000.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih pada Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan untuk minta penjelasan.

Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang bantahan daripada pemimpin Pakatan Rakyat terhadap kenaikan gaji dan elaun. Saya rasa perlu disebut di sini apakah alasan sebenarnya bantahan kita. Ini kerana kita jelas dengan keperluan sebenarnya untuk Ahli

Parlimen daripada dua-dua pihak adalah elaun spesifik, khusus untuk pusat khidmat kita, staf, perbelanjaan pusat khidmat dan juga tambah kakitangan untuk membantu dalam kerja kita di Parlimen iaitu sebagai contoh dengan izin, *research services*, *researcher* ataupun *secretarial services*. Itu yang kita perlu. So, apa yang kita minta pada masa itu dan tidak disetujui pada masa itu oleh pihak kerajaan dan sebab itu kita bantah peruntukan itu.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, selepas ini sama-sama bincanglah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Oleh sebab itu kita minta. Secara dasar kita terima, Kita mesti ada, tetapi bukan untuk gaji kita sendiri, tetapi jumlah elaun yang cukup untuk menanggung perbelanjaan itu.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah selaras yang saya sudah sebut dalam perbahasan. [*Dewan riuh*] Ini selaras... Dengarlah dahulu, ini untuk kedua-dua.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini adalah selaras dengan amalan di semua Parlimen yang moden di mana Parlimen Malaysia masih ke belakang, di mana kita tidak beri staf kepada semua, tidak kira kerajaan atau pembangkang, semua dapat yang sama.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Faham sudah itu. Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Jadi, saya rasa kita sedia untuk membincang pendekatan begitu dalam perkara itu. Saya minta penjelasan.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pendapat Yang Berhormat Menteri dengan alasan-alasan daripada pihak sebelah sana, banyak PKR ini. PKR ini parti yang memerintah Selangor. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat, PKR ini dia cakap berputar-putar. Di Selangor, pada tahun 2008, mereka naikkan elaun ADUN-ADUN dia. Dalam tahun yang sama...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri jawab...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** ...Apabila di Parlimen ini dicadangkan untuk naikkan elaun di Parlimen... [*Dewan riuh*] Dengarlah. Ini apa ini?

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Batu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Dengarlah.

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini Yang Berhormat Batu. Sekejap. Yang Berhormat Batu, Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap. Duduk sekejap. Dua-dua duduk kejam. Dua-dua duduk kejam. Ini bila Yang Berhormat Menteri beri laluan pada Yang Berhormat Tanjong Karang, ahli yang lain jangan ganggu. Tengok Peraturan 41. Ada. Sila.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Saya hanya hendak penjelasan Yang Berhormat Menteri bahawa Pakatan Rakyat ini satu parti yang putar belit. Sebab saya kata demikian, di Dewan Undangan Negeri Selangor, waktu Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan kenaikan elaun ADUN-ADUN nya, daripada RM4,000 ke RM6,000 kalau saya tidak silap, tetapi dalam tahun yang sama, masa yang sama apabila Parlimen hendak mencadangkan kenaikan elaun Parlimen, ia mendapat tentangan daripada PKR. Ini menunjukkan mereka ini *double standard*. Sentiasa *double standard*. Bila mereka memerintah, semua boleh. Bila kita hendak buat tidak boleh. Apa pandangan Yang Berhormat? Adakah perlu kita hendak dengar cakap-cakap orang *double standard* ini?

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ini saya ingat Yang Berhormat Menteri, saya ingat kedua-dua pihak ini bersabarlah. Ini untuk kebaikan kita semua. Tidak payahlah kita bertikam lidah dalam hal-hal kepentingan kita semua. Jadi, sila Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Masa itu saya tiada di sini lagi. Akan tetapi, pada dasarnya pemikiran bahawa kita masukkan pertimbangan pejabat, pegawai penyidik dan sebagainya itu boleh dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Dewan yang akan dibentuk pada 18 Julai nanti. Tidak ada masalah. Akan tetapi, kalau boleh perkara ini kita tidak mahulah Yang Berhormat 'Kuching' pula menentang setelah mendapat keistimewaan yang lebih di Sarawak...

**Timbalan Yang di Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Bukan Yang Berhormat 'Kuching', Yang Berhormat Bandar Kuching.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Bandar Kuching ya menentang setelah mendapat keistimewaan di Sarawak. Demikian juga di Selangor.

#### ■1810

Kalau boleh kita bincang elok-elok. Jadi bawa di sini sebab di zaman saya dulu bila elau itu diperkenalkan, tidak ada satu orang pun yang berbincang lagi. Oleh sebab benda ini diperhatikan oleh orang ramai, kita terus menerimanya cadangan yang telah dibawa. Malah masa itu Ketua Pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Permatang Pauh bangun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Gelang Patah, masa itu beliau Gelang Patah, dia pun sokong 100%.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya telah memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri dan juga kepada Tuan Yang di-Pertua sebelum ini bahawa anggapan bahawa saya menolak pada prinsip adalah tidak benar seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Kenaikan di Selangor itu jumlahnya kecil. Kenaikan dicadangkan pada peringkat awal itu untuk Parlimen. *[Disampuk]* Itu Sarawak, soal Sarawaklah ya. Itu bagi saya dalam keadaan di mana isu kenaikan gaji pekerja itu meluas.

Kemudian saya usulkan kepada Tuan Yang di-Pertua supaya diambil kira semua isu termasuk kemudahan yang diperlukan dalam menjalankan tugas bukan sahaja tertakluk kepada elau. Jadi saya tidak nafikan keperluan kita meningkatkan pada prinsipnya sebab itu saya telah sampaikan kepada Menteri dan dengan tertakluk kepada syarat kita teliti semula cadangan awal supaya memenuhi keperluan yang agak munasabah. Kenaikan tidak dianggap mendadak oleh rakyat. Saya tidak ada permasalahan terhadap itu.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih. Kita dapat persetujuan terbuka daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Cukuplah Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Jadi sekarang ini kita hendak bincang *detailnya*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, Ketua Pembangkang setuju sebab kesian pada Yang Berhormat Tanjong Karang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pokok Sena *[Ketawa][Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai cadangan agar pegawai penyidik...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Perkara Kubang Pasu pun ada [Ketawa]

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Untuk makluman pada masa sekarang kerajaan telah menyediakan perkhidmatan lima orang pegawai penyelidik bagi membantu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Kerajaan mengambil maklum akan cadangan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang itu tadi. Mengenai cadangan agar Klinik Parlimen dipindah semula ke tempat asalnya, saya kena menjawab benda ini sebab permintaan ramai daripada Ahli-ahli Parlimen supaya klinik ini dipindahkan. Seperti mana yang telah kita sebutkan bahawa bangunan blok utama akan ditutup mulai awal tahun hadapan bagi kerja-kerja baik pulih dan naik taraf.

Pihak pengurusan Parlimen telah pun menyediakan sebuah klinik yang memang diakui lebih kecil berbanding dengan klinik sedia ada, akan tetapi adalah lebih praktikal kerana terletak bersebelahan dengan Dewan Persidangan. Pengurusan Parlimen memberi jaminan bahawa bila semua kerja ubahsuai dan naik taraf selesai Klinik Parlimen akan beroperasi semula di lokasi asalnya.

Mengenai cadangan agar urusan Dewan berkaitan dengan pembangkang didahulukan, seperti mana yang telah diamalkan pada tahun 1950-an dan sebelumnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat 15(1) menetapkan bahawa urusan kerajaan didahulukan daripada urusan yang lain. Sebarang pindaan berkenaan peraturan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat.

Mengenai cadangan agar Jawatankuasa Pilihan Parlimen diperluaskan termasuk penubuhan *second Chamber*, dengan izin, demi untuk memantapkan institusi Parlimen. Untuk makluman Yang Berhormat, penubuhan satu Jawatankuasa Pilihan adalah berdasarkan kepada keperluan dan kehendak semasa. Ini memberikan peluang kepada Ahli Yang Berhormat membincangkan sesuatu isu yang dirujuk kepada jawatankuasa berkenaan dengan lebih teliti. Kerajaan memandang serius berkenaan perkara ini kerana Parlimen merupakan institusi yang membolehkan segala...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Permasalahan rakyat dapat dikemukakan. Namun demikian sebarang keputusan untuk menubuhkannya memerlukan perancangan yang teliti agar ia dapat berjalan dengan lancar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang bangun. Ya, Yang Berhormat Subang dan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Shah Alam tadi dia bangun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam dijemput balik.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Selepas Yang Berhormat Shah Alam boleh?

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Saya bangun tadi mengenai isu kenaikan gaji.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Isu lain? Okey, okey.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai ya selepas itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi saya hendak jelaskan sahajalah kerana apa yang telah berlaku di Selangor kenaikan gaji Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri ialah setelah ianya meluluskan bajet yang *balance*, bukan defisit bajet

yang telah menambahkan simpanan di dalam kerajaan negeri. [*Dewan riuh*] Setelah mereka menunaikan tanggungjawab mereka dengan menguruskan kewangan negeri Selangor dengan baik, maka dinaikkan gaji mereka. Atas sebab itu...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, terima kasih.

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** ...Atas sebab yang sama permohonan untuk hendak naikkan gaji Ahli Parlimen telah kita pertikaikan kerana pada ketika itu seperti mana pada tahun-tahun yang selepasnya, bajet yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Parlimen adalah bajet defisit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Okey, okey.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya, Yang Berhormat...

**Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]:** Hanya penjelasan pada tanggungjawab yang tidak hadir pada hari itu agaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini sebenarnya Yang Berhormat, yang memberikan penjelasan Yang Berhormat Menteri, bukan kita. Jadi kita minta penjelasan. Sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Shah Alam kena bersabar sedikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya ucap terima kasih atas penjelasan atau jawapan tadi tentang cadangan penubuhan Jawatankuasa Pilihan. Akan tetapi saya nampak jawapan itu tidak... Saya bangkitkan ini dalam perbahasan saya beberapa hari lalu. Cadangan saya sebenarnya ialah untuk menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pilihan yang kekal dengan izin, *standing select committee* bukan sahaja dari isu ke isu, *effort committees*. Jadi itulah cadangan saya, sebab itulah amalan di hampir semua Parlimen-Parlimen moden termasuk yang mengamalkan sistem *Westminster* seperti Australia, Kanada, India dan sebagainya ataupun yang bukan *Westminster* sebagai mana jiran kita Indonesia. Semua Parlimen moden buat itu. Sebab itu...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat Yang Berhormat Subang, kita ringkaskan kerana kita kedua belah pihak setuju...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Maksud saya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** ...Jawatankuasa yang dibentuk untuk mengkaji.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** So, cadangan saya adalah kita tubuhkan sahaja...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita kemukakan dalam cadangan jawatankuasa.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Untuk mengkaji ini dan kalau boleh itu dipersetujui.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat, berkaitan-berkaitan. Sikit berkaitan. Yang Berhormat berkaitan dengan laluan...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sekejap Yang Berhormat, ini bab TPP, *caucus, caucus*.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** ...Berkaitan laluan, berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Subang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Mana satu ini? Yang Berhormat Padang Serai ataupun Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai, sila.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk kepada permohonan saya khusus untuk isu TPP iaitu *Trans-Pacific Partnership Agreement*, yang dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri, dikatakan Pakatan Rakyat dan juga Barisan Nasional punyai pendirian yang sama, kebimbangan yang sama berkait dengan TPP. Jadi permohonan saya supaya diwujudkan satu Jawatankuasa Parlimen Khas membincangkan TPP yang akan menyaksikan pusingan ke-18 rundingan di Kota Kinabalu akhir minggu ini.

Apa yang saya dapat makluman daripada Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Johor Bharu adalah satu *caucus* akan dibentuk. Saya minta Yang Berhormat Menteri kalau boleh timbang semula kerana apa? Kalau kita adakan *caucus* tidak perlu laporan dikemukakan kepada Parlimen, satu.

Keduanya *caucus* tidak punyai kuasa untuk memanggil pakar, kementerian, MITI dan sebagainya untuk memperincikan dan membincangkan sesuatu yang sepenting ini, sepenting TPP. Ini akan melibatkan Malaysia dengan banyak permasalahan kemudian, kalau tidak kita kemukakan bahan-bahan atau maklum balas dalam pendirian berkait dengan perjanjian. Saya mohon Yang Berhormat Menteri tolonglah wujudkan dari segi ini ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ini isu baru ini.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tidak, tidak bukan isu baru. Saya bangkitkan sebenarnya dalam perbahasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Belum dinyatakan lagi oleh Yang Berhormat Menteri.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja berkaitan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi berhubung dengan Yang Berhormat Lembah Pantai, saya rasa yang terbaiknya kita bincang dalam *Select Committee* (Jawatankuasa Pilihan) yang kita akan bentuk pada 18 Julai nanti. Akan tetapi berhubung dengan permohonan tersebut, saya sudah bincang dengan Yang Berhormat Johor Bahru dan Yang Berhormat Johor Bahru pun telah ada keputusan. Biarlah keputusan itu Yang Berhormat Johor Bahru sampaikan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Ini kerana, sewajarnya kita kena rujuk kepada *Select Committee*. Akan tetapi kalau sekiranya Ahli Parlimen sendiri hendak pergi kepada satu-satu tempat pada kebanyakan orang bahawa Menteri Parlimen itu boleh mengeluarkan sesuatu surat untuk membolehkan mereka berbincang tajuk yang khusus tentang Parlimen...

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim [Arau]:** ...Di mana-mana tempat.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Yang Berhormat terima kasih. Saya hendak rujuk balik kepada kenyataan Yang Berhormat bahawa urusan kerajaan mempunyai keutamaan menurut Peraturan Mesyuarat 15(1). Sebenarnya Yang Berhormat Menteri itu yang kita minta supaya Peraturan Mesyuarat 15(1) itu dipinda supaya memberi keutamaan kepada urusan pembangkang pada beberapa hari seperti dipraktikkan di *Westminster [Dewan riu]* Tidak faham, ini tidak faham [Dewan riu] Seperti dipraktikkan di *Westminster* Yang Berhormat Menteri, 20 hari pembangkang diberi. *Twenty opposition days*. Di sini langsung tidak ada.

#### ■1820

Ini bermakna bahawa tidak ada peluang untuk Dewan ini menjadi satu Dewan di mana tindakan dan polisi kerajaan boleh bincang secara menyeluruh kerana tidak ada hari pembangkang. Saya juga ingin menambah sedikit bahawa tujuan Dewan Rakyat bukan sahaja untuk menggubal undang-undang-undang tetapi untuk bertindak sebagai satu Dewan di mana polisi dan tindakan kerajaan boleh bincang secara penuhnya...



**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** [Bangun]

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya bersetuju Yang Berhormat, mulakan dulu di Dewan Undangan Negeri Selangor. Kalau Selangor sudah mula, kita ikut.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tolong duduk saya belum habis, tolong duduk saya belum habis. Tolong duduk, tolong duduk saya belum habis.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pulau Pinang, mulakan Pulau Pinang dengan Selangor. Kalau sudah mula, kita ikut.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Tolong duduk, duduk, peraturan mesyuarat duduk, kena faham. Duduk.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mulakan! Mulakan Pulau Pinang dengan Selangor!

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Duduk, duduk saya belum habis. Apa la ini.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua saya ingat saya mahu panggil doktor masuk dalam ini suruh periksa darah Yang Berhormat ini. Saya tengok ada terbalik sedikit darah dia.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Itu yang saya sebut Yang Berhormat Menteri, hari pembangkang kalau ada perancangan untuk membuat hari pembangkang seperti diberi 20 hari. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Nampaknya kita masih bertenaga. Saya sengaja biarkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tapi saya bersetuju cadangan yang baik daripada pihak kerajaan tadi bahawa kita cuba tengok di Pulau Pinang dan Selangor, kalau sekiranya Pulau Pinang dan Selangor benarkan pembangkang diberi keutamaan, saya ingat kita boleh bawa benda ini untuk bincang dalam Dewan Rakyat.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai jawatankuasa pilihan Parlimen mengenai cadangan supaya perbahasan dilanjutkan untuk memberi peluang kepada Ahli Parlimen pembangkang mengemukakan dan membahaskan rang undang-undang bersendirian dan usul-usul termasuk usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Untuk makluman Yang Berhormat masa persidangan adalah seperti yang diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 12. Sebarang pindaan berkenaan dengan peraturan-peraturan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, *no problem*. Yang Berhormat Seputeh, hendak bertanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Yang Berhormat. Seorang duta luar negara cakap dengan saya, dia kata bagi dia bila ada Ahli Parlimen, ada *Congressman* daripada negara dia datang untuk menziarahi Parlimen, dia kata dia selalu menghadapi masalah untuk mengaturkan, siapakah Ahli Parlimen yang patut jumpa. Ahli Parlimen daripada luar negara atau negaranya ini. Dia kata di Parlimen mereka, dia ada jawatankuasa *committee on education, committee on foreign affairs* dan sebagainya. Jadi adalah lebih senang bagi dia untuk mengaturkan Ahli Parlimen dari luar negara itu di bawah *committee* yang berlainan itu untuk berjumpa dengan Ahli Parlimen di jawatan kuasa khas seperti ini, seperti ini di Parlimen kita dan dia menghadapi masalah.

Jadi saya hendak bagi satu cadangan, mungkin tiba masanya untuk kita tubuhkan jawatankuasa ini, jawatankuasa pendidikankah, luar negarakah atau lain, supaya kita boleh

memberi peluang kepada Ahli Parlimen kita ini menyertai dalam proses membuat keputusan atau pun dasar negara. Ini satu cadangan bagi Yang Berhormat.

Kedua ialah saya hendak Yang Berhormat, kita semua telah pun 'meringkuk' dalam Dewan ini sudah dua tahun. Ini tempat sepatutnya main badminton dulu, sekarang jadi satu Dewan. Sudah dua tahun kita berada di sini dan kita nampak di sebelah sana di bangunan yang asal itu, apa yang berlaku dekat sana? Sudah dua tahun, baru sahaja bumbung dinaikkan dan bila kita boleh pindah balik? Saya rasa kita agak tidak begitu baik bagi Parlimen kita bila kita ada *dignitary* pelawat, *head of state* dari luar negara datang ke Parlimen, mereka masuk Parlimen, ini yang paling kecil di seluruh dunia. Bukan gaji yang paling rendah. Jadi saya rasa kita, kalau kita lihat pemaju luar, dua tahun cukup bagi mereka menaikkan kondominium tetapi apa yang berlaku kepada kontraktor kita ini?

**Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum [Kubang Pasu]:** Sesuai dengan gaji.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Fasa 1A baik pulih dan naik taraf Bangunan Parlimen, Dewan Serba Guna, dan untuk dijadikan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, ini sudah siap sudah. Sekarang ini Fasa 2A, baik pulih *panel facade* dan bumbung *panicle*, Blok Utama dan Blok Menara. Ini akan siap dalam bulan September atau Oktober nanti. Fasa 2B,...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi Yang Berhormat, apabila sudah siap kita boleh pindahkan Dewan yang baru. Atau bila agaknya kita pindah? Betul saya setuju dengan Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, bagus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau boleh kontraktor itu dikerahkan siang malam untuk membina, menyiapkan bangunan ini. Sebab ini bangunan penting menentukan masa depan negara.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat, kenapa peraturan berbeza untuk Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dalam perkara ini saya bersetuju sama dia, lain perkara saya tidak bersetuju.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, ya. Ini Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, saya nasihatkan sama ada Barisan Nasional sebelah kanan saya, sebelah kiri saya ikutlah peraturan mesyuarat, nanti saya di anggap berbeza-beza. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, fasa 2B baik pulih dan naik taraf blok utama serta kerja-kerja berkaitan. Anggaran kos RM148 juta. Yang ini kita akan mulakan pembinaan pada bulan Oktober nanti. Fasa 2C baik pulih blok menara, yang ini menara yang Ketua Pembangkang pun ada sana, saya pun ada sana. Ini akan siap pada tahun 2016, ini program tahun 2016, hendak pilihan raya pula baru siap.

Fasa 4 pembinaan blok baru Ahli Parlimen dan pentadbiran, termasuklah Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Seputeh ya. Dengan 550 tempat letak kenderaan. Anggaran kos RM248 juta. Ini bangunan sebelah ini, bangunan empat tingkat di atas dan dua tingkat di bawah untuk parkir. Jadi kalau ikut program ini, semua akan disiapkan pada akhir tahun 2016, menara pula akan siap akhir tahun 2016. Jadi permintaan saya kepada Menteri JKR, dia akan pertimbangkan supaya kita awalkan. Awalkan boleh tetapi ia akan melibatkan kos. Jadi kalau melibatkan kos, Parlimen ini kena ambil maklum bahawa kalau melibatkan kos kita kena terima hakikat, kalau kita hendak awal, ia melibatkan kos. Kita boleh kerja 24 jam tiada masalah tetapi kontraktor sudah pasti akan mengenakan cas-cas tertentu.

*Pre-Q* telah pun dipanggil untuk bangunan blok fasa 2B, tetapi fasa ini tender belum di panggil lagi. Tender akan dipanggil mungkin dalam bulan Oktober ataupun November nanti. Jadi kita telah minta semua kerja ini dibuat serentak supaya ia boleh disiapkan pada akhir tahun 2015.

Mengenai cadangan Peraturan Mesyuarat 41, 44, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dikaji semula supaya Ahli-ahli Parlimen dapat membuat pemilihan Yang di-Pertua Dewan Rakyat dengan sulit dan telus. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini kaedah memilih Tuan Yang di-Pertua adalah seperti yang

diperuntukkan oleh Peraturan Mesyuarat 4. Sebarang pindaan berkaitan peraturan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat, dia tidak ada masalah, dia terbuka.

Pembangking jangan ingat bahawa yang ini semua kerajaan yang kontrol, tidak. Sebab sekarang ini jawatankuasa, pada zaman saya, pembangking cuma seorang sahaja. Sekarang ini kita ada dalam bentuk 6:4 iaitu enam Barisan Nasional dan empat pembangking. Jawatankuasa pilihan, *Select Committee* kita akan usul pada 18 Julai yang sudah pasti melibatkan Ketua Pembangking dan juga lain-lain orang. Jawatankuasa ini, kita akan pilih dua jawatankuasa dahulu iaitu jawatankuasa PAC dan Jawatankuasa Pemilih. Jawatankuasa Pemilih itu akan melantik jawatankuasa-jawatankuasa yang lain. Ini tidak ada masalah, wakil pembangking ada di sana, kemudian wakil Barisan Nasional boleh berbincang, yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Mengenai cadangan ahli-ahli jawatankuasa khas dan tetap Parlimen serta PAC haruslah bermesyuarat tiga kali setahun. Ia tidak ada masalah. Ini mengikut keperluan, kalau sekiranya mereka hendak empat kali, atau lima kali mereka yang tetapkan, jadi ini tidak ada masalah. Ini kita minta sekurang-kurangnya tiga kali setahun tetapi kalau mereka memikirkan perlu dibuat lebih daripada itu, terpulang kepada jawatankuasa yang berkenaan.

Mengenai saranan agar Ahli-ahli Parlimen ditadbir secara bebas oleh pejabat Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang di-Pertua Dewan Rakyat adalah bertanggungjawab dalam urusan dan perjalanan Dewan Rakyat yang mana ia tertakluk kepada Perlembagaan Persekutuan, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan juga konvensyen yang berkaitan. Oleh yang demikian Yang di-Pertua hanya dipandu dan bertindak di bawah peruntukan undang-undang dan konvensyen yang telah dinyatakan.

#### ■1830

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Mengenai Sesi Soalan Jawab Lisan dihadkan kepada 35 saat setiap soalan seperti yang diamalkan di Parlimen Kanada. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan jawab-lisan adalah seperti yang terkandung dalam Peraturan Mesyuarat 24(5). Sebarang pindaan kepada peraturan ini boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat. Ya...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Seputeh.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, sila Yang Berhormat Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Negeri Selangor menawarkan yang Pengerusi PAC itu kepada Ketua Pembangking di Selangor. Jadi, boleh saya cadangkan yang pihak kerajaan juga menawarkan Pengerusi PAC ini kepada Ketua Pembangking Parlimen?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Usul ini rahsia sehingga hari Khamis depan. Sekarang saya hendak beritahu pun tidak boleh. Jadi rahsia. Kita akan dengar. Sudah pasti akan ada kehadiran pembangking dan juga Barisan Nasional sekali. Akan tetapi kita akan buat usul cuma untuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi sahaja. Kemudian Ahli-ahli yang lain akan diputuskan kelak.

Sudah habis tentang Parlimen. Sekarang ini saya mengucapkan terima kasih kepada lapan orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu berkaitan dengan ICU iaitu Yang Berhormat Temerloh, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Tanjong, Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Yang Berhormat Kubang Kerian.

Berkenaan dengan isu mengenai peranan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, fungsi Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) adalah sama dengan fungsi Pejabat Kemajuan Negeri. Fungsi-fungsi dan peranan JPP dan Pejabat Kemajuan Negeri adalah seperti yang telah Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum dan yang dimaklumkan dari semasa ke semasa. Rasanya tidak perlu untuk kita menukarkan, memansuhkan JPP kerana ia berfungsi seperti Pejabat Kemajuan Negeri di negeri-negeri yang lain. Cuma nama berlainan tetapi tugasnya sama seperti negeri-negeri yang lain.

Seterusnya mengenai isu peruntukan Ahli Parlimen untuk membangunkan kawasan Parlimennya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri disediakan bagi semua kawasan Parlimen di seluruh negeri. Peruntukan ini tidak diserahkan kepada Ahli Parlimen dan diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan atau Pejabat Pembangunan Negeri mengikut struktur sedia ada melalui penyelarasan dengan pemimpin tempatan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekarang ini ada Yang Berhormat bertanya apakah borang yang mereka boleh isi. Saya ingat borang yang besar ialah borang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ataupun Menteri-menteri yang berkaitan ataupun Menteri Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan peruntukan kepada kawasan Parlimen yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Menteri. Pemahaman saya dan saya rela dibetulkan kalau salah, untuk Barisan Nasional ada sistem melantik penyelarar Parlimen. Di kawasan Subang pun dilantik seorang untuk memainkan peranan itu dalam jawatan itu. Semua keputusan berkaitan dengan perbelanjaan peruntukan ini kepada kawasan Parlimen dibuat oleh penyelarar tersebut. Jadi, kalau itu betul, itu bermaksud Ahli Parlimen yang dipilih oleh rakyat untuk kawasan itu khususnya daripada Pakatan Rakyat tidak dapat apa-apa manfaat, tidak dapat membuat keputusan tentang perbelanjaan peruntukan itu. Inilah yang tidak adil.

Jadi, kita sudah mencadangkan iaitu peruntukan itu memang mesti dibahagi sama rata kepada semua dan keputusan tentang cara perbelanjaan itu dibuat oleh Ahli Parlimen baik daripada kerajaan ataupun pembangkang yang dipilih oleh rakyat di kawasan itu. Inilah prinsip yang diamalkan di negara-negara lain yang betul-betul adil, melakukan yang adil kepada semua wakil rakyat. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan bersedia untuk melakukan itu dan saya yakin kerajaan-kerajaan di negeri Pakatan Rakyat pun sanggup memberi aku janji kita melakukan yang sama. *[Dewan riuh]* Akan tetapi kita tunggu apakah pendirian daripada Barisan Nasional dahulu. Minta penjelasan.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Boleh satu? Isu yang sama. Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Isu yang sama, isu-isu yang sama.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Isu yang sama?

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Ya.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, *sorry*.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tadi Yang Berhormat Subang ini dari Selangor. Dia kata lihat dalam dunia. Saya ingat Yang Berhormat Subang pergi balik *check* dekat Selangor. Selangor pun ia juga pakai penyelarar, penyelarar Permatang. Dia punya peruntukan lebih banyak daripada ADUN Permatang. Mana adilnya? Jadi, sebab itu

saya kata Yang Berhormat Subang, Selangor, jangan lihat dunialah. *You* lihat, *you* balik negeri Selangor, adakah Selangor buat seperti mana Yang Berhormat cakap? [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta sekejap sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, beri laluan atau tidak?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** 20 saat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap. Saya hendak jawab ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri tidak beri laluan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya jawab Yang Berhormat. Pertama sekali, sebagai wakil rakyat, kita berkehendakkan projek itu dilaksanakan di kawasan kita. Kita tidak kiralah siapa yang melaksanakan, itu nombor dua. Akan tetapi nombor satu, kita tidak pernah bercakap pasal kontraktor kah ataupun orang yang beri projek. Kita cakap pasal projek itu sendiri contohnya longkang. Kita sebut longkang. Kita tidak sebut yang lain. Jadi sekarang apabila tiba-tiba longkang sedia ada, itu keadilan. Akan tetapi kalau sekiranya dia minta longkang kita beri sungai, itu tidak adillah. [*Ketawa*] Sebagai contoh. Keadilan di sini, Yang Berhormat patut berterima kasih sebab sekurang-kurangnya tanpa pegawai khas ataupun pembantu, kerajaan tiba-tiba beri seorang pegawai untuk tolong Yang Berhormat. Itu sesuatu yang cukup bermakna walaupun Yang Berhormat pembangkang tiba-tiba projek berjalan. Kami yang Barisan Nasional ini belum tentu lagi. Akan tetapi Yang Berhormat sudah *confirm* ada pegawai tolong lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Bangun*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tanpa *research officer* yang dibayar oleh Yang Berhormat, kerajaan tolong. Itu patut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan. Itulah keadilan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan terima kasih...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** ...Memberikan laluan. Ini bukan sahaja berkaitan dengan longkang dan sebagainya. Peruntukan ini kita tahu, digunakan untuk banyak program kemasyarakatan susulan daripada mengikut permintaan daripada persatuan penduduk, jawatankuasa kampung dan macam-macam badan-badan yang akan datang untuk meminta bantuan itu. Ini bukan sahaja dengan longkang dan infrastruktur. Infrastruktur itu lain. So, isunya ialah isu yang sama, keputusan beri kepada siapa dan semua dibuat oleh siapa? Inilah yang saya sudah cadangkan, ini perlu dibuat oleh Ahli Parlimen atau wakil rakyat untuk kawasan itu, baik daripada kerajaan ataupun pembangkang. Kita sedia, kerajaan negeri pun sedia untuk mengamalkan tetapi kita minta pengesahan daripada pihak kerajaan sama ada kerajaan kali ini sanggup melakukan apa yang adil iaitu beri peruntukan itu kepada wakil rakyat dan beri kuasa untuk menentukan macam mana peruntukan itu dibelanjakan. Itu permintaan kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Subang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya berterima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga menjawab Yang Berhormat Tanjong Karang tadi sebab ini perlu dijelaskan elok-elok. Pertama sekali, kalau sekiranya kerajaan negeri pembangkang hendak beri sama di

antara wakil-wakil rakyat, kita mengalu-alukan. Itu satu benda yang cukup seronok untuk kita lihat tetapi apa yang berlaku di Selangor, Yang Berhormat Tanjong Karang telah sebut bahawa hanya pembangkang sahaja yang membelanjakan wang peruntukan masing-masing.

Akan tetapi kita perlu ingat, wang yang dibelanjakan itu tidak menjamin undi. Itu sebab baru-baru ini saya terkejut melihat bagaimana kehadiran pembangkang yang begitu ramai, padahal semua projek, program dibuat oleh kerajaan. Kita beri ibu tunggal, katalah kita buat program ibu tunggal tetapi ibu tunggal..., saya tidak sebut duit, ya. Ini bahasa Perlis sedikit sebab saya perlu sesuaikan diri saya dengan bahasa sini. Kita semua beri program, projek kita beri tetapi undi kita tidak dapat. Yang Berhormat patut berterima kasih itu sebab Yang Berhormat berjaya mengubah persepsi rakyat bahawa orang yang tolong itu tidak perlu ucap terima kasih. Jadi tiba-tiba Yang Berhormat yang tidak buat kerja macam kami dapat undi [*Tepuk*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [*Ketawa*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini sudah bagus. Tepuk tangan, ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini minta penjelasan, apa maksud tidak buat kerja ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tanpa buat kerja, tiba-tiba kita dapat undi. Saya beri contoh, ada dua tiga kawasan yang saya tahu yang kerajaan telah belanja, macam Kelantan, kerajaan belanja begitu banyak. Belanja begitu banyak tetapi tidak dapat undi. Jadi Yang Berhormat patut ucap terima kasih, kerajaan tolong beri keadilan, lantik pegawai, lantik Jawatankuasa Pembangunan Persekutuan di Kelantan, undi dapat kepada pembangkang. Patut ucap terima kasih. Kalau sekiranya sistem lain diubah, mungkin pembangkang tidak dapat undi. Jadi pembangkang dapat undi kerana orang mengundi sekarang berdasarkan persepsi. [*Ketawa*] Akan tetapi mungkin selepas ini orang berubah, Allah SWT mengubah hati-hati insan yang sentiasa berdoa kepada-Nya, semoga berubah dan menjadi manusia yang lebih bersyukur. Bukan saya hendak kira undi. Undi hendak beri tetapi kalau boleh beri kepada Barisan Nasional. Undi pun hendak beri kepada sesiapa pun okey...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi biarlah dia menjadi manusia yang bersyukur.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Panjang lagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Oh! Saya ada dua fasa Tuan Yang di-Pertua. Ini jawab tentang jabatan-jabatan lain di Jabatan Perdana Menteri tetapi benda yang besar yang ditunggu oleh semua orang ialah pasal SPR. Itu masuk tajuk khas yang saya akan bawa selepas habis yang lain. Akan tetapi saya akan pendekkan yang lain dan kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua hendak arahkan saya supaya saya menjawab secara bertulis, saya boleh jawab bertulis kepada persoalan-persoalan yang ditimbulkan terutamanya mengenai APMM.

#### ■1840

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak boleh, ini hal penting, hal Dewan Rakyat kena jawab.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Oh, kena jawab. Jadi arahan Yang Berhormat Kinabatangan kena ikut, kalau tidak susah ya. [*Ketawa*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ada atau tidak? Okey terima kasih.

Mengenai kajian ICU supaya dikaji semula, saya ingat saya telah menjawab tadi bahawa betapa pentingnya peranan ICU. ICU bukan sahaja mengagihkan projek-projek kecil ini tetapi ICU terlibat dalam penyelarasan projek-projek.

Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua macam ICU memberi maklumat kepada kita bahawa projek-projek di Kelantan. Di Kelantan kita sediakan projek sekian banyak, ICU

yang selaraskan. Oleh sebab kalau kita tidak ada penyelarar, kita akan susah sebab semua jabatan akan belanja dan kita tidak tahu siapa yang boleh selaraskan dari segi pengambilan tapak, pelaksanaan projek dan sebagainya. Jadi kehadiran ICU adalah sangat penting, malah kalau hendak memperbesarkan ICU ini lagi penting.

Saya bersyukur sebab saya merasai atau mendengar pada masa itu saya *student* lagi pada zaman Tun Razak, ICU ini merupakan satu badan yang cukup penting dan gambar-gambar yang kita tengok Allahyarham Tun Razak turun tangga berjalan ke kampung, itu ialah hasil peranan ICU dan sekarang ini diikuti dengan hebatnya oleh Perdana Menteri sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA) iaitu Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Bukit Gantang, Yang Berhormat Kubang Pasu, Yang Berhormat Bentong, Yang Berhormat Tanjung Piai, Yang Berhormat Ayer Hitam dan juga Yang Berhormat Tanjong.

Berkenaan dengan umur persaraan terutama wanita dikaji mengikut kesesuaian dan juga sektor pekerjaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar-dasar kerajaan berkaitan dengan persaraan, dan faedah persaraan termasuk umur persaraan wajib memang dikaji dari masa ke semasa untuk mengambil kira keadaan yang berubah-ubah berkaitan dengan keperluan sumber manusia sektor awam.

Kajian yang dimaksudkan melibatkan semua pihak yang berkepentingan iaitu yang mengambil kira keperluan hal-hal seperti peluang pekerjaan bagi generasi muda serta kos membayar faedah persaraan kepada pesara kerajaan. Selain daripada itu, pegawai-pegawai yang mempunyai masalah kesihatan sehingga menjejaskan prestasi perkhidmatan, kerajaan boleh menghendaki mana-mana pegawai dibersarakan atas sebab kesihatan.

Selain daripada itu semua pegawai kerajaan boleh memohon untuk bersara pilihan pada bila-bila masa apabila mencapai umur 40 tahun dan 10 tahun perkhidmatan sekiranya ingin menerima ganjaran dan juga pencen. Mengenai saranan agar kerajaan meletakkan tugas membasmi dadah sebagai agenda penting dalam senarai tugas pegawai daerah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pegawai daerah selaku ketua daerah adalah bertanggungjawab dalam pembangunan daerah dan hal ehwal tanah.

Beliau juga menyelaraskan semua kegiatan agensi Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam usaha membangunkan daerah masing-masing dan menyejajarkan semua program Kerajaan Persekutuan dan negeri di peringkat daerah. Antara lain tugas pegawai daerah adalah termasuk mengetuai dan menangani masalah dadah di peringkat daerah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Ahli Yang Berhormat supaya penjawat awam lebih fokus untuk menyelesaikan masalah rakyat. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memastikan bahawa perkhidmatan awam dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Bagi meneruskan momentum transformasi dalam usaha memantapkan penyampaian perkhidmatan, kerajaan telah memperkenalkan enam prinsip utama iaitu cepat, tepat, integriti, produktiviti, kreativiti dan inovasi atau sinonimnya dikenali sebagai CTI-PCI. Prinsip-prinsip ini perlu dihayati dan dibudayakan oleh semua peringkat penjawat awam untuk lebih fokus dan berinovatif serta sentiasa mencetuskan idea-idea baru yang lebih bernas dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Seterusnya berkenaan dengan cadangan agar kerajaan beri peluang sewajarnya kepada bukan bumiputera dalam urusan kenaikan pangkat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kenaikan pangkat dalam sektor perkhidmatan awam adalah berdasarkan merit dan tidak terikat untuk memenuhi sebarang kuota kaum. Ini bagi memastikan pegawai kenaikan pangkat dalam perkhidmatan awam adalah terdiri daripada pegawai yang kompeten dan berkelayakan. Asas pertimbangan merit mengambil kira kriteria-kriteria seperti berikut:

- (i) kecekapan dan prestasi kerja pegawai;
- (ii) kelayakan, pengetahuan, kemahiran dan juga pengalaman; dan
- (iii) sifat-sifat peribadi termasuk disiplin, integriti, bebas, tiada tindakan tatatertib, keupayaan, potensi kepimpinan serta kesesuaian penempatan pegawai; dan
- (iv) kegiatan luar; dan
- (v) sumbangan pegawai itu kepada negara dan masyarakat.

Jadi makna kata, kalau di sekolah dipanggil kokurikulum. Jadi pegawai juga mesti terlibat dengan sumbangan mereka di dalam masyarakat dan ini dimasukkan di dalam senarai kenaikan pangkat.

Mengenai isu biasiswa diberikan kepada pelajar bukan bumiputera bagi melanjutkan pelajaran di dalam dan luar negara dan seterusnya mengambil mereka bekerja dalam pemerintahan awam setelah tamat pengajian. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa ini pemberian biasiswa kerajaan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil kira pelajar dari kaum bumiputera dan juga bukan bumiputera yang cemerlang bagi melanjutkan pengajian di dalam dan juga luar negara. Saya telah membuat jawapan bertulis kepada soalan yang telah ditimbulkan.

Bagi menjawab isu mengenai pengiktirafan dengan izin, *Unified Examination Certification* (UEC). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, proses penilaian dan pengiktirafan kelayakan oleh kerajaan adalah bagi maksud pelantikan ke dalam perkhidmatan awam. Pengiktirafan ini merangkumi kelayakan di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda yang ditawarkan di institusi pengajian tinggi dalam dan juga luar negara.

Kerajaan berpendirian bahawa untuk UEC diiktiraf sebagai kelayakan untuk memasuki perkhidmatan awam, keperluan berikut mestilah dipenuhi oleh *Malaysian Independent Chinese Secondary School* (MICSS) sebagai pengelola UEC. Di antaranya termasuklah mematuhi dasar pelajaran kebangsaan, kokurikulum UEC mestilah sama dengan kokurikulum kebangsaan, murid yang mengambil UEC wajib memperoleh keputusan kredit dalam tatabahasa Malaysia pada peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, piawaian dan kawalan di atas peperiksaan hendaklah sama dengan piawaian sistem peperiksaan kebangsaan.

Pelaksanaan UEC melalui sekolah menengah kebangsaan Cina perlulah selaras dengan arus perdana dengan pendidikan negara ini yang bukan sahaja menekankan aspek kejadian murid yang diukur oleh penaksiran sahaja tetapi juga memastikan proses integrasi nasional berlaku di peringkat pendidikan menengah. Kerajaan berkeyakinan sekolah merupakan platform terbaik bagi murid-murid sekolah ini untuk menyemai dan menghayati nilai-nilai perpaduan dan toleransi selaras dengan Aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, seramai tiga ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu-isu Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) berkenaan dengan saranan agar APMM diletakkan di bawah Kementerian Pertahanan. Untuk makluman Yang Berhormat, tugas-tugas APMM lebih mirip dengan tugas polis di mana agensi melaksanakan penguatkuasaan undang-undang Malaysia di perairan maritim Malaysia sehingga 200 batu nautika, zon ekonomi eksklusif Malaysia (EEZ).

Oleh itu dengan pelantikan *sole agency* bertanggungjawab di perairan maritim Malaysia. Pada tahun 2008, APMM juga bertanggungjawab untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan undang-undang dari pelbagai agensi seperti Jabatan Perikanan, Kastam, Jabatan Laut, Jabatan Alam Sekitar dan juga Jabatan Imigresen. Oleh itu jika JPMM di bawah Kementerian Pertahanan, ianya kurang sesuai kerana tugas APMM lebih menjaga keselamatan dalam negara, perairan maritim Malaysia dan bukannya menjaga kedaulatan negara iaitu tugas-tugas ketenteraan.

Mengenai isu tahap keselamatan kawasan perairan pantai yang mudah diceroboh masuk oleh warga asing atau pengganas dan ingin penjelasan mengenai keperluan pembelian radar bagi mengawasi persisiran serta peralatan ketenteraan sebagai langkah untuk menjaga keselamatan negara. Untuk makluman Yang Berhormat, keselamatan perairan negara, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, APMM telah mewujudkan



lapan sektor rondaan di perairan timur Sabah. Semua sektor ini dikawal dan dipantau sepanjang masa dengan rondaan berkala oleh tujuh buah kapal maritim, tujuh buah bot maritim dan sebuah pesawat udara APMM.

Operasi rondaan maritim ini dilaksanakan bersama-sama aset TLDM dan TUDM. Jumlah rondaan hari di laut APMM dari 1 Februari hingga 30 Jun 2013 ialah 1,502 hari. Sepanjang tempoh tersebut, APMM telah membuat 2,313 pemeriksaan dan melibatkan 68 kes tangkapan. Sejumlah 33 kes tangkapan adalah melibatkan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) seramai 168 orang.

Seterusnya pembinaan sistem pengawasan laut Sabah adalah sebahagian daripada program jangka panjang APMM. Jadi ada Yang Berhormat telah sebutkan bahawa berlaku penyeludupan dan sebagainya. Saya ingat dia kes-kes tertentu, dia tidak boleh kerana kes itu kita terus hendak tukar APMM mesti masuk bawah kementerian lain dan sebagainya.

#### ■1850

Kes tertentu, khusus, kita rujuk kepada APMM dan kita akan ambil tindakan. Malah apa yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat dalam Parlimen ini APMM telah ambil tindakan untuk membuat penguatkuasaan di sempadan Sabah dan juga Indonesia. Mengenai cadangan penempatan pangkalan logistik APMM di tempatkan di Lahad Datu dengan dilengkapi kelengkapan helikopter, bot laju dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, APMM memang memerlukan tapak bagi pangkalan APMM di Lahad Datu. Ini adalah bagi meningkatkan keupayaan APMM dalam melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan serta mencari dan menyelamatkan. APMM pada ketika ini masih dalam proses untuk mengenal pasti tapak yang sesuai.

Saya mengucapkan terima kasih kepada lima Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Majlis Keselamatan Negara iaitu Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Putatan, Yang Berhormat Ampang, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Kota Bharu. Mengenai cadangan bahawa ESSCOM wajar ditempatkan di seluruh kepulauan negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, unjuran zon selamat Sabah Timur atau, dengan izin, *Eastern Sabah Safety Zone* (ESSZONE) di kawasan Timur Sabah merangkumi sepuluh daerah iaitu Kudat, Marudu, Pitas, Beluran, Sandakan, Kinabatangan, Lahad Datu, Kunak, Semporna dan Tawau adalah diasaskan di bawah Ordinan Pemeliharaan Keselamatan Awam 1962. Zon ini diwujudkan bagi mengukuhkan keselamatan, ketenteraman awam dan kesejahteraan di kawasan timur Sabah. Pusat pemerintah ESSZONE terletak di Lahad Datu, Sabah dan ESSCOM ialah agensi yang mengelolakan ESSZONE tadi. Penubuhan zon ini adalah atas keperluan keselamatan semasa yang lebih mendesak dan tertumpu kepada kawasan timur Sabah.

Berhubung dengan soalan bahawa apakah dengan penubuhan ESSCOM ini Sabah selamat. Jadi, kita sudah maklumkan bahawa penubuhan ESSCOM ini ialah untuk menghadapi ancaman-ancaman luar dan berhubung dengan jenayah ianya adalah dalam Sabah. Jenayah itu ialah Kementerian Dalam Negeri yang akan mengambil tindakan untuk mengurangkan jenayah dari semasa ke semasa.

Mengenai pemakaian garis panduan bencana yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara, ini telah pun dijawab oleh Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan kehadiran MKN dalam hal ini adalah untuk sama-sama terlibat dan juga mengisytiharkan darurat. Sekiranya bacaan indeks pencemaran udara melebihi bacaan 500 dalam tempoh lapan jam secara berterusan, MKN akan menasihati Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengisytiharkan darurat bencana jerebu. Pengisytiharan darurat ini akan ditamatkan setelah IPU di kawasan terbabit kembali pulih.

Semasa kita mengangkat sumpah dahulu kita melihat jerebu telah melanda negara ini dan juga Parlimen. Akan tetapi kita lihat Yang Berhormat Pembangkang dan juga sebahagian daripada orang yang hadir di Padang Merbok berani menghadapi jerebu. Saya menunggu IPU itu 500 untuk mengisytiharkan darurat tapi IPU tidak naik 500. Ia cuma

dekat 200 tetapi kita lihat berlaku keadaan di mana sekolah-sekolah ditutup walaupun IPU dalam 200. Akan tetapi kita kena ingat bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah maklum bahawa sesiapa yang tidak mahu anaknya tidak mahu pergi ke sekolah boleh berbuat demikian walaupun sekolah belum ditutup. Sekiranya mereka memikirkan bahawa keadaan jerebu mungkin berlainan. Mungkin di rumahnya jerebu nampak kuat, tempat lain kurang dan sebagainya. Itu terpulang. Ini kelonggaran yang telah diberi oleh pihak kerajaan kepada semua pihak yang terlibat dengan jerebu.

Mengenai cadangan agar kerajaan mengambil satu pendekatan efektif terhadap pelarian Rohingya di Ampang agar dapat dikawal dengan sistematik. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak mengiktiraf status pelarian memandangkan Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan juga Protokol 1967. Di kalangan 147 negara ahli, hanya *Cambodia* dan *Philippine* merupakan negara ASEAN yang telah menjadi negara ahli kepada konvensyen dan juga protokol ini. Kita telah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menyelesaikan masalah Rohingya ini terutamanya perhatian diberikan kepada mereka yang memegang kad *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR).

Mengenai pertanyaan berkenaan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri di negeri pembangkang. Saya rasa ini telah pun kita jawab tadi. Maaf, ini JKKN. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut peruntukan Perlembagaan Persekutuan, Malaysia iaitu pembahagian kuasa yang jelas tertulis iaitu yang tertulis di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Dalam Jadual Kesembilan terdapat tiga senarai iaitu Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan juga Senarai Bersama. Perkara berhubung dengan keselamatan dalam negeri terletak di bawah bidang kuasa Senarai Persekutuan. Sehubungan itu, tidak timbul isu negeri pembangkang dianaktirikan kerana Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) adalah satu jawatankuasa yang membincang masalah-masalah yang berkaitan dengan keselamatan dalam negeri yang melihat kepada keselamatan sesebuah negara secara keseluruhan. Apa-apa keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri diambil tindakan sewajarnya untuk kepentingan keselamatan negeri dan keselamatan negara keseluruhannya.

Berhubung dengan PR1MA, tadi kementerian telah menjawab, dan saya ingin menyentuh perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Labis, Yang Berhormat Tanjong dan juga Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih. Langkah-langkah kerajaan untuk menyelesaikan masalah penjawat awam berpendapatan bawah RM3,000, tetapi masih tidak mampu membeli rumah PR1MA.

Tuan Yang di-Pertua... merasakan kekeringan rengkung, saya kena memperlahankan balik enjin saya. *[Ketawa]*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan perumahan golongan berpendapatan rendah yang mempunyai pendapatan bulanan bawah RM2,500 sebulan ditangani oleh Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Mersing dan juga kerajaan-kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, tidak ada program yang sedia ada bagi mereka dalam golongan berpendapatan sederhana iaitu di antara RM2,500 hingga RM3,500. Golongan ini juga tidak layak membeli rumah-rumah yang dikhaskan untuk golongan berpendapatan rendah dan tidak mampu membeli rumah-rumah di pasaran. Oleh yang demikian, rumah-rumah PR1MA adalah terbuka kepada semua individu atau keluarga, suami dan isteri dengan pendapatan purata bulanan isi rumah di antara RM2,500 hingga RM3,500. Harga rumah yang ditawarkan adalah di antara RM100,000 dan juga RM400,000. Ia tertakluk kepada lokasi, jenis rumah dan juga spesifikasi yang telah dijawab dengan panjang lebar tadi.

Berhubung dengan agar projek perumahan PR1MA dibangunkan di kawasan Parlimen Kuala Selangor. Seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa perhatian diberikan kepada kawasan bandar dan juga kawasan pinggir bandar. Walau bagaimanapun, sekiranya ada permohonan khusus daripada pihak Kuala Selangor, saya ingat benda ini boleh dibincangkan dengan pihak PR1MA. Seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat membangkitkan isu-isu am dan pentadbiran Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Penampang, Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Bukit Bendera dan Yang Berhormat Lenggong. Terima kasih di atas semua.

Berkenaan dengan cadangan agar Tadau Kaamatan diumumkan sebagai cuti umum nasional. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan tidak berhasrat untuk

menambah bilangan hari kelepasan am yang ada sekarang iaitu 13 hingga 14 hari bagi hari kelepasan am persekutuan, manakala hari kelepasan negeri-negeri antara tiga hingga lima hari. Ini menjadikan jumlah hari kelepasan am yang dinikmati di negeri-negeri termasuk Wilayah Persekutuan adalah antara 17 hingga 19 hari. Berkenaan dengan cadangan agar diadakan pemilihan Ahli Dewan Negara melalui penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk mengkaji kaedah melantik Ahli Dewan Negara.

#### ■1900

Untuk makluman Yang Berhormat, seksyen 2, Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] memperuntukkan bahawa Yang Dipertuan Agong boleh mengeluarkan sesuatu tauliah melantik pesuruhjaya untuk menyiasat kelakuan pegawai persekutuan, perjalanan atau pengurusan mana-mana Jabatan Perkhidmatan Awam atau institusi awam atau perkara lain yang saya tanya pada pendapat Yang di-Pertuan Agong berfaedah bagi kebajikan awam tetapi tidak melibatkan agama Islam, adat Melayu atau bagi Sabah dan Sarawak, perkara-perkara yang dinyatakan dalam Perkara 10, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Dewan Negara merupakan salah satu badan perundangan persekutuan menurut Perkara 44, Perlembagaan Persekutuan. Kaedah pemilihan dan pelantikan Ahli Dewan Negara bukanlah satu perkara yang memerlukan sesuatu Suruhanjaya Siasatan kerana kaedah pemilihan dan pelantikan tersebut telah pun ditetapkan secara jelas di bawah Perkara 45, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, apa-apa perubahan berhubung dengan keanggotaan Dewan Negara perlu dibuat melalui pindaan Perlembagaan Persekutuan. Jika perubahan melibatkan penambahan bilangan Ahli Dewan Negara yang dipilih bagi setiap negeri, perubahan kaedah pemilihan Ahli bagi setiap negeri kepada pemilihan melalui undi terus atau pengurangan atau pemansuhan Ahli yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Perubahan sedemikian boleh dibuat melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Parlimen menurut kuasa yang diberikan di bawah Perkara 45(4), Perlembagaan Persekutuan. Keberkesanan Dewan Negara tidak bergantung semata-mata kepada kaedah pemilihan dan pelantikan Ahli-ahlinya kerana Ahli-ahli Dewan Negara melaksanakan fungsinya selaras dengan sumpah yang diangkat mengikut Jadual Keenam Perlembagaan Persekutuan iaitu dengan menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu dalam melaksanakan peranannya, sudah tentu kepentingan rakyat termasuk golongan minoriti dan negara serta kedaulatan undang-undang diberi keutamaan.

Mengenai penjelasan peruntukan Jabatan Perdana Menteri adalah RM14.6 bilion berbanding dengan Parlimen Malaysia hanya menerima RM82 juta. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan Jabatan Perdana Menteri B.06 meliputi peruntukan perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM5.56 bilion yang melibatkan 57 agensi di bawah JPM dan peruntukan belanja pembangunan yang berjumlah RM9.06 bilion yang melibatkan 21 agensi di bawah JPM. Manakala peruntukan Parlimen Malaysia hanya meliputi belanja mengurus RM82 juta, hanya agensi Parlimen sahaja.

Mengenai isu kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Parlimen untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan oleh beliau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai jadual yang padat yang melibatkan mesyuarat dan perjumpaan yang telah diatur demi kepentingan negara. Selain daripada itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga berada di luar negara pada persidangan Parlimen sesi ini kerana mengetuai delegasi negara ke Tanzania dan juga United Kingdom. Walau bagaimanapun, di sebalik kesibukan jadual Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau turut mengikuti perbahasan Parlimen dan mengambil maklum mengenai pertanyaan-pertanyaan yang dibahaskan iaitu melalui iPad yang telah diberi kepadanya dan dia mengikuti sepenuhnya.

Jadi Yang Berhormat Ketua Pembangkang, dia pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri, dia pun jarang juga hadir ke Parlimen bukan selalu sebab masa itu saya Ahli Parlimen, saya boleh mengesahkannya...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mengenai isu...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Boleh *check* rekod Yang Berhormat, boleh *check* rekod saya selepas bentang bajet, tidak pernah tidak hadir bila Ketua Pembangkang ulas, boleh *check* rekod.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, dari Bakri, tambah sedikit. Di belakang sini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Oh, jauhnya.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada Bakri. Di sini saya hendak tanya Menteri, dalam sistem *Westminster* sekarang, Perdana Menteri akan menjawab kepada soalan-soalan yang dibangkitkan dalam satu sesi khas pada setiap hari Rabu jam 5 petang. Semasa kita sebut transformasi, adakah langkah-langkah diambil untuk melaksanakan sesi tersebut supaya Perdana Menteri boleh menjawab sendiri mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri, dan bukan menunggu tujuh orang Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pertama, Ketua Pembangkang yang pernah menjadi Timbalan Perdana Menteri, betul tetapi bukanlah pada hari-hari perbahasan ini bukan bajet, perbahasan begini dia hadir semua. Dia pun sibuk, cukup sibuk. Dia rajin bekerja, dia sibuk. Kesibukannya itu menyebabkan dia tidak dapat hadir...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak jawab dulu Yang Berhormat Bakri. Yang Berhormat Bakri, kita selalu membandingkan dengan *Great Britain* tetapi saya akan ada jawapan fasal SPR. Akan tetapi kadang-kadang cara *Great Britain* kita tidak ikut. Contohnya macam dalam keputusan pilihan raya di *Great Britain*, kita tidak ikut. Kita di sini, kita kata hendak undi popular. Saya akan terangkan sekejap lagi bahawa undi popular tidak dapat lari daripada sistem elektoral yang diamalkan di Malaysia, kadang-kadang ia *overlap*. Jadi apa yang dibuat di Malaysia ini sudah yang terbaik, siapa undi lebih akan memerintah, Kerusi lebih dia akan memerintah...

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Britain tak ada pengundi hantu!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Siapa undi yang lebih di Parlimen, kalau...  
*[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Hantu banyak di Seputeh, 300 ribu hantu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau undi lebih di Parlimen, dia akan jadi wakil rakyat walaupun satu undi. Kita pernah ada di Kelantan dulu, cuma satu undi boleh jadi wakil rakyat, dan malah Kerajaan Kelantan pernah memerintah dengan hanya satu Kerusi dan wakil rakyat itu menang dua undi...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Kawasan saya itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Macam Seputeh, dia undi yang paling tinggi di Malaysia tetapi Seputeh dan Arau, Arau dapat 1,000 lebih, dia dapat 52,000.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** Kapar.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Adakah Seputeh kita kena cari 52 orang untuk wakil Seputeh? Seorang juga, satu Kerusi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri, *Great Britain* ada media bebas.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi kita tidak boleh kata undi popular seperti Yang Berhormat Kinabatangan sebut.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Akan tetapi *Great Britain* ada media yang bebas. Sistem yang adil.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau Seputeh bertanding di Arau, pasti sudah kalah. Saya bertanding di Seputeh, saya kalah. Jadi satu-satu Kerusi sahaja. Yang Berhormat Seputeh satu orang, Shahidan satu orang!...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya sila.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi tentang Yang Berhormat Seputeh sebut, ini undi hantu punya hal. Jadi saya di sini mahu tanya, di Sabah sebab terlampau banyak undi hantu lah..., ini pun sudah terbukti dalam siasatan RCI yang sekarang masih berlangsung. Jadi saya mahu tahu, ada Yang Berhormat-Yang Berhormat juga sudah cadang mahu kutip balik semua IC, nanti ulang lagi semula mengissue IC itu. Adakah ini adalah satu niat dari kerajaan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, sekejap lagi di bawah SPR kita akan bincang. Saya hendak habiskan ini, saya ingat sekejap lagi dalam lima minit lagi habis. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, dalam sejarah pilihan raya kita semasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang jadi Timbalan Perdana Menteri, belum ada petisyen fasal undi hantu di mahkamah, belum ada repot, orang repot fasal undi hantu, tidak ada. Petisyen baru-baru ini pun, tidak ada menyebut fasal undi hantu. Undi hantu ialah persepsi. "Hantu" itu sendiri adalah persepsi. Tidak ada hantu pak. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Macam Lembah Pantai. *[Dewan riuh] [Ketawa]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit boleh Yang Berhormat?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hendak pertahankan ayahanda, kah?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Tidak, tidak, saya hendak rujuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, fasal pilihan raya SPR ada tajuk khas, kan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, ia ada tajuk khas, Yang Berhormat Lembah Pantai kalau boleh bersabar sekejap.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Okey, saya bersabar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sabar.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap lagi bawah tajuk SPR, kita boleh bincang dengan elok. Selepas itu kita pun sudah sempat makan, jadi kita. Akan tetapi kita kena ingat yang dikatakan puasa itu ialah masa puasa pun kena ikut peraturan, selepas puasa pun kena ikut peraturan. Jangan ingat semasa puasa tidak boleh bising-bising, selepas puasa boleh bising, tidak boleh. Ini kerana selepas puasa kalau boleh kita cepatkan sebab Menteri Agama pun sudah mari, kalau boleh kita janganlah tinggalkan terawih. Saya yang itu yang..., sebab terawih bukan datang tiap-tiap hari, hanya bulan puasa Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kalau boleh saya akan pendekkan SPR, mungkin setengah jam. Kalau tanpa gangguan saya baca habis, cukup habis cerita. Apa pun yang kita akan bincang nanti, biar kita tunggu petisyen mahkamah. Hari ini Mahkamah Kota Bharu telah memutuskan bahawa satu daripada petisyen pembangkang telah pun ditolak. Ini hendak menunjukkan bahawa betapa adilnya kerajaan tetapi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Itu pun sudah masuk tajuk SPR itu.

## ■1910

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itulah. Ya, okey. Maaf ya. [*Ketawa*]

Berkenaan dengan isu apa rasionalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2012 yang mana beliau berpendapat perkara ini adalah tidak wajar berlaku. Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memikul tanggungjawab sebagai Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada 2012 kerana beliau mengetahui dan menyedari betapa pentingnya memperkasakan peranan wanita dan keluarga serta tidak mengambil mudah mengenainya.

Jadi, ini patutnya kita ucapkan terima kasih. Perdana Menteri sendiri yang menjadi Menteri. Kalau boleh, semua orang hendak supaya Perdana Menteri menjadi Menteri di kementerian masing-masing. Kami boleh jadi Menteri yang kedua macam Menteri Kewangan.

Kemudian, mengenai cadangan supaya KPI semua Menteri dibentangkan di Parlimen supaya Ahli Parlimen dapat memantau janji yang belum ditepati. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini tidak mempunyai perancangan untuk membentangkan KPI Menteri di Parlimen. Namun, kerajaan akan mengkaji mengenai kepentingannya dan tidak menolak akan pembentangannya pada masa akan datang.

Berkenaan dengan saranan agar Jabatan Perdana Menteri tidak memerlukan lapan Menteri dan memadai hanya tiga Menteri untuk Jabatan Perdana Menteri. Tiga ini harap-harap termasuk saya ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lapan Menteri yang telah dilantik oleh Perdana Menteri di Jabatan Perdana Menteri terdiri daripada mereka yang berpengalaman dan ahli teknokrat.

Pelantikan mereka sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri diyakini mampu memacu Malaysia menuju negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Saya mungkin tersilap satu angka sahaja tetapi saya hendak beritahu, kadang-kadang orang tidak tahu. Ketua Pembangkang pun tidak tahu, siapa pun tidak tahu bahawa Jabatan Perdana Menteri mempunyai 87 agensi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, cerita. Cuba cerita.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, 87. Lapan Menteri tidak cukup. Saya ingat 15 Menteri lagi bagus ya.

Berkenaan dengan saranan..., tetapi kita kena menang banyaklah pilihan raya, saya rasa boleh *direview* balik, sebab 87 agensi ini tidak mungkin dapat dijaga oleh lapan Menteri. Kita pun sekarang ini kerja-kerja kita agak bertambah kerana penubuhan beberapa agensi baru yang telah diwujudkan untuk memacu pembangunan negara. Contohnya macam IRDA dan juga yang lain-lain lagi ialah di antara agensi yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Mengenai pelantikan Yang Berhormat Bagan Datok sebagai Menteri Dalam Negeri, walaupun terdapat laporan polis dibuat terhadap beliau dan kes sedang berjalan di mahkamah, untuk makluman Yang Berhormat, pemilihan Menteri Kabinet merupakan hak dan tanggungjawab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebarang kes mahkamah yang masih belum disabitkan sebarang hukuman tidak menjadi halangan kepada individu tersebut untuk dilantik sebagai Menteri Kabinet sekiranya mereka mempunyai kredibiliti dan juga kemampuan.

Penjelasan mengenai sama ada 1M4U merupakan penjenamaan semula Program Rakan Muda. Tadi telah dijawab oleh Menteri Belia dan Sukan. Sebagai tambahan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat 1M4U merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk mengerakkan belia-belie negara ini terlibat dalam aktiviti sukarelawan yang membela negara. Walaupun kedua-dua program Rakan Muda dan 1M4U bertujuan untuk membentuk nilai-nilai yang murni di kalangan belia di negara ini, pendekatannya adalah berbeza di mana 1M4U memberi fokus kepada aktiviti sukarelawan dan menggunakan platform media sosial untuk penglibatan belia. Pasukan kacang merah itu tidak masuk dalam ini. Kalau dia masuk saya rasa mungkin dia tidak buat macam itu.

Mengenai cadangan supaya Program 1M4U diperluaskan ke kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program aktiviti sukarelawan 1M4U telah

diperluaskan ke kawasan luar bandar melalui penubuhan, dengan izin, *1M4U Outreach Centre* di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta termasuk politeknik dan kolej komuniti. *Outreach Centre* ini yang terdapat di seluruh negara, telah menjalankan program dan aktiviti sukarelawan seperti khidmat komuniti di merata tempat termasuk kawasan perkampungan dan FELDA.

Yang Berhormat Penampang mencadangkan agar proses Borneonisasi dilaksanakan di semua Jabatan Persekutuan Sabah. Ini untuk orang Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang dan memang berusaha secara berterusan untuk memberi peluang kepada anak-anak Sabah yang berkelayakan untuk menjadi ketua jabatan di agensi Persekutuan, bukan sahaja di Sabah, malahan di Putrajaya Kuala Lumpur. Pada masa ini terdapat 137 agensi Persekutuan di Sabah. Sebanyak 62 daripadanya telah diketuai oleh pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah. Antaranya ialah Naib Canselor...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Menteri, banyak lagi?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Itulah, saya ingat Yang Berhormat, bagi saya lagi lima minit, boleh tak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Kita berhenti rehat dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa Dewan akan ditempohkan pada jam 7.15 malam, sehingga pukul 8.30 malam bagi membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat berbuka puasa.

Dewan akan disambung semula pada pukul 8.30 malam. Ahli-ahli Yang Berhormat, semua dijemput untuk Majlis Berbuka Puasa di Dewan Bankuet, Parlimen Malaysia.

*[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 7.16 malam]*

*[Mesyuarat disambung semula pada pukul 8.30 malam]*

*[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Menteri di Jabatan Perdana Menteri sambung penggulungan.

### 8.32 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita baru berbuka puasa. Semoga Allah merahmati kita semua dan semoga malam bulan-bulan kita melakukan ibadah terutamanya di malam hari akan diberkati oleh Allah SWT.

Saya berhenti tadi ialah berhubung dengan Yang Berhormat Penampang mencadangkan agar proses Borneonisasi dilaksanakan kesemua Jabatan Persekutuan di Sabah. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang dan memang berusaha secara berterusan untuk memberi peluang kepada anak-anak Sabah yang berkelayakan untuk menjadi ketua jabatan di agensi persekutuan bukan sahaja di Sabah malah juga di Putrajaya. Pada masa ini terdapat 137 agensi persekutuan di Sabah.

Sebanyak 62 daripadanya telah diketuai oleh pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah. Antaranya ialah jawatan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah, Pengarah Jabatan Pelajaran, Pengarah Pembangunan Persekutuan, Pengarah Kewangan, Pengarah Jabatan Kesihatan, Pengarah ESSCOM, Pengarah Lembaga Hasil dalam negara, Rektor UiTM Sabah, Pengarah Jabatan Imigresen, Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Pengarah Jabatan Penerangan Negeri Sabah.

Akan tetapi perkataan Borneonisasi tidak patut diperbesar-besarkan sebab yang patut diperbesarkan ialah Malaysia. Kita rakyat Malaysia. Kita tidak hendak orang Sabah

dan Sarawak hanya hendak orang Sabah dan Sarawak, orang Kelantan hendak orang Kelantan. Pada masa sekarang di atas konsep Malaysia ketua jabatan yang paling ramai ialah daripada Kelantan termasuk ketua-ketua pengarah dan juga macam di negeri Perlis walaupun negeri kecil jauh daripada Kelantan tetapi terdapat dekat tujuh orang ketua pengarah jabatan ialah daripada Kelantan. Jadi kita hendaklah perbesarkan konsep Malaysia dan juga bukan kenegerian. Yang Berhormat Permatang Pauh ingin mengetahui...

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Penampang.

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]:** Berkenaan dengan Borneonisasi itu adalah satu perjanjian kita pada tahun 1963 dan ia tidak pernah dilaksanakan daripada tahun 1963 hinggalah sekarang. Itu adalah permintaan rakyat Sabah dengan sepenuhnya dan rakan kita di Barisan Nasional pun selalu mengulas berkenaan dengan hal ini. Yang Berhormat Putatan dalam cadangan dan usul dia pun ada mengatakan berkenaan Borneonisasi. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Akan tetapi kita kena ingat di atas konsep Malaysia ini kita pernah ada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia ialah orang Sarawak. Jadi demikianlah jawatan-jawatan yang lain biar di atas dasar kita orang Malaysia. Akan tetapi kalau sekiranya perjanjian itu ada makna kata apa yang kita laksanakan secara tidak langsung bukan secara khusus untuk menafikan bahawa kita ini orang Malaysia. Saya pun kalau boleh berkhidmat di Sabah dan Sarawak seronok juga sebagai contoh dan saya percaya orang Sabah dan Sarawak ramai yang suka berkhidmat di sebelah sini dan demikianlah seterusnya.

Yang Berhormat Permatang Pauh ingin mengetahui hasil siasatan RCI di Sabah yang menunjukkan adanya PATI yang telah menjadi warganegara dan diberikan hak mengundi dalam PRU ke-13. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut tauliah bagi Suruhanjaya Siasatan Pendatang Asing di Sabah, Pesuruhjaya hendaklah mengemukakan laporan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam masa enam bulan dari tarikh tauliah dikeluarkan pada 21 September 2012.

Walau bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong melalui kuasa yang diberikan di bawah seksyen 5 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] telah melanjutkan masa pelaksanaan tauliah tersebut dari 21 Mac 2013 hingga 20 September 2013. Suruhanjaya siasatan ini mula bersidang pada 14 Januari 2013 dan siasatan masih lagi diteruskan sehingga kini. Ini bermakna hasil serta dapatan siasatan masih belum diketahui setakat ini dan apa-apa kenyataan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak tidak boleh diulas sama ada benar ataupun tidak. Kita sedia maklum di Malaysia sekarang ini perbicaraan itu dibincangkan secara terbuka tetapi yang kita penting ialah keputusan hakim. Demikian juga RCI. RCI belum buat keputusan. Kita sudah membuat bermacam-macam tohmahan...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Baik, terima kasih. Sebenarnya saya rujuk kepada RCI tetapi juga pengesahan oleh Tan Sri Pengerusi SPR sendiri. Lebih kurang macam dakwat kekal. Akan tetapi dalam hal ini ia mengguna dan saya sudah berulang kali sebut dalam sesi yang saya minta Yang Berhormat Menteri ulas tentang kehadiran *dubious* 60,000 itu. Kalau dia mengaku nama-nama dipertikaikan maknanya sahah kesahihan mereka sebagai warganegara mereka dipertikaikan. Ini hendak bangkitkan soal Bangla-Bangla apa ini? Sebanyak 60,000 disahkan oleh Pengerusi SPR. Jadi ini ada kaitan dengan RCI juga walaupun Yang Berhormat Menteri menyebut keputusan RCI ditunggu tetapi sementara RCI berjalan nama-nama yang dipertikai itu dimasukkan dalam senarai pengundi. Ini isunya Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya akan jawab semasa saya sentuh SPR sekejap lagi. Berhubung dengan kenyataan 60,000 dan juga 40,000 itu sudah diputuskan malah Jawatankuasa Penambahbaikan Pilihanraya telah pun bersetuju bahawa kes 40,000 bukan 60,000, 40,000 itu dipamerkan sehinggalah MIMOS telah memutuskan bahawa...

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** 60,673.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, sekejap lagi ada dalam...



**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Disahkan oleh Pengerusi SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, Yang Berhormat Ketua Pembangkang sabar lepas buka puasa. Dalam perbahasan berhubung dengan SPR saya akan sentuh benda itu dengan detail. Ini kerana pada pandangan saya rakyat sekarang ini diberi pemahaman bahawa ada penipuan. Yang Berhormat, kalau ada penipuan walaupun satu oleh mana-mana pihak tidak payah SPR berhenti, saya berhenti tidak ada masalah. Saya bukan hendak duduk di sini kerana seronok hendak jadi Menteri, tidak. *[Tepuk]* Saya duduk di sini kerana saya hendak mencari keredaaan Allah, hendak cari pahala. Kalau duduk sini hendak pergi neraka sekarang saya keluar. *Bye-bye* Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi kalau duduk di sini hendak pergi syurga saya akan tunggu terus. Itu sebab saya jadi Menteri ini pada pandangan saya untuk mempercepatkan saya pergi syurga, berkhidmat untuk agama, bangsa dan negara. Kalau jadi Menteri hendak pergi neraka sudah pasti Menteri agama saya lari sebab jalan-jalan kehidupan di akhir-akhir kehidupan. Saya sekarang ini umur muda pada Yang Berhormat. Muda sangat ya.

#### ■2040

Jadi, lagi 50 tahun saya akan mati jadi saya nak cari syurga. Jadi apa Yang Berhormat sebut sebenarnya tidak ada penipuan. Kalau nak tipu, siapa nak tipu? Kemudian nak tipu itu nak bubuh kawasan mana? Nak bubuh dekat Permatang Pauh kah dekat Arau. Kalau dekat Arau, kenapa saya dapat 1,371? Sepatutnya undi negeri saya patut dapat 6,000 tetapi saya dapat semua 1,371. Ini menunjukkan kalau kita kata nak menipu, nak hantar di mana? Nak hantar di Kodiang? Jitra? Permatang Pauh? Ceruk Tok Kun? Nak letak mana? Kita tahu kalau kata 60,000 tapi nak hantar di mana? Itu persoalan yang besar.

Nak hantar ke Kinabatangan, nak hantar ke Batang Lupar? Jadi kita tak tahu, kalau kita kata menipu 100,000 nak hantar di mana? Sebab kalau kita nak hantar pengundi, kita kena pastikan dia pergi situ. Eh ini jawab bab SPR pula ya tapi kena jawab juga. Dia pergi ke situ dan kita tentukan ini 1,000. Akan tetapi ada kes yang kalau ditanya soalan tambahan, saya boleh tunjukkan bukti bahawa dari segi pengundian, penambahan penduduk 2004, 2008 dan juga 2013 ada penambahan penduduk di Permatang Pauh. Ada penambahan penduduk di semua tempat, ada pertambahan penduduk yang agak kurang di Johor, di Negeri Sembilan kemudian ada kekurangan penduduk.

Yang itu yang menghairankan, siapa yang bawa penduduk ini pergi mana kita tak tahu iaitu di Bukit Bintang. Orang lain semua bertambah, dia kurang. Seputeh bertambah, itu sebab dia dapat 52,000. 2004 lain, 2008 lain, 2013 pun lain. Jadi kalau nak hantar 60,000 mungkin pergi Seputeh sebagai contoh. Kita tak tahu di mana kalau sekiranya - minta maaf Yang Berhormat Shah Alam, walaupun *you* pegang prinsip bahawa suruh orang itu berhenti, suruh orang ini berhenti baik suruh saya berhenti sebab apa, saya mempertahankan mereka. Saya bagi tahu bahawa Pengerusi SPR sebut *dubious* ataupun meragukan, diragukan akhirnya keputusannya mesti dibuat oleh JPN (Jabatan Pendaftaran Negara). Kalau dia kata lulus, kita nak percaya siapa lagi? Yang Berhormat masa jadi Timbalan Perdana Menteri percaya kepada mereka, takkan sekarang tak percaya. Mereka ini pegawai kerajaan yang angkat sumpah. *[Tepuk]*

Minta maaf Yang Berhormat, bukan tujuannya nak tengok hujah siapa bagus tapi yang paling penting ialah kita nak cari kebenaran. Kalau kebenaran di pihak Yang Berhormat, hari ini saya heret depa itu semua supaya berhenti serta-merta tapi kalau tak betul, siapa nak berhenti?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Terima kasih. Saya berterima kasih sebab nada Yang Berhormat itu nampak baik, positif dan kena ada bukti. Bukti kalau Yang Berhormat betul ambil sikap terbuka, baca keterangan sepenuhnya. Umpamanya ada dalam laporan kita nombor IC orang yang ada satu IC dua tempat mengundi, ada rekod dan ini berdasarkan *electoral roll* SPR. Jadi jangan kata ini sembarangan. Undi di mana? Ada, undi satu di Ampang dan satu di Wangsa Maju, IC yang sama. Nak saya bacakan IC, saya

boleh baca. IC dia 830121-03-5019, nama Wan Muhammad Azri Salleh. Saya bagi yang rekod dia, *identification number* RF - pasal dia polis. [*Dewan riuh*]

Dengarlah dulu. Yang Berhormat Menteri minta satu bukti yang sah, saya kebetulan ada beberapa banyak dan saya nak baca satu yang menunjukkan ada orang yang dapat dua peluang kali mengundi. Ini disahkan dan ini telah dibawa untuk pengetahuan SPR. Masa saya bagi keterangan, yang undi pos, undi pos itu tentera dan polis. Ada yang bubuh *nationality* itu Bangladesh, India. Itu dalam rekod *electoral roll* SPR yang telah kita kemukakan kepada SPR, bukan di sini sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar, saya nak bagi tahu kalau sekiranya betul ada benda itu sila buat petisyen pilihan raya, 21 hari selepas pilihan raya.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Dah buat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau dah buat, kita akan bicara. Bicara yang pertama di Kota Bharu. Yang Berhormat kalah, yang kedua yang ketiga dan seterusnya tetapi kita buat petisyen itu, saya akan baca sekejap lagi. Petisyen yang kita buat bukan di atas dasar tak percaya kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Kita tidak berpuas hati dengan perkara-perkara yang berlaku semasa pilihan raya. Boleh saya teruskan? Pilihan raya kejam lagi saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, boleh tak kita baca habiskan?

**Tuan Moh. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Menteri, pilihan raya kah?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pilihan raya sat lagi, belum lagi ini.

**Tuan Moh. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Ha, cepatlah sikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini nak jawab Kuching meow-meow ini. Mana Yang Berhormat Bandar Kuching? Maaf.

Yang kedua terakhir mengenai jabatan-jabatan di bawah JPM ini ialah berhubung dengan Yang Berhormat Bandar Kuching tapi dalam jawapan dia tulis Kuching ya. Beliau ingin mengetahui mengapa Ketua Audit Negara boleh menerima satu penyata terimaan dan bayaran begitu singkat dalam mengaudit Penyata Akaun Kumpulan Wang Amanah, *Government Contribution Towards Through Approved Agencies Trust Fund* dan meminta Ketua Audit Negara menyeret transaksi yang melibatkan berbilion ringgit oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam *offshore loan*.

Untuk makluman Yang Berhormat, adakah tidak benar Ketua Audit Negara tidak mempunyai info yang lengkap semasa mengaudit Penyata Akaun Kumpulan Wang Amanah, *Government Contribution Towards Through Approved Agencies Trust Fund* (GCTAATF). Salah satu akaun daripada Kumpulan Wang Amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi, yang ini saya akan jawab secara bertulis berhubung dengan wang yang telah dikeluarkan termasuklah yang selalu dipertikaikan itu ialah berhubung dengan RM9.7 bilion yang telah diberi kepada syarikat-syarikat di bawah SFS Incorporated.

Jadi, saya telah menjawab semua sekali perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri yang sempat saya jawab dan mana-mana perkara yang tidak sempat dijawab, perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil perhatian serta tindakan sewajarnya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Untuk jawapan ini ada satu pantun;

*Kalau ada jarum yang patah,  
jangan disimpan dalam peti,  
kalau ada silap dan salah,  
jangan simpan dalam hati.*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon kebenaran supaya separuh daripada jawapan SPR ini saya jawab secara bertulis sebab Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pun saya percaya mereka akan jawab separuh secara bertulis, separuh secara lisan. Kalau sekiranya kita berbuat demikian, saya bersedialah dengan Tuan Yang di-Pertua yang tak sanggup bersahur di sini sebab jawapan untuk SPR ini akan mengambil masa dekat sejam. Jadi saya akan pendekkan dalam *20 minutes*, itu pun kalau tidak ada gangguan. Kalau ada

gangguan, sudah pasti berpanjang-panjang sebab Yang Berhormat Pandan pun dah bangun tadi.

Yang Berhormat, ini kali pertama satu jabatan telah dibincangkan oleh banyak pihak. Jadi saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang dimaksudkan adalah seperti berikut, Yang Berhormat Permatang Pauh ketuanya, kemudian Yang Berhormat Kalabakan, Ketereh, Gelang Patah, Marang, Gombak, Ipoh Barat, Lembah Pantai, Parit Buntar, Temerloh, Bukit Katil, Raub, Batu Kawan, Kluang, Bayan Baru, Padang Serai, Penampang, Sepang, Klang, Indera Mahkota, Sungai Siput, Kota Kinabalu, Pengkalan Chepa, Tanjong, Subang, Silam, Pandan, Sungai Petani, Nibong Tebal, Pasir Puteh, Tanjong Karang, Kuantan, Kulim-Bandar Bharu, Kepala Batas, Petaling Jaya Utara, Simpang Renggam, Pengerang, Taiping, Kinabatangan, Beruas, Jelebu, Putatan, Jerantut, Pasir Mas, Lipis, Tenom, Ampang, Labis, Padang Besar dan Sik.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, sejak pilihan raya umum yang pertama dalam tahun 1959, Malaysia telah mengamalkan sistem pilihan raya secara majoriti mudah atau *first-past-the-post*, di mana pemilihan wakil rakyat untuk kerusi Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri adalah dipilih berdasarkan perwakilan mengikut kawasan. Calon yang menang dengan kelebihan majoriti undi yang diterima dianggap sebagai pemenang dalam sesuatu pilihan raya yang dijalankan. Justeru, tidak timbul soal untuk menuntut hak ke atas kerusi Dewan Rakyat atau dewan negeri dengan menggunakan asas undi popular kerana Malaysia tidak mengamalkan sistem pilihan raya secara perwakilan berkadar atau *proportional system*.

#### ■2050

Sekiranya sistem ini hendak digunakan dalam politik negara kita maka undang-undang sedia ada dan sedang diguna pakai oleh SPR perlulah dipinda. Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa dalam Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Parlimen terdapat salah satu syor yang diluluskan ialah supaya SPR mengkaji kemungkinan sistem pilihan raya yang diguna pakai di negara kita pada masa sekarang boleh ditambah baik. Misalnya dengan mengkaji dan mengambil kira juga sistem perwakilan berkadar atau *proportionate* sistem atau digabungkan *first-past-the-post* dengan *proportionate* sistem. Perkara ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, masih berada di peringkat kajian secara lebih lanjut dan diteliti oleh SPR.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Sekijangkah? Oh! Yang Berhormat Kinabatangan. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, apakah kerajaan berhasrat untuk mengubah sistem pilihan raya yang sedia ada dalam negara kita iaitu mengamalkan majoriti mudah ataupun yang menang banyak kerusi akan membentuk kerajaan? Selaras dengan mungkin tuntutan masyarakat dan di samping itu mungkin boleh mengurangkan politik 24 jam sebab sistem yang ada dalam negara kita ini sama ada selepas pilihan raya, sebelum pilihan raya antara pembangkang dengan kerajaan, permainan politik tidak berhenti atau *non stop politicking*. Jadi, boleh kah mungkin satu sistem dirangka sama ada kerajaan berasa atau tidak untuk mengubah ke arah sistem yang baru di mana mungkin selepas pilihan raya tidak lagi ada politik berlanjutan. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, soalan yang baik dari Yang Berhormat Kinabatangan. Akan tetapi sudah pasti Yang Berhormat Tanjong Karang yang merupakan pakar undang-undang bahagian pilihan raya ini, dia boleh sama-sama untuk bertanya soalan.

Yang Berhormat, kebaikan sistem undi popular ini satu di antaranya iaitu... [Disampuk] Boleh tidak jawab ini dahulu? Ya. Undi popular ini satu yang bagusya tidak ada *by-election*, tidak ada pilihan raya kecil. Kalau kau mati, dia ambil yang hidup, misal katalah 10 orang, yang nombor 11 itu ganti. Macam itu. Kalau lagi satu mati, nombor 12 diambil. Itu undi popular tidak ikut pilihan raya kecil. Akan tetapi kalau kita kata ikut popular di sini, Pilihan Raya Kecil Kuala Besut kita pergi, sudah tidak betul itu. Jadi, undi popular tidak ada pilihan raya kecil. Hairan ya, saya pun hairan tetapi saya baru dapat maklumat.

Jadinya, kalau sistem majoriti mudah sekarang ini kita ada pilihan raya kecil. Jadi, kalau kita hendak buat sistem jawatankuasa yang dilantik untuk penambahbaikan nanti setengahnya mencadangkan satu sistem. Setengahnya mencadangkan dua-dua di campur sebab sistem ini kita lihat, dia ada masalah sebab kalau undi popular itu banyak tetapi kerusi kurang dia jadi cerita lain. Contoh, macam Al Gore dengan Bush. Al Gore majoriti 500,000 lebih Bush kurang 500,000 tetapi kerusi Al Gore kurang dari kerusi Bush. Mahkamah Persekutuan buat keputusan Bush menang. Akan tetapi undi popular Al Gore menang. Kawan Yang Berhormat Permatang Pauh, Ketua Pembangkang.

**Beberapa Ahli:** [Ketawa]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, silakan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Telah Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *first-past-the-post system*. Kita dalam *system first-past-the-post*. Berkenaan dengan *one person one vote*. Maksudnya nilai undi. Kalau kita bandingkan satu kawasan Parlimen yang ada 50,000 pengundi berbanding dengan satu kawasan Parlimen yang ada 100,000 pengundi. Maksudnya seorang dalam dua kawasan yang berbeza ini mempunyai nilai undi yang berbeza. Jadi, pengundi dalam kawasan yang ada 50,000 tadi dia punya nilai undi ialah dua berbanding dengan pengundi di dalam kawasan yang 100,000 tadi.

Jadi, bukankah tidak adil bahawa dalam *system first-past-the-post* ini, satu orang seharusnya nilai dia satu undi. [Dewan riuh] Dengar dahulu. [Dewan riuh] Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri...

**Beberapa Ahli:** [Menyampuk]

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, dia orang takut sangatkah dengan soalan ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekiranya dalam *system first-past-the-post* dan sekiranya setiap daripada pengundi ini satu pengundi satu nilai undinya, bukankah 51% sokongan itu akan diterjemahkan kepada 51% kerusi. Mohon penjelasan.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri, Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lembah Pantai tidak tanya?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri minta laluan, Mas Gading.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong dahulu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak kembali kepada isu petisyen sebenarnya

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, isu petisyen sebenarnya, tadi Yang Berhormat sebut tidak ada petisyen satu pun yang pernah dimenangi.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya akan perbetulkan. Likas, saya tahu.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Ya, Likas. Jangan lupa Yang Berhormat. Likas 4,000 pengundi hantu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Thank you*, saya dah betulkan. Akan tetapi Likas...

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Disahkan oleh Mahkamah Tinggi.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tak apa, tak apa.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Jadi, saya hendak tanya. Yang Berhormat pun sudah sedar kan, petisyen di Likas menang pada tahun 1999. Kemudian kerajaan memperkenalkan seksyen 9A Akta Pilihan Raya yang membuat...

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Kejaplah, janganlah kacau. Yang membuat mana-mana cabaran...

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Kenapa dia boleh bercakap, saya tidak boleh? *[Dewan riuh]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Selepas Likas, walaupun Mahkamah Tinggi putuskan ada 4,000 lebih pengundi hantu yang bukan warganegara mengundi dalam pilihan raya tersebut sampai dipaksa dilaksanakan pilihan raya yang baru, itu satu. Kerajaan telah memperkenalkan seksyen 9A dalam Akta Pilihan Raya yang menjadikan mana-mana cabaran terhadap daftar pemilih, kalau ada pengundi hantu kah, warga asing, tidak boleh dicabar di mahkamah. Saya hendak tanya apakah pendirian Yang Berhormat berkait dengan hal ini?

Kedua, cadangan Pengerusi SPR Sabah yang menyatakan memang benar ada banyak warga-warga asing, pengundi hantu dalam daftar pemilih. Makanya dicadangkan dibuat pendaftaran semula 13 juta pengundi. Saya minta maklum balas daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tuan Yang di-Pertua, jangan hairan. Sudah buka puasa, orang sudah *recharge*, suara pun tinggi sedikit. *[Ketawa]*

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Minta laluan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang mana satu Yang Berhormat Menteri?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Lenggong, Lenggong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lepas Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Mas Gading.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Nogeh anak Gumbek [Mas Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi *chance*, bagi *chance*.

**Beberapa Ahli: [Ketawa]** Yang Berhormat Lenggong dahulu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, kita dengar sejak-sejak akhir ini memang isu undi popular, memang popular sungguh. Saya hendak tanya soalan ringkas sahaja. Sewaktu Yang Berhormat Permatang Pauh menjadi Timbalan Perdana Menteri, isu ini dibangkitkan atau tidak? Adakah pernah disebut sebab baru ketika ini dibangkitkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap lagi saya lupa ya, saya jawab sekejap. Yang pertama, Yang Berhormat Kuantan pasal '*1man, 1person, 1vote and 1value*'. Jadi, sudah pasti perkara ini sukar. Kita kena ingat *1 man, 1 vote* itu saya ingat tidak ada masalah tetapi yang paling penting di sini ialah sama ada 84,000 di Seputeh itu sama dengan 42,000 di Arau. Kemudian yang keduanya, Seputeh besar mana? Saya besar, Seputeh kecil. Kinabatangan besarnya bersamaan dengan negeri Pahang. Jadi, kita hendak kena ambil kira tiga faktor ini. Dari segi bandar, pinggir bandar dan luar bandar. Kena ambil kira yang itu. Kita memikirkan tajuk-tajuk hebat, kita cedok daripada Amerika dan juga United Kingdom tetapi banyak benda yang berlaku di sana kita tidak cedok. Kita cedok yang boleh kita untung. Tidak boleh itu.

Berhubung dengan Yang Berhormat Lembah Pantai, dia ada dua petisyen. Satu pasal *billboard* kalau tidak silap saya. Saya kena *check* yang itu ya. Keduanya ialah pasal pengundi yang bukan warganegara. Tidak sebut hantu lagi. Hantu ini baru kemudian sahaja. Jadi, berhubung dengan keputusan mahkamah itu saya akan tengok kemudian. Tadi maksud saya ialah di Semenanjung bukan di Sabah, Sarawak. Saya sebut di Semenanjung. Kalau mungkin saya tidak sebut, saya sebut sekarang. Sama juga. Dahulu, kini dan selamanya, sama.

Yang Berhormat Lembah Pantai saya maksudkan ialah di Semenanjung dan tentang Likas itu memang saya berada di Likas masa tersebut. Saya terlibat dengan pilihan raya kecil. Zaman Yang Berhormat Ketua Pembangkang, saya tidak pasti zaman bila. Yong Teck Lee ya. Saya berada semasa keputusan mahkamah itu dikeluarkan. Jadi, saya memang ingat kes itu tetapi bila saya rujuk tadi otak saya memikirkan Semenanjung. Memikirkan Lembah Pantai, Permatang Pauh. *Wallahualam*, okey. Pasal Yang Berhormat Lenggong memang betul, dahulu tidak timbul undi popular.

■2100

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Seksyen 9(a) Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Seksyen 9(a)?

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Ini yang diperkenalkan untuk memastikan tidak boleh dicabar di mahkamah selepas itu. Maksudnya kerajaan bila sudah sedar ada kelemahan dalam daftar pemilih, bukannya hendak memperbaiki tetapi perkenalkan undang-undang untuk menghalang sebarang cabaran dikemukakan selepas itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini kita masuk bawah petisyen pilihan rayalah.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Ya memang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Petisyen - itu pasal...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Ya, tidak cukup. Petisyen pun sekarang Yang Berhormat dia berlainan. Dahulu boleh cabar daftar pemilih kalau ada warga asing. Sekarang daftar pemilih yang sudah digazet tidak boleh dicabar walaupun terbukti mereka ini warga asing.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pasal...

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pasal Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum dia tentukan..

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Daftar pemilih Suruhanjaya Pilihan Raya melalui satu proses yang cukup panjang. Penghabisan sekali, Suruhanjaya Pilihan Raya panggil semua parti-parti politik dan berbincang dengan mereka dan semua ini keputusan parti-parti politik, pembangkang DAP. Malah Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya bila NGO panggil di PWTC yang saya tahu semua pembangkang dia hadir dan dia jawab semua soalan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau berdasarkan cara orang buat demonstrasi itu macam dia sudah habis sudah sebab kami pun asyik tengok dari jauh kata dia ini habis sudah. Akan tetapi bila pergi sana dia jawab, dia bagi alasan-alasan yang munasabah semua orang boleh terima. Kita ini - minta maaf Yang Berhormat Lembah Pantai ya awak muda lagi kan?

Jadi saya hendak beritahu benda ini persepsi benda yang masuk dalam blog semua itu, itu ialah kenyataan daripada seseorang. Setengah yang bagi kenyataan itu budak *Form 3*, setengah budak *Form 2*. Akan tetapi cara dia tulis itu seolah-olahnya dia segala-galanya. Dia memaki hamun kita sampai saya tengok budak *Form 3*.

Jadi dia percaya dan dia keluarkan kenyataan orang yang di universiti pun boleh percaya. Macam persepsi inikan, persepsi kata 40,000 orang Bangladesh masuk. Pensyarah pun percaya, *lawyer* pun percaya. Padahal kita tahu bahawa tidak mungkin 40,000 orang itu boleh masuk dan kenyataan 40,000 orang Bangladesh itu mungkin disalah tafsir. Akan tetapi itu kenyataan yang saya tengok sendiri dalam *YouTube* dan sebagainya Ketua Pembangkang menyebut bahawa 40,000 orang Bangladesh telah dibawa masuk untuk mengundi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tidak. Dia tidak sebut itu. Dia sebut 40,000 orang pengundi yang disyaki.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang disyaki?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu lain. Dia tidak sebut Bangladesh. Saya hendak betulkan itu. *[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Sedikit Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi ini bermakna tidak ada kenyataan 40,000 Bangladesh ...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat saya hendak perbetulkan persepsi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Seramai 40,000 orang yang diragui.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bukan 'Bengala' tetapi Bangla...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Bukan Bangla. Itu Yang Berhormat Pekan yang sebut. Yang Berhormat Pekan yang tukar putar belitkan itu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Siapa, siapa? *[Dewan riuh]* Jadi kita bersyukur sebab di Parlimen yang mulia ini kita dapat penjelasan bahawa sekarang kita tukar pula daripada Bangla kepada yang diragui okey? Akan tetapi saya akan jawab sekejap lagi ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bila saya baca ini kita akan jawab satu persatu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya minta penjelasan sedikit sahaja.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat jawab juga.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri penjelasan sedikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri ramai yang berdiri. Mana satu yang dipanggil? Saya yakin tidak dibenarkan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap ini Yang Berhormat Lembah Pantai bagi saya bagi Yang Berhormat Tanjong Karang sekejap ya.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Lepas itu Yang Berhormat Subang boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Tanjong Karang yang lain duduk dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat Tanjong Karang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Yang Berhormat yang pertama ini pasal pameran pengundi hantu, betul bahawa dalam sistem kita bahawa apabila habis tempoh pendaftaran Suruhanjaya Pilihan Raya akan pameran nama-nama pengundi-pengundi baru ini dan diberikan tempoh dua minggu untuk bantahan. Jadi sepatutnya parti yang terlibat dia mesti ada satu jentera jawatankuasa untuk membuat bantahan.

Saya rasa di Selangor banyak yang mereka buat bantahan. Hanya saya hendak minta cadangan daripada Yang Berhormat Menteri boleh ataupun tidak tempoh bantahan itu kalau boleh dipanjangkan? Jangan dua minggu mungkin tidak sempat kita hendak buat bantahan hendak cari nama. Kalau boleh bagi sebulan sebagai contoh ataupun dua bulan. Jadi bermakna sebulan mungkin masa yang munasabah untuk mana-mana pihak untuk membuat bantahan pengundi-pengundi baru selepas itu barulah diwartakan.

Kedua tadi Yang Berhormat Kuantan cakap *1 man, 1 vote* ini. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sistem *1 man, 1 vote* ini kalau kita tengok dari segi perlembagaan kita Jadual 13(2)(C). Kalau kita amalkan *1 man, 1 vote* ianya bercanggah dengan Akta Jadual 13(2)(C) yang mengatakan bahawa kawasan pilihan raya mesti juga diambil kira kawasan-kawasan pilihan raya sebagaimana Yang Berhormat kata tadi. Saya hendak buat contoh ada kawasan pilihan raya kita terlalu luas, ada yang kepadatan penduduknya ramai tetapi kawasannya kecil.

Jadi sekali lagi membuktikan bahawa apa juga pandangan yang dibuat oleh pembangkang mereka pakai cakap sendiri, mereka tidak ikut apa yang ada di dalam perlembagaan. *[Disampuk]* Ah, dia ikut DAP. Ini bahaya ini. Yang Berhormat Menteri ini bahaya sebab kalau seseorang Ahli Parlimen ataupun rakyat Malaysia bercakap di luar konteks perlembagaan, ini yang berlaku dekat Mesir ini ambil tindakan sendiri tanpa mengikut perlembagaan. Nasib baik Malaysia ini polis kita cekap. Kalau tidak mungkin jadi juga macam dekat Mesir ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Point. Yang Berhormat..

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti jawab dahulu ya. Ini Yang Berhormat Lembah Pantai sebut tadi bahawa 4,000 pengundi yang diragu. Seramai 4,000 itu ialah jumlah majoriti Yong Teck Lee. Bukan yang diragu, yang diragu kita tidak tahu berapa yang disebut bahawa majoriti dia 4,000 dan penggunaan *bail box* yang tidak dapat kebenaran.

Jadi 4,000 itu bukan yang diragu tetapi majoriti pada Yong Teck Lee. Yang Berhormat kena ingat sementara saya hendak jawab ini orang asyik hantar macam-macam laporan jadi saya dapat mematahkan hujah ya. *[Ketawa]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Menteri.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bangun]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian muka ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-Ahli Yang Berhormat duduk.



**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap, sekejap. Muka hadapan *Suara Keadilan* sebaik selepas PRU-13 tercatat dengan hitam putih tuduhan ratusan ribu pendatang asing telah mengundi. *[Dewan riuh]*

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap sekarang ini Yang Berhormat Lembah Pantai lepas itu Johor, okey.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tadi janji..

**Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kalau dibagi nota itu awal jadi Yang Berhormat boleh nampak skop Semenanjung dan juga Sabah Sarawak tidak perlu pisahkan. Saya hendak rujuk khusus bila bab yang disebut dalam RCI.

Saya ambil contoh Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya Sabah yang sendiri telah memberikan cadangan supaya daftar pemilih itu yang penuh dengan kekurangan harus melibatkan proses pendaftaran semula. Saya tidak sebut budak 13 tahun dan sebagainya, Yang Berhormat boleh pilih *you can pick and choose* dengan izin tetapi pada masa yang sama ini saranan Pengarah SPR Sabah. Saya minta maklum balas apa yang kerajaan mahu buat selepas ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lembah Pantai saya kena jawab. Ini kena jawab juga bahawa kes yang masih dibicara, itu bukan keputusan dia boleh cakap apa sahaja. Ini sebab ada juga pegawai kerajaan tiba-tiba bila berhenti masuk pembangkang dia cakap benda yang dia tidak tahu pun dia cakap. Jadi demikian juga Pengarah Suruhanjaya Pilihan Raya dia hendak cakap...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Ini RCI Yang Berhormat bukan di mahkamah, RCI. *Come on.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dia RCI, RCI ini akan dibentangkan bulan September. *Hey, come on my dear* pada September. *[Ketawa]* September ya. Bulan September. Ini bulan September barulah...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat kalau begini gaya kita saya rasa harus saya beri arahan kepada pegawai-pegawai Parlimen sediakan sahur. *[Ketawa]* Memang kita akan bersahur di sini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua apa itu..sudah hilang. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Menteri.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi walau bagaimanapun perbicaraan itu belum habis...

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadinya, Allah kalau *you* bangkit / tidak tolak. *You* boleh tolong berhenti sekejap sahaja. Saya jawab ini okey. Okey sekejap sahaja. Hendak jawab ini. Hendak jawab anakanda dahulu ya.

**Dato' Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat Lembah Pantai. Bukan anak. Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Lembah Pantai ya. Yang Berhormat Lembah ya, hendak jawab Yang Berhormat Lembah Pantai bahawa keputusan ini ialah cakap-cakap perbicaraan. Saya hendak bagi tahu bahawa banyak perbicaraan kadang-kadang di*highlight* oleh surat khabar seolah-olah itu keputusan.

Keputusannya ialah bila hakim buat keputusan, itu keputusan. Bila RCI buat keputusan bulan September itu keputusan. Siapa hendak cakap sekarang buat. Kerajaan tidak boleh ambil tindakan di atas cakap-cakap sahaja. Ini masih dalam perbicaraan dan sepatutnya kita tidak boleh sebut kes-kes dalam perbicaraan. RCI ini di tubuh oleh Agong ya. Jadi kita tunggu bulan September.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi Yang Berhormat sabar. Saya bagi Johor.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang Menteri sebutkan tadi 40,000 pekerja Bangladesh yang datang yang kononnya menjadi pengundi hantu. Ini adalah dakwaan liar yang dikeluarkan oleh Pakatan Rakyat. Selepas itu macam-macam dalam *Facebook* telah ditulis.

Malahan pada hari mengundi dan setelah ditangkap kononnyalah Bangladesh muka macam Bangladesh kemudian akhirnya ada wakil rakyat yang menang pun selepas itu dia kata silap tangkap. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apa tindakan yang patut kita ambil? Kalau silap tangkap ini satu diskriminasi kepada rupa seseorang. Oleh kerana dia muka Bangladesh dia adalah warga negara dia memang layak mengundi. Saya rasa ini mungkin satu percaturan politik supaya mengurangkan keyakinan kita dan kononnya ada penyelewengan dalam pilihan raya. Apa komen dan penjelasan Yang Berhormat Menteri?

■2110

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya. Komen itu memang tidak tepat, sebab apa? Amat sukar untuk mana-mana pihak cari orang untuk hendak mengundi dekat dia. Kalau kita hendak pergi cari Bangladesh, baik kita pakat baik dengan orang PAS dan Keadilan, boleh pakat tepuk bahu punya, lagi senang bicaranya. Hak yang itu masuk tidak boleh cakap apa lagi susah. Kalau betul kita hendak ambil masuk kawasan tapi kalau Yang Berhormat boleh buktikan kawasan mana mereka itu masuk.

Dari segi pengundian, kena ingat Yang Berhormat, saya tidak jawab tadi. Pengundian mana boleh orang mengundi dua kali, kena ingat itu. Oleh sebab apa, orang mengundi hanya sekali. Akan tetapi kalau sekiranya ada kes mengundi dua kali, pertama dia kena *report* dan kedua kita akan ambil tindakan dekat dia sebab mengundi dua kali, kena ingat itu.

Oleh sebab apa? Mengundi dua kali ini, kita kena ingat macam ini, ini Yang Berhormat Lembah Pantai ingat benda ini seumur hidup sampai ini. Mungkin ayahanda pergi dulu, *you* kemudian, itu saya hendak beritahu. [Ketawa] Bahawa satu pilihan raya, ini PRU-13 ada dua orang kita *complaint*. Katalah, saya akan sebut sekejap lagi tapi yang buat *complaint* ini 1,400, angka yang tepat saya sebut dalam ucapan sekejap tadi. Akan tetapi yang mengundi 11.2 juta orang dan yang *complaint* 1,499 orang. Katalah dengan itu kita buat pilihan raya yang lain, kita buat pilihan raya pula. 1,000 orang *complain*, kita buat pilihan raya lagi. 1,000 tahun lagi tidak akan berhenti pilihan raya, ingat sampai mati ya. Kita kena bagi Yang Berhormat Sekijang.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Yang Berhormat, sedikit Yang Berhormat kerana Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan tadi mengelirukan Dewan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat tadi kerana saya jumpa, tidak tahulah pegawai silap atau tidak. Saya nampak di sini ada arkib *Utusan Malaysia online* tahun 2001, tajuknya Yang Berhormat? Tajuknya Yang Berhormat kena hafal ini, ingat seumur hidup, '*Keputusan Likas Dibatal, Mahkamah Dapati Wujud Pengundi Hantu Pada Pemilihan 1999*'. Ini *Utusan Malaysia*. Saya bukan bercakap *Suara Keadilan*, itu satu.

Kedua Yang Berhormat, mungkin nasihat Yang Berhormat, Yang Berhormat ingatkan semua anggota Parlimen yang tidak menang Barisan Nasional kan, calon yang mengemukakan petisyen. Ini kerana petisyen bukan daripada Pakatan Rakyat saja. Petisyen daripada Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat yang mencabar kewibawaan SPR. Saya mohon Yang Berhormat ambil serius. Ini bukan isu ingat tak ingat sampai seumur hidup. Ini isunya.

**Seorang Ahli:** Jangan main-main.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Satu lagi Yang Berhormat, bagi sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Garang ya. Garang saya tidak bagi dah lain kali. Kalau saya ada kuasa di sini saya, siapa garang dengan saya, saya tidak bagi. Cakap elok-elok, cakap elok-elok nanti saya bagi. Saya orang yang cukup mudah. Siapa?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kamu minta elok-elok atau hendak kasar? Kasar tidak bagi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak apa, saya hormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Menteri. Macam ini, kita kena akui bahawa proses pilihan raya di Malaysia tidak cukup adil. Ada banyak kelemahan di mana rakyat tengok sendiri. *[Dewan riuh]* Tunggu dahulu.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Pilihan raya DAP itu adil kah? Cuba cakap, tanya dulu, DAP itu adil kah? Pilihan raya DAP adil kah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Saya cakap nanti.

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Siapa yang akui?

**Seorang Ahli:** Siapa makan cili, rasa pedas.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Dengar dulu, kita dalam masa pilihan raya, pembelian undi yang begitu ketara. Bagi duit secara terang-terang di Pulau Pinang, bagi makan, jamuan, bagi duit, memakai 1Malaysia Club bagi duit. Selepas itu bagi baucar pula dan beritahu pengundi bahawa selepas pilihan raya kalau Barisan Nasional menang, mari *collect* duit. Ratusan, bukan ratusan, ribuan orang *queue up* di tiga tempat di Pulau Pinang *collect* duit dan kita pergi tangkap dan kita pergi serbu. Memang ada bukti, bagi kepada polis. Polis kata ini bukan isu, ini bukan saya punya pasal, pergi cari SPR.

Kami lapor di SPR, SPR kata, 'Okey, terima tapi ni bukan isu kita, pergi cari MACC'. Sekarang kita telah lapor kepada MACC. Sekarang MACC baru umum kata tidak ada kes, kes tutup *because there is no concrete evidence*. Saya hendak beritahu semua pengundi di Pulau Pinang nampak dengan mata sendiri, *everyone of them*, ribuan orang yang dapat duit.

Saya hendak minta SPR jawab, MACC kena jawab. *We have to give justice*. Proses pilihan raya ini penuh dengan penipuan, penuh dengan *corruption*, penuh dengan membeli undi.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *You mean* di Pulau Pinang? Kalau sekiranya - kita bercakap di Parlimen ini walaupun kita kebal tapi kalau kita kata SPR tutup, tunjuk bukti. Ia mesti ada hitam putih Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia tutup kes. Kena tunjuk bukti, kita boleh cakap macam itu, kita tidak boleh menunjukkan persepsi, kita kena bagi bukti.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sudah umum, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Pulau Pinang telah umum kata kes telah tutup.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, timbalan menteri akan jawab sekejap lagi dan dia ada kes penuh.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau hendak isytihar pilihan raya pula di Pulau Pinang pun tidak ada masalah. Jadi Yang Berhormat, walau bagaimanapun pasal Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, kita akan jawab sekejap lagi. Ini pasal kes...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta laluan.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta laluan Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Subang minta laluan menteri.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Boleh bagi laluan?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Laluan boleh bagilah. Boleh cakap sedikit lagi kah?

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Menteri sudah setuju tadi bagi Subang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Mula Yang Berhormat Bintulu, selepas itu Subang tapi saya bagi sorang. Ini saya hendak jawab. Saya setuju dengan apa yang dicatit dalam keputusan mahkamah di Likas tetapi keputusan itu tidak menyebut berapa jumlah pengundi yang tidak sah, tidak sebut.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada, ini yang saya hendak beritahu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Keputusan Likas dibatalkan. Mahkamah dah - jadi ini sudah ada. Jadi, dia tidak sebut pengundi hantu ialah 4,000, tidak sebut. Itu yang saya pertikai. Hak lain dia sebut itu ada tetapi dia tidak sebut pengundi hantu.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya boleh terus dari penghakiman sekarang.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Yang Berhormat, pasal Likas.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Boleh bagi dia dulu, pasal dia dulu.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Pasal Likas.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pasal Likas?

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Ya, pasal Likas. Saya cuma hendak Tuan Yang di-Pertua, *to do justice* kepada *Minister*. Baca *judgment* Hakim Mahkamah Tinggi Likas dalam kes Likas, jelas di antara sebab kes itu dibatalkan ialah kerana sah kewujudan pengundi hantu. Jadi, untuk Yang Berhormat hendak nafikan, tidak boleh. Mahkamah putus berdasarkan nama-nama orang yang disebut pengundi hantu yang disahkan oleh mahkamah, soal Likas disahkan.

Oleh sebab itu kerajaan selepas itu mengemukakan usul pindaan 9A untuk melarang mana-mana kes dibawa ke mahkamah dalam kes yang disahkan dalam *electoral roll*. Jadi ada kes, ada *basis* di situ dalam kes Likas.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya mohon sedikit untuk...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ada *basis*, saya pertikai Yang Berhormat Lembah Pantai, dia sebut 4,000 tapi mahkamah tidak sebut 4,000. Hak yang lain tidak apa, saya pun baca ini. Saya hendak cari perkataan 4,000, tidak jumpa. Kalau jumpa 4,000...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya bantu? Saya bantu, muka surat 175.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Bayan Baru kata kita Barisan

Nasional beli undi. Saya mahu dapat sedikit penjelasan ataupun macam mana jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, dia cakap beli undi. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah masuk pilihan raya penggal ke-4. Saya punya kawasan tidak pernah nampak jalankan pilihan raya macam serupa gengster tetapi kali ini kita berjumpa perangai dan sikap di Bintulu.

Di kawasan Bintulu, di kawasan Tubau, itu semua pembangkang sehari sebelum mengundi terang-terang pakai *t-shirt* pergi rumah panjang bayar satu orang RM100 atau RM150. [*Dewan riuh*] Minta penjelasan, apa tindakan akan diambil atas itu, Yang Berhormat Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Menteri, dia tanya saya. Menteri, sedikit saja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya bagi Yang Berhormat Subang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Sedikit saja, Menteri. Saya hendak jawablah boleh? Sedikit saja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Selepas Yang Berhormat Subang, Yang Berhormat Ketereh. [*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya bagi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk dulu Ahli-ahli Yang Berhormat. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat tidak boleh kawal diri, saya akan gunakan kuasa untuk tidak membenarkan dalam pencelahan. Saya serius. Sekarang pukul berapa sudah? Saya serius, *control* diri.

#### ■2120

Kalau hendak bertanya, bergilir-gilir. Selepas itu jangan ada kecoh. Sila Yang Berhormat Subang.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bantu sedikit tadi. Yang Berhormat Menteri kata angka 4,000 ini tidak disebut. Tidak dapat dikenal pasti tadi dalam penghakiman Likas. Muka surat 175 – Penghakiman. Saya bantu sedikit di mana hakim berkata. Saya baca ayat dengan izin, "*The SPR has to face the truth. The 4,585 objections in list A were cases or persons having dubious identity cards*". Itu alasan yang dipakai untuk membatalkan keputusan di sana. Itulah angka yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Lembah Pantai yang jadi asas keputusan. Sebanyak 4,585 bantahan di *list A*, pengundi yang diragui di mana SPR negeri dan SPR Pusat yang hakim kata cuai atau dengan sengaja tidak melakukan tanggungjawab mereka untuk siasat. Itu dengan jelas. Itu satu.

Akan tetapi saya tambah sedikit sahaja. Ini tentang isu seksyen 9A. Apa Yang Berhormat Lembah Pantai bangkitkan dan Yang Berhormat Tanjong Karang ada silap tafsirkan undang-undang. Masalah yang kita ada sekarang ialah selepas Likas, Kerajaan Barisan Nasional buat undang-undang baru seksyen 9A untuk memberi kekebalan kepada daftar undi yang ada penipuan. Itu masalahnya. Kita tidak boleh buka lagi. Tadi Yang Berhormat Tanjong Karang beri pandangan bahawa apabila setiap tiga bulan kita buka, kita tambah dengan pengundi baru, ada peluang untuk buka. Itu silap. Daftar yang utama tidak boleh dibuka semula. Itu daftar utama, tidak boleh. Dia salah faham undang-undang ini. Jadi kita ada masalah itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** [*Bangun*]

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Pokoknya penipuan yang dikenal pasti di mahkamah bagi kes Likas diberi kekebalan dan penipuan yang dibuat seterusnya oleh pihak SPR terus diberi kekebalan. Ini masalahnya. Kita tidak boleh. Ini masalah yang kita bawa. Kita minta kerajaan daftarkan seksyen 9A.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ketereh, sila.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya harap Yang Berhormat Menteri faham sekarang ya *point* itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apakah Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju kalau saya katakan kita berada dalam satu sistem yang sememangnya tidak *perfect* dan yang pentingnya telah terbina dalam sistem kita kaedah-kaedah yang lengkap untuk memperbaiki sekiranya ada perkara-perkara yang menyebabkan terjejasnya proses itu telah pun dibina dalam sistem kita.

Dalam pilihan raya melibatkan berbelas-belas juta, sudah tentu akan ada perkara-perkara yang mungkin bukan sahaja bagi pihak pembangkang, rasa tidak puas hati itu juga sebenarnya banyak berlaku di pihak kerajaan. Sedangkan urusan pemilihan dalam parti macam DAP pun tunggang langgang yang baru hanya mempunyai 1,000 atau 1,000 lebih perwakilan. Akan tetapi yang pentingnya ialah oleh kerana sistem yang kita wujudkan itu tidak *perfect*, maka yang berlaku itu kadangkala adalah kecacatan yang tidak boleh menyebabkan dibuat tuduhan seolah-olah sistem diwujudkan untuk menipu. Masalah yang berlaku sekarang ini ialah gendang yang dipalu pasca pilihan raya, setelah tidak berjaya memenangi di dalam pilihan raya dipalukan gendang kepada orang ramai seolah-olah Barisan Nasional ini menang semata-mata kerana menipu. Sedangkan kita tahu dalam sistem pilihan raya kita, semua jadi calon.

Saya enam kali masuk pilihan raya, tiga kali menang dan tiga kali kalah. Kalau ada ruang untuk Barisan Nasional menipu, saya akan mula-mula sekali minta untuk hendak tipu supaya saya menang sepanjang masa. Saya juga boleh tunjukkan dalam soal menipu, parti-parti yang bertanding, soal cakap tentang tawaran wang, tentang ugutan, tentang pengundi hantu. Kalau dalam konteks Kelantan, saya berani katakan yang buat kerja ini lebih banyak PAS daripada Barisan Nasional. [*Tepuk*]

Kita boleh berbincang di sini Yang Berhormat Menteri, ke arah memperbaiki sistem. Kita juga boleh menyuarakan kalau kita rasa tidak kena sebab dalam sistem pilihan raya negara kita, proses penambahbaikan itu berjalan sepanjang masa. Akan tetapi untuk memaksa SPR berbuat sesuatu di luar undang-undang yang dihaskan untuk mereka bertindak adalah satu perbuatan yang tidak patut. Kalau jumpa 60,000 senarai pengundi yang dianggap *dubious*, kemudian hendak serah sahaja senarai kepada Pengarah SPR, di mana SPR dapat kuasa hendak menghapuskan 60,000 itu? Tidak ada *provision* bagi SPR untuk hendak menghapuskan begitu sahaja.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ada.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Akan tetapi perkara ini dibangkitkan bila? Dibangkitkan setelah mereka tidak berjaya memenangi pilihan raya. Oleh sebab itu, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawasanya penambahbaikan boleh berjalan terus tetapi yang penting di sini ialah sistem itu telah dibina dan kaedah-kaedah ada untuk pembangkang atau kerajaan atau siapa-siapa yang menjadi calon. Soal Likas adalah bukti yang nyata. Kalau sudah tentu pembangkang ada bukti dalam mana-mana pilihan raya, dalam mana-mana *constituency*, wujudnya senarai-senarai nama, maka proses yang dibina ialah membuat petisyen. Kita boleh batalkan sebab sudah ada *precedent* dalam mahkamah. Kalau betul ada pengundi hantu, dibatalkan. Kalau Likas boleh batal, tempat lain pun kita boleh batal. Kita boleh batalkan di Seputeh dan sebagainya.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun naik terpesona dengan soalan tadi. Soalan, apa dia soalan? Tidak ada? [*Ketawa*] Mengenai Likas, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Ketereh dan itulah sebenarnya yang ada kepada kita.

Akan tetapi berhubung dengan keputusan pilihan raya Likas, biarlah saya...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, beri sedikit.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, kalau benarkan saya baca dahulu sekejap dalam 20 minit, habis, selepas itu kita bicara lagi.

Berhubung dengan Yang Berhormat Bintulu, berhubung dengan pemberian wang dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat buat petisyen hari itu – ada buat petisyen? Tidak sempat ya? Kalau ada buat petisyen, cantik sebab apa, kalau hendak kira apa yang berlaku, saya juga boleh berkata bahawa banyak yang mereka tuduh Barisan Nasional buat, berlaku kepada mereka. Ini kena ingat bahawa bila Pulau Pinang mereka memerintah, Selangor mereka memerintah, kita tahu bahawa kita dimaklumkan bahawa pengundi-pengundi dapat sekian banyak daripada calon-calon yang berkenaan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** *[Bangun]*

**Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi kita tidak dapat lari daripada hakikat bahawa sistem itu ada kelemahan tetapi penambahbaikannya berjalan terus. Itu sebab kita buat Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Pilihan Raya. Jawatankuasa ini yang cadang dakwat kekal. Selepas itu kita pertikaikan.

Akan tetapi kena ingat Yang Berhormat Shah Alam bahawa dakwat kekal bukan segala-galanya. *[Disampuk]* Yang Berhormat Subang? Ya, Yang Berhormat Subang. Maaf. Saya asyik ingat kawan saya itu tiga rasa. Jadi...*[Ketawa]*

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Minta laluan sedikit boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan bahawa dakwat kekal ini bukan segala-galanya tetapi kita kena keluarkan IC. Masa pilihan raya dahulu, kita hanya pakai kad pengenalan. Jadi kita bagi kad pengenalan, kita kena ingat. Kita bagi satu proses pilihan raya yang berlaku di Kampung Tulang, tempat saya. Bila saya datang untuk hendak minta saluran, pembangkang sudah letak orang dia ada kerusi. Saya kata, "*Adik-adik ini siapa?*". Dia kata, "*Kami pemerhati pilihan raya*". "*Pemerhati apa duduk di luar. Ini hendak pilih saluran*". Dia kata, "*Kami pemerhati*". Saya tanya pegawai pilihan raya, "*Bolehkah pembangkang letak pemerhati di sini?*". Dia kata, "*Boleh*". Saya kata, "*Minta dua kerusi untuk saya*". Dia kata, "*Itu tidak kira. Siapa datang dahulu dia dapat*".

Jadi tidak mengapa, mereka sudah tahu sebab kempen merata-rata kata saya kalah. Mereka semua garang dengan saya. Kalau saya menang tentu mereka senyum ya. Selepas itu sudah dapat saluran, saluran dua. Saya masuk pergi ke tempat mengundi, kena beratur panjang di saluran dua. Ramai orang. Saluran satu dan tiga tidak ramai, beratur. Apabila sampai giliran saya, dia sebut, "Shahidan Kassim". Dia sebut kad pengenalan. Selepas itu dia potong nama.

Pemerhati pembangkang potong nama saya. Ini bukan pengundi dia. Hak Barisan Nasional - *right*. Ini Shahidan, penyokong dia.

■2130

Saya pandang muka mereka. Garang. Jadi pegawai pilihan raya pun garang walaupun mereka kawan-kawan saya. Orang yang bubuh dakwat ini pula dengan badannya *steady* juga, dia pun bubuh dakwat. Dia bubuh semua. Saya cakap bubuh sekerat cukup. Tidak boleh! Bubuh keliling! Bubuh keliling. Saya kata bubuh banyak sikit.

Itu sebab tangan saya ini, selepas angkat sumpah sebagai Menteri pun masih belum hilang dia punya cat. Jadi dakwat bukan segala-galanya tetapi yang penting ialah kad pengenalan. Itu sebab saya akan jawab kemudian tetapi kena jawab awal sebab semua orang hantar notis. Cukuplah. Sabarlah siapa yang hantar notis ini.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *[Bangun]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi kita kena ingat bahawa dakwat ini dia bukan segala-galanya tetapi yang penting ialah kad pengenalan. Saya hendak...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak sebut di sini bahawa kalau sekiranya kita beritahu siapakah syarikat yang *supply* dakwat ini, kalau semua orang, nanti semua orang pergi beli dakwat, pergi celup dengan jari. *And then*, dia berbaris dan dia kata dia sudah ada cat. Tidak perlu kad pengenalan dia terus minta kad pengundi. Kita akan berlaku pergaduhan di sana. Ini keselamatan. Kalau kita cerita siapa *company*, semua orang pergi beli dakwat. Orang yang hendak mencari kesalahan itu...

**Beberapa Ahli Pembangkang:** Ini tidak betullah. Ini tidak betul.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Nanti sekejap, nanti sekejap. Kita tidak boleh cerita. *The every moment* kita cerita siapa *company*, kita tidak boleh beli dakwat kepada dia. Keduanya, kita tidak boleh beritahu *colour*. Esok di Kuala Besut pilihan raya akan dijalankan. Saya Menteri, saya tidak mahu ambil tahu dan dia pun tidak boleh beritahu. Dia hanya tahu pada hari itu baru pekerja Suruhanjaya Pilihan Raya akan tahu *colour* apa. Ini pengundi awal, *colour* merah. Akan tetapi dakwat ini tidak boleh pakai sebab ini sudah pun *expired* selepas tiga bulan. Merah untuk pengundi awal. Biru ialah pengundi biasa. Saya sudah menyesal bubuh ini. Walaupun saya bertujuan hendak buat contoh, saya menyesal sebab saya sudah bubuh macam-macam di sini tetapi tidak mahu keluar. Kalau sesiapa ada ilmu apa-apa, boleh keluarkan, saya hendak keluarkan. Saya cuci dalam bilik air semalam, pakai sabun. Wakil DAP tengok saya. Kenapa Dato'? Saya kata 'tidak mahu keluar'. Saya cuba macam-macam. Hari ini saya hendak balik kikis dengan pisau baru boleh keluar. Akan tetapi sekarang tidak keluar. *[Ketawa]*

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Subang, saya hendak beritahu dakwat bukan segala-galanya tetapi kad pengenalan. Dakwat ini dicadang oleh Jawatankuasa Penambahbaikan Pilihan Raya ini supaya sebagai menambah kekuatan kepada pengundi itu sebenarnya, maka ditambah dakwat. Akan tetapi dia bukan segala-galanya. Janganlah dakwat kekal lekat, tidak lekat itu menjadi perbincangan. IC ada atau tidak ada? Kalau Bangladesh yang bukan warganegara bincang pasal tajuk dakwat kekal tidak sah sebab apa dia tidak ada IC.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Izinkan saya membaca sekejap.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tadi Yang Berhormat Permatang Pauh tadi bagi contoh yang jelas seorang ada dua tempat dan dua IC.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, ini mengenai dakwaan beberapa Ahli Yang Berhormat dalam isu pendaftaran dan pembersihan daftar pemilih yang dikatakan tidak telus sehingga menyebabkan wujudnya 60,000 pengundi yang meragukan dan juga pengundi warga asing. Kena dengar ini dulu baru kita cakap.

Dakwaan tersebut adalah tidak benar. Mereka ini hendak lambat-lambatkan takut orang kami balik? Orang kami tidak balik. *Solid* ini. 130 orang ini tidak akan bergerak punya. Semua kapal terbang telah dibatalkan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, mungkin malam ini kita kena *stop the clock* kalau teruskan begini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ya, 20 minit. Dakwaan tersebut adalah tidak benar. Dalam urusan daftar pemilih, SPR hanya mendaftar pemilih yang sah dan layak mengikut kelayakan sebagai pemilih sebagaimana yang disyaratkan dalam fasal 1, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan seperti berikut:

- (i) warganegara. Setiap warganegara. Bangladesh tidak boleh;
- (ii) telah mencapai umur 21 tahun pada tarikh kelayakan;



- (iii) bermastautin dalam satu bahagian pilihan raya pada tarikh kelayakan yang sedemikian atau jika tidak bermastautin sedemikian adalah seorang pengundi tidak hadir; dan
- (iv) didaftarkan di bawah peruntukkan mana-mana undang-undang yang berhubung dengan pilihan raya dalam daftar pemilih sebagai pemilih dalam bahagian pilihan raya tempat dia bermastautin pada tarikh kelayakan.

Jadi dalam kes 60,000 pengundi yang didakwa meragukan, berdasarkan siasatan, SPR tidak pernah menemui maklumat dan bukti seperti dakwaan tersebut. Apa yang sebenarnya berlaku ialah pada bulan September 2011, SPR telah menghantar sejumlah 12,063,534 orang rekod pemilih untuk semakan dengan pangkalan data warganegara JPN pada 29 September 2011. SPR telah menerima hasil semakan tersebut melalui *email* dan mendapati – ini yang betul. Bukan 60,000. Mendapati daripada jumlah tersebut, sebanyak 42,054 memiliki kad pengenalan 12 angka yang masih memerlukan siasatan lanjut di pihak Jabatan Pendaftaran Negara.

Mesyuarat khas SPR bilangan 14/2012 telah memutuskan supaya urus setia mempamerkan rekod 42,051 pemilih berkenaan bersekali dengan pameran rang daftar pemilih tambahan yang diadakan pada 27 Oktober hingga 2 November 2011. Pameran tersebut bertujuan mendapatkan *respond* atau maklum balas daripada orang ramai berkenaan status nombor kad pengenalan tersebut sebelum tindakan lanjut diambil terhadap pemilih yang terlibat. SPR juga telah melanjutkan pameran tersebut. Dilanjutkan daripada 17 November hingga 31 Disember 2011 bagi membolehkan pemilih yang terlibat mempunyai ruang masa yang cukup untuk membetulkan maklumat pendaftaran mereka.

Berdasarkan kepada tiadanya peruntukan undang-undang yang sedia ada untuk membenarkan tindakan pemotongan dilaksanakan, mesyuarat khas SPR bilangan 2/2012 telah memutuskan supaya semua 42,051 rekod pemilih ini didaftarkan sebagai pemilih kecuali rekod pemilih yang sah telah meninggal dunia atau dilucutkan kewarganegaraan. Keputusan ini telah dibuat setelah dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Pendaftaran Negara dan mereka semua telah membuat keputusan bahawa memang wujud 42,051 orang ini dalam pangkalan data JPN. SPR memohon kepada Ahli Yang Berhormat kalau sekiranya ada apa-apa kekurangan, kita hendaklah membuat laporan dengan secara jujur dan ikhlas.

Mengenai pengundi warga asing, suka dijelaskan di sini bahawa tidak timbul kerana ia tidak pernah dibuktikan oleh mana-mana pihak yang mendakwanya bahkan logiknya tidak ada. Sebagai contoh, dakwaan kononnya terdapat usaha untuk membawa 40,000 orang warga asing ataupun di Dewan ini mereka kata tidak tetapi kita mendapat maklumat ialah mereka sebut warga Bangladesh sebagai pengundi adalah merupakan tuduhan yang tidak masuk akal. Ini kerana untuk membawa 40,000 orang warga Bangladesh memerlukan seratus buah jumbo jet 747 termasuk seribu buah bas dan hanya yang...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Tidak ada orang sebut pun.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** ...Boleh memuatkan 40 orang. Jadi tambahan pula jika mereka hendak mengundi, data pemilih berkenaan sudah tentu disemak oleh semua pihak dan jika ada pihak yang cuba untuk memanipulasikan, tentu sekali ejen-ejen calon yang berkenaan akan melakukan bantahan atau protes pada masa tersebut. Ini bermakna kalau betul orang yang datang itu seperti Yang Berhormat Ayer Hitam sebut yang mukanya macam Bangladesh. Banyak contoh di sini. *[Ketawa]* Tentu ejen di situ, ejen yang ada di situ dia akan protes. Ini bukan pengundi. Jadi kalau bukan pengundi, pegawai pilihan raya kena tengok ada IC.

Jadi kalau sekiranya dia tidak ada kad pengenalan, bagaimana dia hendak katakan ini orang Bangladesh dan sebagainya. Protes mesti dibuat pada masa itu. *There and then*, dengan izin. Jadi berhubung dengan tuduhan tersebut, sekali lagi kita mengatakan bahawa tidak benar dan kita tidak boleh mengatakan dengan itu, SPR,

Timbalan Pengerusi SPR dan semua Suruhanjaya Pilihan Raya kena berhenti. Tidak ada alasan yang munasabah untuk mereka berhenti. Kalau mereka hendak dihentikan, mereka mesti dihentikan oleh orang yang melantik mereka. Orang yang melantik mereka ialah Yang di-Pertuan Agong, maka ikut proses yang ada kepada mereka untuk kita hentikan mereka.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya hendak kena cakap. Oleh kerana saya melangkau, bagi *chance* untuk saya membuka kertas-kertas yang berikutnya, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, dia akan panjang.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak sebut kandungan dakwat kekal sebab ini telah dimanipulasikan oleh banyak pihak bahawa kandungan dakwat kekal itu ada pewarna makanan dan sebagainya.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [Bangun]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini yang penghabisan. Yang lain saya akan jawab secara bertulis. Boleh bagi sekejap? Nanti saya benarkan. Saya bagi beramai-ramai.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Sekejap, ini sebab semua orang hendak tahu. Pewarna makanan sebab Barisan Nasional pun hendak tahu. Kenapa ada pewarna ini? Boleh buat kekkah? [Ketawa] Sekarang saya hendak cerita ya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos penggunaan dakwat kekal dalam Pilihan Raya Umum ke-13 yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri adalah sebanyak RM6 juta.

#### ■2140

Kos ini adalah meliputi kerja-kerja mereka bentuk botol, dakwat khas, berus, kotak, botol dan membuat bancuhan khas dakwat memandangkan ianya tidak ada di pasaran. Kos tambahan meliputi kos pengangkutan, pembungkusan serta penyimpanan dakwat kekal adalah sebanyak RM200 ribu, menjadikan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM7.1 juta.

Pada masa ini SPR tidak bercadang untuk memaklumkan nama pembekal. Mengenai kandungannya, SPR telah mengambil pendekatan iaitu prinsip penggunaan bahan kimia pada paras terendah seterusnya memutuskan kandungan dengan izin, *silver nitric* 1% bagi penggunaan dakwat kekal yang pertama kali diperkenalkan. Ini mengambil maklum daripada pengalaman Kementerian Kesihatan dalam menggunakan *silver nitric* untuk rawatan penyakit kulit tanpa memudaratkan pesakit adalah di sekitar 0.5% sehingga 1%. Di atas dasar mengutamakan keselamatan pengundi yang pertama kali menggunakan dakwat. Justeru peratusan *silver nitric* untuk kedua-dua hari mengundi adalah sama.

Berhubung dengan kualiti tahan kekal lama dakwat ini. Untuk makluman Yang Berhormat, ianya telah diuji oleh wartawan semasa sidang akhbar berkaitan pada 2 Mei 2013 dan terbukti ia tidak dapat dihilangkan dengan menggunakan bahan peluntur dan pencuci.

Mengenai dakwaan terdapat pengundi yang membuat aduan seramai 11,256,545 daripada 13,268,147 atau 84.8% pemilih telah keluar mengundi dalam PRU ke-13, hanya 1,469 orang atau 0.0013% sahaja yang membuat laporan polis mengenai ketidakkekalan dakwat.

Namun daripada siasatan dan tinjauan yang dibuat, didapati dakwat berkenaan tidak hilang sepenuhnya di jari kerana masih terdapat kesan dakwat di celah kuku walaupun telah dicuci berkali-kali. Walau bagaimanapun terdapat kemungkinan kesan dakwat boleh menyebabkan dakwat tersebut tidak mampu kekal lama pada jari mereka kerana ada orang yang berniat jahat dengan menyapu bahan-bahan ataupun bahan-bahan tertentu seperti gris dan sebagainya dengan niat untuk menipu. Jadi bahan-bahan lain yang digunakan ialah termasuk pewarna organik. Pewarna organik ini lebih kurang 60% dan pelembap lebih kurang 29%. Jadi pewarna ini ialah, *silver nitric* ini ialah bahan *colorless*, tidak ada warna. Macam ini, [Sambil menunjukkan contoh air mineral] ini air, macam inilah *silver nitric*, ia tidak ada warna. Kalau kita bubuh di jari, kita tidak nampak, jadi kena bubuh warna.

Kalau kita bubuh warna dengan bahan yang lain, *chemical* yang lain yang tidak disahkan oleh JAKIM, Menteri JAKIM ada di sini, maka orang-orang tidak keluar mengundi. Kita kena bubuh bahan yang dikatakan halal, JAKIM telah pun, surat-menyurat telah pun ada di sini yang mana kita kena letak *silver nitric* dengan bahan-bahan lain, *content* yang lain yang halal. Pewarna organik sebanyak 60% ini, kalau sekiranya kita hendak buat *color* merah, ia pewarna organik bahan lain, kalau hendak buat *color* biru, bahan lain. Saya tidak boleh sebut di Parlimen ini sebab saya tahu kamera fokus pada saya, rakyat sedang memerhati sebab nanti orang buat silap faham sebab orang akan mengambil kata-kata tertentu untuk disalahtafsirkan. Contohnya macam *Malaysia Insider*, kita kata SPR dapat elaun, ini pekerja-pekerja pilihan raya, 240,000.

Mungkin seratus ribu lebih menyokong pembangkang, mungkin seratus ribu yang menyokong kita. Jadi sekarang ini pekerja-pekerja pilihan raya dah marah kerana mereka telah dituduh menerima bonus, padahal kita sebut elaun, bonus dengan elaun lain. Macam pegawai kerajaan minta dua bulan setengah bonus, itu bonus, dia dapat gaji lebih daripada 12 bulan. Ini elaun, yang terdiri daripada cikgu-cikgu dan pelbagai lagi yang saya hendak beritahu ramai daripada mereka yang menyokong pembangkang. Kita kata mereka terima bonus padahal mereka terima elaun. *Malaysia Insider* sebut, mereka terima bonus, sengaja diputarbelitkan.

Jadi saya hendak sebut bahan-bahan organik ini, kalau saya sebut, saya sebut apa dia bahannya itu, sudah pasti akan keluar berita dakwat kekal telah dimasukkan bahan ini. Bahan itu kalau kita sebut di Parlimen ini, ia kadang-kadang macam hendak tergelak orang kata, macam *funny* sedikit dengan izin tetapi bahan itu adalah bahan yang halal iaitu bahan pewarna. Kalau sekiranya air ini hendak bubuh warna lain, warna biru, kita kena bubuh bahan pewarna. Bahan pewarna itu ialah untuk memastikan ia dapat warna. Ini ialah warna pengundi biasa, ini ialah pengundi awal, itu warnanya. Jadi terpulang kepada apa yang kita hendak buat di Kuala Besut nanti. Kalau sekiranya kita hendak putus apa-apa warna, maka bahan organik tadi, pewarna organik tadi akan dimasukkan untuk kita dapat *color* yang berkenaan.

Kalau tidak kita tidak mungkin dapat *color*. Itu sebab kenapa dibubuh pewarna makanan dan sebagainya, apakah boleh dibuat kek. Jadi benda ini kita kena serius sebab pembangkang cukup serius. Malah apabila saya tunjuk jari saya kepada Ketua Pembangkang, Ketua Pembangkang tidak tahan tengok jari saya, dia kata jari dia tidak lekat. Saya pun hairan juga, jari saya ini apa kena pun semua lekat. Jadi jari pembangkang tidak lekat. Saya bubuh seorang pegawai...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Menteri, itu sengaja.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lekat, sampai hari ini masih ada tetapi dakwat kekal...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Itu sengaja diputarbelitkan apa yang kita kata, tidak betul.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Batu, minta tanya soalan. Hendak tanya soalan? Tanya soalan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Pertama sekali, saya hendak tegaskan yang kata pewarna makanan itu adalah jawapan bertulis dari kerajaan, bukan kita rekanya. Manakala yang kata tidak ada bahan kimia juga dalam jawapan kerajaan, yang kata tidak pernah Kementerian Kesihatan keluar surat untuk menyatakan *silver nitric* ini akan menyebabkan penyakit buah pinggang, itu pun adalah Menteri Kesihatan.

Kita bukan reka perkara ini, yang disebut ini, kalau kerajaan tidak bagi jawapan yang konsisten, tidak boleh salahkan Pakatan Rakyat. Akan tetapi saya ingin tegaskan isunya ialah saya hendak tanya secara spesifik adakah *content* dan bahan pewarna ini sama semasa Pilihan Raya Umum Ketiba Belas dan untuk keesokan hari di Kuala Besut?

Saya ingin tahu spesifik, saya tidak menuntut supaya pembekal itu didedahkan di sini tetapi adakah *contentnya* sama? Saya juga, yang tidak lekat di tangan ini mungkin menteri seorang yang lekat sebab kita nampak Yang Berhormat Pekan juga pada malam itu tangannya bersih, kita tengok dalam TV, satu Malaysia tengok dalam TV semasa doa selamat dibuat bila Barisan Nasional dapat 50% kerusi lebih, dah diisytiharkan menang, kita tengok di tangannya pun dah bersih, tidak ada. Kalau tidak kita *check* balik rekod. Jadi bukan sahaja kita, memang kalau seribu yang buat laporan polis, tidak bermaksud hanya seribu yang tidak lekat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, isu yang sama.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** [Bangun]

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat daripada Batu, saya hendak maklumkan bahawa selepas lima hari pun masih ada kesan-kesan di jari. Masa kita angkat sumpah Menteri, saya tengok dia ada di sebelah kiri kanan sebab saya dah jadi Menteri, boleh tengoklah jari Perdana Menteri, saya nampak masih ada. Ini bukan hendak bohong, bulan puasa tau mana boleh bohong.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Bulan lain mungkin orang kata macam-macam, bulan puasa tidak boleh bohong. Ketua Pembangkang pun takkan bohong, *you* percaya. Malam ini walaupun dia terasa hati sebab saya cakap itu tetapi dia tahu bahawa saya cakap benar walaupun pahit tetapi ianya adalah benar.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tolong beri laluan Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Puan P. Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian saya hendak beritahu bahawa apakah bahan, anak P. Patto tunggu sekejap ya, bapa dia kawan saya sebab itu, saya dah beritahu pada dia.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat Sandakan, Sandakan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak beritahu Yang Berhormat Batu, bahan yang digunakan untuk hari pertama yang *color* macam hendak merah ini ialah sama tetapi pewarna tukar tetapi *contentnya still 60%*. Pewarna yang pertama daripada sejenis buah-buahan ini, pewarna yang kedua daripada yang berwarna ke arah kebiru-biruan. Akan tetapi saya tidak boleh beritahu, saya bukan tidak boleh beritahu, saya boleh beritahu tetapi saya takut rakyat Malaysia diputarbelitkan pemikiran mereka. Yang Berhormat Batu tahu bahawa ...

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Kandungan *silver nitric* sama?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** 1% *confirm*, termasuk pewarna. *No problem*. Saya jawab di Parlimen ini, kalau saya salah, nak heret saya ke mana-mana tidak ada masalah. Saya juga adalah seorang pejuang dan hero di jalanan, *no problem*. Permatang Pauh dia *final year*, dia *repeat* dua kali, saya *first year*. Dia bercakap dalam PBMUM, saya pengikut dia. Dia suruh serang saya serang, tengok-tengok dia ada di belakang. [Dewan ketawa]

■2150

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isu dakwat kekal, boleh tanya sikit?

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat, minta laluan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, jadi..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, minta penyuluhan sikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isu dakwat kekal, Subang.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sedikit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.  
*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, boleh saya hentikan soal jawab mulut ini? Sebab apa, kita ada enam Menteri lagi.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, soalan pendek sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Dan Menteri ini kalau dia cakap seorang 20 minit. Kita kena ada 120 minit. Makna kata, masa agak lewat...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, mohon penyuluhan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi bagilah ruang dan peluang untuk saya balik sembahyang tarawih.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Kasi peluang Sandakan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini, nak benarkan kah?

**Beberapa Ahli:** Tak payahlah!

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri putuskan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, ini soalan untuk SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak bagi jawatankuasa pembaikan pilihan raya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tak bagi kah tak mahu bagi Yang Berhormat Menteri?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Ini penambahbaikan untuk SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Berhubung dengan pembaikan pilihan raya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Bukan kami hendak kutuk SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pengerusinya adalah Datuk Panglima...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, kami bukan anti SPR. Kami anti penipuan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Maximus Ongkili, Dato' Radzi Sheikh Ahmad, Tan Sri Dato' Fong, kemudian...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya pun tak tahu ini apa ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Alexander Nanta Linggi..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, boleh bagi jawapan kata putus, ia atau tidak?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Yang Berhormat Tuan Kamalanathan, Mohamed Azmin Ali, Loke Siew Fook...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Tuan Yang di-Pertua *can I just...*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Hatta Ramli, kemudian Wee Choo Keong. Kalau puak-puak ini tanya saya sekarang, saya seronok ini. Saya hendak tanya, adakah mereka masih ada di Parlimen ini? Hak yang ini hak Kangar tak ada dah. *[Disampuk]* Ha, ada lagi. Dia ada, Nanta Linggi ada. Mereka putuskan tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua bagi dia jawab sikit, apakah benar mereka yang putuskan dakwat kekal yang mana masa itu Yang Berhormat Gombak ada, kemudian Loke masih ada, kemudian Hatta Ramli ada, Wee Choo Keong tidak ada.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu bukan isu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi, tetapi mereka yang putuskan tentang...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Isu dia lain. Okey, ringkas sahaja, seminit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini sekejaplah.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Menteri, kami bukan anti SPR. Kami anti penipuan. Kami anti rasuah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kemudian akhir sekali, ini Subang akhir sekali ya. *May be you want to*, hendak tengok ini ya...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, lepas ini. Akan tetapi *you* bagi peluang, bagi peluang itu sahaja

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak beritahu tentang hendak jawab *one man, one boat* tadi. Kapar pilihan raya sebelas 104,000 orang, pilihan raya ke-12 112,000 orang, pilihan raya ke-13 144,000 orang. Ini hendak bagi tahu tentang kedudukan pengundi yang mana kalau kita kata hendak masuk pendatang asing, siapa ya. Kemudian kita ambil ini Permatang Pauh. Mana Permatang Pauh, *wallahu'alam*. Lembah Pantai dahulu.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat, kasi laluan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Lembah Pantai PRU ke-11, 56,562. Dia pun tak ingat. Kemudian PRU ke-12 berapa? Berapa kalau ingat? Tak boleh ingat ya. Okey, PRU ke-12...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** PRU ke-12 ialah 56,650 tetapi PRU ke-13, 72,396. di manakah mereka ini datang begitu banyak? *Wallahu a'lam* ya. Kemudian Jelebu. Kapit, Kapit.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat mohon penyuluhan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kapit 23,000, pilihan raya sebelas 22,723, pilihan raya ke-12 dan 26,000 pilihan raya ke-13. Jadi kenaikannya kira agak biasa. Akan tetapi Bukit Bintang seronok juga kita hendak dengar. Hendak dengar Bukit Bintang? Okey, 65,112 pengundi PRU sebelas, PRU ke-12 59,000, PRU ke-13 55,000. Di manakah mereka ini pergi? Jadi *wallahu a'lam*. Jadi kita kena ingat kawasan Bukit Bintang ini pembangkang. Siapakah bawa mereka ini pergi ke mana? Kemudian saya sudah ada semua. Seputeh, 74,000 pilihan raya ke-11, 76,000 pilihan raya ke-12 dan 85,000 pilihan raya yang ke-13. Gelang Patah 70,000 pilihan raya ke-11, pilihan raya ke dua belas 76,000, pilihan raya yang ke-13 ialah 106,726.

**Beberapa Ahli:** Oh!!

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa *relevant* ini?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Gombak kawan baik saya ini. 92,000 pilihan raya ke-11, 99,000 pilihan raya ke-12, 106,000 pilihan raya yang..

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Apa *point* yang diujahkan itu?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Maaf, 123,000 pilihan raya yang ke-13. Okey, ini sebagai contoh.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Okey, boleh saya balik kepada isu dakwat kekal, sekejap sahaja, seminit sahaja.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, mohon penyuluhan.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat minta laluan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mohon penyuluhan sedikit. *[Dewan riuh]*

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Satu soalan sahaja. Boleh?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya hendak tutup dah.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Eh? Seminit sahaja. Saya tanya ya, terima kasih.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** 30 *second*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** 30 *second no problem*. Ini *point* pokok tentang isu dakwat kekal adalah ini sahaja. 19 hari bulan Disember 2011, Pengerusi SPR mengumumkan dakwat kekal akan mengandungi 4% hingga 7% *silver nitrate* dan akan kekal tujuh hari. Itu kenyataan pertama. Saya boleh bagi semua tarikh kenyataan ini diulang bukan sahaja oleh Pengerusi, oleh Timbalan Pengerusi banyak kali sehingga PRU ke-13 berlaku. Akan tetapi tiba-tiba selepas 30 April apabila kita nampak dakwat kekal ini tidak kekal, satu hari pun cerita ditukar. Cerita ditukar kepada *silver nitrate* peratusannya hanya 1%. Itu isu dia.

Dua tahun secara konsisten dengan penuh pengetahuan daripada institusi yang diberi kuasa untuk melaksanakan pilihan raya empat sampai tujuh. Sebab itulah amalan di seluruh dunia. Dakwat kekal di seluruh dunia mengandungi sekurang-kurangnya 4% ada sampai 15% pun. Itu pun disebut tidak lain dan bukan lain daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi SPR. Itu isu pokok dia dan itu tidak disentuh oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, Yang Berhormat ya.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Itu yang saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat saya hendak tambah sedikit.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Kenapa tidak jawab isu ini.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *Alright*, okey, saya tahu...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Ini adalah penipuan yang dilakukan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat sedikit tambah sedikit.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** *You* pun hendak cakap sama. Dia hendak sebut bahawa...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Sebab itu kita sebut memang penipuan dilakukan. Saya minta penjelasan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey ya?

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** United Nation Development Program (UNDP) mengesyorkan 5% – 25% yang dibenarkan penggunaan dalam pilihan raya. UNDP telah mengesyorkan 5% - 25%. Jadi bagaimana ia berkurang sehingga 1%?

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Okey, kita tak ada isu. Kita boleh bercakap pasal United Nations, boleh bercakap apa semua, tetapi kita kena ingat...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Mana kajian saintifik Kementerian Kesihatan.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pengundi rakyat Malaysia.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang dapat 1% itu mengakibatkan sakit buah pinggang atau kanser. Ini persoalan saya Yang Berhormat. Di manakah kajian saintifik atau bukti empirikal Kementerian Kesihatan yang saling menuding jari terhadap SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Jawab, saya jawab secara bertulis dan cukuplah, saya tak benarkannya. Terima kasih, *bye-bye*.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, lagi satu, Yang Berhormat lagi satu.

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Yang Berhormat, minta laluan. Ini isu lain, isu lain ini.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *I just want to quote dengan izin, Article 114, the Federal Constitution clearly state; "In appointing members of the Election Commission...*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak nak jawab dah, dah tutup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat..

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *...the Yang di-Pertuan Agong shall have regard to the importance of securing an Election Commission..*

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Duduklah Batu Kawan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *...Which enjoys public confidence." SPR at this point does not enjoy any public confident.*

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua. Sebenarnya kita telah berbincang panjang di luar sana. Sekarang kita bincang dalam Dewan ini. Akan tetapi dakwat kekal bukan segala-galanya. Dia adalah tambahan daripada kad pengenalan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, ini isu pecah amanah rakyat..

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Okey, lain isu, lain isu.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Kalau kita bukan warganegara madam, *please sit down...*

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Walaupun bukan segala-galanya, ini isu pecah amanah rakyat. Kepercayaan diberi kepada SPR.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** You yang pecah amanah. Tak baik, berdosa tau.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Apa yang berdosa? Saya menghormati Yang Berhormat.



**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Ini, ini, kalau ada rakyat tipu, buat petisyen. Buat petisyen, kita kena buat petisyen.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat, kami hendak menambahbaikkkan proses...

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Pilihan raya. Jangan menuduh, tetapi tak apalah, *you* tak tahu dosa, pahala. Akan tetapi saya hendak bagi tahu semua orang Islam di sini bahawa...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Kami bukan anti pengerusi SPR. Kami anti penipuan, kami anti rasuah..

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Bagi ruang kepada Kapar Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, duduk Yang Berhormat Menteri. Duduk, duduk. [*Dewan riuh*] Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, boleh duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, sudahlah mengenai dengan isu pilihan raya ini. Sudahlah. Yang kita duduk semua di sini ini secara tidak langsung pun sudah menerima keputusan. [*Tepuk*]

**Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya punya isu ada lain sikit, bolehkah kasi saya peluang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudahlah! [*Dewan riuh*]

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya..

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh Yang Berhormat Menteri gulung?

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Pukul 10 dah, sudah.

**Dato' Seri Shahidan bin Kassim:** Saya menggulung. Saya berterima kasih kepada kawan-kawan daripada *backbencher*, terima kasih banyak-banyak, Ketua Pembangkang dan juga semua pihak. Marilah kita sama-sama menggembelng bahu, bekerjasama untuk memberi perhatian kepada rakyat. Rakyat yang anak-anak kita yang baru keluar universiti, kita kena bagi perhatian. Kita kena bagi perhatian kenapa orang asing terlalu ramai di negara ini sehingga mereka masuk ke semua bidang aktiviti ekonomi yang memeranjatkan kita. Jual ais krim, jual karpet, malah saya ini ialah peminat sukan *jungle tracking*, saya selalu pergi Gua Musang.

#### ■2200

Di Gua Musang, tiga jam perjalanan dengan kereta, dengan motor lima jam, orang jual karpet ada di sana. Ini menunjukkan bahawa mereka sekarang di mana-mana. Sepatutnya pembangkang dengan Barisan gembelng tenaga untuk menggerakkan rakyat menguasai ekonomi, bukan membiarkan orang asing. Kalau kita marah orang asing kenapa dia meniaga kacang, orang Iran yang lawa-lawa macam Yang Berhormat Lembah Pantai dok meniaga kacang...

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat, yang bagi IC dekat orang asing itu siapa?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Diam-diam. Ini hendak doa ini perhabis. Diam semua orang ya. Kita kena ingat bahawa orang asing yang berniaga kacang, kacang putih ya di *supermarket*, kebanyakannya orang Iran. Di karaoke kita lihat orang asing. Setengah orang datang untuk belajar tapi tidak belajar, pergi berfoya-foya. Semua ini kita kena beri perhatian. Saya percaya kalau dikempen habis-habisan, gerakan rakyat, buat demonstrasi untuk mereka bekerja. Bukan demonstrasi untuk membenci. Membenci tidak selesai masalah. Orang yang hidup di atas kebencian, dia tidak akan dapat nikmat. Kita lihat Morsi di Mesir.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Morsi di Mesir. Kita lihat seorang al-hafiz. Kita orang menyokong dia, dia gerakkan demonstrasi. Sekarang orang jatuhkan dia. Jadi bila kita tidak hormat kepada satu sistem yang ada, akhirnya akan berlaku jatuh-menjatuh, benci-membenci.

Maka marilah kita semua menerima hakikat bahawa pilihan raya telah berlalu dan kita hadapi – mungkin akan ada pilihan raya kecil dari masa ke semasa, *insya-Allah* kita akan pergi bersama. [*Tepuk*] Saya dan juga kawan-kawan yang hadir di Parlimen ini menerima hakikat bahawa kita bukan untuk benci-membenci. Kita hendaklah berbincang dengan cara elok. Kita boleh minum elok di sana. Kenapa tidak boleh minum elok di sini?

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim:** Akhir sekali... Okey.

*Dakwat kekal berwarna biru,*

*Digoncang-goncang baru dibuka,*

*PRU-13 sudah berlalu,*

*Terimalah dengan hati terbuka. [*Tepuk*]*

*1Malaysia slogan perpaduan,*

*Kepentingan negara kita dahulukan,*

*Berhari-hari kekal di tangan,*

*Ketelusan SPR dipersoal jangan.*

Terima kasih. [*Tepuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**10.02 mlm.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menggulung perbahasan Usul Titah Diraja pada malam ini, saya suka memaklumkan pada Dewan yang mulia, saya memiliki 19 muka surat yang perlu saya habiskan dan sekiranya tidak ada apa pencelahan dan sebagainya ataupun kalau Tuan Yang di-Pertua merasakan perlu untuk saya berikan jawapan bertulis, Tuan Yang di-Pertua arahkan saja.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan hal ehwal Islam semasa perbahasan Titah Diraja ini. Saya telah meneliti semua isu-isu yang dibangkitkan. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin memberikan penjelasan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Lembaga Tabung Haji ataupun ringkasnya TH yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Sabak Bernam menyarankan Tabung Haji menyediakan mesin *automatic teller machine* (ATM) dengan izin, bagi urusan pengeluaran wang dan *cash deposit machine* (CDM) dengan izin, bagi urusan penyimpanan di pejabat Tabung Haji dan di peringkat awal ditempatkan di ibu pejabat Tabung Haji negeri-negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, mesin ATM ataupun CDM telah disediakan di Pejabat Tabung Haji Negeri di seluruh negara. Pada masa yang sama, mesin-mesin ATM ataupun CDM juga telah ditempatkan di 32 pejabat cawangan Tabung Haji terpilih di seluruh Malaysia. *Insya-Allah*, perancangan selepas ini, banyak lagi lokasi pejabat cawangan Tabung Haji yang akan ditempatkan dengan mesin ATM dan CDM.

Bagi meningkatkan kecekapan dan memudahkan pendeposit melakukan transaksi Tabung Haji, selaras dengan gagasan rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan, saluran perkhidmatan Tabung Haji telah diperluaskan melalui hubungan kerjasama strategik dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (BKRM) dan Maybank Islamic (MIB). Jalinan kerjasama strategik sejak tahun 2008 dengan BIMB dan BKRM serta MIB pada tahun 2012 membolehkan transaksi simpanan dan pengeluaran Tabung Haji dilakukan melalui mesin ATM dan CDM di bank-bank tersebut. Pada masa sekarang, para pendeposit Tabung Haji boleh berurusan melalui mesin ATM sebanyak 4,128 mesin dan mesin CDM pula sebanyak 1,599 mesin yang beroperasi di seluruh negara. Sekali gus memberikan kemudahan untuk berurusan dengan Tabung Haji sepanjang masa yakni 24 jam sehari.

Ahli Yang Berhormat juga meminta penjelasan mengenai jumlah penyimpan Tabung Haji masa kini dan penyimpan Tabung Haji yang mendaftar haji pada tahun 2013. Sehingga 5 Julai 2013, pendeposit Tabung Haji adalah berjumlah 8.3 juta orang dan daripada jumlah tersebut, bilangan pendeposit Tabung Haji yang telah mendaftar untuk menunaikan fardu haji adalah sebanyak 1.2 juta orang.

Berhubung dengan langkah-langkah bagi memastikan penyimpan Tabung Haji untuk pergi haji tanpa menunggu khususnya warga emas, Tabung Haji telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Pendaftaran semula bakal haji hanya boleh dilakukan selepas lima tahun pada tarikh kali terakhir menunaikan fardu haji;
- (ii) tidak menawarkan tempat untuk menunaikan fardu haji kepada kanak-kanak di bawah 15 tahun walaupun telah berdaftar; dan
- (iii) bakal jemaah haji untuk kali kedua ataupun sebagai mahram ataupun pembantu bakal jemaah haji lanjut usia terpilih dikenakan bayaran penuh wang belanja haji tanpa ditanggung oleh Tabung Haji.

Bagi warga emas iaitu yang berusia 75 tahun ke atas, pertimbangan yang khusus diberikan kepada bakal-bakal haji untuk ke tanah suci lebih awal daripada tempoh yang ditetapkan. Namun, keutamaan diberikan kepada bakal haji yang belum pernah menunaikan fardu haji serta lulus pemeriksaan kesihatan.

Yang Berhormat Marang menyarankan supaya Lembaga Tabung Haji memberikan keutamaan kepada perkhidmatan kepada jemaah haji tanpa mengira sama ada mereka melalui Tabung Haji ataupun persendirian ataupun swasta. Lembaga Tabung Haji sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada keseluruhan jemaah haji Malaysia yang menunaikan haji pada setiap tahun.

Dengan kerjasama dan kebenaran kementerian dan agensi Kerajaan Arab Saudi, pihak Tabung Haji akan menyediakan perkhidmatan kepada semua jemaah haji di bawah kuota rasmi Malaysia tidak kira daripada pakej muassasah ataupun pakej swasta. Semua perkhidmatan yang disediakan oleh Tabung Haji di Tanah Suci terikat dengan peraturan-peraturan Kerajaan Arab Saudi. Antaranya, mensyaratkan perkhidmatan hanya boleh diberikan kepada jemaah haji di dalam senarai kuota rasmi Malaysia sahaja.

Contoh perkhidmatan perubatan yang diutarakan oleh Yang Berhormat, walaupun ada rakyat Malaysia yang menunaikan haji dengan tidak melalui Tabung Haji, petugas-petugas perubatan akan memberikan rawatan kecemasan dan pesakit luar sahaja. Tabung Haji membantu menghantar jemaah haji berkenaan di hospital-hospital Arab Saudi jika perlu kepada rawatan lanjut.

Walau bagaimanapun, terdapat jemaah haji yang menunaikan ibadah haji tidak melalui kuota Tabung Haji yakni kuota rasmi Malaysia seperti tinggal melebihi tempoh, visa umrah, menggunakan permit masuk melalui negara lain, menggunakan pakej swasta yang tidak dilesenkan dan tidak diiktiraf serta jemputan khas daripada pihak-pihak di Arab Saudi yang tidak dimaklumkan dan di luar daripada pengetahuan Tabung Haji. Kes-kes sebegini

akan mengalami masalah seperti mana imigrasi di lapangan terbang, kesihatan, tempat tinggal, hotel dan sebagainya. Peraturan pihak berkuasa Arab Saudi ini mesti dipatuhi supaya pihak Tabung Haji tidak diambil tindakan dan seterusnya akan menyusahkan semua pihak termasuk 28,000 jemaah haji rasmi Malaysia. Tabung Haji sentiasa memberikan kerjasama kepada Pejabat Kedutaan Malaysia di Arab Saudi dalam usaha membantu rakyat Malaysia yang menghadapi masalah di Tanah Suci.

Yang Berhormat Kuala Langat pula menyeru supaya Tabung Haji memberikan peluang kepada pekerja tempatan di sektor perladangan termasuk pengurusannya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penglibatan Tabung Haji dalam sektor perladangan adalah melalui anak syarikat iaitu TH Plantation Berhad (THP) yang mempunyai ladang beroperasi di Malaysia dan juga Indonesia.

#### ■2210

Di Malaysia THP mempunyai tenaga kerja berjumlah 6,000 yang mana 35% daripadanya adalah rakyat Malaysia yang memegang portfolio mengurus dan juga ke atas. Seperti mana juga ladang-ladang lain bagi jawatan buruh kasar, pemungut kelapa sawit dan pekerja am yang mewakili 65% adalah terdiri daripada pekerja warga asing. Ini memandangkan kekurangan tenaga buruh rakyat tempatan untuk melakukan pekerjaan sedemikian. Bagi ladang-ladang di Indonesia pula, Kerajaan Indonesia telah menetapkan pengambilan tenaga kerja luar adalah untuk pihak pengurusan kanan yakni pengurus besar dan ke atas sahaja. Justeru itu, THP mempunyai kakitangan kerakyatan Malaysia menjawat jawatan dalam kategori pengurusan kanan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Yang Berhormat Sabak Bernam bertanya sejauh manakah kerajaan mengambil tindakan kepada gerakan memurtadkan umat Islam termasuk gerakan di media sosial. Bagi menangani isu ini kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) serta agensi kerajaan yang lain sentiasa bersama-sama menggembleng tenaga bagi mencegah gerakan ini daripada berleluasa. Pemantauan yang berterusan dijalankan di samping mengadakan beberapa program bagi memantapkan lagi akidah umat Islam. JAKIM juga sentiasa memantau gerakan murtad yang disebarikan melalui media baru.

Berdasarkan penelitian yang dibuat oleh JAKIM daripada keseluruhan media-media baru yang dikaji sehingga Jun 2013 hanya segelintir kecil sahaja media baru bermasalah yang melibatkan gerakan murtad ini. Sungguhpun begitu, kerajaan sentiasa memberikan perhatian terhadap perkara ini. JAKIM dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (JAIN) telah mempersetujui satu mekanisme khusus bagi mengatasi masalah ini. Sebarang maklumat mengenai Islam yang disebarikan melalui media baru, media sosial yang menyalahi undang-undang JAKIM dengan mendapat persetujuan daripada JAIN akan memanjangkan perkara ini kepada SKMM bagi tujuan menyekat daripada terus tersebar dan langkah-langkah lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Tuaran membangkitkan isu kebenaran memeluk agama Islam bagi orang yang berumur bawah 18 tahun yang diperuntukkan dalam fasal 107(b) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 2013. Kerajaan mengambil perhatian serius terhadap respons daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pelbagai pihak ke atas peruntukan tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari permasalahan yang berbangkit daripada penukaran agama oleh salah satu pasangan kepada perkahwinan bukan Islam, sama ada pihak bukan Islam ataupun pihak yang beragama Islam, masing-masing telah mengemukakan cadangan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut.

Dalam hal ini, apa-apa penyelesaian yang dibuat hendaklah merujuk kepada peruntukan dalam perlembagaan. Oleh itu, pertimbangan kerajaan dalam menggubal undang-undang untuk menyelesaikan permasalahan adalah sentiasa berpandukan kepada sama ada undang-undang itu selaras dengan kehendak Perlembagaan Persekutuan di mana fasal 4 perkaranya 12 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama seseorang yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh *his parent or guardian*, dengan izin.

Sehubungan itu, Mahkamah Persekutuan dalam kes Subashini a/p Rajasingham *verses* Saravanan a/l Tangatorai 2008 di dalam 2MLJ (*Malayan Law Journal 147*) telah mentafsirkan perkataan *parent* sebagai mufrad ataupun *singular*. Justeru perlu diperjelaskan bahawa seksyen 107(b) rang undang-undang ini adalah digubal berdasarkan fasal 4 Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan dan kes Subashini. Kerajaan percaya Islam adalah agama yang adil kepada umat Islam.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** [Bangun]

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Maka isu pertikaian status agama anak juga perlu diselesaikan secara adil berdasarkan kepada prinsip keadilan di dalam Islam.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Puchong berdiri Yang Berhormat.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sila.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, tadi sebut bahawa keputusan yang dibuat berhubung dengan artikel 12(4) Perlembagaan Persekutuan adalah keputusan yang selaras dalam kes Subashini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa di dalam Perlembagaan Persekutuan kita ada artikel 12(4) dan seperti mana Yang Berhormat Menteri menyatakan dan saya setuju *in English version* mengatakan bahawa apa yang diperlukan adalah kebenaran daripada *parent*. Artikel 12(4) tersebut itu dibaca bersama-sama dengan *Schedule 11* iaitu *Interpretation Section of Federal Constitution* di mana dinyatakan bahawa perkataan *parent* tersebut memang ditafsirkan sebagai *include both parents that is mother and father*.

Apa yang berlaku Yang Berhormat Menteri adalah kita ada satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan iaitu artikel 160B yang dibuat dalam tahun 2001 kalau tidak silap, di mana apa yang dinyatakan di situ adalah bahawa Perlembagaan Persekutuan tersebut akan diberikan atau diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dan penterjemahan bahasa Malaysia itu akan diterima sebagai versi yang rasmi. Akan tetapi apa yang berlaku di situ Yang Berhormat Menteri adalah penterjemahan bahasa Malaysia itu silap kerana penterjemahan bahasa Malaysia tersebut itu membaca Artikel 12(4) tetapi tidak mengambil kira *Schedule 11* yang seharusnya membaca sebagai ibu bapa. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa perkara ini apabila dibawa kepada mahkamah memang dalam kes Subashini tersebut ianya tidak diambil kira.

Oleh itu, keputusan dalam kes Subashini tersebut itu memang tidak betul dan soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri adakah Yang Berhormat Menteri bersedia dalam Jabatan Perdana Menteri supaya satu kajian ataupun satu jawatankuasa ditetapkan untuk mengkaji semula keputusan dalam Subashini untuk memastikan sekiranya ianya tidak seiras dengan artikel 12(4) yang khususnya ia dibaca dengan klausa *Schedule 11* Perlembagaan Persekutuan, adakah kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri sedia untuk menubuhkan satu jawatankuasa untuk memperbetulkan masalah itu dan supaya satu pindaan boleh dibuat untuk kes Subashini tersebut itu is *corrected* dan *as far as you concern* artikel 12(4) tersebut itu kembali kepada maksud yang awalnya iaitu *parent* di situ ditafsirkan sebagai ibu bapa. Sila jelaskan Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Puchong. Saya rasa Yang Berhormat amat memahami tentang undang-undang yang ada di negara Malaysia dan pentafsiran yang dilakukan oleh pihak Majlis Agama Islam dan juga pihak-pihak yang berkaitan dengan perundangan yang ada di majlis agama dan juga yang terlibat dalam menggubal rang undang-undang yang telah pun kita bentangkan dan kemudian telah pun kita kembalikan untuk ditarik semula bagi tujuan kita lebih memantapkan lagi di dalamnya setelah mengambil kira pandangan-pandangan.

Akan tetapi suka saya jelaskan kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat juga telah menyebut bahawa perkara 12(4) tidak harus hanya sekadar dibaca begitu juga di

dalam pentafsiran dan di dalam pentafsiran yang telah dibuat di dalam Perlembagaan Persekutuan telah pun juga secara jelas menyebut bahawa *parent* yang disebut dalam perkataan *parent* itu dieja dan ditulis tanpa perkataan huruf 's'. Kemudian di situ menjadi pertikaian yang dihuraikan - Yang Berhormat jangan geleng kepala lagi. Bagi saya terangkan dahulu. Sekejap, bagi saya terangkan dahulu. Saya belum habis lagi.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Sila, sila.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat, jangan silapkan orang sahaja. Saya pun boleh silapkan Yang Berhormat juga. Akan tetapi saya suka sebutkan begini Yang Berhormat. Bila pentafsiran itu telah pun dibuat berdasarkan kepada *parent* itu disebut boleh dibaca secara *singular* dan juga *plural* dan kemudian yang *plural* dibaca secara *singular*. Itu pentafsiran secara keseluruhannya di dalam versi Inggeris. Kemudian di dalam versi Melayu sebagaimana betul Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi bahawa ia ditafsirkan *parent* itu ataupun perkataan ibu ia tidak sebut 'dan', ia menyebut perkataan 'atau bapa'.

Jadi kita melihat penggubalan itu ia berdasarkan kepada lebih-lebih lagi pentafsirannya mungkin kedua-dua pihak yang terlibat memerlukan kepada pentafsiran yang lebih konkrit, yang lebih *ultimate* dengan izin, ataupun yang lebih kemuncak iaitu pentafsiran melalui mahkamah. Melalui mahkamah kita melihat bahawa melalui Mahkamah Persekutuan dan ada tiga kali di Mahkamah Tinggi dan ada kes yang dibuat di Mahkamah Persekutuan yang telah pun mentafsirkan perkataan *parent* itu dengan maksud mufrad ataupun *singular*. Dalam maksud yang tersebut maka atas sifat dan kepercayaan bahawa apa yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan itu ia merupakan perkara yang dianggap mengikat dengan izin *binding*, Tuan Yang di-Pertua. Maka sebab itu berlaku apa sebagaimana yang telah disebutkan.

#### ■2220

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah Yang Berhormat Puchong sebutkan sebentar tadi bahawa apa sekalipun, hal yang kita telah persetujuan bersama dalam erti kata lebih-lebih lagi pada hari kita mengangkat sumpah sebagai Ahli Yang Berhormat di Dewan, semuanya sekali bahkan saya tertarik ada dua tiga orang rakan-rakan yang mengangkat sumpah dengan gaya dan cara tersendiri. Yang Berhormat Kepong, ada malam ini? Tidak ada? Yang Berhormat Kepong angkat sumpah dengan menghafal sebab dengan membayangkan lamanya Yang Berhormat Kepong dalam Dewan, boleh hafal pun dengan mengatakan bahawa beliau memelihara dan juga untuk melindungi dan juga mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

Saya melihat bahawa ini keyakinan semua sekali Ahli Yang Berhormat, selepas mengangkat sumpah maka layak untuk kita berada dalam Dewan yang mulia ini. Maka kita mendukung daripada Perlembagaan Persekutuan yang kita pegang dengan kukuh dan juga Perlembagaan Persekutuan yang menjadi persetujuan bersama, baik di pihak sebelah sana dan juga yang berada di sebelah sini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Izinkan saya, Menteri. Sedikit sahaja berkenaan dengan isu ini. Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Menteri nampaknya *fluent* ataupun tahu apa undang-undang yang terbabit tetapi Yang Berhormat Menteri dapatkah bersetuju bahawa bila kita tarik balik *bill* yang telah pun dibentangkan tersebut, ianya tidak menyelesaikan masalah. *In fact it creates a bigger problem* Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kita ada masalah pada dasarnya daripada segi pentafsiran *Federal Constitution*. Jadi, *withdrawal of the bill itself* Tuan Yang di-Pertua, *doesn't solve the problem. In fact, it makes it worse* kerana sekarang kita ini *really* tidak tahu apa sebenarnya keadaan dan ini adalah satu perkara yang *with respect, it effects a lot of people*.

Jadi, soal yang saya bangkitkan sebagai Ahli Parlimen, saya nak tanya kepada kerajaan *what do we do now?* *Bill* ini telah pun ditarik balik tetapi keadaan undang-undang, *it still not certain*. Jadi, saya sebagai Ahli Parlimen dan saya rasa semua di sini juga akan setuju *that we have to solve it*. Saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, *what is the plan* of kerajaan untuk kita dapat menyelesaikan masalah ini? Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita telah perjelaskan dan saya sebutkan awal tadi bahawa kita telah persetujuan bahawa kita mendukung perlembagaan negara yang telah kita lafazkan di dalam Dewan ini bahkan termasuk yang berada di luar sana. Kita juga menyebut bahawa apabila

sesuatu pertikaian yang berlaku di antara rakyat Malaysia, maka kita menggunakan mekanisme yang terbaik dan keputusan yang terbaik adalah melalui sistem mahkamah. Jadi, saya melihat bahawa kita mendukung kedaulatan negara dan dalam masa yang sama juga kita harus memegang bahawa mahkamah adalah keputusan yang terbaik di dalam melakukan keputusan pada pentafsiran yang bersifat undang-undang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Jadi pada saya, saya melihat bahawa kedua-dua pihak harus berlapang dada, terbuka hati untuk apabila berlaku pertikaian, maka mahkamah menjadi tempat rujukan dalam menentukan keputusan yang dibuat sebab ini untuk tujuan kebaikan. Saya yang berada di seberang sini dengan Yang Berhormat yang berada di seberang sana bukan tujuan kita untuk berkelahi, bukan untuk kita bermasam muka, untuk kita saling tuduh menuduh tetapi kita ingin melihat keharmonian itu dapat berjalan dengan baik. Jadi, dalam menjaga keharmonian itu, saya melihat bahawa kerajaan berpandangan bahawa mahkamah adalah tempat terbaik bagi menyelesaikan sesuatu pertikaian di antara dua pihak.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Minta jalan, minta jalan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. *Last* isu berkenaan dengan ini, ia berhubungan. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, sebab saya bangkitkan isu ini adalah kerana apabila saya lihat sebenarnya apabila *bill*, rang undang-undang *that was table before*, yang dibentangkan, saya baca melalui surat khabar dan saya dapat tahu bahawa sebenarnya terdapat banyak daripada anggota dalam Kabinet yang tidak setuju, dalam Kabinet. Jadi, ianya menunjukkan bahawa sebenarnya dalam kerajaan pun tidak ada persetujuan kepada apa yang sebenarnya dibentangkan. *This is the reason why I rise.*

So, kalau kita nak tarik balik *bill* tersebut untuk menunjukkan kepada orang awam bahawa tidak apa kita akan tarik balik kerana Kabinet tidak setuju tetapi di dalam Dewan pula kita kata tak apa, kita kembali kepada kes Subashini yang *comes back to the same position*. *I think that is a situation which is – with respect*, satu keadaan yang agak merunsingkan kerana di sini kita kata kita tarik balik kerana kita tak mahu teruskan tetapi kita berbalik kepada keputusan mahkamah *and it comes back to the same position where's the Cabinet doesn't agree.*

Jadi, dalam keadaan tersebut untuk penjelasan dan pemahaman saya, saya hendak tahu sama ada kerajaan akan mengambil langkah yang lebih supaya kita dapat menubuhkan jawatankuasa, *so that we can actually look into this and to see whether this problem can be solved*, Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Sebelum saya jawab ini, minta Yang Berhormat Kuala Selangor ya?

**Datuk Seri Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Tanjong Karang.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Yang Berhormat Tanjong Karang, minta maaf. Yang Berhormat Tanjong Karang dan selepas itu Yang Berhormat Ketereh.

**Datuk Seri Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih. Saya hendak cakap pasal isu yang sama. Pertama sekali, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan penjelasan yang cukup jelas mengenai keputusan mahkamah. Sudah jadi satu *precedent* Tuan Yang di-Pertua, dalam negara kita, apabila ada satu-satu keputusan mahkamah dibuat, selalunya kita akan pinda undang-undang atau perlembagaan yang berkaitan *because when the court make decision*, dia yang *interpret the law*.

*Sometime*, apa yang kita buat tidak sama dengan apa yang *court interpret*. Kita tengok banyak contoh, *for example* dulu macam tafsiran *prima facie* sebagai contoh. Bila benda itu jadi tidak tepat, terpulang kepada mahkamah untuk buat keputusan dan akhirnya

kita pinda undang-undang kita untuk memberikan tafsiran yang tepat mengenai *prima facie* sebagai contoh.

Hanya saya nak jelaskan kepada Yang Berhormat, kalau itulah hujah Yang Berhormat tadi bahawa mahkamah sudah buat keputusan mengenai tafsiran *parents* ini merupakan... dan sebagainya. Saya hendak tanya mengapa *bill* ini ditarik balik? Adakah *bill* ini ditarik balik kerana desakan oleh pihak-pihak tertentu? Kali ini kita lihat ada pihak-pihak tertentu macam Yang Berhormat Puchong dah desak yang kedua pula iaitu untuk artikel 12(4) di mana dalam artikel 12(4) ini, *wording* yang dipakai di bawah seksyen 107(b) sama dengan *wording* di bawah 12(4). Saya hendak tanya, ini baru diberi tafsiran mengenai *parent* tetapi kalau kita baca 12(4), dia bukan sahaja *conceive* "by his parent or guardian." *What is the meaning of the guardian?* Jadi, benda ini akan terus menjadi hujah.

Kalau tidak kita tangani dan kerajaan tidak betul-betul *firm* dengan keputusan ini, maka macam Yang Berhormat Puchong kata ada pihak-pihak tertentu yang akan mengambil kesempatan menimbulkan is-isu yang boleh menimbulkan sentimen di antara kaum. Soalan saya ialah adakah kerajaan akan bertindak tegas, berdiri tegas bahawa apa juga desakan yang dibuat, ianya tidak akan menjejaskan artikel 12(4) yang mana 12(4) ini jelas bahawa telah termaktub di dalam perlembagaan dan inilah yang kita gunakan selama ini. Adakah kerajaan akan menerima cadangan tubuh jawatankuasa nak kaji pula Perlembagaan Persekutuan 12(4) ini? Jadi itu sahaja yang saya nak minta penjelasan supaya kita jelas perkara yang dibangkitkan. Itu yang pertama iaitu mengapa *bill* ini ditarik balik? Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lanjut atas isu yang hampir sama dengan Yang Berhormat Tanjong Karang di mana pentafsiran kepada 12(4) itu telah menjadi cukup jelas dengan adanya kes *precedent* ataupun *precedent cases* yang telah diputuskan oleh mahkamah. Dalam versi bahasa Melayu, perlembagaan kita dengan jelas menyebut bagi seseorang yang berumur di bawah 18 tahun, agama hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa maknanya *singular* atau *guardian* iaitu penjaga. Penjaga juga mungkin hanya seorang, tidak semestinya suami isteri dan *provision* ini telah wujud dalam perlembagaan kita sekian lama dan telah pun dipakai dan telah pun dibuat pentafsirannya oleh mahkamah seperti mana Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi.

Jadi, bolehkah saya dan kita semua mendapat jaminan daripada kerajaan bukan sahaja perkara ini dan *spirit* perlembagaan ini dipertahankan dan apakah JAKIM dan Majlis Fatwa Kebangsaan telah memberikan pandangan bagi memastikan klausa ini adalah konsisten dengan hukum syarak. Ini adalah kerana, apa pun yang ada dalam perlembagaan bagi kita orang Islam, ia tidak sama sekali boleh mengatasi hukum syarak sekiranya ianya dicatatkan dengan jelas.

#### ■2230

Jadi bolehkah saya dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah 12(4) ini sudah pun konsisten dengan fatwa dan hukum syarak? Kalau jawapannya ya, apakah jaminan kerajaan bahawasanya perkara ini dipertahankan?

Kedua, soal percanggahan pendapat seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong. Saya fikir ini satu perkara yang biasa kerana saya dapati dalam Pakatan Rakyat juga sudah jelas cabar mencabar berlaku dan mereka juga tidak sependapat dalam hal ini.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tanjong Karang, kepada Yang Berhormat Ketereh, kepada Yang Berhormat Puchong yang telah pun membahaskan soalan-soalan tambahan, pandangan dalam persoalan untuk pertukaran agama khususnya bagi bawah 18 tahun yang belum mencapai melebihi umur tersebut yang ditentukan oleh *parent* yang ada dalam peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan, perkara 12(4).

Pertamanya saya ingin perjelaskan bahawa sejauh sekarang kita mempunyai pegangan dan juga keyakinan yang begitu kukuh dan mantap kepada perlembagaan negara dan kita berpegang kepada perlembagaan tersebut. Sebarang pertikaian yang berlaku ianya adalah merupakan perkara yang saya setuju dengan Yang Berhormat Ketereh sebutkan tadi ini bahawa ini pendapat-pendapat yang berbeza. Jadi, apabila pandangan dan pendapat yang berbeza, ada percanggahan dan dalam konteks negara kita Malaysia mahkamah adalah pemutus yang terbaik dalam menentukan pertikaian tersebut.



Berbalik kepada persoalan yang berkaitan dengan 12(4) ini sudah termaktub dalam perlembagaan dan kemudian memerlukan penghuraian kepada mahkamah. Yang Berhormat Tanjong Karang telah menanyakan bahawa kenapa ianya ditarik balik. Kita melihat sebenarnya RUU 2013 adalah hasil daripada kita mengemukakan [Akta 505] Pentadbiran Agama Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan yang telah pun terbina sejak tahun 1993. Di sana ada memerlukan kepada pindaan-pindaan yang oleh kerana pindaan-pindaannya agak besar maka ianya diwujudkan dalam erti kata pindaan Rang Undang-undang 2013.

Namun oleh kerana melihat kepada kebijaksanaan yang lebih baik, maka kita menarik balik. Bukan soal sekadar hanya mengambil kira tekanan tetapi bukan soal itu menjadi persoalan pokok. Akan tetapi mengambil kira keperluan-keperluan untuk semua pihak, kita mengambil, mendengar dan juga mengambil perkiraan kepada semua keadaan, maka kita tarik balik kerana supaya agar ianya dapat disusun dengan lebih baik di masa hadapan.

Di samping yang sama juga sebagaimana yang telah disebutkan oleh Ketereh adakah ianya mempunyai pandangan yang telah pun diputuskan oleh JAKIM dan juga *authority* agama, badan-badan agama dalam konteks Majlis Agama dan Jabatan Agama Islam dan juga termasuk Majlis Fatwa. Kita sebutkan kewujudan 12(4) ini adalah seiring dan juga selaras sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak-pihak berkuasa agama dan Jabatan Agama Islam.

Jadi, inilah pegangan yang kita pegang pada saat dan ketika ini. Namun, saya memahami bahawa ianya masih lagi memerlukan kepada suatu kesabaran yang tinggi daripada semua pihak melalui satu ketenangan yang baik untuk kita mencari penyelesaian supaya hal-hal yang berbangkit daripada perkara 12(4) ini diputuskan penerimaannya oleh pihak mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk terus meneruskan. Yang Berhormat Marang minta kerajaan melihat semula kuasa untuk mengambil tindakan ke atas ajaran Qadiani kepada usaha memperkasakan Islam. Kerajaan melalui muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke-8 yang bersidang pada 24 hingga 25 September 1984 telah membincangkan penyelewengan-penyelewengan Qadiani ataupun Ahmadiah.

Muzakarah telah memutuskan bahawa kumpulan ini terkeluar daripada Islam dan tidak boleh menerima apa-apa hak sebagai seorang Islam di bawah pewarisan dan juga termasuk perwalian dan selainnya. Oleh yang begitu, Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa dalam menangani isu tersebut memandangkan bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah terhad kepada orang Islam sahaja.

Yang Berhormat Marang juga menyarankan kesalahan rasuah dimasukkan dalam undang-undang syariah. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, jenayah berkaitan rasuah telah diperuntukkan dalam Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan merupakan bidang kuasa persekutuan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Butiran 4(f), senarai 1, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.

Justeru, sekiranya jenayah tersebut diletakkan di bawah undang-undang syariah akan berlaku konflik bidang kuasa antara persekutuan dan juga negeri. Di samping itu jenayah rasuah termasuk dalam kategori. Di dalam Islam hukuman takzir dan pihak kerajaan diberi kuasa dalam bidang takzir untuk menetapkan apa-apa hukuman yang sesuai dan setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

Hukuman atau penalti bagi kesalahan memberi atau menerima suapan apabila disabitkan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan yang menjadi hal perkara kesalahan itu jika suapan itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 24, [Akta 694] dalam hal ini jelas menunjukkan bahawa hukuman bagi jenayah rasuah adalah lebih tinggi berbanding dengan hukuman yang boleh dilaksanakan di bawah undang-undang syariah yang berkuat kuasa di negara ini sekarang. Tuan Yang di-Pertua,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri minta maaf dahulu. Sini Yang Berhormat Menteri.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau boleh saya cadangkan dan tidak ada bantahan dari Ahli Yang Berhormat. Kalau jawapan yang akan disebut oleh Menteri itu Ahli Yang Berhormat yang bertanya tidak ada dalam Dewan, boleh saya cadangkan untuk dijawab secara bertulis sahaja untuk menjimatkan masa.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum:** Boleh. Saya ingin mengucapkan terima kasih banyak kepada Tuan Yang di-Pertua kerana ingin memberi laluan kepada lima lagi rakan-rakan Menteri yang akan membentangkan jawapan mereka, penggulungan mereka.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua saya rasa inilah sahaja perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai hal ehwal Islam yang sempat saya jawab dan yang tidak sempat saya akan saya jawab secara bertulis. Perkara tersebut telah dicatat dan akan diambil tindakan sewajarnya oleh Jabatan Perdana Menteri khususnya agensi-agensinya yang berkaitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Pensiangan.

10.37 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di samping saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara mengenai perpaduan dan integrasi nasional iaitu Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Sepang, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kota Bharu dan juga Yang Berhormat Raub.

Maka saya minta izin terlebih dahulu untuk membaca petikan ucapan yang di Titah oleh Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Parlimen Pertama pada tahun 1959 dengan izin *His majesty said, "The Constitution of the Federation of Malaya our charter of right and Liberty is now finally and completely in operation and with the establishment Parliament and Malaya have to declare itself to the Principal of Parliament to democracy"*.

Perpaduan dan demokrasi berparlimen merupakan hubungan *reciprocal* yang saling bertaut antara satu sama lain. Sebagai rujukan kepada Titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada pembukaan Parlimen yang pertama dengan jelas mengatakan bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita dalam amalan sistem Demokrasi Berparlimen untuk menjunjung ketinggian dan keluhuran perlembagaan, mempertahankan dan memelihara keluhuran perlembagaan inilah yang amat diperlukan negara untuk mengembangkan nilai-nilai perpaduan di kalangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa usaha-usaha ini bukan suatu perkara yang mudah ataupun hanya terletak di bawah tanggungjawab kerajaan semata-mata. Selain daripada pemantapan perpaduan adalah suatu berterusan, ia juga perlu mendapat sokongan semua pihak tanpa mengira aliran pemikiran politik terutamanya komitmen bersepadu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

■2240

Kita boleh mempunyai amalan keagamaan, etnik, ritual dan kepercayaan serta fahaman politik yang berbeza-beza sekalipun tetapi ada nilai-nilai persamaan yang kita boleh junjung bersama supaya perpaduan tidak dikompromi atau perbezaan itu dijadikan suatu penghalang dalam kita mencorak tuntutan murni daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, *bearing that in mind*, saya ingin menjawab beberapa soalan yang telah dikemukakan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat Gelang Patah telah mencadangkan penubuhan suatu Suruhanjaya Siasatan Bebas untuk mengenal pasti mereka yang menyebabkan polarisasi kaum yang serius di Malaysia. Di dalam menyelesaikan isu ini, kerajaan sentiasa bersikap terbuka dan bersedia menimbangankan cadangan penubuhan apa jua badan dan apa jua nama yang diberikan kepada badan itu bagi menjurus isu-isu berkenaan. Setakat ini kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan supaya ditubuhkan Majlis Konsultansi Perpaduan Nasional yang bebas dan menjadi platform untuk membincangkan dan mencari jalan penyelesaian terbaik ke atas isu-isu konflik dan polarisasi kaum yang timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri duduk sekejap. Boleh saya minta persetujuan yang sama seperti yang saya minta kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri tadi. Iaitu kalau jawapan itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tidak ada dalam Dewan, boleh dijawab secara bertulis untuk menjimatkan masa? Kalau tidak ada bantahan daripada pihak sebelah atau mana-mana, biar secara bertulis sahaja Yang Berhormat, boleh? Untuk menjimatkan masa.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Ada yang bertanya di sini seperti mana saya katakan tadi, pertama Yang Berhormat Gelang Patah, dia tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia tidak ada.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Yang Berhormat Raub tidak ada. Yang Berhormat Sepang? Yang Berhormat Sepang pun tidak ada. Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada. Oh! Tidak payah jawab. Yang Berhormat Parit Buntar tidak ada. Yang Berhormat Tasek Gelugor dan Yang Berhormat Tenom.

**Tuan Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor ada. Yang Berhormat Tasek Gelugor ada tetapi setuju untuk jawapan bertulis. *[Ketawa]*

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Kalau begitu saya terus sahaja penggulungan saya. Pendek sahaja. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri ucapan saya, *[Tepuk]* saya hanya ingin membaca ungkapan penulisan seorang kolumnis dalam akhbar tempatan yang menulis, dengan izin, ini ada berkaitan dengan perpaduan dan integrasi nasional. *"It is hard, building a nation where everyone thinks they are a victim."* Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Selangau.

10.45 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh agensi-agensi di bawah portfolio saya, khususnya Mampu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Semasa perbahasan Titah Diraja minggu lepas, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri saya amat menghargai pandangan dan teguran Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti praktis-praktis saya yang lepas saya cuma menjawab pandangan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang masih hadir di sini.

Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat Kluang masih ada di sini, tidak ada? Yang Berhormat Bentong juga tidak ada. Jadi, saya akan sampaikan pandangan Kementerian ataupun agensi yang di bawah jagaan saya secara bertulis. Dengan itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat yang telah menyampaikan pandangan mereka. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Batang Sadong.

10.46 mlm.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam membangkitkan isu-isu di bawah Jabatan Perdana Menteri di bawah portfolio saya dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sesungguhnya kita amat menghargai pandangan, cadangan dan teguran yang telah dibangkitkan. Tadi saya dimaklumkan Yang Berhormat Kluang tidak ada di sini, orang Sarawak kata *limpas* sahaja dia punya jawapan.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Nanti kita bagi jawapan bertulis. Seterusnya Yang Berhormat Kuantan, Yang Berhormat Kuantan ada. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuantan telah membangkitkan beberapa isu mengenai penguatkuasaan SPAD di Kuantan. Pertama ialah dakwaan penggunaan senjata api oleh SPAD untuk menahan pemandu lori. Untuk makluman Yang Berhormat Kuantan, SPAD sehingga kini tidak pernah membekalkan senjata api kepada mana-mana pegawai penguat kuasanya. Sehubungan dengan itu, sekiranya Yang Berhormat mempunyai maklumat bahawa ada pegawai penguat kuasa SPAD yang menggunakan senjata api semasa bertugas diharap boleh tampil dan segera melaporkannya kepada SPAD agar siasatan dan tindakan lanjut yang sewajarnya dapat diambil.

Seterusnya, Yang Berhormat Kuantan juga mencadangkan agar pemilik lori yang membawa lebih muatan disaman dan dipertanggungjawabkan, bukannya pemandu lori. Untuk makluman, bagi kes melibatkan lori yang membawa lebih muatan, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 mempertanggungjawabkan kesalahan itu kepada kedua-dua pihak iaitu pemilik lori dan pemandu lori. Bagi pemilik lori, kesalahan membawa muatan melebihi berat dan muatan melanggar seksyen 57(1)(6), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM1,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Manakala, bagi pemandu lori pula mereka boleh disabitkan dengan dua kesalahan iaitu kesalahan enggan mematuhi arah timbang yang melanggar seksyen 82(1), Akta Pengangkutan Awam Darat. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua dan berikutnya boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya. Atau satu lagi kesalahan iaitu kesalahan enggan untuk memberi mana-mana pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau pegawai dilantik, apa-apa maklumat berhubung dengan sesuatu kesalahan atau kesalahan yang disyaki di bawah akta ini. Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM200,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, sistem pengangkutan...

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]:** Yang Berhormat Menteri, izin saya celah ya, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup maklum berkenaan dengan peronda lebuhraya ini memang tidak boleh bawa senjata api. Memang ada laporan polis berkenaan dengan pegawai penguat kuasa yang pertamanya tidak menggunakan kenderaan rasmi, keduanya menggunakan senjata api apabila kenderaan sudah berhenti. Ada laporan polis dan saya akan bawa terus kepada Yang Berhormat Menteri laporan tersebut. Saya memang minta satu tindakan diambil ke atas pegawai penguat kuasa ini.

■2250

Berkenaan yang kedua Yang Berhormat Menteri ialah berkenaan dengan SOP. Benar, akta mengatakan bahawa pemilik lori dan pemandu yang akan dikenakan tindakan tetapi Yang Berhormat Menteri, kita tidak ada SOP. Jadi kita tidak ada alat penimbang, contohnya di lombong. Jadi apabila pemilik lombong bijih menyuruh mengisi lebih muatan

dan apabila pemilik lori tidak setuju, apa yang berlaku ialah mereka pergi kepada pemilik lori lain.

Jadi *the system* itu dia tidak *provide*, SOP itu tidak ada dan kadang-kadang tengah jalan baru ada tempat timbang dan bijih besi yang berat, yang basah ini memang amat berat. Jadi walaupun kita taruk *level*, dia terlalu berat. Kalau muatan 25 tan boleh jadi 60 tan. Jadi di situ isunya ialah SOP dan yang tidak ada SOP dan sebab itulah pada cadangan saya supaya dikenakan tindakan ke atas penyewa lori. Maksudnya penyewa lori ini mungkin pemilik lombong dan sebagainya kerana merekalah yang memaksa atau menyebabkan susah bagi pemilik lori untuk menolak. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Ya, terima kasih. Saya hargai, terima kasih. Pertama, sebenarnya tidak ada dalam undang-undang mengatakan mereka tidak boleh ataupun boleh membawa senjata. Sebenarnya itu adalah *silent* dengan izin, *silent* dalam akta itu sendiri. Kedua, tadi Yang Berhormat menyentuh mengenai ada yang dikatakan menggunakan senjata dan menggunakan kereta tanpa bukan kereta rasmi. Jadi kalau betul-betul ada maklumat dan buktinya Yang Berhormat, sila kemukakan. Ketiga mengenai SOP kalau sekiranya betul-betul boleh membantu untuk melakukan penambahbaikan, mengapa tidak kita akan ambil kira perkara itu dan kita maklumkan supaya seharusnya ada SOP yang lengkap. Terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Selangor ada sini tidak? Kalau tidak ada kita main *pass* lagi, terima kasih. Yang Berhormat Tanjong ada? *Pass*. Okey seterusnya kepada Tuan Yang di-Pertua, kita ke isu seterusnya, lagi Yang Berhormat Kluang tidak ada dekat sini. Yang Berhormat Bukit Gantang, banyak yang *pass* boleh kita tidur awal malam ini. Yang Berhormat Kulai...

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Tuan Yang di-Pertua, *sorry*, hanya berkenaan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang berkenaan moratorium Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri *very quickly*, persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kluang berkaitan dengan isu...

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Hendak saya jawab?

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Ya kalau boleh, ringkas untuk pengetahuan Dewan. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Pasal moratorium.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Benar, terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Sekejap ya. Tuan Yang di-Pertua, kita berlaku adil, kita jawab mana yang boleh kita tolong, kita bantu. *Be patient, I look the page* satu lagi, terlalu banyak yang di *pass* tadi. Boleh jawab bertulis tetapi ini, *this is quite an important issue* juga bagi membantu kita sama-sama menyelesaikan masalah ini.

Okey, cadangan dari Yang Berhormat Kluang agar moratorium dilaksanakan semasa kerajaan membuat pengkajian semula hukuman gantung sampai mati. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan pada masa ini masih belum mempunyai cadangan untuk memansuhkan sepenuhnya hukuman mati sebagai suatu bentuk hukuman bagi kesalahan jenayah berat.

Sungguh pun begitu, Jabatan Peguam Negara telah memulakan penyelidikan mengenai pelaksanaan hukuman mati di negara ini dan penyelidikan tersebut masih dalam tindakan jabatan tersebut. Sehubungan itu, pelaksanaan moratorium atas alasan bahawa penyelidikan mengenai pelaksanaan hukuman mati sedang dijalankan adalah tidak wajar. Ini adalah kerana hukuman mati yang dijatuhkan oleh mahkamah adalah berasaskan penelitian keterangan yang rapi setelah pesalah melalui proses perundangan yang teratur termasuklah proses pengemukaan rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi.

Pelaksanaan moratorium dalam keadaan sebegini hanya akan mendatangkan impak negatif ke atas keberkesanan sistem keadilan jenayah negara. Oleh itu, tidak ada

moratorium akan dilaksanakan bagi menghalang pelaksanaan hukuman mati kepada banduan-banduan yang telah pun dijatuhi hukuman mati oleh mahkamah. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, setiap banduan hukuman mati masih berpeluang mengemukakan petisyen bagi tujuan pengampunan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja atau Yang di-Pertua Negeri agar hukuman mati yang telah dijatuhkan kepada mereka diampunkan atau dikurangkan kepada hukuman pemenjaraan sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan 114, Peraturan-peraturan Penjara Tahun 2000.

Justeru itu, walaupun masih terdapat hukuman mati yang diperuntukkan di bawah undang-undang, seseorang banduan hukuman mati masih lagi mempunyai peluang untuk hukuman tersebut diampunkan atau ditukar kepada hukuman pemenjaraan sahaja. Terima kasih.

Seterusnya, tadi Yang Berhormat Bukit Gantang tidak ada sini.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya soalan berkenaan dengan isu itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri, *very short question*. Yang Berhormat, tahun lalu saya rasa kalau tidak silap Tuan Yang di-Pertua, ada perubahan di Singapura berkaitan dengan bukan pemansuhan hukuman mati tetapi pemansuhan hukuman mati mandatori. Di Singapura memang ada jenis-jenis kesalahan yang telah pun sekarang tidak ada mandatori *death penalty*.

Saya dengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di mana dikatakan tidak ada moratorium. Akan tetapi saya juga faham bahawa Peguam Negara telah membuat kenyataan bahawa pejabat beliau dalam proses untuk mengkaji apa yang berlaku di *Singapore* dan juga kalau boleh ia diguna pakai di sini. Masalahnya Yang Berhormat Menteri, kalau saya boleh minta supaya Yang Berhormat Menteri ambil berat adalah walaupun tidak ada moratorium tetapi kita seharusnya mempercepatkan proses Tuan Yang di-Pertua, untuk membuat keputusan sama ada tidak kita pun hendak mansuhkan hukuman mandatori untuk kes-kes tertentu.

Ini kerana sementara kita tunggu untuk membuat keputusan itu, ada kes-kes yang berjalan di mana dalam kes-kes tersebut itu hukuman itu akan dijatuhkan dan *the longer we wait and of course more person will get caught in that situation*. Jadi saya minta di sini kalau boleh Yang Berhormat Menteri bantu kita dari segi membawa perkara ini ke perhatian Jabatan Peguam Negara bahawa kita seharusnya *maybe set the time and come up with decision* Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang itu adalah salah satu dari perkara-perkara yang telah kita bincangkan dan ramai pihak juga telah mendesak supaya perkara ini diambil perhatian dengan cepat. *Insyah-Allah* kita akan berusaha juga, kita berbincang kerana banyak perkara yang perlu diambil kira dalam perkara ini dari segi implikasi-implikasinya dan ia melibatkan prosedur-prosedur tertentu yang melibatkan pengampunan daripada pihak-pihak yang lain yang juga terlibat dalam mengambil keputusan dalam hal ini.

Akan tetapi namun begitu, terima kasih di atas cadangan dan juga keprihatinan Yang Berhormat. Saya tahu kita bersama dalam perkara ini dan kita akan melihat kepada perkara itu secara untuk membantu untuk mempercepatkannya, *insyah-Allah*. Terima kasih.

Seterusnya lagi Yang Berhormat Bukit Gantang tidak ada, Yang Berhormat Kulai pun tidak ada, Yang Berhormat Tanjong pun tidak ada, Yang Berhormat Gombak...

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** [*Angkat tangan*]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** *You?* Itu Yang Berhormat Kulai?

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Tanjong ada.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey ini mengenai kes Chee Gaik Yap. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kulai telah menyuarakan ketidakpuasan hati terhadap keputusan satu kes mahkamah berhubung kes kematian mendiang Chee Gaik Yap. Berhubung kes ini, Yang Berhormat Tanjong telah menyarankan agar Peguam Negara dapat mengkaji semula kes berkenaan dan seterusnya merayu terhadap keputusan kes tersebut.

Untuk Makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara telah mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut dan notis rayuan telah kita failkan pada 3 Julai. Oleh yang demikian, pertanyaan dikemukakan ini menyentuh tindakan undang-undang yang telah difailkan itu menjadi perkara *sub judice* dan tidak boleh dijawab berdasarkan Peraturan Mesyuarat 23(1)(g), Peraturan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

■2300

Seterusnya Yang Berhormat Subang. Tidak ada di sini lagi? Oh masih. Okey. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Subang ingin mengetahui status terkini siasatan kematian mendiang K. Murugan pembantu calon PKR bagi Parlimen Tapah dan bilakah orang yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan itu akan dihadapkan ke mahkamah. Untuk makluman Yang Berhormat, kes ini telah dirujuk kepada pejabat Timbalan Pendakwa Raya di negeri Perak dan beberapa arahan siasatan lanjut telah dikeluarkan oleh pejabat Timbalan Pendakwa Raya terbabit. Pihak polis masih lagi menjalankan siasatan lanjut kes tersebut. Jadi keputusan sama ada untuk mengemukakan pertuduhan terhadap mana-mana pihak yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan tersebut hanya akan diambil setelah siasatan lengkap dijalankan. Pihak Pendakwa Raya akan meneliti hasil siasatan tersebut dan keputusan untuk mengemukakan pertuduhan di mahkamah akan dibuat jika terdapat keterangan yang relevan dan mencukupi.

Seterusnya Yang Berhormat Ipoh Barat. Tidak ada di sini? *Limpas*. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong telah mencadangkan supaya jabatan – Yang Berhormat Lenggong tidak ada juga? Yang Berhormat Lenggong telah mencadangkan supaya Jabatan Peguam Negara memperkasakan undang-undang sedia ada atau menggubal undang-undang atau Akta Derhaka kepada Institusi Diraja seperti diamalkan di Thailand dan beberapa negara lain bagi menghukum mana-mana pihak yang menghina Raja di Malaysia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini mana-mana orang yang didapati melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja akan diambil tindakan di bawah Akta Hasutan 1948.

Kini Jabatan Peguam Negara sedang menjalankan penyelidikan berhubung dengan peruntukan yang wajar dimasukkan ke dalam Akta Keharmonian Nasional. Walau bagaimanapun, kerajaan telah memberikan jaminan bahawa peruntukan-peruntukan baru yang akan digubal dalam Akta Keharmonian Nasional ini tidak akan menjejaskan kuasa untuk menangani perbuatan dan perlakuan mana-mana orang yang mendatangkan kebencian dan penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia kepada Yang di-Pertuan Agong atau mana-mana Raja. Tujuan Akta Keharmonian Nasional bukan sahaja untuk memperkasa undang-undang tetapi juga untuk mencari mekanisme yang dapat menentukan keseimbangan terbaik antara keperluan menjamin kebebasan bersuara yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dengan tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka yang menggunakan isu-isu sensitif untuk memecahbelahkan perpaduan nasional termasuklah penghinaan terhadap Raja.

Yang Berhormat Lembah Pantai Tuan Yang di-Pertua, menyarankan agar akta-akta lapuk dan anti demokratik dimansuhkan bagi mencapai objektif *national reconciliation* dan sistem demokrasi yang lebih baik. Untuk makluman Dewan yang mulia ini persoalan sama ada sesuatu undang-undang lapuk atau tidak adalah persoalan subjektif. Sesuatu undang-undang tidak boleh dianggap lapuk semata-mata kerana ia undang-undang yang lama. Sesuatu undang-undang yang hendak dikatakan sebagai sesuatu undang-undang lapuk hendaklah dinilai berdasarkan keberkesanannya menangani hal perkara atau masalah yang menjadi asas bagi penggubalannya dan bukannya bergantung pada hakikat bahawa...

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Celahan sedikit Yang Berhormat.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** ...la undang-undang baru atau undang-undang lama.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rujuk sebenarnya bila bercakap tentang perkataan lapuk itu kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang menyatakan bahawa beliau berhasrat untuk memansuhkan Akta Hasutan sekitar Julai 2012 kerana akta tersebut lapuk.

Jadi saya pinta sebelum kontradiksi berlarutan khusus ada Menteri yang setuju dan ada Menteri yang tidak mahu dimansuhkan, Yang Berhormat bersedia tidak memberikan sesalinan Akta Keharmonian Nasional atau *National Harmony Act* dengan izin, yang diuar-uarkan akan menggantikan Akta Hasutan yang sehingga kini kami Ahli Parlimen belum lihat lagi. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya akan menjawab di bawah soalan yang menyentuh mengenai Akta Hasutan mengenai perkara yang sama. Oleh kerana Yang Berhormat telah bertanya, sebenarnya mengenai Akta Keharmonian Nasional itu sedang dalam penelitian pihak Jabatan Peguam Negara. Jadi kalau hendak diberi *copy* sekarang ini belum ada lagi. Mereka tengah membuat penyelidikan kerana ia akan memberi kesan yang begitu besar sekali ataupun implikasi yang begitu besar sekali kepada negara kita.

Maka dengan itu ia memerlukan kajian yang begitu teliti sekali dan lebih komprehensif. Akan tetapi sebenarnya soalan itu telah ditanya oleh Yang Berhormat juga dalam soalan mengenai Akta Hasutan tetapi saya secara *summary* dengan izin, telah memberi jawapan itu kepada Yang Berhormat.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa melakukan transformasi terhadap kerangka undang-undang sedia ada bagi membolehkan Malaysia mengamalkan sistem demokrasi yang lebih dinamik. Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit tentang *National Harmony Act*. Sedikit sahaja.

Saya ucapkan terima kasih di atas ruang yang diberi untuk bertanya sedikit. Tentang *National Harmony Act*, tadi saya setuju dengan pandangan memang akta ini adalah impak akta ini – saya petik daripada perkataan Yang Berhormat Menteri tadi adalah besar. Akan tetapi berdasarkan itu bukankah lebih baik salinan atau draf akta ini diberitahu dan konsultasi yang lebih terbuka, lebih meluas dibuat supaya mendapat pandangan semua pihak. Kita tahu akta ini penting dan itulah alasan yang lebih baik untuk dibuat rundingan yang meluas dan terbaik untuk negara kita. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham soalan Yang Berhormat itu. Akan tetapi pada masa ini Yang Berhormat, seperti yang saya nyatakan kalau Yang Berhormat hendak jawapan yang sebenarnya supaya kita memberi jawapan yang lebih telus, memang ia masih dalam penelitian sekarang ini. Belum ada drafnya tetapi saya jamin di sini saya akan meminta agar pihak Jabatan Peguam Negara untuk membawa bersama pihak-pihak yang mempunyai kepentingan – *all the stakeholders* dengan izin, untuk memberi input mereka dalam draf ini. Setakat ini ia belum menjadi satu draf yang lengkap lagi. Ia masih menjadi satu draf dalam bentuk proses dalam meneliti apakah *provision-provision* dengan izin, yang sesuai untuk dimasukkan dalam akta ini. Terima kasih.

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak bertanya soalan yang spesifik iaitu adakah kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang baru ini dan juga meneruskan dengan Akta Hasutan ataupun adakah kerajaan berhasrat selepas undang-undang baru ini digubal supaya Akta Hasutan itu ditarik balik atau dimansuhkan Yang Berhormat Menteri?

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Seperti mana yang telah kita nyatakan kerajaan telah *commit*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah *commit* untuk memansuhkan undang-undang tersebut. Jadi sebelum kita memansuhkannya maka kita perlu mempunyai satu undang-undang yang komprehensif untuk menggantikannya. Ini kerana ia amat penting untuk membolehkan kita mempunyai satu undang-undang yang boleh membantu kita sekiranya berlaku kesalahan-kesalahan yang hampir serupa ataupun sama dengan apa yang ada di dalam Akta Hasutan tersebut.



Sekiranya sudah ada undang-undang pengganti Akta Keharmonian Nasional itu dan sudah lengkap, sudah siap maka dengan itu barulah *insya-Allah* saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berada di sini juga boleh mendengar. Ini adalah komitmen kita kerana itulah komitmen bukan untuk menarik balik tetapi untuk memansuhkannya maka digantikan dengan undang-undang baru. Jadi terima kasih Yang Berhormat.

Ini juga mengenai Akta Hasutan. Saya rasa oleh kerana ini telah saya jawab maka tidak perlu lagi kita – *limpas* sahaja ya sebab kita sudah berbincang agak panjang lebar.

Seterusnya mengenai pendakwaan terpilih oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, Yang Berhormat Gelang Patah, Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Puchong. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi telah mengutarakan pertanyaan sama ada kerajaan mengamalkan pendakwaan terpilih yang cenderung mendakwa hanya kepada sesetengah pihak. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Jabatan Peguam Negara tidak mengamalkan pendakwaan terpilih terhadap mana-mana individu yang melakukan kesalahan. Sekiranya terdapat keterangan dan bukti yang kukuh bahawa mana-mana individu telah melakukan kesalahan, individu tersebut akan didakwa mengikut peruntukan undang-undang yang bersesuaian tanpa mengira status individu berkenaan.

#### ■2310

Agensi penguat kuasa seperti PDRM akan menjalankan siasatan dan mengumpul maklumat apabila terdapat laporan polis dibuat terhadap mana-mana pihak. Kertas siasatan yang telah lengkap akan dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** [Bangun]

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Jabatan Peguam Negara akan meneliti segala keterangan yang dikemukakan dalam siasatan tersebut. Keputusan sama ada pertuduhan dibuat atau sebaliknya akan dibuat selepas keterangan atau bukti yang dikemukakan diteliti dan dipertimbangkan sewajarnya. Saya percaya semua ini kebanyakannya adalah peguam yang terkenal dan mengetahui peraturan di bawah CPC. Jadi tahulah apa yang menjadi keperluan untuk *to form a charge*, dengan izin.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sedikit tentang isu dengan izin *selective persecution* ini. Saya ingin beri satu kes sahaja sebab Yang Berhormat Menteri kata memang Jabatan Peguam Negara akan buat keputusan berdasarkan kepada keterangan dan sebagainya. Kes ini yang saya akan sebut adalah kenyataan yang dibuat secara terbuka oleh Mantan Ahli Pasir Mas di mana dengan jelas. Buktinya adalah di ruang umum atau di ruang awam iaitu beliau membuat kenyataan dan menghasut pembakaran buku Bible – kitab. Terang-terang dia buat tetapi tidak ada apa-apa tindakan. So, macam mana kita boleh menjustifikasikan itu, sebab Yang Berhormat Menteri berdiri di sini menjawab bagi pihak Jabatan Peguam Negara. Ini satu kes.

Kalau perlu kita boleh sebut kes-kes lain juga. Ini yang bagi gambaran ada *selective persecution*, kes yang jelas dan yang nyata. Bukti adalah di ruang awam dan tidak diambil tindakan langsung. Kita boleh pergi kepada kes yang lain yang melibatkan calon Barisan Nasional di kawasan Shah Alam juga sebagai contoh lain. Jadi saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih. Mengenai kes...

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Yang Berhormat Menteri, boleh jawab sekali dari Bakri. Soalan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey, Yang Berhormat Bakri.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana beri peluang dan Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk] Terima kasih. Yang Berhormat Menteri,

di sini saya hendak tanya kebelakangan ini banyak kes yang diputuskan di dalam mahkamah di Malaysia ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Contohnya seperti kes terbaru kematian Chee Gaip Yap di Sungai Petani dan lain-lain lagi. Oleh itu adakah kerajaan ingin mempertimbangkan penglibatan rakyat sebagai hakim berdasarkan sistem juri ke mari di dalam sistem kehakiman Malaysia. Ini kerana rakyat yang terpilih sebagai sebahagian daripada juri-juri akan dapat menilai kes-kes jenayah itu daripada dekat dan dapat turut sama menilai kes-kes jenayah yang terjadi. Justeru, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan agar menilai semula sistem juri ini dengan keadaan semasa kes-kes yang berlaku ketika ini memandangkan sistem juri ini masih lagi juga diamalkan di sebahagian besar sistem kehakiman di dalam negara-negara Komanwel. Minta penjelasan.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Tadi Yang Berhormat Subang mengenai kes pembakaran buku kitab oleh Pasir Mas. Itu kita tidak pasti sama ada mempunyai *prosecution* ataupun tidak. Mungkin mereka tengah mencari maklumat yang lebih lanjut. Saya tidak berani komen di sini kerana itu adalah tugas pihak jabatan. Kita akan *check* dahulu untuk mengetahui sama ada mempunyai *prosecution* atau pun tidak. Mengenai juri tadi, Yang Berhormat Bakri...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Saya harap penjelasan bertulis boleh? Saya harap dapat satu penjelasan bertulis.

**Puan Hajah Nancy binti Shukri:** Okey, terima kasih. Seterusnya Yang Berhormat Bakri tadi mengenai juri. Kita mempunyai sistem kita sendiri. Itu pun juga satu sistem yang adil. Jadi tidak semestinya apa yang berlaku di dalam negara seperti negara di Komanwel itu menjadi baik. Kita juga mempunyai satu sistem keadilan yang begitu baik juga di mana banyak kes yang kita dengar juga mendapat keputusan mahkamah yang adil.

Selain daripada itu, saya teruskan di sini untuk mengakhiri mengenai keputusan untuk mendakwa seseorang dibuat dengan adil dan tidak memihak kepada sesiapa dan berlandaskan teras integriti bagi memastikan keadilan kepada semua pihak terutamanya mangsa, saksi, tertuduh dan juga orang awam. Oleh yang demikian, memandangkan pendakwaan terpilih ataupun *selective prosecution* tidak pernah diamalkan oleh Jabatan Peguam Negara terhadap mana-mana individu dan semua keputusan untuk mendakwa dibuat berasaskan keterangan yang kukuh bagi membuktikan suatu kesalahan. Maka tidak wujud asas untuk menyatakan bahawa kerajaan atau Peguam Negara mengamalkan pendakwaan terpilih dengan hanya mahu mengambil tindakan terhadap pembangkang berbanding kepada pihak lain.

Oleh itu, itu sahaja jawapan saya pada malam ini. Memandangkan ramai yang tidak hadir, jadi saya mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dengan melibatkan jabatan-jabatan ataupun agensi-agensinya di bawah port folio saya. Terima kasih.

#### 11.16 mIm

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Abdul Wahid Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menggulung isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh secara langsung bidang tugas saya iaitu di Unit Perancang Ekonomi dan juga Unit Kerjasama Awam dan Swasta. Izinkan saya membahagikan isu-isu tersebut kepada enam bahagian iaitu ekonomi, pembangunan wilayah, pengagihan, pembangunan modal insan, projek penswastaan dan juga isu tenaga.

Pertamanya, isu ekonomi. Soalan daripada Yang Berhormat Jasin dan juga Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Jasin ada? *[Disampuk]* Okey, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Jasin tentang - Yang Berhormat Jasin sudah balik? Ada?

**Beberapa Ahli:** Ada.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Ada, okey. Tentang ekonomi, Yang Berhormat Jasin minta penjelasan berkenaan dengan isuimbangan perdagangan yang merosot

kepada RM943 juta pada bulan April dan juga berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi yang pada tahap 4.1% berbanding dengan 5.1% suku tahun pertama. Juga tentang perubahan struktur ekonomi yang akan dilakukan bagi mengurangkan pergantungan kepada pasaran luar negara dan juga apakah anjakan paradigma bagi mencapai negara maju memandangkan kesuntukan masa.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada bulan April, kita telah mendapat lebih dagangan yang berkurangan kepada RM1 bilion berbanding dengan RM7.6 bilion pada tempoh yang sama tahun lepas. Walau bagaimanapun, ia telah meningkat semula kepada RM4.6 bilion untuk bulan Mei tahun 2013. Antara sebab prestasi perdagangan yang rendah ialah:

- (i) dari segi kejatuhan eksport barangan-barangan *electrical* dan elektronik dengan izin akibat permintaan global yang lemah daripada Amerika Syarikat, Eropah dan juga dari China di mana kita telah mendapati bahawa eksport kita menguncup sebanyak 4.9% kepada RM53.4 bilion untuk suku tahun pertama tahun ini;
- (ii) disebabkan oleh kejatuhan harga komoditi dua yang terutama iaitu minyak dan kelapa sawit yang jatuh sekitar 20% pada tahap purata RM2,292 setan untuk setengah tahun pertama dan getah yang jatuh sebanyak 14% kepada RM8.17 *average*, dengan izin untuk setengah tahun ini; dan
- (iii) dalam tempoh di mana eksport menurun, import telah mencatatkan peningkatan sebanyak 6.4% untuk suku tahun pertama ini. Ini disebabkan oleh peningkatan import barangan modal yang ketara sebanyak 12.9% terutamanya dalam import ataupun pembelian kapal terbang dan juga kapal laut.

#### ■2320

Akan tetapi kalau kita lihat *capital goods*, dengan izin, kita tidak berapa risau kerana untuk tempoh-tempoh yang akan datang, pembentukan modal tetap ini akan meningkatkan potensi keluaran kepada masa hadapan. Jadi *insya-Allah* walaupun pada suku tahun pertama ini GDP kita merosot kepada tahap 4.1% tetapi kita masih menasaskan unjuran peningkatan ekonomi ataupun GDP di antara 5% hingga 6%. Kalau diikutkan pandangan World Bank, mereka menasaskan 5.1%. Jadi untuk kita mencapai kadar minimum 5% kita memerlukan pertumbuhan ekonomi di suku tahun kedua, ketiga dan keempat meningkat pada kadar 5.3% untuk tiap-tiap suku tersebut.

Dari segi perubahan struktur ekonomi dan pengurangan pergantungan kepada pasaran luar negara seperti yang dibangkitkan. Suka saya nyatakan di sini bahawa sejak krisis kewangan tahun 1997/1998 kerajaan memang telah pun memberikan keutamaan pertumbuhan ekonomi yang dipacu oleh sumber dalam negeri bagi mengurangkan kebergantungan ekonomi ke atas sektor luaran. Jadi strategi ini Tuan Yang di-Pertua, telah pun berjaya di mana peratusan sektor eksport dan import kepada kadar keluaran dalam negeri kasar telah berkurangan daripada 212% pada tahun 2000 kepada 162% pada tahun 2012. Jadi kita juga telah mengurangkan kebergantungan kita kepada negara-negara yang tertentu. Jadi eksport kita adalah lebih *balance*, dengan izin.

Mengenai anjakan paradigma yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Ianya adalah berpandukan kepada Modal Ekonomi Baru kita dan juga Dasar Transformasi Negara terutamanya melalui program-program Transformasi Ekonomi yang telah diuar-uarkan. Jadi untuk itu kalau kita ingat dalam dasar ataupun Pelan Program Transformasi Negara yang baru, kita telah menasaskan pelaburan menjelang tahun 2020 sebanyak RM1.4 trilion di mana 92% dijangkakan akan dilaburkan oleh pihak swasta dan 8% dari pelaburan awam. Manakala di kalangan pihak swasta, 73% dari kalangan pelabur domestik dan 27% daripada kalangan pelabur-pelabur asing.

Yang Berhormat Kinabatangan mohon penjelasan mengenai model negara maju yang kita guna pakai untuk Malaysia dan negara maju mana yang dijadikan kayu ukur oleh kerajaan. Sebagaimana yang kita maklum, Wawasan 2020 telah mensasarkan Malaysia menjadi sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi, yang *inclusive* dan juga yang mampan menurut acuan kita sendiri. Ke arah ini, kita juga telah mengkaji struktur ekonomi di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Australia, Korea Selatan, Jepun, *United Kingdom*, *Germany* dan juga Norway. Jadi sebagai contohnya struktur ekonomi negara maju seperti di Australia, Jerman dan Amerika Syarikat, mereka mempunyai komposisi sumbangan sektor perkhidmatan yang melebihi 65% daripada keluaran dalam negara kasar dan sektor pembuatan sebanyak 25%. Manakala sektor pertanian hanya menyumbang kepada 5% ataupun kurang...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan sedikit?

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Silakan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Menteri, saya sebetulnya tertanya-tanya, kenapa saya kemukakan pertanyaan ke arah bagaimana wawasan negara maju yang kita bentuk nanti, sebab kita melihat, apakah negara maju ini cuma menyumbang ke arah masyarakat di bandar, dan adakah kerajaan telah memikirkan bagaimana pula peluang kepada mereka yang di luar bandar sama ada petani, penternak, nelayan. Adakah mereka juga akan kita martabatkan menuju negara maju ataupun mereka masih kais pagi, makan pagi sementara yang kaya bertambah kaya, yang miskin bertambah miskin, yang susah bertambah susah. Negara maju akan kita capai dalam masa enam atau tujuh tahun.

Jadi sudahkah kerajaan, kementerian Yang Berhormat memikirkan pendekatan dan mekanisme yang mana sebab kita tidak mahu kita menjadi negara maju tetapi ada kelompok masyarakat yang terpinggir tidak boleh maju-maju walaupun sampai 2020. Terima kasih.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya sebutkan tadi bahawa model yang kita hendak capai ialah Model Ekonomi Baru di mana bukan sahaja berpendapatan tinggi tetapi yang *inclusive* dan juga mampan ataupun *sustainable*, dengan izin. *Inclusive* ini dari segi memastikan bahawa tiada golongan atau mana-mana juga komuniti yang tertinggal, maknanya bukan sahaja dari segi etnik, kaum tetapi juga dari segi golongan di bandar dan juga di luar bandar. Ini merupakan satu sasaran kita malah kita juga *monitor*, dengan izin, pekali Gini untuk memastikan bahawa perbezaan pendapatan antara rakyat Malaysia dan juga antara luar bandar dan bandar dapat dikurangkan dalam konteks kita untuk mencapai Wawasan 2020.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi ini bermakna memang ada jaminan daripada kerajaan bahawa masyarakat di luar bandar tidak akan terpinggir dan ikut serta maju seperti masyarakat di bandar sebab kita perlu memberi keyakinan kepada masyarakat luar bandar yang selama ini telah menyokong kerajaan. Kita bimbang apabila mereka tinggal, mereka akan tinggalkan pula Kerajaan Barisan Nasional.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Itulah komitmen yang telah diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih. Izinkan saya meneruskan Tuan Yang di-Pertua. Isu yang kedua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, minta maaf dulu. Ahli Yang Berhormat, saya minta persetujuan kembali lagi, ini soal ekonomi sudah jauh malam. Saya nampak ramai Ahli Yang Berhormat sudah letih. Kalau ada persetujuan, biarlah jawapan-jawapan yang ada sedia sekarang ini dihantar, kalau boleh. [*Tepuk*] Setuju? Cara bertulis sahaja.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang belum dijawab itu pun oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini setuju untuk dijawab secara bertulis, hantar sahaja secara bertulis.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Walaupun Yang Berhormat ada di sini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini, nanti dulu Yang Berhormat. [*Dewan riuh*] Kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di sini pun, beri persetujuan untuk jawapan secara bertulis, berbahagialah kita semua.

**Beberapa Ahli:** Setuju.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan secara bertulis kepada semualah, jadi kita pun boleh balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh, terima kasih. [*Dewan riuh*]

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Okey, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin kalau boleh, ada satu soalan yang amat penting saya rasa yang perlu dibangkitkan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Ini telah dibangkitkan kononnya kegagalan Petronas dalam isu pengurusan aset dan sumber minyak dan gas di mana Malaysia mendapat tempat ke-34 dari 58 negara dalam pengurusan sumber minyak dalam laporan RGI. Saya rasa ini penting untuk dijawab untuk perbetulkan fakta, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, *Report on Governance Index (RGI)* dengan izin, tahun 2013 ini telah pun diterbitkan oleh sebuah *Research Watch Institute* yang berpangkalan di *New York*. *Research Watch Institute* ini bermula sebagai sebuah program *Open Society Institute* yang ada ditubuhkan oleh George Soros. Laporan ini berdasarkan soal selidik yang diisi oleh penyelidik daripada badan-badan di 58 buah negara. Soal selidik ini tidak diisi oleh Petronas.

#### ■2330

Skop analisa agak terhad dan tertumpu pada maklumat yang terdapat secara umum. Kredibiliti laporan ini boleh dipersoalkan memandangkan maklumat-maklumat yang dikumpulkan adalah dari sumber-sumber yang tidak mendapat pengiktirafan secara rasmi. Malah nama responden daripada Malaysia bagi soal selidik ini iaitu Tricia Yeoh juga mirip kepada nama seorang Pengarah Institut Kajian Rakyat yang merupakan *think-tank* kepada sebuah parti pembangkang. [*Dewan riuh*]

**Seorang Ahli:** Baru tahu!

**Datuk Seri Abdul Wahid Omar:** Sebaliknya laporan sebegini perlulah bersandarkan kepada sumber-sumber yang lebih *credible* dan lebih *reliable* dengan izin, seperti laporan yang disiarkan oleh *World Bank* baru-baru ini mengenai keupayaan Malaysia dan Petronas menguruskan kekayaan hasil semula jadi negara. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *Laporan Malaysia Economic Monitor* yang saya pegang ini agak masih suam lagi sebab baru tiga minggu dikeluarkan.

Kalau saya boleh memetik *executive summary*nya berkenaan *harnessing natural resources*. "*Malaysia has been a success story in harnessing natural resource wealth for economic development, blessed with oil, gas, tin and fertile land, Malaysia successfully converted resource wealth into shared prosperity. Natural resource revenues were reinvested more than one for one in buildings, machines and education. These diversified the assets in economy and provided the backdrop for the diversification of economic activities. In less than 40 years Malaysia moved from being a producer and exporter of primary commodities to a manufacturing power house in both high-tech and commodity related products.*" Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Ini merupakan laporan yang telah dikeluarkan oleh *World Bank* dan amat sah. Jadi, dalam konteks pengurusan sumber tenaga asli yang cekap, Petronas telah berjaya mengekalkan tahap *Overall Resource Replacement Ratio (ORRR)* dengan izin, yang sihat lebih dari satu kali untuk memanjangkan jangka hayat dan pembangunan yang berterusan sumber tenaga asli di Malaysia. Pada Januari 2013, *ORRR rate* ini iaitu tiga tahun purata ialah pada kadar 1.91 kali. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebagai warga negara Malaysia, kita seharusnya berbangga dengan pencapaian cemerlang syarikat dari Malaysia seperti Petronas yang berjaya menempatkan diri... [*Tepuk*] Pada kedudukan 68 dalam *Fortune Global 500* pada tahun 2012. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun selesai menggulung isu-isu yang telah dibangkitkan semasa perbahasan. Walau bagaimanapun, memandangkan saya orang baru, izinkan saya membuat dua rayuan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertama sekali dari segi perlakuan kita, walaupun terdapat perbezaan pendapat, saya minta kalau boleh dilaksanakan ia secara konstruktif. Dengan itu kita dapat menyelesaikan banyak masalah. Sebagai contoh, tiga hari lepas Yang Berhormat Shah Alam, beliau tidak ada di sini. Beliau telah membangkitkan satu isu dan pagi tadi telah pun mendapat e-mel dan perkara tersebut telah pun dapat diselesaikan dengan baiknyanya. Jadi, tidak ada masalah sama ada pembangkang mahupun kerajaan, kalau ada masalah kita boleh selesaikan bersama secara konstruktif.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua, walaupun terdapat perbezaan pendapat, janganlah sekali-kali mengaibkan negara kita sendiri. *[Tepuk]* Oleh sebab saya sebagai bekas CEO di syarikat multinasional Kumpulan Telekom Malaysia dan Kumpulan Maybank sebelum ini beroperasi di beberapa negara luar, apabila kita berjumpa dengan mana juga rakyat negara lain, mereka tidak sekali-kali memburukkan negara-negara mereka walaupun mereka pada pihak pembangkang. *[Tepuk]* Jadi, saya pohon, boleh terdapat perbezaan tetapi janganlah mengaibkan negara kita sendiri. Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih. *[Tepuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, terima kasih. Akhir sekali Yang Berhormat Muar. Sila.

#### 11.35 mlm.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengakhiri... *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, tak hendak cadang untuk bagi bertulis saya punya? *[Disampuk]*

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada bantahan kepada Ahli Yang Berhormat, serupa.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Okey, izinkan saya untuk mengakhiri penggulangan Jabatan Perdana Menteri untuk agensi-agensinya yang berkaitan, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (IPCMC), SUHAKAM, Biro Pengaduan Awam (BPA), Biro Tatanegara, FELDA dan PEMANDU.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu tentang isu pembelian yang berlaku di Pulau Pinang yang baru-baru ini Pengarah MACC di Pulau Pinang... *[Dewan riuh]* Ya lah, sabarlah. Sabar dulu.

**Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]:** Sudah jawab, sudah jawab dah. Yang Berhormat Bayan Baru duduk.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sudah jawab tadi.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Isu ini penting sebab...

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tidak apa, tidak apa...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Boleh tolong jawab? Boleh tolong jawab? Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Ya, saya jawab, saya jawab. Tidak apa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bayan Baru, kes Yang Berhormat telah pun dibuka kertas siasatan. Beberapa saksi telah pun dipanggil namun begitu pihak SPRM mendapati bahawa tidak ada asas untuk diteruskan. *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* Tidak apa, saya pun baca kenyataan Yang Berhormat, cukup keras menyalahkan SPRM seolah-olah menutup kes tersebut tanpa asas.

Sebenarnya Yang Berhormat, kalau pun Yang Berhormat tidak berpuas hati, sebenarnya di SPRM dia ada lima jawatankuasa. Setiap kes yang tidak dikemukakan untuk pendakwaan akan dikaji semula oleh satu jawatankuasa. Maknanya apa juga pertikaian itu boleh dibuka semula. Akan tetapi saya pasti jawatankuasa yang menilai penolakan satu-

satu pertuduhan itu akan berpuas hati kerana bila dipanggil, sebagai contoh ada saksi mengatakan bahawa pemberian baucar itu tidak pun ditanya sama ada dia mengundi Barisan Nasional ataupun lain-lain parti. Maknanya tidak timbul paksaan kepada pengundi tersebut.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini tidak betul sebab ribuan rakyat di Pulau Pinang, pengundi-pengundi Pulau Pinang dapat baucar dan mereka diberitahu... [*Dewan riuh*] Sekejap, sekejap, sekejap! *Relax* lah, *relax*.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Dengar, dengar dulu, kenapa takut fakta kah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Takut fakta, dengar.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, *the good reputation of MACC is at stake*. Menteri, ini adalah penting sebab ribuan rakyat terasa sendiri, nampak dengan sendiri bahawa penipuan pembelian undi berlaku. *I want to protect the good name of MACC*. Jadi, kita mahu MACC buat siasatan secara adil supaya rakyat di luar boleh nampak bahawa MACC betul-betul buat kerja dengan betul. [*Dewan riuh*] Inilah yang kita hendak... Kita bersedia untuk memberi saksi yang baru. Kalau perlu kita boleh bawa.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat, SPRM menerima setiap tahun lebih kurang 12,000 laporan sebegini. Hanya 5,000 lebih sahaja yang berkaitan rasuah. Dalam soal ini bila dibuka kertas siasatan ia mungkin pelanggaran lain tetapi tidak merupakan satu pelanggaran di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah. Itu yang dibuat oleh Pulau Pinang dan kertas itu telah pun diserahkan untuk tidak diambil tindakan. Namun begitu PPO, satu panel penilaian boleh buka semula dan melihat segala keterangan yang ada dikemukakan, yang bermesyuarat tiga bulan sekali.

Tidak timbul soal untuk menutup dan tidak boleh pun menutup kerana apa juga perkara yang tidak diteruskan akan dinilai oleh satu panel yang berada di bawah Akta SPRM. Jadi kepada saya, dakwaan mengatakan SPRM melakukan *cover-up* dan sebagainya, itu tidak timbul sebab memang dibuka kertas siasatan, bukan ditolak mentah-mentah seperti Yang Berhormat dakwa.

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *Just* penjelasan sedikit sahaja sebab penjelasan tadi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri.

#### ■ 2340

Penjelasan itu tadi penting sebab ayat yang disebut oleh Menteri ialah siasatan SPRM mendapati bahawa tidak ada kesalahan di bawah SPRM sendiri. Adakah maksud ini bahawa siasatan SPRM tidak meliputi apa-apa kesalahan rasuah di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya dengan izin *Election Offences Act*. Itu soalan saya, saya minta pengesahan itu. Maksudnya disiasat di bawah SPRM sahaja akta itu dan tidak siasat kesalahan rasuah di bawah EOA.

[*Dewan riuh*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Minta pengesahan dulu ya.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** *No*, saya tidak boleh kata SPRM hanya tengok...

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** Election SPR kata dia tidak ada kuasa, dia serahkan kepada SPRM. Kalau SPRM tidak siasat rasuah di bawah EOA *atau Election Offences Act*, siapa akan siasat? SPR tidak mahu siasat, SPRM pun tidak mahu siasat. Itu yang kita ya...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan R. Sivarasa [Subang]:** *So*, saya minta penjelasan. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat jangan, Yang Berhormat pun peguam. Jangan tukar ayat saya tadi. Saya kata tidak ada pelanggaran. Maknanya akta ini melihat

segala bentuk rasuah. Walaupun di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya atau mana-mana lain akta dalam negara kita. Cumanya perlakuan itu. Apa yang didakwa itu tidak merupakan satu kesalahan rasuah. Jadi, maknanya siasatan dibuka. Saya minta maaf. Saya sepatutnya tidak mendedahkan di bawah 29(4) apa juga hasil siasatan tapi saya hendak bagi tahu bahawa siasatan telah pun dibuka dan tidak ada didapati pelanggaran tersebut dan telah pun ditutup. Itu yang dibuat oleh Ketua Pengarah SPRM Pulau Pinang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Merujuk hanya kepada perkara itu dan dia tidak kata AG tolak dan sebagainya. Setakat had kuasa SPRM ia telah melakukan siasatan. Telah buka kertas siasatan dan telah pun mengatakan tidak ada pelanggaran tersebut.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri kalau tengok Akta Kesalahan Pilihan Raya.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Secara jelas seksyen 10(a) memang jelas bahawa sebelum atau semasa atau selepas pilihan raya yang akan *effect the voters sentiment*. Maksudnya ini berlaku kesalahan rasuah. Kenapa tidak ada kes?

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** *Clear cut case* dan ini *widespread*. Ini adalah sistematik.

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Saya hendak bantu...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Ini adalah sistematik, *widespread* di mana satu logistik yang cukup banyak, berjuta-juta ringgit terlibat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Tidak mungkin tidak dapat bukti, saksi yang betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat...

**Tuan Chuan Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *Sorry, sorry* Menteri. Saya hendak dapat pengesahan antara maksud Menteri ialah perkara ini berlaku, sah, tapi tidak melanggar undang-undang. Bolehkah saya dapatkan pengesahan? Maksud itu betul. Ini maksudnya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Pertama, memang berlaku sebab ada laporan dan ada siasatan, bermakna berlakulah. Saya tidak kata benda itu tidak berlaku. Cuma saya kata kertas siasatan dibuka dan bukan penolakan sebab *cover up*. Maknanya kalau nantinya PPO, panel penilaian merasakan ada kes kepada perkara tersebut, PPO bermesyuarat tiga bulan sekali. Jadi tidak ada masalah untuk perkara ini dibuka semula. Tetapi buat masa ini terhadap isu yang dibangkitkan oleh Bayan Baru dan rakan-rakan yang memberikan maklumat kepada SPRM, itu keputusan seperti yang diumumkan oleh Ketua Pengarah SPRM Pulau Pinang ya? Jadi saya Tuan Yang di-Pertua...

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Teruskan. Terus, terus.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ada, kalau setuju semua saya boleh bagi secara bertulis.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Menteri, celah sikit!

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Celah apa lagi?

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Eh rileks la, apa ini. Eleh.

*[Dewan riuh]*



**Dato' Razali bin Ibrahim:** Hendak celah apa? Mengenai perkara apa?

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Mengenai SPRM. Saya ucapkan terima kasih kepada Menteri menjawab bahawa semua kes akan dibuka tetapi malangnya banyak kes-kes ini lama untuk diteruskan siasatan.

*[Dewan riuh]*

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Seperti kes Semporna, seperti NFC. Mengapa sekarang tidak ada siasatan lagi, kenapa lambat? Sedangkan *certain* kes dengan izin diambil langkah dengan cepat, diambil tindakan dengan cepat. Semporna kes lama sudah dibuat laporan. Sampai sekarang tidak ada siasatan lagi. Menteri buat penjelasan.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, ini dakwaan rambang macam ini memang susahlah sebab saya hendak bagi tahu banyak perkara yang dibangkitkan seolah-olah *perception* itu tidaklah betul.

**Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** *[Bangun]*

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Sebagai contoh, Yang Berhormat Kuching, Yang Berhormat Pandan ada sini. Yang Berhormat Kuching tidak ada, membangkitkan. Kuching beritahu SPRM tidak buka kertas siasatan selama dua tahun untuk kes Ketua Menteri Sarawak, Pandan pun tanya. Saya hendak beritahu, kertas siasatan dibuka sejak tahun 2010 dan hampir selesai kes tersebut. Saya ada jawapan ini sebab hendak beritahu tetapi Kuching tidak ada tapi Pandan pun bangkit benda sama. Tetapi bila dia kata dalam Dewan selama tempoh dua tahun tidak buka kertas siasatan, tidak betul.

**Seorang Ahli:** Dia bohong!

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Kertas siasatan dibuka sejak tahun 2010 dan hendak beritahu ada enam kertas siasatan yang telah pun di peringkat akhir tapi pengeluaran *YouTube* yang dikeluarkan *Global Witness* telah menyebabkan SPRM, walaupun ada setengah pihak kata video tidak boleh pakai, tetapi kita buat, SPRM buat. Diambil balik dan dinilai semula. Tidak dikemukakan terus, tidak diteruskan. Hendak bagi tahu bahawa kita tidak pernah mengadakan sebarang *cover up*. Tapi saya tidak berniat untuk menjawab perkara-perkara yang tidak dibangkitkan sebelum ini. Tetapi saya cuma hendak beritahu, persepsi sebeginilah yang telah menyebabkan mungkin antaranya apa yang dikeluarkan ini, kita tidak buat kerja. Pada saya, perkara-perkara seperti ini perlu kita elakkan.

Akhirnya saya hendak beritahu sejak saya dipindahkan ke JPM jaga SPRM. Saya jumpa SPRM enam kali untuk dia yakinkan saya, sebelum saya yakinkan Yang Berhormat dan saya yakin dengan apa yang dia buat dan hendak beritahu perkara ini sedang kita laksanakan kerana kita serius untuk meletakkan agenda memerangi rasuah itu berada di tingkat paling tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Jabatan Perdana Menteri mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah terlibat dan dengan itu saya memohon izin untuk menamatkan penggulungan pihak kerajaan dan selamat meneruskan ibadah berpuasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Masalahnya Yang Berhormat, pagi ini saya ada menerima satu notis usul daripada Yang Berhormat Sungai Petani. Yang Berhormat Sungai Petani ingin meminda usul menjunjung kasih yang dibuat oleh Lenggong. Jadi sebelum saya buat keputusan, saya persilakan Yang Berhormat Sungai Petani untuk bentangkan mana usul akan dibawa itu, untuk menggubal itu.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan mesyuarat 30 yang berbunyi,

“pada masa suatu usul itu dalam timbang Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Mesyuarat, bolehlah cadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.” Tuan Yang di-Pertua, saya memohon dipertimbangkan masukkan pindaan yang akan saya baca kepada usul yang dibuat oleh Yang Berhormat Dato’ Shamsul Anuar bin Haji Nasarah. Pindaan yang saya kemukakan ini berbunyi, untuk dimasukkan dalam usul-usul tersebut:

- (a) pengguguran semua ahli iaitu pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan panel-panel pilihan raya SPR Malaysia seterusnya diikuti dengan proses pelantikan baru yang diyakini dapat menjalankan tujuan dan fungsinya dengan bebas dan adil serta mendapat kepercayaan selaras dengan peruntukan dalam perkara 114 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- (b) Pelbagai petisyen pilihan raya yang telah difaalkan oleh kedua-dua pihak boleh dijadikan asas untuk mempercayai bahawa berlaku kecurangan di dalam sistem pilihan raya. Justeru keputusan pilihan raya hanya boleh diperakui dan diterima apabila reformasi sistem pilihan raya dilakukan.

[Dewan riuh]

- (c) memastikan cadangan-cadangan khusus Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambakan Pilihan Raya dilaksanakan dengan segera iaitu:
  - (i) akses media dan bebas dan adil;
  - (ii) membersihkan daftar pemilih secara berterusan;
  - (iii) mengimbangi pecahan kerusi antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia;
  - (iv) kajian untuk menggantikan *first-past-the-post*; dan
  - (v) proses pembahagian kawasan yang seimbang untuk menepati sistem satu orang satu undi.

[Tepuk]

Saya memohon dipertimbangkan Tuan Yang di-Pertua.

■2350

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada. Secara ringkas, secara ringkas Ketua Pembangkang.

**Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya bangun untuk menyokong dengan menyebut ini. Usul Menjunjung Kasih pada kerangka awal kita memang sokong. Tidak ada masalah. Akan tetapi ada kenyataan memohon supaya kita menerima sepenuhnya keputusan pilihan raya. Ini ada masalah sebab Pakatan Rakyat mengemukakan banyak petisyen pilihan raya yang bukan sahaja mempertikaikan proses tetapi mempertikai SPR. Begitu juga beberapa petisyen oleh Barisan Nasional walaupun tidak dalam konteks yang sama, mempertikai SPR.

Oleh yang demikian, Pakatan Rakyat berpendapat dalam menyokong Usul Menjunjung Kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga menerima pada dasarnya keputusan pilihan raya tetapi tidak boleh diberi pengesahan kesemuanya berdasarkan bantahan kita yang keras terhadap SPR, pelaksanaan pilihan raya dan juga petisyen. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini pendapat saya mengenai usul yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Sungai Petani tadi. Saya harap apa yang saya sebut ini akan mendapat reaksi dengan berlapang dada. Ahli Yang Berhormat, walaupun Peraturan Mesyuarat 30 membenarkan untuk meminda usul-usul dalam timbangan dalam Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa Majlis termasuk pindaan kepada Usul Menjunjung Kasih oleh seorang Ahli Parlimen kepada Titah Diraja sewaktu persidangan Mesyuarat Dewan Rakyat, namun pindaan yang dicadangkan itu sebelum dibenarkan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk dibahas hendaklah juga memenuhi syarat-syarat tertentu atau kehendak Peraturan Mesyuarat.

Setelah meneliti usul pindaan Yang Berhormat, saya mendapati bahawa usul Yang Berhormat itu menyentuh tiga aspek peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa di dalam Dewan iaitu:-

- (i) Peraturan Mesyuarat 30(3);
- (ii) Peraturan Mesyuarat 36(8) dan Perlembagaan Persekutuan; dan
- (iii) secara spesifiknya perkara 114(2), Perlembagaan Persekutuan.

Peraturan Mesyuarat 33 menyatakan bahawa sesuatu usul pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh peraturan majlis ini. Ini bermakna sesuatu usul itu hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat ini sebelum usul itu boleh dikemukakan untuk dibahas di dalam Dewan ini. Peraturan Mesyuarat 36(8) pula menyatakan antara lain, kelakuan atau sifat Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh disebut kecuali dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu. Perkara 114 perlembagaan pula menyentuh isu Suruhanjaya Pilihan Raya yang mana fasal 2, perkara 114 menyatakan berkenaan pelantikan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya.

Setelah meneliti perkara yang hendak dipinda dalam usul Yang Berhormat Sungai Petani, saya berpendapat bahawa isu yang perlu diberi perhatian adalah berkaitan skop ataupun ruang lingkup usul pindaan. Juga sama ada usul yang dikemukakan Yang Berhormat Sungai Petani tersebut adalah dalam bentuk yang tepat iaitu *in its correct form*. Suatu usul pindaan itu hendaklah sentiasa dalam ruang lingkup usul yang sedang dibahas. Usul pindaan merupakan usul yang menumpang usul utama (*main motion*) dan oleh itu usul pindaan tidak boleh melebihi ruang lingkup usul utama.

Dalam buku *Parliamentary Practice in New Zealand, Third Edition, by David McGee*, dalam muka surat 216 menyatakan bahawa, saya baca dalam bahasa Inggeris kerana kalau saya alihkan dalam bahasa Malaysia mungkin kurang tepat. "*An amendment must be relevant to the question it is proposed to amend. Amendment can be used to change the details to the proposition before the House, but not the subject matter of the proposition itself. The concept of what is relevant by way of amendment to the terms of a motion is linked to what is relevant in debating the motion. The moving of an amendment cannot expand the area of relevancy in debate*".

Saya berpendapat bahawa perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani dalam usul pindaan beliau adalah mahu menambah luas ruang lingkup ataupun *exceeding the scope* Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan memasukkan ketetapan yang menyentuh Suruhanjaya Pilihan Raya. Ketetapan yang saya maksudkan adalah dengan pengguguran semua Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, petisyen pilihan raya yang difailkan yang dikatakan menjadikan asas mempercayai terjadi kecurangan di dalam sistem pilihan raya dan pelaksanaan cadangan-cadangan Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya.

Ahli Yang Berhormat, dalam Peraturan Mesyuarat 36(8) dengan jelas menyatakan bahawa perkara yang menyentuh Suruhanjaya Pilihan Raya tidak boleh disebut di dalam Dewan ini kecuali dengan dikeluarkan satu usul tersendiri. Perkara berkenaan dengan pelantikan Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya merupakan satu perkara yang sangat dijaga dan dikawal rapi dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu di dalam perkara 114. Dalam hal ini, pelantikan dan penamatan perkhidmatan Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah mematuhi perkara 114(3), Perlembagaan Persekutuan iaitu antara lain, ahli-ahli suruhanjaya tidak boleh dipecat kecuali dengan cara yang sama seperti seorang Hakim Mahkamah Persekutuan iaitu dengan penubuhan satu tribunal.

Oleh yang demikian, setelah saya meneliti usul pindaan yang dikemukakan itu saya berpendapat bahawa ia tidak mematuhi peruntukan Peraturan Mesyuarat 30(3) iaitu

usul pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh peraturan mesyuarat kecuali setelah dikeluarkan usul tersendiri. Dalam hal ini usul pindaan tersebut disifatkan *not in its correct form* iaitu:

- (i) hendaklah dalam bentuk notis tersendiri;
- (ii) *exceeding the scope* iaitu usul yang menumpang usul utama telah menyentuh hal berhubung dengan Peraturan Mesyuarat 36(8); dan
- (iii) melanggar peruntukan berkaitan Perkara 114, Perlembagaan Persekutuan berhubung kedudukan ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya.

Oleh yang demikian, usul Yang Berhormat itu ditolak kerana tidak mematuhi kehendak peraturan mesyuarat. *[Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong oleh Yang Berhormat Lenggong itu hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 15 Julai 2013. Terima kasih. *[Tepuk]*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 11.57 malam]***